

**KESERASIAN *FASILAH* AL-QUR'AN: KAJIAN
DARI ASPEK ILMU *MUNASABAT***

MOHD HISYAM ABDUL RAHIM

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**KESERASIAN *FASILAH* AL-QUR'AN: KAJIAN
DARI ASPEK ILMU *MUNASABAT***

MOHD HISYAM ABDUL RAHIM

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **MOHD HISYAM B. ABDUL RAHIM** (No. K.P/Pasport: [REDACTED])

No. Pendaftaran/Matrik: **1HA 100076**

Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**KESERASIAN FASILAH AL-QUR'AN: KAJIAN DARI ASPEK
ILMU MUNASABAT**

Bidang Penyelidikan: **AI-QUR'AN (AGAMA)**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejeasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon [REDACTED]

Tarikh **7 MAC 2016**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Sak [REDACTED]

Tarikh **8/3/2016**

PROFESSOR DATO' DR ZU'EIFLI HAJI MOHD YUSOFF

Jawatan: **ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITY OF MALAYA
50603 KUALA LUMPUR**

ABSTRAK

Istilah *fāṣilah* merujuk kepada kalimah akhir di penghujung setiap ayat al-Qur'an yang berperanan dalam menjaga kesempurnaan makna dan susun atur ayat. Lantaran kepelbagaian rima yang terdapat pada *fāṣilah*, maka terdapat pihak yang mendakwa bahawa rima-rima tersebut adalah tidak secocok, rancu dan pemilihan perkataan juga tidak serasi. Kerancuan *fāṣilah* yang ditohmahkan tersebut membawa kepada dakwaan ayat-ayat al-Qur'an itu terpisah-pisah, tiada pertautan dan tidak membentuk kesatuan padu sebagai sebuah surah dan juga kitab. Justeru, kajian yang dijalankan ini berusaha menafikan dakwaan tersebut dengan menampilkan kepelbagaian keserasian yang wujud dalam *fāṣilah* al-Qur'an. Kajian yang bersifat kualitatif ini, mengimplimentasikan analisis data secara induktif dan deduktif serta komparatif dalam mencapai objektif kajian yang ditentukan. Kajian ini berbeza dengan kajian-kajian sebelumnya dengan mengenalpasti empat jenis keserasian *fāṣilah*, iaitu: Pertama, keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat. Kedua, keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya. Ketiga dan keempat pula ialah, keserasian *fāṣilah* yang sama dan keserasian keseluruhan *fāṣilah* dalam sesebuah surah. Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa keempat-empat jenis keserasian *fāṣilah* tersebut dapat diklasifikasikan kepada dua bentuk utama menerusi *qarīnah* yang dikenalpasti. Bentuk-bentuk tersebut ialah, keserasian *fāṣilah* bersifat nyata dan keserasian *fāṣilah* bersifat maknawi. Justeru, segala keserasian berkaitan *fāṣilah* yang diketengahkan dalam kajian ini membuktikan bahawa, rima-rima yang terdapat dalam *fāṣilah* al-Qur'an adalah serasi antara satu dengan yang lainnya. Pada masa yang sama, keserasian yang diketengahkan ini merupakan pembuktian bahawa ayat-ayat al-Qur'an itu mempunyai susunan yang kukuh di segenap bahagian.

ABSTRACT

The term '*fāṣilah*' refers to the final word of each verse in the Qur'an that plays a role in maintaining the perfect semantic and syntax of the verse. As *fāṣilah* contains various rhymes, there are claims by those opposing Islam that the rhymes are not compatible, ambiguous and having problems with choice of words. These allegations have led to the accusations that verses in the Qur'an are incoherent and thus, the *surahs* (chapters) as well as the whole Qur'an lack cohesiveness. Therefore, by providing the different types of *fāṣilah* compatibility in the Qur'an, this research was conducted to counter all the allegations. In achieving its objectives, this qualitative research had employed inductive, deductive and comparative data analysis techniques. Compared to the previous studies, this research determined four sub-types of *fāṣilah* compatibility as: (1) compatibility of *fāṣilah* with the content of the verse, (2) compatibility of *fāṣilah* with the *fāṣilah* in the following verse, (3) compatibility between similar *fāṣilah* in the chapter, and (4) compatibility of all *fāṣilah* within the same chapter. Those all of the sub-types also can be classified into two sections based on the *qarīnah* (interconnectedness) identified. First, the surface syntactical *fāṣilah* compatibility and second, the semantic *fāṣilah* compatibility. All the findings have proven that the rhymes found in the Qur'anic *fāṣilah* are compatible with each other. Thus, it is just another proof that the verses in the Qur'an are structurally coherent in all aspects and consequently makes it a cohesive text.

PENGHARGAAN



Segala puji bagi Allah s.w.t Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w., seluruh ahli keluarga baginda, para sahabat, dan para pengikut-pengikut sahabat sekalian.

Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah s.w.t. kerana berkat dan limpahkurnia-Nya dapat penulis menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya kajian ini adalah sesuatu yang amat bernilai dan pada masa yang sama ia juga memberi erti yang mendalam buat diri dan kehidupan penulis.

Lantaran besarnya pengertian tersebut maka, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia penulis, Prof. Dato' Dr. Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff di atas tunjuk ajar, bantuan dan bimbingan tanpa jemu yang telah diberikan oleh beliau sehingga penulis berjaya menyiapkan kajian ini. Semoga Allah s.w.t. membalas segala jasa baik yang telah dicurahkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih didedikasikan buat bapa yang menjadi pendorong, ayahanda Abdul Rahim bin Shamsudin. Ibu tercinta, Allahyarhamah Saliyah binti Haji Chokro. Buat isteri, Noorasikin binti Jemain, anak-anak, Nur Aqilah dan Muhammad Akram. Semoga Allah s.w.t. sentiasa mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada kita semua.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih penulis kepada warga Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, staf-staf pejabat Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, staf-staf Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Fakulti Bahasa, Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan lain-lainnya. Setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada semua pihak yang membantu penulis secara langsung mahupun tidak langsung sehingga penulis dapat menyiapkan kajian ini. Hanya Allah s.w.t. sahaja yang dapat membalas kebaikan kalian.

Sekian.

Mohd Hisyam bin Abdul Rahim

No 26, Jalan Wira Jaya 3,

Taman Wira Jaya 86400 Parit Raja

Batu Pahat, Johor.

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
JADUAL KANDUNGAN	vii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
GLOSARI	xvii

BAB PENGENALAN	1
1. Pendahuluan	1
2. Latar Belakang Kajian	4
3. Permasalahan Kajian	5
4. Soalan Kajian	7
5. Objektif Kajian	8
6. Kepentingan Kajian	8
7. Skop Kajian	11
8. Kajian Literatur	12
9. Metodologi Kajian	21

BAB 1:	26
<i>FĀṢĪLAH</i> AL-QUR'AN	26
1.1 Pendahuluan	26
1.2 Ilmu <i>Fāṣilah</i>	26

1.2.1	Definisi <i>Fāṣilah</i> dari Sudut Bahasa	27
1.2.2	Definisi <i>Fāṣilah</i> dari Sudut Istilah	29
1.2.3	Perkembangan Terminologi <i>Fāṣilah</i>	36
1.2.4	Pembahagian <i>Fāṣilah</i>	43
1.3	Peranan <i>Fāṣilah</i> al-Qur'an	50
1.3.1	<i>Fāṣilah</i> sebagai Pembeza	53
1.3.2	<i>Fāṣilah</i> sebagai Penyatu	57
1.3.3	<i>Fāṣilah</i> sebagai Penjelas Hikmah	62
1.3.4	<i>Fāṣilah</i> sebagai Penegas	68
1.4	Keindahan dan Keunikan <i>Fāṣilah</i>	70
1.4.1	Keindahan <i>Fāṣilah</i> dari Aspek Bahasa	70
1.4.2	Keunikan Polemik Pengistilahan <i>Fāṣilah</i>	79
1.5	Kesimpulan	84
BAB 2:		86
PERBAHASAN <i>FĀṢILAH</i> AL-QUR'AN DALAM ILMU <i>MUNĀSABĀT</i>		86
2.1	Pendahuluan	86
2.2	Pengenalan Ilmu <i>Munāsabāt</i>	88
2.2.1	Definisi <i>Munāsabāt</i> dari Konteks Bahasa	88
2.2.2	Definisi <i>Munāsabāt</i> dari Konteks Istilah	88
2.2.3	Perkembangan Ilmu <i>Munāsabāt</i>	91
2.2.4	Jenis-jenis <i>Munāsabāt</i> dalam al-Qur'an	100
2.2.5	<i>Munāsabāt</i> Masakini	104

2.3	Jenis-jenis Keserasian <i>Fāṣilah</i> al-Qur'an	112
2.3.1	Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat	112
2.3.2	Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Ayat Selepasnya	117
2.3.3	Keserasian <i>Fāṣilah</i> yang Sama dalam Satu Surah	121
2.3.4	Keserasian Keseluruhan <i>Fāṣilah</i> dalam Satu Surah	126
2.4	Kesimpulan	131
BAB 3:		135
BENTUK-BENTUK KESERASIAN <i>FĀṢILAH</i> AL-QUR'AN BERDASARKAN <i>QARĪNAH</i>		135
3.1	Pendahuluan	135
3.2	Pengenalan <i>Qarīnah</i>	135
3.2.1	<i>Qarīnah</i> dari Konteks Bahasa	136
3.2.2	<i>Qarīnah</i> dari Konteks Istilah	136
3.2.3	Penggunaan <i>Qarīnah</i>	138
3.2.4	<i>Qarīnah</i> dalam Keserasian <i>Fāṣilah</i> al-Qur'an	142
3.3	Bentuk 1: Keserasian <i>Fāṣilah</i> al-Qur'an Bersifat Nyata	146
3.3.1	<i>al-Taṣdīr</i>	147
3.3.2	<i>al-Jinās</i>	150
3.3.3	<i>al-Takrār</i>	153
3.3.4	Kesepadanan Keseluruhan Bunyi	159

3.4	Bentuk 2: Keserasian <i>Fāṣilah</i> al-Qur'an Bersifat Maknawi	164
3.4.1	<i>al-Tamkīn</i>	165
3.4.2	<i>al-Tawshīh</i>	167
3.4.3	<i>al-Ighāl</i>	169
3.4.4	<i>Ṭibāq</i> dan <i>Muqābalah</i>	171
3.4.5	<i>Miḥwar</i>	176
3.5	Kesimpulan	182
	BAB 4:	184
	ANALISIS KESERASIAN <i>FĀṢILAH</i> DALAM SURAH-SURAH TERPILIH	184
4.1	Pendahuluan	184
4.2	Surah al-Wāqī'ah	185
4.2.1	Pengenalan Surah	185
4.2.2	Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat	188
4.2.3	Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Selepasnya	202
4.2.4	Keserasian <i>Fāṣilah</i> yang Sama dalam Satu Surah	205
4.2.5	Keserasian <i>Fāṣilah</i> Keseluruhannya dalam Satu Surah	214
4.3	Surah al-Faṭḥ	221
4.3.1	Pengenalan Surah	221
4.3.2	Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat	223
4.3.3	Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Selepasnya	235
4.3.4	Keserasian <i>Fāṣilah</i> yang Sama dalam Satu Surah	238
4.3.5	Keserasian <i>Fāṣilah</i> Keseluruhannya dalam Satu Surah	246

4.4	Kesimpulan	253
BAB 5:		261
PENUTUP		261
5.1	Kesimpulan	261
5.2	Saranan	265
Bibliografi		267

University of Malaya

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar Rajah		Halaman
Gambar Rajah 1	Set dan sub-set <i>fāṣilah</i> bagi menggambarkan peranan umum dan peranan khusus dalam al-Qur'an	52
Gambar Rajah 2	Hubungan antara bentuk keserasian <i>fāṣilah</i> dengan jenis-jenis keserasian <i>fāṣilah</i> berdasarkan <i>qarīnah</i>	142
Gambar Rajah 3	Hubungkait antara bentuk keserasian <i>fāṣilah</i> dan jenis-jenis keserasian <i>fāṣilah</i> dengan <i>qarīnah lafziyyah</i>	146
Gambar Rajah 4	Hubungkait antara bentuk keserasian <i>fāṣilah</i> dan jenis-jenis keserasian <i>fāṣilah</i> dengan <i>qarīnah ma'nawiyyah</i>	164

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
Jadual 1	Peranan <i>fāṣilah</i> dalam konteks hubungannya antara ayat-ayat al-Qur'an	51
Jadual 2	Bahagian-bahagian keserasian al-Qur'an dan jenis-jenisnya	101
Jadual 3	Keserasian nama surah, kelompok sub-topik dengan tema asas bagi surah al-Qiyāmah	129
Jadual 4	Keserasian <i>fāṣilah</i> dengan kandungan ayat dalam surah al-Wāqī'ah	189
Jadual 5	Keserasian <i>fāṣilah</i> dengan <i>fāṣilah</i> selepasnya dalam surah al-Wāqī'ah	202
Jadual 6	Keserasian <i>fāṣilah</i> yang sama dalam surah al-Wāqī'ah	205
Jadual 7	Keserasian <i>fāṣilah</i> keseluruhannya dalam surah al-Wāqī'ah	214
Jadual 8	Keserasian <i>fāṣilah</i> dengan kandungan ayat dalam surah al-Faṭḥ	223
Jadual 9	Keserasian <i>fāṣilah</i> dengan <i>fāṣilah</i> selepasnya dalam surah al-Faṭḥ	235
Jadual 10	Keserasian <i>fāṣilah</i> yang sama dalam surah al-Faṭḥ	238
Jadual 11	Keserasian <i>fāṣilah</i> keseluruhannya dalam surah al-Faṭḥ	246
Jadual 12	Rumusan analisis keserasian <i>fāṣilah</i> dalam surah al-Wāqī'ah dan surah al-Faṭḥ	253

PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

Arab	Roman
ا, ء	a, '
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r

Arab	Roman
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f

Arab	Roman
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w
ي	y
ة	h,t

Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَ	a	قَنَتَ	<i>qanata</i>
اِ	i	سَلِمَ	<i>salima</i>
اُ	u	جَعَلَ	<i>ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَی	ā	كُبْرَى، بَابُ	<i>bāb, kubrā</i>
يِ	ī	وَكِيلَ	<i>wakīl</i>
وِ	ū	سُورَةُ	<i>sūrah</i>

Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوّ	aw	قَوْل	<i>qawl</i>
اَيّ	ay	خَيْر	<i>khayr</i>
اُوّ	uww	قُوَّة	<i>quwwah</i>
اَيّ	iy, <i>ī</i>	عَرَبِيّ	<i>'arabiy/ī</i>

Sumber: Buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti

Malaya, edisi ketiga 2012.

SENARAI SINGKATAN

s.w.t.	-	Subhānahu wa Ta'āla
s.a.w.	-	Ṣallallāhu 'Alaihi Wassalam
c.	-	Cetakan
Dr.	-	Doktor
H.	-	Hijrah
M.	-	Masehi
<i>Ibid.</i>	-	<i>Ibidem</i> , rujukan sama dengan sebelumnya,
m.	-	Meninggal dunia
Prof.	-	Professor
t.t	-	Tanpa tarikh

GLOSARI

<i>Fāṣilah</i>	Kalimah akhir ayat al-Qur'an, seperti <i>qāfiyah</i> dalam syair dan <i>saj'</i> dalam prosa.
<i>al-Ighāl</i>	Penjelasan tambahan oleh <i>fāṣilah</i> sebagai perincian terhadap kandungan ayat. <i>al-Ighāl</i> membawa implikasi makna tambahan kepada ayat setelah maksudnya disempurnakan.
<i>Jāmi'</i>	Menyeluruh dan meliputi semua objek yang ditakrifkan.
<i>Jinās</i>	Pengungkapan dua lafaz perkataan yang serupa atau mirip namun saling berbeza dari konteks maknanya
<i>Li'an</i>	Sumpah suami yang disertakan dengan laknat dari Allah untuk menolak hukuman <i>qazaf</i> , iaitu menuduh zina ke atas isteri dengan tidak membawa cukup saksi atau bagi menafikan nasab anak.
<i>Māni'</i>	Mengeluarkan semua objek yang tidak berkaitan dengan takrif yang diberikan.
<i>Munāsabāt</i>	Suatu disiplin pengajian yang mencari perhubungan dan keserasian antara satu ayat al-Qur'an dengan ayat yang lain, antara satu topik al-Qur'an dengan topik yang lain dan antara satu surah dengan surah yang lain berdasarkan kepada ayat-ayat dan surah-surah dalam <i>Muṣḥaf 'Uthmaniyy</i> .

<i>Muqābalaḥ</i> ,	Mengemukakan dua makna yang sesuai atau lebih kemudian mengemukakan perbandingan dengan tersusun.
<i>Miḥwar</i>	Pokok pembahasan surah.
<i>Qarīnah</i>	Sesuatu yang mengiringi, beserta dan sentiasa bersama dengan <i>naṣ</i> serta memberi kesan terhadap makna.
<i>Tafsīr al-Mawdūʿī</i>	Suatu bentuk huraian terhadap tajuk-tajuk tertentu seperti yang dibentangkan oleh Al-Quran menerusi ayat-ayatnya samada di dalam satu surah atau di dalam berbagai surah.
<i>al-Tamkīn</i>	Bermaksud memperkukuh. <i>Fāṣilah</i> ayat, menguatkan lagi penyampaian yang telah dibentangkan sebelumnya dalam ayat berkenaan. Ia merupakan penjelas keserasian <i>fāṣilah</i> dengan kandungan ayat.
<i>al-Takrār</i>	Pengulangan, iaitu pengulangan melibatkan perkataan tertentu dalam sesebuah ayat al-Qur'an ataupun terhadap keseluruhannya.
<i>al-Taṣdīr</i>	Menjadikan sesuatu kalimah yang berasal dari akar kata yang sama itu berulang dan <i>fāṣilah</i> dibina menggunakan perkataan tersebut.
<i>al-Tawshih</i>	Makna yang terkandung dalam <i>fāṣilah</i> telah diisyaratkan terlebih dahulu oleh ayat.
<i>Ṭibāq</i>	Berhimpunnya dua perkataan dalam suatu ayat yang setiap kata tersebut saling berlawanan dari segi maknanya.

BAB PENGENALAN

1. Pendahuluan

Ilmu *Munāsabāt* mula dibahasakan sejak kurun ke-4 Hijrah¹ dan berkembang sehingga kini. Perkembangannya adalah usaha yang dibuat oleh para ulama' dengan tujuan untuk memberi penjelasan kepada ayat-ayat al-Qur'an mahupun surah-surahnya.

Menerusi ilmu *Munāsabāt*, rahsia dan hikmah sistem penyusunan ayat-ayat dan surah-surah al-Qur'an seperti yang terdapat dalam *Mushaf 'Uthmāniy* pada hari ini dapat dijelaskan. Selain itu, dengan kesepaduan yang ditonjolkan oleh ilmu *Munāsabāt* ini, tanggapan musuh Islam terhadap Kalam Allah yang kononnya terpotong-potong, berpindah dari satu ayat kepada yang lain dan dari satu topik kepada topik yang lain menyebabkan al-Qur'an itu sukar difahami dapat disanggah. Menerusinya juga, tergambarlah al-Qur'an itu sebuah kitab yang mempunyai rangkaian utuh dan padu.²

Perbahasan mengenai *Munāsabāt* dapat dibahagikan kepada dua fasa seperti berikut:

Fasa Pertama: Disifatkan sebagai fasa awal dan terdiri daripada tiga jenis perbahasan. Pertama, perbahasan *Munāsabāt* dari aspek hubungan antara ayat-ayat al-Qur'an, contohnya usaha yang telah dilakukan oleh al-Rāzi (m. 606H)³

¹ Muhammad Bahāḍār 'Abdullah al-Zarkashī, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'an* (Kaherah: Maktabah Dār Turāth, t.t.), 35.

² Zulkifli Mohd Yusoff, "*Munasabat: Satu Bahagian daripada Pengajian al-Qur'an*", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 1, (1993), 217.

³ Beliau adalah Abū'Abd Allah, Muhammad bin 'Umar bin al-Husain bin al-Hasan bin 'Ali al-Tamimi, al-Bakri al-Ṭabristānī al-Rāzi. Digelar dengan Fakhr al-Rāzi dan dikenali sebagai Ibn al-Khātib al-Syafiei, dilahirkan pada tahun 544 Hijrah dan wafat pada 606 Hijrah. Lihat Ibn Khallikan, *Wafayāt al-Ayan* (t.tp.: al-Emiriyah, 1299H), 2: 265-268.

dalam tafsir beliau, *Tafsīr al-Kabīr*.⁴ Kedua, perbahasan *Munāsabāt* dari konteks hubungan antara surah-surah al-Qur'an, contohnya Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-Suyūṭī (m. 911H)⁵ dalam kitab beliau yang berjudul *Tanāsuq al-Durar fī Tanāsub al-Suwar*. Ketiga, perbahasan *Munāsabāt* yang menggabungkan kedua-dua aspek sekali gus, iaitu antara ayat-ayat dan surah-surah al-Qur'an seperti usaha yang telah dilakukan oleh Ibrahim bin Umar al-Biqā'i (m. 885H)⁶ dalam tafsir beliau *Naẓm al-Durar fī Tanāsub al-Āyāt wa al-Suwar*.

Fasa kedua pula berlaku pada abad ke-20 dan ke-21 ini. Fasa ini menyaksikan perbahasan berkaitan ilmu *Munāsabāt* adalah lebih kompleks lagi. Penulis-penulis tafsir dalam fasa ini cenderung kepada menganalisa hubungan antara ayat-ayat dalam surah-surah al-Qur'an dari konteks yang lebih luas. Konteks yang lebih luas ini merujuk kepada maksud iaitu, menemukan ayat-ayat al-Qur'an itu terdiri daripada susunan topik-topik kecil yang menyokong sesuatu tema dan juga mengetengahkan paksi perbincangan bagi sesebuah surah.⁷

Sebahagian sarjana yang melakukan usaha sedemikian itu ialah Amin Ahsan Iṣlāhī (m. 1997M) dalam tafsirnya *Tadabbur-i-Qur'ān*.⁸ Beliau menggunakan istilah '*amūd*' sebagai kesinambungan daripada perbahasan

⁴Muḥammad bin 'Umar Fakhr al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, (Beirut: Dar Ehya' al-Turāth al-'Arabi, t.t.).

⁵Beliau adalah 'Abd al-Rahmān bin Abī Bakr bin Muḥammad al-Suyūṭī. Dilahirkan di Asyūṭ. Merupakan pakar dalam bidang tafsir dan ulum al-Qur'an, fiqh, hadith, bahasa Arab, sejarah dan kesusasteraan. Lihat 'Umar Rida Kahalah, *Mu'jam al-Muallifīn*, (Beirut: Dār al-Turath al-'Arabi, t.t.), 5:128.

⁶Beliau adalah Abū al-Ḥasan Burhān al-Dīn, Ibrāhīm bin 'Umar bin Ḥasan al-Rubāt bin 'Ali al-Biqā'i. Pakar sejarah, ahli sastera, tafsir dan juga hadith. Lihat 'Umar Rida Kahalah, *Mu'jam al-Muallifīn*, 1:71.

⁷Zulkifli Mohd Yusoff, "*Munasabat: Satu Bahagian daripada Pengajian al-Qur'an*", 217.

⁸Beliau adalah Amin Ahsan Iṣlāhī, seorang ulama' dari benua India. Beliau dilahirkan pada tahun 1904 di sebuah kampung kecil bernama Bamhur di Azamgarh, Uttar Pradesh, India dan wafat pada tahun 1997. Beliau terkenal dengan karya tafsirnya *Tadabbur-i-Qur'ān*, berasaskan kepada idea gurunya Hamid al-Din Farahi. Tafsir tersebut selesai ditulis pada 2 Ogos 1980, setelah 22 tahun. Lihat Shehzad Saleem, "A Brief Biographical Sketch of Iṣlāhī," laman sesawang *Renaissance*, dicapai 9 Mei 2012, <http://renaissance.com.pk/jafeliwo98.html>.

gurunya, Ḥamid al-Dīn ‘Abd Ḥamid al-Farāhī (m. 1930M)⁹ yang telah mengetengahkan prinsip *naẓm*. Prinsip *naẓm* ini menggambarkan bahawa ayat-ayat al-Qur’an adalah saling berhubungan yang mana setiap surah akan membentuk struktur kesinambungan bertunjangkan tema asas.

Di samping itu, Sayyid Quṭb (m. 1966)¹⁰ pula mengetengahkan istilah *miḥwar* (pokok perbahasan) dan *ḥadaf* (objektif) sebagai asas kesepaduan dan hubungkait ayat-ayat dalam surah-surah al-Qur’an sewaktu menulis tafsirnya *fi Zilāl al-Qur’ān* yang merupakan salah satu bentuk *al-Tafsīr al-Mawḍū’i*.

Terdapat tujuh bentuk keserasian yang telah dikemukakan oleh para ulama’ yang mendalami ilmu *Munāsabāt*. Kesemua keserasian tersebut menjelaskan keserasian antara bahagian-bahagian yang terdapat dalam al-Qur’an. Senarainya adalah seperti berikut:

- a. Keserasian kata demi kata dalam satu surah.
- b. Keserasian kandungan ayat dengan penutup ayat (*fāṣilah*).
- c. Keserasian hubungan ayat dengan ayat berikutnya.
- d. Keserasian huraian awal (*muqaddimah*) sesuatu surah dengan penutupnya.
- e. Keserasian penutup surah dengan huraian awal (*muqaddimah*) surah sesudahnya.

⁹Beliau ialah Ḥamid al-Dīn Farāhī, ulama’ dari benua India yang terkenal dengan konsep *Naẓm* yang menekankan konsep keserasian dalam al-Qur’an. Dilahirkan di Farahi yang dahulu dikenali sebagai Phariāhah, Azamgargh, Uttar Pradesh India pada tahun 1863 dan wafat pada 1930. Lihat Ḥamid al-Dīn Farāhī, *Exordium to Coherence in the Qur’an*, terj. Ṭarīq Maḥmūd Hāsyimi (Lahore: Al-Mawrid, 2008), 3.

¹⁰Nama sebenar beliau ialah Sayyid dan Quṭb itu adalah nama keluarganya. Ayah beliau bernama Ibrāhīm Quṭb manakala bondanya bernama Faṭimah Hussain ‘Uthmān. Beliau dilahirkan pada tahun 1906 di Kampung Musyah, Assyut, Mesir dan kembali kerahmatullah pada 29 Ogos 1966. Bagi mengetahui riwayat hidup beliau secara terperinci, dan pemikiran beliau, pembaca disyorkan untuk merujuk kepada bahan-bahan berikut: Lihat: Khalidi, Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāh, *Sayyid Quṭb: Min al-Milād ilā Istisḥād* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1994). Sohirin Mohammad Solihin, *Sayyid Quṭb Fi Zilāl al-Qur’ān: A Study of Selected Themes* (Gombak: IIUM Press 2012). Faḍl Hassan ‘Abbās, *al-Mufasssirūn, Madārisuhum wa Manāhijuhum* (Jordan: Dār al-Nafāis, 2007), 357.

- f. Keserasian antara surah-surah dalam penyusunan *Mushaf 'Uthmāniy*.¹¹
- g. Keserasian tema surah dengan nama surah.¹²

2. Latar Belakang Kajian

Allah s.w.t telah memerintahkan agar kita bertadabbur iaitu memperhatikan al-Qur'an. Firman Allah s.w.t berkaitan perkara tersebut antaranya seperti berikut:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾

Shād 38: 29

Terjemahan: (Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.¹³

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa al-Qur'an adalah kitab yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. Kitab tersebut mengandungi kebaikan agar manusia memperhatikan ayat-ayat-Nya dan mengambil pengajaran serta petunjuk daripadanya.

Jelas sekali al-Qur'an itu diturunkan bukan sekadar untuk dibaca sahaja tetapi harus juga difikirkan, diperhati, dipelajari, diteladani dan dihayati. Ulama' memahami maksud *-yatadabbarūna-* dengan dua pengertian. Pertama, *yatadabbarūna* dengan maksud berfikir tentang akhir ataupun kesudahan sesuatu.

¹¹al-Suyūṭī, *Tanāsuq al-Durar fi Tanāsub al-Suwar* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t.), 58.

¹²Muhammad Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an* (Jakarta: Lantera Hati, 2002), 2:527.

¹³Setiap terjemahan al-Qur'an yang terkandung dalam tesis ini adalah merujuk kepada Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2002), Cet. 13. Rujukan terjemahan dibuat berpandukan karya tersebut kerana ia diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebagai sebuah kitab tafsir yang sewajarnya dirujuk dan dalam masa yang sama, ia digunapakai secara meluas dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Kedua, *yatadabbarūna* dengan maksud berfikir terhadap setiap ayat al-Qur'an secara satu-persatu dalam segenap susunannya. Perintah *bertadabbur* ini mencakupi segala berkaitan al-Qur'an baik pada susunan bahasanya mahupun maksud kandungannya, petunjuk-petunjuknya mahupun mukjizatnya.¹⁴

*Fāṣilah*¹⁵ al-Qur'an dalam kajian ini akan dikupas keindahan dan hubungkaitnya menerusi perspektif ilmu *Munāsabāt*. *Fāṣilah* dipilih di atas asas kewujudannya dalam setiap ayat al-Qur'an yang mana kehadirannya adalah tidak sia-sia. Kajian ini merupakan suatu usaha penting dalam membantu seseorang itu mendalami makna-makna al-Qur'an. Usaha mengetengahkan keindahan seni al-Qur'an ini akan dapat membantu pembaca merasai ruh *balāghah* al-Qur'an sekaligus mencapai tujuan penurunan al-Qur'an sebagai kitab hidayah.¹⁶

3. Permasalahan Kajian

al-Qur'an dikritik dari pelbagai aspek terutamanya oleh orientalis barat yang memusuhi Islam dengan tujuan untuk menggambarkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam al-Qur'an. Richard Bell (m. 1952)¹⁷ salah seorang antara mereka yang amat lantang mengkritik al-Qur'an dalam pelbagai aspek. Kritikan

¹⁴ Muhammad Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbāh: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an* (Jakarta: Lantera Hati, 2002), 1: xxiii.

¹⁵ Pemilihan dan pemakaian istilah *fāṣilah* untuk kajian ini, iaitu kata tunggal bukannya kata jamak *fawāṣil* mempunyai sebab yang kuat. Ini bagi membezakan fokus perbincangan antara dua ilmu. Ilmu *Fāṣilah* merujuk kepada disiplin yang membahaskan perkataan akhir ayat al-Qur'an, manakala ilmu *Fawāṣil* adalah merujuk kepada ilmu yang membahaskan perihai ayat-ayat al-Qur'an dari konteks bilangan ayat dan mengenal pasti penutup setiap ayat dalam setiap surah bersandarkan riwayat-riwayat para *Qurrā'*. Ia turut juga dikenali dengan panggilan ilmu *al-'Adad*. Rujuk Thābit Aḥmad Abū al-Ḥāj dan Zulkifli bin Mohd Yusoff, *Mu'jam Muṣṭalhāt 'Ulūm al-Qur'ān al-Karīm wa al-Tafsīr* (Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya, 2014), 44.

¹⁶ Muhammad Rashid Ridā, *Tafsir al-Qur'an al-Hakīm* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 1:10.

¹⁷ Bell, Richard, *Introduction to The Qur'an* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1953). Richard Bell (m. 1952M). Beliau adalah seorang orientalis Inggeris berbangsa Yahudi. Beliau telah menerbitkan terjemahan al-Qur'an antara tahun 1937 hingga 1939. Pada 1970 karya beliau tersebut telah disemak dan diterbitkan semula oleh W. Montgomery Watt. Lihat juga Watt, Montgomery dan Bell, Richard, *Introduction to the Qur'an* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1970).

yang dilontarkan meliputi dakwaan wujudnya percanggahan antara ayat-ayat al-Qur'an, kemasukan perkataan-perkataan asing selain daripada bahasa Arab dan berlaku kesalahan-kesalahan fakta dari konteks ilmu Sejarah, ilmu Sains dan Tatabahasa.

Salah satu daripada tuduhan tersebut adalah berkait dengan ilmu *Fāṣilah*, iaitu melibatkan rima di pengakhiran ayat-ayat al-Qur'an. Kepelbagaian rima yang terdapat pada *fāṣilah* dalam surah-surah al-Qur'an digambarkan sebagai tidak secocok, rancu, tidak serasi, berselerak dan sebagainya. Rima-rima yang berbeza dan tidak serasi itu pula dijadikan asas untuk menimbulkan persepsi negatif berikut:

1. al-Qur'an disusun oleh Rasulullah s.a.w. sendiri bukannya dari Allah s.w.t.
2. Berlaku modifikasi dan pengeditan iaitu penokokan ataupun pengurangan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap al-Qur'an kerana terdapat pertambahan *-ziyādah-* ataupun pemadaman *-hazf-* pada huruf di penghujung ayat al-Qur'an.
3. Perbezaan rima menggambarkan ayat-ayat al-Qur'an itu sesuatu yang terpisah-pisah, tiada pertautan ataupun hubungkait dan akhirnya tidak membentuk satu kesatuan yang padu sebagai sebuah kitab.¹⁸

Justeru, kajian ini dikemukakan bertujuan bagi menyanggah dan menyelesaikan permasalahan yang ditohmahkan terhadap al-Qur'an berkaitan *fāṣilah* itu tadi. *Fāṣilah* al-Qur'an adalah amat unik dan merupakan unit paling kecil yang terdapat di penghujung setiap ayat al-Qur'an. Sekiranya keserasian antara unit-unit ini dapat dibuktikan, maka tertolaklah dakwaan terhadap

¹⁸ Muhammad Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbāh: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*, 1: xix.

kerancuan rima-rima dan kelemahan dalam penyusunan al-Qur'an. Perkara ini sekaligus membuktikan bahawa al-Qur'an adalah sebuah kitab yang utuh dan padu disetiap bahagian.

Kajian ini juga sangat istimewa dan berbeza berbanding kajian sebelum-sebelumnya kerana *fāṣilah* al-Qur'an akan dibahas bersama dalam kerangka ilmu *Munāsabāt* yang melangkaui bentuk hubungan lazim, iaitu keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat. Untuk itu, peranan *fāṣilah* akan dikupas dengan mendalam terlebih dahulu. *Qarīnah*, iaitu penghubung antara ilmu *Fāṣilah* dengan ilmu *Munāsabāt* akan dikenalpasti. Maka dengan usaha sedemikian ini, dua topik yang sering dianggap terasing, iaitu *fāṣilah* dan *munāsabāt* akan dijelaskan pertautannya. Analisa ke atas surah-surah pilihan turut juga diketengahkan. Natiujahnya, keserasian *fāṣilah* yang pelbagai jenis dan bentuk-bentuknya dapat dikenalpasti dan dibuktikan wujud.

4. Soalan Kajian

Berikut adalah persoalan-persoalan yang ingin dijawab bagi merungkakan permasalahan kajian yang lalu:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *fāṣilah* dan *munāsabāt* menurut pandangan ulama'-ulama' Pengajian al-Qur'an?
2. Apakah jenis-jenis keserasian *fāṣilah* baharu yang dapat dikenalpasti menerusi perspektif ilmu *Munāsabāt*?
3. Bagaimanakah bentuk-bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an diklasifikasikan berdasarkan *qarīnah* yang wujud?
4. Apakah bentuk dan jenis keserasian *fāṣilah* yang terdapat dalam al-Qur'an menerusi analisis yang dilakukan ke atas surah-surah pilihan?

5. Objektif Kajian

Kajian ini berobjektifkan perkara-perkara berikut:

1. Menerangkan ilmu *Fāṣilah* dan ilmu *Munāsabāt* menurut pandangan ulama'-ulama' Pengajian al-Qur'an.
2. Meneroka dan mengenalpasti jenis-jenis keserasian baharu melibatkan *fāṣilah* dalam konteks ilmu *Munāsabāt*.
3. Mengklasifikasi bentuk-bentuk keserasian *fāṣilah* yang ditemui dalam al-Qur'an berdasarkan *qarīnah* yang wujud.
4. Menganalisa bentuk-bentuk dan jenis-jenis keserasian *fāṣilah* al-Qur'an ke atas surah-surah pilihan.

6. Kepentingan Kajian

Sesuai dengan objektif kajian yang telah dibentangkan, maka kepentingan kajian ini dapat dibahagikan kepada dua aspek utama iaitu aspek Akademik dan Sosial seperti berikut:

1. Aspek Akademik
 - a. Kajian yang dijalankan ini memberi nilai tambah dalam memantapkan penjelasan berkaitan ilmu *Fāṣilah* dengan usaha-usaha berikut:
 - i. Mencadangkan takrif baharu bagi *fāṣilah* yang lebih komprehensif dan jelas, hasil daripada analisis yang dilakukan terhadap takrif-takrif yang dikemukakan oleh para pengkaji sebelum ini.

- ii. Membentang dan memilih pendapat yang paling kuat berkaitan kelahiran dan perkembangan terminologi *fāṣilah* agar mudah difahami oleh pengkaji selepas ini.
- iii. Mengenalpasti dan menyusun pembahagian baharu *fāṣilah* berasaskan peranan dalam konteks ayat agar lebih mudah untuk difahami.
- iv. Mengenalpasti *qarīnah* yang terdapat dalam ayat ataupun antara ayat untuk menentukan bentuk-bentuk keserasian yang wujud dalam *fāṣilah* al-Qur'an.

b. Memantapkan penjelasan berkaitan ilmu *Munāsabāt* dengan:

- i. Memilih takrif *munāsabāt* yang paling komprehensif untuk diketengahkan hasil daripada analisis takrif yang dikemukakan oleh para pengkaji sebelum ini.
- ii. Memperjelas hakikat sebenar penentangan sebahagian ulama' terhadap ilmu *Munāsabāt* bagi manfaat pengkaji selepas ini.
- iii. Mencari dan mengenalpasti detik permulaan perbahasan *fāṣilah* bersama ilmu *Munāsabāt* dari konteks sejarah.
- iv. Mencadangkan perkembangan *munāsabāt* untuk masa hadapan berasaskan prinsip '*Tawqifi*' dalam susun atur ayat dan juga surah al-Qur'an.

- c. Mengembangkan perbahasan *fāṣilah* dalam kerangka ilmu *Munāsabāt*. Sebelum ini, hanya satu bentuk keserasian *fāṣilah* sahaja yang dibahaskan dalam *Munāsabāt* iaitu, keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat. Namun begitu, perbahasan antara *fāṣilah* dan *munāsabāt* dalam kajian ini menguak lebih luas lagi skopnya dengan merangkumi tiga perbahasan baharu iaitu, keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya, keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah dan keserasian keseluruhan *fāṣilah* dalam satu surah.

2. Aspek Sosial

Kajian ini bermanfaat untuk dua golongan berikut ini:

- a. Kepada orang Islam

Memantapkan keimanan orang-orang Islam dan keyakinan mereka terhadap al-Qur'an. Kajian ini penting dalam mengupas hikmah penyusunan ayat-ayat dan surah-surah al-Qur'ān seperti yang terdapat dalam *Mushaf 'Uthmāniy* pada hari ini. Selain itu, ia juga dapat menggambarkan al-Qur'an itu sebuah kitab yang mempunyai rangkaian utuh dan padu pada setiap bahagian-bahagiannya.

- b. Kepada bukan Islam

Merupakan pembuka jalan hidayah kepada Islam. Kajian ini memaparkan keistimewaan dan kelebihan yang terdapat dalam al-Qur'an dari konteks rima dan keserasian ayat-ayat dan juga surah. Semoga dengan usaha ini sekiranya dibaca dan diteliti oleh mereka dapat mencenderungkan jiwa untuk menerima Islam.

7. Skop Kajian

Penulis memfokuskan kajian ini kepada keserasian dan pertautan antara *fāṣilah* dalam ayat-ayat al-Qur'an menerusi perspektif ilmu *Munāsabāt*. Bagi merealisasikan tujuan utama tersebut, perkara-perkara asas berikut diberikan perhatian iaitu *fāṣilah*, *munāsabāt* dan juga *qarīnah*.

Pertama adalah *fāṣilah*. Perbahasan akan mengupas dari aspek pentakrifan, sejarah perkembangan terminologi, bentuk-bentuk yang terdapat dalam al-Qur'an berserta peranan yang dilaksanakannya. Di samping itu, beberapa isu terpilih yang signifikan turut juga dijelaskan seiring dengan perkembangan semasa untuk mengkaitkannya dengan *munāsabāt*. Manakala perkara kedua pula ialah *munāsabāt*. Aspek yang disentuh meliputi pendefinisian ilmu *Munāsabāt* dan bentuk-bentuknya. Kaedah mengenalpasti *munāsabāt* dalam sesebuah surah dan peluang perkembangan semasa. Ketiga pula ialah tumpuan kepada mengenalpasti dan mengklasifikasi bentuk-bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an dengan bersandarkan kepada *qarīnah*. Penjelasan ketiga-tiga perkara tersebut yang mempunyai hubungkait antara satu sama lain berserta analisis ke atas surah-surah pilihan akan dapat menggambarkan kajian ini sebagai sebuah kajian yang lengkap dan bersistematik.

Penting untuk dinyatakan di sini bahawa ayat-ayat al-Qur'an yang memerlukan kepada penjelasan maksud ayat disebabkan maksud tersebut menyumbang dalam perbahasan, maka penulis akan mengemukakannya. Namun sekiranya ayat-ayat al-Qur'an itu hanya untuk menunjukkan kepada paten yang terdapat di penghujung ayat semata-mata, maka maksud bagi ayat tersebut tidak akan diketengahkan bagi memberi fokus kepada subjek kajian.

8. Kajian Literatur

Berdasarkan pemerhatian penulis, beberapa elemen penting telah dikenalpasti ketika meneliti kajian-kajian dan penulisan lampau berkaitan penyelidikan yang dilakukan ini. Elemen-elemen penting tersebut ialah:

1. *Fāṣilah* al-Qur'an
2. *Munāsabāt* al-Qur'an
3. Kombinasi kajian melibatkan *Fāṣilah* dan *Munāsabāt*

***Fāṣilah* al-Qur'an**

Berikut disenaraikan bahan-bahan kajian yang terdiri daripada tesis, artikel jurnal dan buku-buku ilmiah dalam membahaskan *Fāṣilah* al-Qur'an.

- a. Mohd Hisyam bin Abdul Rahim (2008), *al-I'jāz al-Balāghī fī al-Fāṣilah al-Qur'āniyyah (al-Fāṣilah al-Lafziyyah wa al-Ma'nawiyah), Sūrah al-Qiyāmah Namūdhajan*.¹⁹

Kajian ini merupakan tesis sarjana penulis yang mengupas keindahan bahasa pada *fāṣilah* al-Qur'an dari aspek *I'jāz al-Balāghī*. Menerusi kajian ini, maksud *i'jāz* dan jenis-jenisnya yang terdapat dalam al-Qur'an dijelaskan. Selanjutnya, kajian ini memberikan fokus dan penekanan ke atas *I'jāz al-Balāghī* yang terkandung dalam *fāṣilah* dengan mengupas keindahan bahasa yang berkaitan dengannya. Kupasan tersebut meliputi rahsia pemilihan perkataan, penambahan (*ziyādah*) dan pengurangan huruf (*ḥazf*)

¹⁹ Mohd Hisyam bin Abdul Rahim, "*al-I'jāz al-Balāghī fī al-Fāṣilah al-Qur'āniyyah (al-Fāṣilah al-Lafziyyah wa al-Maknawiyah), Sūrah al-Qiyāmah Namūzhajan*." (tesis sarjana, Universiti Sains Islam Malaysia, 2008).

yang berlaku pada *fāsilah*, susun atur kalimah melibatkan *fāsilah*, iaitu *al-Taqdīm wa al-Ta'khīr* dalam ayat dan sebagainya melibatkan pelbagai aspek kebahasaan. Perbezaan kajian lepas dengan kajian yang dijalankan oleh penulis kini adalah, kajian ini melibatkan kupasan *fāsilah* dalam konteks ilmu *Munāsabāt* dengan mengenalpasti jenis-jenis dan bentuk-bentuk keserasian baharu melibatkan *fāsilah*. Kajian ini istimewa kerana, keserasian *fāsilah* dengan *fāsilah* ayat selepasnya, keserasian *fāsilah* yang sama dalam satu surah dan keserasian *fāsilah* secara keseluruhan dalam sesebuah surah dikenalpasti dan dikupas hubungkaitnya bagi membuktikan kesepaduan surah-surah dalam al-Qur'an.

b. Dr. Salma Ahmad (2005), "*al-Qur'an al-Karīm: Saj' am Fāsilah*".²⁰

Kajian ini merupakan artikel beliau yang diterbitkan dalam *Jurnal Mu'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah* terbitan Fakulti Pengajian al-Qur'an dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau telah menjelaskan pengertian *saj'* dan *fāsilah* beserta contoh-contoh dalam penulisannya. Beliau turut menyenaraikan hujah-hujah bagi pihak yang menyokong penggunaan istilah *saj'* dan pihak yang menentang penggunaannya untuk al-Qur'an sebelum membuat kesimpulan. Menurut beliau, pendapat yang kuat adalah menggunakan istilah *fāsilah* bagi al-Qur'an berdasarkan keistimewaan-keistimewaan tertentu ayat-ayat al-Qur'an berbanding perkataan manusia. Selain itu, beliau turut

²⁰ Salma Ahmad, "al-Qur'an al-Karīm : Saj' am Fāsilah", *Jurnal Mu'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Bil. 1. (2005), 8-20.

menerangkan fungsi-fungsi *saj'* dan *fāṣilah* daripada aspek lafaz dan makna beserta pembahagian jenis-jenisnya. Kajian ini berbeza daripada kajian penulis sekalipun perkataan yang sama digunakan iaitu *fāṣilah*. Kajian ini hanya menekankan kepada perbincangan penggunaan istilah *saj'* ataupun *fāṣilah* untuk pengakhiran ayat al-Qur'an. Sedangkan penulis membincangkan perkara-perkara lebih luas lagi mengenai *fāṣilah*, iaitu mengaitkannya dengan ilmu *Munāsabāt*.

c. **Dr. 'Abd al-Fattāḥ Lāshīn (1982), *min Asrār al-Ta'bīr fi al-Qur'ān: al-Fāṣilah al-Qur'āniyyah*.**²¹

Karya ini merupakan buku yang dikarang oleh penulis dari Arab Saudi. Kandungan buku ini adalah mengupas tentang keindahan *fāṣilah* al-Qur'an. Dalam karya tersebut pengarang mengemukakan takrif berkaitan *fāṣilah*, jenis-jenis dan peranannya. Beliau telah mendatangkan banyak contoh sewaktu menjelaskan topik-topik yang ingin disampaikan. Karya yang sederhana tebal ini, iaitu sebanyak 163 muka surat turut menyentuh polemik pengistilahan dalam menamakan perkataan terakhir bagi ayat al-Qur'an itu *fāṣilah* ataupun *saj'*. Perbezaan antara pengarang karya ini dengan kajian yang ditulis ialah kajian ini akan melihat *fāṣilah* dari perspektif ilmu *Munāsabāt* sebagai tumpuan kajian.

²¹Abd al-Fattāḥ Lāshīn, *min Asrār al-Ta'bīr fi al-Qur'ān: al-Fāṣilah al-Qur'āniyyah* (Riyāḍ: Dār al-Marīḥ li Nashr, 1982).

d. Dr. Kamāl al-Dīn 'Abd al-Ghanī al-Mursī (1999), *Fawāṣil al-Āyāt al-Qur'aniyyah*.²²

Karya yang datang dari Mesir ini mempunyai empat bab dan terdiri daripada 242 muka surat. Ia menyentuh beberapa isu seperti berikut. Pertama, membahaskan polemik pengistilahan penghujung ayat al-Qur'an sama ada dinamakan *al-Qawāfī*, *al-Fawāṣil* ataupun *al-Asjā'*. Kedua, mengupas keindahan dan keistimewaan *fāṣilah* al-Qur'an dari aspek ilmu *Balāghah* termasuklah gaya bahasa, rima-rima harmoni yang terbina meneruskannya, tatabahasa, morfologi dan ketepatan pemilihan kata. Ketiga ialah menolak teori *āl-Ṣarfah* yang mendakwa bahawa al-Qur'an ini istimewa dari konteks bahasanya kerana Allah s.w.t. telah memalingkan keupayaan dan kemampuan orang-orang Arab untuk menghadapi al-Qur'an. Meskipun penulis menggunakan perkataan *al-fawāṣil* iaitu kata jamak bagi *fāṣilah* sebagai judul namun fokus perbahasan adalah berbeza. Kajian penulis memfokuskan hubungan antara *fāṣilah* dengan ilmu *Munāsabāt* yang tidak disentuh oleh pengarang.

***Munāsabāt* al-Qur'an**

Antara artikel-artikel *Munāsabāt* al-Qur'an yang berkait rapat dengan penyelidikan penulis adalah seperti berikut:

a. Zulkifli Haji Mohd Yusoff (1993), "*Munāsabāt: Satu Bahagian daripada Pengajian al-Qur'an*".²³

²²al-Mursī, Kamāl al-Dīn 'Abd al-Ghanī, *Fawāṣil al-Āyāt al-Qur'aniyyah* (Iskandariah: al-Maktab al-Jāmi'ī al-Hadith, 1999).

²³ Zulkifli Mohd Yusoff, "*Munāsabāt: Satu Bahagian daripada Pengajian al-Qur'an*", 216.

Artikel ini cuba menonjolkan ilmu *Munāsabāt* ini sebagai salah satu daripada ilmu Pengajian al-Qur'an. Oleh itu, penulis telah mengupas ilmu *Munāsabāt* dari aspek definisi dan sejarah perkembangan ilmu tersebut, para ilmuan yang telah menyumbang ke arah perkembangannya sejak zaman awal kemunculannya sehinggalah pada abad ke-dua puluh ini. Perbezaan penulisan beliau dengan kajian yang dijalankan ini ialah, meskipun penulis membahaskan makalahnya dengan penuh infomatif beserta bentuk-bentuk *munāsabāt* dalam al-Qur'an namun beliau hanya menyentuh keserasian kandungan ayat dengan penutup ayat, iaitu *fāṣilah* sahaja. Kajian yang dijalankan ini pula mengupas lebih jauh lagi berkaitan keserasian *fāṣilah* dalam sesebuah surah meliputi keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya, keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah dan keserasian *fāṣilah* keseluruhannya dalam sesebuah surah.

b. Israr Ahmad Khan (2002), "Coherence in the Qur'ān: Principles and Applications".²⁴

Artikel beliau menjelaskan bahawa terdapat suatu sistem keserasian untuk al-Qur'an keseluruhannya dalam setiap surah tanpa mengira panjang atau pendek sesebuah surah tersebut. Tambah Israr lagi, al-Qur'an sama seperti alam ini ada kesinambungan dan kesatuan antara satu sama lain. Namun begitu, untuk mengetahui kesinambungan keseluruhan antara bahagian-bahagian yang terdapat dalam al-Qur'an memerlukan penelitian

²⁴ Israr Ahmad Khan, "Coherence in the Qur'ān: Principles and Applications", *Intellectual Discourse IIUM*, Vol. 10, No.1 (2002), 47-60.

yang mendalam. Kajian beliau adalah berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penulis. Beliau mengemukakan pendapat al-Farahi²⁵ dalam mencari tema asas yang menjadi pengikat sesebuah surah. Selain itu, beliau turut juga mengemukakan analisis yang dilakukan ke atas surah-surah terpilih iaitu Surah al-Mujādalah, al-Ḥashr, al-Mumtaḥanah dan al-Jum'ah serta al-Munāfiqūn dalam mencari tema asas surah. Manakala kajian penulis pula menganalisis hubungan *fāṣilah* dari konteks ilmu *Munāsabāt* secara mendalam.

c. Bisri Mustofa (2009), "Munāsabāt al-Qur'ān: Sebuah Kontroversi dalam Ekstensi dan Fungsi".²⁶

Menerusi artikelnya, beliau menjelaskan tujuan dan kepentingan ilmu *munāsabat*, faedah-faedah yang didapati menerusinya, bentuk-bentuk dan jenis-jenis *munāsabāt* yang diberikan oleh para ulama' serta tokoh-tokoh yang terlibat dalam perbahasan ilmu ini. Perbezaan artikel beliau dengan kajian yang dilakukan ini adalah, walaupun artikel beliau ini kelihatan agak menyeluruh menyentuh lingkungan ilmu *Munāsabāt* tetapi beliau tidak menjelaskan secara khusus pertautan *fāṣilah* dengan ilmu *Munāsabāt*. Maka kajian ini mengupas *fāṣilah* dalam konteks ilmu *Munāsabāt* dengan mendalam meliputi jenis-jenis dan bentuk-bentuk keserasian *fāṣilah* yang belum ditemui oleh beliau.

²⁵Bagi memahami tema asas yang menjadi pengikat sesebuah surah caranya adalah dengan menyelusuri ayat demi ayat, mukaddimah dan khatimahnya, fahami isu-isu yang disentuh serta latar belakang sejarah serta pendapat-pendapat mengenainya.

²⁶ Bisri Mustofa, "Munāsabat al-Qur'ān: Sebuah Kontroversi dalam Ekstensi dan Fungsi", *Jurnal Lantera*, Vol. 8, No. 14 (Ogos 2009), 20-27.

d. Salwa El-Awa (2006), *Textual Relations in the Qur'an: Relevance, Coherence dan Structure*.²⁷

Menerusi buku beliau ini, *munāṣabāt* dikupas dari aspek sejarah perkembangan dalam kalangan ilmuan Islam mahupun Orientalis. Beliau turut juga mengetengahkan teori linguistik bagi menunjukkan keserasian antara ayat-ayat al-Qur'an dalam sesebuah surah. Teori yang digunakan dalam kajian beliau ialah *Relevance Theoretical Analysis*, iaitu kaitan menerusi kata ganti diri (meliputi kata ganti diri pertama, kedua dan ketiga), kata penghubung, penganalisan dialog dan sebagainya diimplimentasikan menerusi kajian ini. Ia boleh disifatkan sebagai sebuah kajian linguistik bagi membuktikan keserasian antara ayat dalam sesebuah surah. Manakala itu, kajian yang dilaksanakan oleh penulis adalah mengupas keserasian *fāṣilah* dari konteks ilmu *Munāṣabāt* secara khusus meliputi jenis dan bentuknya yang pelbagai.

²⁷ Salwa M. S. El-Awa, *Textual Relations in the Qur'an: Relevance, Coherence and Structure* (Canada: Routledge Taylor and Francis Group, 2006).

Kombinasi kajian melibatkan *Fāṣilah* dan *Munāsabāt*

Karya-karya yang diketengahkan ini merupakan kajian merentas disiplin. Meskipun melangkaui sesebuah disiplin tertentu namun ia tetap mempunyai hubungkait yang kuat. Kajian-kajian yang berkaitan dengan penyelidikan ini adalah seperti berikut:

a. Afifah Abu Bakar (2004), *Munāsabah al-Qur'an: Kajian Penggunaan Kata Dasar al-'Aql* pada Pengakhiran Ayat al-Qur'an.²⁸

Ia merupakan sebuah disertasi sarjana daripada Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kajian beliau membicarakan perkara-perkara berikut, iaitu *Munāsabāt al-Qur'ān* dan *fāṣilah* dengan tumpuan kepada kalimah *al-'aql*. Fokus kajian beliau adalah melihat pertautan maksud kalimah *al-'aql* yang terletak di penghujung ayat sahaja menurut konteks perbicaraannya dalam al-Qur'an. Perbezaan kajian ini ialah, beliau mengaplikasikan keserasian kandungan ayat dengan *fāṣilah* yang hanya berasal dari kata dasar huruf *ain*, *qaf* dan *lam*. Manakala, penyelidikan yang dijalankan oleh penulis pula, mengupas *fāṣilah* dalam kerangka ilmu *Munāsabāt* meliputi keserasian *fāṣilah* yang pelbagai jenis dan bentuk ditemukan. Selain itu, penyelidikan ini tidak mengkhususkan ke atas kalimah-kalimah tertentu seperti yang dilakukan oleh saudara Afifah.

²⁸ Afifah Abu Bakar, "*Munāsabah al-Qur'an: Kajian Penggunaan Kata Dasar al-'Aql* pada Pengakhiran Ayat al-Qur'an" (disertasi sarjana Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004).

- b. **Zuhdi Muhammad Abū Ni'mat (2011), *al-Munāsabāh baina al-Fāṣilah al-Qur'aniyyah wa Āyātihā: Dirāsah Tatbiqiyyah 'alā Sūrah al-Mujādalah*.**²⁹

Artikel ini menjelaskan pengertian *fāṣilah* dan hubungannya dengan isi kandungan ayat berserta analisa *fāṣilah* dalam surah al-Mujādalah. Penulis menyelusuri ayat-ayat surah al-Mujādalah, berhenti di setiap *fāṣilah* ayat-ayatnya. Meneliti dan memerhati *fāṣilah* agar dapat dikupas hubungkaitnya dengan maksud ayat. Ini termasuklah penjelasan berkaitan kedudukan kata dalam ayat, iaitu situasi *taqdīm wa ta'khīr*, *ḥazaf* dan *ziyādah* pada kalimah serta rasional pemilihan kata. Kajian ini berbeza dengan kajian penulis sekalipun perkataan yang sama digunakan iaitu *al-Munāsabah* dan *al-Fāṣilah*. Kajian di atas adalah usaha yang dibuat bagi menjelaskan kesesuaian perkataan yang dipilih sebagai *fāṣilah* mengikut konteks ayat surah al-Mujādalah. Manakala penyelidikan penulis pula mengupas keserasian *fāṣilah* mendalam meliputi keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat, keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya, keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah dan keserasian *fāṣilah* secara keseluruhan dalam surah. Selain itu, penyelidikan penulis turut cenderung dalam menganalisis bentuk-bentuk keserasian *fāṣilah* berdasarkan *qarīnah* yang ditemukan dalam ayat, ataupun antara ayat dalam sesebuah surah.

²⁹Zuhdi Muhammad Abū Ni'mat, *al-Munāsabāh baina al-Fāṣilah al-Qur'aniyyah wa Āyātihā:Dirāsah Tatbiqiyyah 'alā Sūrah al-Mujādalah*. *Majallah al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah Silsilah al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*,J.19, Bil. 1, (2011), 481-531.

- c. **Abdul Rahman Obeid Hussein (2008), *al-Tartīb al-Tawqīfī wa silatuh bi al-Wehdah al-Mawḍu'īyyah wa 'ilm al-Munāsabah*.**³⁰

Buku ini bertujuan menjawab tuduhan sebahagian orientalis yang mengatakan bahawa al-Qur'an adalah sebuah kitab yang bercelaru kerana tidak disusun mengikut peringkat-peringkat penurunannya serta mempersoalkan penyusunan *Muṣḥaf 'Uthmānī*. Perbezaan kajian adalah, beliau mengupas konsep '*Tawqīfī*' dalam susunan al-Qur'an seperti dalam mushaf pada hari ini. Menerusi asas tersebut maka ia mengandungi kesatuan tema di samping terdapatnya *munāsabah* antara ayat-ayat dan surah-surah. Manakala penyelidikan yang dijalankan ini pula menjurus lebih khusus lagi mengenai hubungkait *fāṣilah* dari aspek *munāsabāt*.

9. Metodologi Kajian

Kajian ini akan mengaplikasikan kaedah-kaedah penyelidikan berikut bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu:

1. Kaedah Penentuan Subjek
2. Kaedah Pengumpulan Data
3. Kaedah Penganalisisan Data

1. Kaedah Penentuan Subjek

Subjek adalah kelompok orang atau sesuatu yang hendak dikaji. Justeru itu, penentuan subjek bermaksud bagaimana cara sesuatu perkara yang

³⁰ Abdul Rahman Obeid Hussein, *al-Tartīb al-Tawfīqī wa silatuh bi al-Wehdah al-Mawḍu'īyyah wa 'ilm al-Munāsabah* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2008).

hendak dikaji itu ditentukan.³¹ Oleh itu, penulis telah menentukan subjek kajian penulis iaitu *Fāṣilah* al-Qur'an dalam konteks ilmu *Munāsabāt*.

2. Kaedah Pengumpulan Data

Data amat diperlukan untuk menjawab masalah penyelidikan atau menguji hipotesis yang sudah dirumus.³² Data adalah maklumat yang dikumpul oleh seseorang penulis sama ada dalam bentuk angka (kuantitatif) atau huraian (kualitatif) dengan menggunakan metod-metod tertentu seperti metod dokumentasi, metod temubual, metod pemerhatian dan sebagainya.³³ Data-data yang berkaitan untuk penyelidikan ini adalah berbentuk dokumen. Dokumen ditakrifkan sebagai sesuatu yang bertulis dan bercetak yang direkodkan dan digunakan sebagai bukti. Terdapat beberapa bentuk dokumen, antaranya autobiografi, buku dan catatan harian, surat-surat, dan sebagainya. Dokumentasi pula bermaksud proses mengumpulkan dokumen sebagai bukti dan sumber maklumat.³⁴

Penyediaan bahan penulisan untuk setiap bab yang berkaitan dalam penyelidikan ini bersandarkan kepada dokumen. Dokumen rujukan yang dimaksudkan adalah tertumpu kepada buku-buku dan artikel-artikel yang membahaskan ilmu *Fāṣilah*, ilmu *Munāsabāt* dan juga *Qarīnah*, sama ada dari bidang Pengajian al-Qur'an, *Balāghah* mahupun Tafsir. Bagi memastikan pengumpulan data-data tersebut berjalan lancar dan

³¹ Kenneth D. Bailey, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, terj. Hashim Awang, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 121.

³² John. W. Best, *Metodologi Penelitian Pendidikan*, Drs. Sanapiah Faisal & Drs. Mulyadi Guntur Waseso (ed.) (Surabaya: Usaha Nasional, 1982), 175.

³³ Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuludin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), 47.

³⁴ John, *Metodologi Penelitian Pendidikan*, 134.

mencukupi, rujukan telah dibuat di perpustakaan-perpustakaan berikut untuk mendapatkan maklumat.

- i. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- ii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- iii. Perpustakaan Fakulti Bahasa, Universiti Malaya
- iv. Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya
- v. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- vi. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Kajian ini juga meneliti perkembangan yang berlaku terhadap ilmu *Fāṣilah* dan ilmu *Munāsabāt*. Bagi tujuan tersebut, metod persejarahan³⁵ digunapakai dalam bab 1 dan bab 2 kajian ini. Sejarah dan perkembangan ilmu *Fāṣilah* dan ilmu *Munāsabāt* diselidiki bagi mendapatkan gambaran jelas mengenainya dan memahami isu-isu yang timbul. Selain itu, keperluan perbincangan lanjut berkaitan isu-isu terpilih yang dikenalpasti selaras dengan objektif kajian ini turut juga dibahaskan dalam kajian.

3. Kaedah Penganalisisan Data

Kaedah penganalisisan kandungan data akan dipraktikkan dalam mengkaji maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan.³⁶ Analisa dijalankan setelah

³⁵ Metod persejarahan ataupun historis ini digunakan untuk mencatat data-data sejarah yang berkaitan dengan kajian secara sistematik bagi memastikan sesuatu peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau. Peristiwa-peristiwa itu diproses, diringkaskan dan dianalisis bagi mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi terjadinya suatu peristiwa sejarah. Rujuk Mohammad Muqim, *Research Methodology in Islamic Perspective* (Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co, 1997), 30.

³⁶ Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, 28.

pengumpulan data dibuat dengan menyimpulkan fakta-fakta yang diperoleh bagi menjawab persoalan-persoalan yang timbul sepanjang kajian dijalankan. Ia melibatkan tiga metod berikut:

a. **Metod Induktif**³⁷

Metod induktif bermaksud data-data yang dibataskan kepada sesuatu topik kajian dikumpulkan, kemudian digabungkan membentuk satu hipotesis.³⁸ Dengan kata lain, proses yang berlaku ialah dimulai dengan data-data kasar yang kemudiannya dihubungkan, dikategorikan dan dibina konsep abstrak yang seterusnya membentuk gagasan teori. Ia menyusun maklumat untuk ditafsirkan. Proses penafsiran ini bermula dengan menganalisis maklumat bersifat umum dan berakhir dengan maklumat khusus dan mendalam.³⁹ Dalam kajian ini, *fāṣilah* al-Qur'an dianalisa dan dikelaskan untuk mencari perkaitan yang wujud dan akhirnya akan dibuat kesimpulan. Proses ini amat penting bagi mendapatkan maklumat yang konkrit berkaitan hubungan yang wujud. Menerusi kaedah ini, *fāṣilah* dapat dikenalpasti menerusi peranan dalam ayat, dan jenis-jenis keserasian baharu *fāṣilah* turut juga dapat ditemukan.

b. **Metod Deduktif**

Penggunaan metod deduktif ialah menghasilkan sesuatu metodologi atau pernyataan yang bersifat umum daripada

³⁷ Pernyataan umum menjadi khusus. Contoh Semua orang yang makan akan kenyang, saya akan makan maka saya akan kenyang.

³⁸ Dolet Unarajan, *Pengantar Metode Penelitian Ilmu Sosial* (Jakarta: Penerbit PT Grasindo, 2000), 55.

³⁹ Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial* (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2003), 148.

pernyataan yang khusus. Proses penafsiran ini bermula dengan menganalisis maklumat bersifat khusus dan berakhir dengan maklumat bersifat umum yang menyeluruh.⁴⁰ Metod deduktif ini digunakan oleh penulis ketika menganalisis jenis-jenis keserasian *fāṣilah* yang telah dikenalpasti untuk dikelompokkan dengan berpandukan *qarīnah* yang ditemui dalam ayat. Akhirnya menerusi kaedah tersebut, bentuk-bentuk umum keserasian *fāṣilah* berdasarkan *qarīnah* telah dapat dikenalpasti sebagaimana dalam bab 3 kajian ini.

c. Metod Komparatif

Metod ini digunakan untuk membuat perbandingan ke atas data-data yang diperolehi. Penyelidik perlu mempunyai kemahiran dalam melakukan perbandingan yang diperlukan daripada penulis-penulis yang berbeza mahupun dapatan-dapatan yang diperolehi.⁴¹ Dalam kajian ini, analisis yang dilaksanakan terhadap surah-surah yang berlainan melibatkan sebuah surah *Makkiyyah* dan sebuah lagi surah *Madaniyyah* adalah bertujuan bagi melihat perbezaan ataupun ciri-ciri khusus berkaitan keserasian *fāṣilah* sekiranya ada. Perbandingan tersebut dibuat dalam bab 4 kajian ini melibatkan Surah al-Wāqī'ah dan juga Surah al-Faṭḥ.

⁴⁰ *Ibid.*, 152.

⁴¹ Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, 49.

BAB 1:

FĀṢILAH AL-QUR'AN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan takrifan *fāṣilah* dari konteks bahasa dan juga istilah. Perbincangan secara mendalam dibuat dalam bahagian ini bertujuan untuk menilai takrifan yang sedia ada dan akhirnya mencadangkan takrifan baharu yang telah ditambah baik setelah meneliti perkembangan sedia ada ilmu ini. Bab ini juga turut menjelaskan sejarah perkembangan terminologi *fāṣilah* dan mentarjih pendapat berkaitan kelahiran terminologi tersebut yang digunakan sehingga kini. Di samping itu, bab ini turut menjelaskan pembahagian *fāṣilah* dan jenis-jenisnya dan seterusnya menerangkan pembahagian baharu *fāṣilah* berasaskan peranannya dalam sesebuah ayat dan juga antara ayat-ayat al-Qur'an. Bagi menonjolkan ketinggian dan bernilainya *fāṣilah* dalam al-Qur'an maka bab ini mengupas keindahan *fāṣilah* dari aspek bahasa, rahsia dan hikmah di sebalik penggunaannya dalam sesebuah ayat dan juga dalam sesebuah surah.

1.2 Ilmu *Fāṣilah*

Bahagian ini akan menerangkan pengertian *fāṣilah* dari sudut bahasa dan istilah. Selain itu, bahagian ini akan turut menjelaskan perkembangan yang berlaku terhadap *fāṣilah* dan juga jenis-jenisnya seperti yang terdapat dalam al-Qur'an.

1.2.1 Definisi *Fāṣilah* dari Sudut Bahasa

Fāṣilah adalah perkataan bahasa Arab yang diambil dari kata dasar *fa-ṣa-la*, '*al-Faṣl*' dan jamaknya pula disebut *al-Fawāṣil*. '*al-Faṣl*' mengandung beberapa pengertian iaitu pembeza, pemutus, pendinding, penyekat dan pemisah sesuatu. Perbezaan makna-makna tersebut adalah bergantung kepada konteks penggunaan dalam sesebuah ayat.⁴²

Kalimah *fa-ṣa-la* menurut penggunaan al-Qur'an menunjukkan kepada empat maksud, iaitu menjelas, memisah, memutus dan menyapih. Meskipun penggunaannya terbahagi kepada empat pengertian, namun kesemua maksud ini terikat kepada satu makna dasar, iaitu 'pisah'. Maksud dasar 'pisah' ini diperoleh daripada perbuatan pengasingan, penjelasan, pembezaan, penceraihan dan pemutusan, pengehadan dan sebagainya.⁴³ Berikut adalah contoh-contoh yang dipetik daripada ayat-ayat al-Qur'an sebagai penjelasan:

- a. Penggunaan al-Qur'an bagi menunjukkan maksud 'menjelaskan'.

وَلَقَدْ جِئْتَهُمْ بِكِتَابٍ فَصَّلْنَاهُ عَلَىٰ عِلْمٍ ... ﴿٥٢﴾

Al-A'rāf 7: 52

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah datang kepada mereka, sebuah Kitab (Al-Quran) yang Kami telah menjelaskannya satu persatu berdasarkan pengetahuan (Kami yang meliputi segala-galanya).

Kalimah *faṣṣalnāhu* membawa pengertian menjelaskan. Ayat tersebut menerangkan bahawa sesungguhnya Allah s.w.t. telah mendatangkan

⁴² Muḥammad bin Mukarram, Ibn Manẓūr, *Lisān al- 'Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t.), 11:561.

⁴³ Hussein bin Muhammad al-Damighani (ed.) 'Abd al-'Aziz Sayyid al-Ahl, *Iṣlah al-Wujuh wa al-Nazāir fi al-Qur'an al-Karim* (Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1970), 360.

sebuah Kitab iaitu al-Qur'an kepada mereka, maka Allah s.w.t. telah menjelaskannya satu persatu (akan isinya) berdasarkan pengetahuan Allah s.w.t. yang meliputi segala-galanya.

- b. Penggunaan al-Qur'an bagi menunjukkan maksud 'berpisah'.

وَلَمَّا فَصَلَتِ الْعِيرُ ... ﴿٩٤﴾

Yūsuf 12: 94

Terjemahan: Dan semasa kafilah (mereka meninggalkan Mesir menuju ke tempat bapa mereka di Palestin).

Kalimah *faṣalati* dalam ayat di atas membawa maksud berpisah. Ayat tersebut menceritakan keadaan sewaktu kafilah adik-beradik Nabi Yusuf a.s. berpisah, iaitu bergerak keluar meninggalkan Mesir.

- c. Penggunaan al-Qur'an bagi maksud 'pemutusan'.

إِنَّ يَوْمَ الْفَصْلِ مِيقَتُهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٠﴾

Al-Dukhān 44: 40

Terjemahan: Sesungguhnya hari pemutusan hukum untuk memberi balasan, ialah masa untuk mereka semua berhimpun.

Kalimah *al-faṣli* memberi erti pemutusan. Ayat tersebut menjelaskan bahawa sesungguhnya Hari Kiamat adalah hari pemutusan hukum, iaitu suatu waktu yang telah dijanjikan untuk memberi segala pembalasan.

d. Penggunaan al-Qur'an bagi maksud 'menyapah'.

... فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا ...

Al-Baqarah 2: 233

Terjemahan: ... kemudian jika keduanya (suami isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan yang telah dicapai oleh mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya).

Kalimah *fiṣālā* membawa maksud menyapah, iaitu menceraikan susu. Ayat di atas menjelaskan bahawa apabila kedua-dua suami isteri mahu menghentikan penyusuan sebelum dua tahun dengan persetujuan yang telah dicapai oleh mereka (suami isteri) sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah untuk melakukannya.

Maksud *al-Fāṣilah* dari konteks bahasa yang dikehendaki dalam kajian ini ialah sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Rāghib al-Asfahānī (m. 502H)⁴⁴, iaitu menjelaskan sesuatu sehingga nyata jurang dalam perkara-perkara yang ingin dibezakan.⁴⁵

1.2.2 Definisi *Fāṣilah* dari Sudut Istilah

Terdapat beberapa pengertian yang telah diberikan oleh para ulama' Pengajian al-Qur'an, antaranya ialah al-Rummānī (m. 384H), al-Bāqillānī⁴⁶ (m. 403H), al-

⁴⁴ Beliau ialah al-Ḥusain bin Muḥammad bin al-Mufaḍḍhal Abū al-Qāsim al-Rāghib al-Asfahānī, seorang sasterawan dan ulama' yang masyhur, berasal dari Asfahān Baghdad. Sebahagian karya beliau ialah *Muhādharāt al-Udabā'*, *al-Dharī'ah ilā Makārim al-Sharī'ah* dan *Tafsīr al-Rāghib al-Asfahānī*. Lihat Khayr al-Dīn bin Maḥmūd bin Muḥammad al-Zereḳly al-Dimashqī, *al-A'lām* (Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 2002), 2:255.

⁴⁵ Abū al-Qāsim al-Ḥusain bin Muḥammad al-Rāghib al-Asfahānī, Taḥqīq Yūsuf al-Sheikh Muḥammad al-Biqā'ī, *Mu'jam Mufrodāt al-Alfāz al-Qur'ān*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2009), 287.

⁴⁶ Beliau ialah Muḥammad bin al-Ṭayyib bin Muḥammad bin Ja'far, Abū Bakr. Merupakan Qadhi dan salah seorang pemimpin aliran 'Ashā'irah. Dilahirkan di Basrah dan menetap serta wafat di Baghdad. Lihat al-Zereḳly al-Dimashqī, *al-A'lām*, 6:176.

Dhānī⁴⁷ (m. 444H), Ibn Manẓūr⁴⁸ (m. 711H) dan al-Zarkashi (m. 794H). Namun dalam pembahasan ini, hanya tiga penakrifan yang akan dipilih dan dibincangkan. Ketiga-tiga pendapat yang dipilih tersebut adalah cukup untuk memberi gambaran lengkap ke atas ruang lingkup pembahasan berkaitan istilah *fāṣilah* dan mampu bagi menggambarkan proses perkembangannya.

Pertama, takrif yang dikemukakan oleh al-Rummānī, iaitu *fāṣilah* adalah merujuk kepada huruf-huruf sama ataupun bermiripan, terletak di bahagian hujung (*al-maqāṭi'*) ayat dan menerusinya makna dapat difahami dengan baik.⁴⁹

Pentakrifan beliau ini adalah sewaktu fasa awal pembahasan ilmu *Fāṣilah* dalam bidang Pengajian al-Qur'an. *Fāṣilah* telah dibincangkan menerusi topik-topik terpilih seawal kurun ke-4 Hijrah dan dimuatkan di bawah topik *I'jāz al-Qur'ān* oleh al-Rummānī dalam kitab beliau *al-Nukat fī I'jāz al-Qur'ān*.⁵⁰ Takrif yang telah dikemukakan oleh beliau ini menekankan dua perkara asas, iaitu *fāṣilah* adalah berperanan dalam konteks makna di samping menerbitkan rima-rima yang secocok serta harmoni kesan daripada susunan huruf-hurufnya yang seragam ataupun bermiripan.

Kedua, definisi *fāṣilah* yang diberikan oleh al-Dānī yang menyatakan bahawa *fāṣilah* adalah perkataan di akhir *al-jumlah*, iaitu rangkaian perkataan-

⁴⁷ Beliau ialah 'Uthmān bin Sa'd bin 'Uthmān bin 'Umar, Abū 'Amr al-Dhānī. al-Dhānī nisbah kepada salah satu Bandar di Andalus, merupakan salah seorang daripada Sheikh Qārī dan Qirāat. Sebahagian karyanya ialah *al-Bayān fī 'Iddi Āyī al-Qur'ān* dan *al-Taisīr fī al-Qirāat al-Sab'*. Lihat Mawsoah, 7 November 2012, <http://www.mawsoah.net>.

⁴⁸ Beliau ialah Muḥammad bin Mukarram bin Ali, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Ibn Manẓūr al-Ansārī al-Ifriqī, salah seorang ahli bahasa yang terkenal, daripada keturunan Ruwaifa' bin Thabit al-Ansārī. Dilahirkan di Mesir dan ada yang mengatakan beliau dilahirkan di Tarabulus. Wafat di Qaherah, Mesir. Sebahagian karya beliau ialah *Lisān al-'Arab*, *Mukhtaṣar Tārīkh Dimaqsh* dan *Nathār al-Azhār fī al-Lail wa al-Nahār*. Lihat Mawsoah, 7 November 2012, <http://www.mawsoah.net>.

⁴⁹ al-Rummānī, *al-Nukat fī 'Ijāz al-Qur'ān*, 97 dalam Muḥammad Ali Farghalī, *Alwān al-Badī' fī Dhaw'i al-Tobāi' al-Fanniyyah wa al-Khasāis al-Wazifiyyah* (Tanta: Matba'ah al-Shurūq al-Rāhibīn, 1998), 152.

⁵⁰ *Ibid.*

perkataan yang membawa sesuatu maksud.⁵¹ *Fāṣilah* dalam pertuturan adalah pemisah apa yang selepasnya dengan yang sebelumnya. *Fāṣilah* itu kadangkala merupakan kepala ayat (رأس آية) dan kadangkala bukan kepala ayat. Semua kepala ayat adalah *fāṣilah* namun bukan semua *fāṣilah* itu kepala ayat.⁵²

Dapat difahami bahawa di sisi al-Dhānī, *fāṣilah* adalah terdiri daripada dua jenis yang mengandungi dua bahagian, iaitu kepala ayat dan juga *fāṣilah* (*al-fāṣilah taḍummu al-naw'ayn wa tajma' al-ḍorbayn*). Pengertian al-Dhānī ini adalah berbeza dengan pengertian yang difahami oleh para ulama' lain seperti al-Rummānī, al-Bāqillānī, Ibn Manzūr dan juga al-Zarkashi yang tidak mengambilkira kepala ayat dalam pendefinisian *fāṣilah* al-Qur'an.

Ketiganya, penakrifan yang diberikan oleh al-Zarkashi, iaitu *fāṣilah* ialah kalimah akhir dalam ayat al-Qur'an, seumpama *qāfiyah* untuk syair dan *qarīnah* bagi *al-saj'*.⁵³ Pendapat beliau ini diketengahkan kerana:

- a. Terdapat kesinambungan dan pertalian kecuali al-Dhānī dalam penakrifan yang diberikan oleh al-Rummānī, al-Bāqillānī,⁵⁴ Ibn Manzūr⁵⁵ dan al-Zarkashi, sewaktu menjelaskan maksud *fāṣilah* dalam al-Qur'an meskipun tempoh antara al-Rummānī dan al-Zarkashi adalah selama empat kurun. Ini menggambarkan kekuatan silsilah keilmuan yang telah berlaku.

⁵¹ *al-Jumlah* tersebut kadangkala terdiri daripada beberapa ayat dan kadangkala mencukupi dalam sesebuah ayat bergantung kepada konteks maksudnya.

⁵² al-Zarkashi, al-Imam Badr al-Ḍīn Muḥammad bin Abdullah bin Bahādar, Tahqiq Muḥammad Abū Faḍl Ibrahim, *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān* (Kaherah: Dar al-Turath, t.t.), 1:53.

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ al-Bāqillānī mentakrifkan *fāṣilah* sebagai merujuk kepada huruf-huruf yang sama terletak di bahagian hujung (*al-maqāti'*), berfungsi dengannya bagi memahami makna. Lihat al-Bāqillānī, Abū Bakr Muḥammad bin al-Ṭayyib, Tahqiq Abū Bakr Abd al-Razzāq, *'Ijāz al-Qur'ān* (Fajjālāh: Maktabah Miṣr, 1994), 189.

⁵⁵ Ibn Manzūr mentakrifkan akhir perkataan dalam ayat-ayat al-Qur'an dikenali sebagai *fawāṣil* (kata jamak *fāṣilah*), kedudukannya adalah sama sepertimana *qawāfi* dalam syair. Lihat Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 11:521.

- b. al-Zarkashi telah memanfaatkan penjelasan al-Bāqillānī⁵⁶ bagi menambah penerangan mengenai *fāṣilah* dalam kitabnya *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Jelas beliau, *fāṣilah* merupakan tempat istirehat pada setiap ayat al-Qur'an untuk memberi peluang kepada pembacanya mengamati makna yang terkandung dalam setiap susunan ayat. Justeru, makna sesuatu ayat itu jelas, indah dan mudah dihayati. Kaedah penjelasan cara inilah yang diimplimentasikan dalam al-Qur'an berbeza dengan kaedah pertuturan lain, malah dapat membezakan setiap ayat al-Qur'an dan tidak dinamakan ianya sebagai *al-saj'*.⁵⁷

Takrifan *Fāṣilah* oleh Ulama'-ulama' Mutaakhir

Fāṣilah bukan sahaja menjadi tumpuan pengkaji-pengkaji silam, malah *fāṣilah* juga turut menarik minat para pengkaji kontemporari. Sebagai contoh:

- a. Muḥammad al-Hasnāwī telah mendefinisikan *fāṣilah* sebagai kalimah akhir ayat seperti *qāfiyah* dalam syair dan *saj'* dalam prosa. Pentakrifan ini merujuk kepada persamaan huruf-huruf penghujung perkataan tersebut atau persamaan dalam konteks *al-wazn* (pola) yang menyempurnakan makna dan merehatkan jiwa.⁵⁸
- b. Mannā' al-Qaṭṭān menjelaskan bahawa *fāṣilah* itu adalah sesuatu yang memutuskan kata ataupun memutuskan ayat selepasnya. Kadangkala terdiri daripada kepala ayat (*ra's āyah*) dan kadangkala bukan. Berdasarkan fungsinya, kedudukan pada bahagian hujung atau

⁵⁶ dalam bukunya '*Ijāz al-Qur'ān* bab bertajuk 'Menafikan *al-Saj'* dalam al-Qur'an'. Lihat al-Bāqillānī, '*Ijāz al-Qur'ān*, 190.

⁵⁷ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:54.

⁵⁸ al-Hasnāwī, Muhammad, *al-Fāṣilah fī al-Qur'ān* (Ḥalab Sūriah: Dār Aṣṣil, 1978), 26.

pengakhiran sesuatu ayat ini dianggap sebagai pemutus ataupun pembeza.⁵⁹

- c. Faḍl Hassan ‘Abbās pula mendefinisikan *fāṣilah* sebagai lafaz terakhir yang menutup sesebuah ayat. Sepertimana dikhususkan *qāfiyah* sebagai penutup dalam bait-bait syair, maka *fāṣilah* adalah dikhususkan sebagai penutup bagi ayat-ayat al-Qur’ān.⁶⁰

Hasil kajian ke atas takrifan-takrifan yang telah dikemukakan oleh para pengkaji kontemporari, secara amnya didapati bahawa maksud takrifan tersebut adalah selari dengan takrifan-takrifan yang dikemukakan oleh para pengkaji silam seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Bagaimanapun, berdasarkan perkembangan masakini, takrifan tersebut bukanlah hanya merujuk kepada takrifan sedia ada, malah sebahagiannya telah melalui proses penambahbaikan. Bahkan setiap usaha ke arah menjelaskan takrifan itu masih terbuka kepada para pengkaji demi memudahkan kefahaman penuntut ilmu tersebut. Perkara ini akan dijelaskan di bahagian kesimpulan selepas ini.

Perbincangan

Takrif menurut pengertian ilmu *Manṭiq* ialah penjelasan dan penerangan terhadap sesuatu perkara dengan menyatakan sifat dan unsur asasi yang dapat membezakannya dengan yang lain. Ciri-ciri sebuah takrif yang baik ialah bersifat *Jāmi’* dan *Māni’*. *Jāmi’* bermaksud menyeluruh dan meliputi semua objek yang ditakrifkan. *Māni’* pula bermaksud mengeluarkan semua objek yang tidak berkaitan dengan takrif yang diberikan. *Jāmi’* dan *Māni’* bukanlah satu ungkapan

⁵⁹ al-Qaṭṭān, Mannā’ Khalil, *Mabāḥith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998), 153.

⁶⁰ Faḍl Hasan ‘Abbās dan Sanā’ Faḍl Hasan, *I’jāz al-Qur’ān al-Karīm* (‘Amman: Dār al-Furqān, 2001), 225.

kiasan ataupun simbolik. Pada masa yang sama ia juga bukanlah ungkapan yang berbentuk negatif sebagai contoh, mentakrifkan ‘sihat’ dengan ungkapan negatif sebagai ‘tidak sakit’.⁶¹

Penulis merumuskan takrif yang dikemukakan oleh para pengkaji sebelum ini sering merujuk *fāṣilah* itu sebagaimana ciri-ciri berikut:

- a. Kedudukan *fāṣilah* dalam struktur ayat adalah di bahagian akhir.
- b. Bentuk-bentuk *fāṣilah* adalah serasi kerana dibina daripada huruf-huruf yang sama ataupun bermiripan jenisnya.
- c. *Fāṣilah* berfungsi untuk menyempurnakan makna sesebuah ayat dan merupakan tempat rehat sewaktu pembacaan kerana selepasnya adalah *waqf*.
- d. Penjelasan ke atas *fāṣilah* seringkali disertakan perumpamaan dan perbandingan seperti *qāfiyah* untuk syair dan *saj'* untuk prosa dalam pertuturan bangsa Arab.⁶²

Takrif *fāṣilah* seperti yang dikemukakan oleh al-Rummānī⁶³ dan al-Bāqillānī,⁶⁴ hanya menerangkan fungsi-fungsi am *fāṣilah* sahaja dan tidak menyertakan penerangan dengan mendatangkan contoh perbandingan. Manakala takrif *fāṣilah* yang dinyatakan oleh Ibn Manẓūr,⁶⁵ al-Zarkashi⁶⁶ dan al-Hasnāwī⁶⁷ diikuti perbandingan dengan *qāfiyah* bagi syair dan *qarīnah* bagi *al-saj'* sebagai

⁶¹ Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali, *Pengantar Ilmu Mantik* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2009), 131-138.

⁶² al-Hasnāwī, *al-Fāṣilah fī al-Qur'ān*, 26.

⁶³ *Fawāṣil* merujuk kepada huruf-huruf yang sama terletak di bahagian hujung (*al-maqāti'*) menerusinya makna dapat difahami dengan baik.

⁶⁴ *Fawāṣil* merujuk kepada huruf-huruf yang sama terletak di bahagian hujung (*al-maqāti'*), berfungsi dengannya bagi memahami makna.

⁶⁵ (Perkataan) Akhir (penghabisan/hujung) dalam ayat-ayat al-Qur'ān dikenali sebagai *fawāṣil*, kedudukannya sama seperti *qawāfi* dalam syair (puisi).

⁶⁶ *Fāṣilah* ialah kalimah akhir (penghabisan/hujung) pada ayat (al-Qur'ān), seumpama *qāfiyah* dalam syair dan *qarīnah* bagi *al-saj'*.

⁶⁷ *Fāṣilah* ialah kalimah akhir ayat seperti *qāfiyah* dalam syair dan *saj'* dalam prosa. Ia merujuk kepada persamaan pada huruf-huruf penghabisan perkataan tersebut atau persamaan dalam konteks *al-wazn*, iaitu pola yang menyempurnakan makna dan merehatkan jiwa.

penerangan namun tidak disertai dengan penjelasan kepada fungsi-fungsi *fāṣilah* secara menyeluruh.

Justeru, pendefinisian *fāṣilah* ini perlu dilengkapkan. Penyenaaraian fungsi-fungsi *fāṣilah* secara menyeluruh adalah penting kerana, kesemua ini adalah terangkum dalam sifat *Jāmi'* seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Natijahnya, gambaran lengkap pengistilahan *fāṣilah* dapat dikemukakan dan pemahaman mengenainya dapat ditemukan dengan jelas serta mudah. Cadangan bagi pengertian yang lebih komprehensif tersebut adalah seperti berikut:

‘*Fāṣilah* ialah kalimah akhir pada ayat al-Qur’an, seumpama *qāfiyah* dalam syair dan *maqāṭi'* dalam prosa. Terdapat keserasian antara huruf-huruf penghujungnya ataupun sama ada dalam konteks *al-wazn* iaitu pola perkataannya. Merupakan sebahagian daripada ayat yang berperanan sebagai pelengkap sesuatu *jumlah*, pembeza antara ayat, dan adakalanya turut sama berperanan sebagai penguat ataupun penyatu kepada sesuatu topik serta penjelas sesuatu hikmah’.

Peranan *fāṣilah* tersebut akan dijelaskan dan dihuraikan secara terperinci sewaktu membahaskan Perkara 1.3 dalam kajian ini, iaitu di bawah tajuk 'Peranan *fāṣilah* al-Qur’an’.

1.2.3 Perkembangan Terminologi *Fāṣilah*

Berdasarkan kajian, ada pendapat menyatakan bahawa terminologi *fāṣilah* ini diambil dan digunakan secara langsung daripada al-Qur'an.⁶⁸ Namun terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa terminologi *fāṣilah* terbina hasil daripada beberapa peringkat perkembangan ilmu. *Fāṣilah* telah berkembang sekurang-kurangnya dalam tiga peringkat sejak kemunculannya sebelum istilah ini menjadi kata khusus untuk satu daripada cabang bidang Pengajian al-Qur'an yang mempunyai definisi tersendiri. Peringkat-peringkat perkembangannya adalah seperti berikut:

- Peringkat Pertama : Peletakan Nama.
- Peringkat Kedua : Pengekalan dan Penerusan Penggunaan Nama.
- Peringkat Ketiga : Pengkhususan Makna.⁶⁹

⁶⁸ Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa terminologi *fāṣilah* diambil, ditafsir dan digunakan secara terus daripada al-Qur'an. Pengambilan secara langsung daripada al-Qur'an ini adalah tanpa melalui peringkat-peringkat perkembangan tertentu. Pendapat tersebut dikemukakan oleh Ibn Manẓūr dalam kitabnya *Lisān al-'Arab*, 11:524. Pendapat beliau itu berdalilkan firman Allah s.w.t dalam Surah al-A'rāf (7):52 ,

وَلَقَدْ جِئْنَاهُمْ بِكِتَابٍ فَصَّلْنَاهُ عَلَىٰ عِلْمٍ هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

dan Surah al-A'rāf (7):133

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمُ الطُّوفَانَ وَالْجَرَادَ وَالْقُمَّلَ وَالضَّفَادِعَ وَالْأَدَمَ ۚ آيَاتٍ مُّفَصَّلَاتٍ فَاسْتَكْبَرُوا وَكَانُوا قَوْمًا مُّجْرِمِينَ

Beliau menafsirkan perkataan (فَصَّلْنَاهُ) dengan pengertian memperincikan ayat-ayatnya dengan

Fasilah. Manakala perkataan (آيَاتٍ مُّفَصَّلَاتٍ) dengan maksud di antara setiap ayat itu terdapat

Fasilah. Beliau berseorangan dalam menyatakan pendapat sebegini dan ini merupakan pandangan yang ganjil. Selain itu ia turut tidak mendapat sokongan para pentafsir al-Qur'an sama ada pada zaman sebelum beliau dan juga selepas beliau.

⁶⁹ al-Hasnāwi, *al-Fāṣilah fī al-Qur'ān*, 28.

Peringkat Pertama: Peletakan Nama

Pada awalnya, para sasterawan dan ahli bahasa Arab menggunakan kalimah *fāṣilah* semasa membahaskan topik *al-Saj'* dalam ilmu *Balāghah*. Sebelum itu, *fāṣilah* merupakan satu daripada tiga istilah yang berkait rapat dengan topik *al-Saj'* sebagaimana yang berikut:

- a) *al-Faqrah*
- b) *al-Qarīnah*
- c) *al-Fāsilah*

al-Faqrah adalah terdiri daripada beberapa ayat yang mempunyai keselarasan rima (keserasian bunyi) pada perkataan-perkataan akhirnya. Manakala *al-Qarīnah* lebih khusus daripada *al-Faqrah* sebelum ini. *al-Qarīnah* adalah beberapa ayat yang bukan sahaja mempunyai keserasian pada rimanya, malahan turut disyaratkan dengan mempunyai perkataan-perkataan yang terdiri daripada huruf-huruf penghujung yang sama. *al-Fāsilah* pula adalah kalimah yang akhir daripada *al-Faqrah* dan *al-Qarīnah* itu sendiri yang juga secara umumnya terkenal dengan keselarasan bunyi antara ayat-ayat sebelum atau sesudahnya menerusi persamaan huruf ataupun baris ataupun kedua-duanya sekali.⁷⁰ Perhatikan contoh ayat al-Qur'an berikut yang dipetik daripada surah al-Falaq 113: 1 hingga 3;

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾

⁷⁰ Muḥammad Ali Farghalī, *Alwān al-Badī' fī Dhaw'i al-Tobāi' al-Fanniyyah wa al-Khaṣāis al-Waṣifiyyah*, 152.

al-Fāsilah ialah kalimah *al-falaq* dalam ayat yang pertama, *khalaq* dalam ayat kedua, dan *waqab* dalam ayat ketiga. *al-Qarīnah* pula ialah ayat pertama dan kedua daripada surah tersebut kerana mempunyai huruf-huruf penghujung yang sama, iaitu huruf *lam* dan huruf *qaf*. Manakala *al-Faqrah* ialah ketiga-tiga ayat surah tersebut kerana mempunyai keserasian rima.

Khalīl Bin Ahmad al-Farāhidī (m. 170H)⁷¹ merupakan tokoh pertama dalam kalangan ilmuan bahasa Arab yang mengemukakan perkataan *fāsilah* sewaktu menjelaskan erti perkataan *sa-ja-‘a* dalam bukunya *al-‘Aīn*. Kata al-Farāhidī: “Bersajak lelaki itu jika ia bercakap dengan *fawāsil* (rima dan huruf yang sama di setiap penghujung kata-katanya) seumpama *qawāfi* dalam syair”⁷²

Kenyataan beliau tersebut menjelaskan bahawa ‘*fawāsil*’ itu bererti perkataan yang terletak di hujung seperti *qafiyah* dalam syair. Meskipun kata-kata beliau adalah dalam konteks lisan bangsa Arab, namun ungkapan ini terangkum juga di dalamnya maksud perkataan-perkataan akhir untuk setiap ayat al-Qur’an walaupun tidak dinyatakan secara khusus. Pernyataan ini dikuatkan lagi dengan penjelasan Sibawayh (m.180H)⁷³ yang turut sama memahami dan merujuk erti kata *al-fawāsil* sewaktu menjelaskan bab ‘*hazf*’ dalam bukunya *al-Kitāb*.⁷⁴

Keselarasan penggunaan perkataan oleh al-Farāhidī dan Sibawayh tersebut menggambarkan wujudnya pertalian ilmu. Oleh kerana al-Farāhidī adalah guru

⁷¹ Abū Abd Raḥman al-Khalīl bin Ahmad bin ‘Amru bin Tamim al-Farāhidī al-Baṣri. Lihat al-Zereḳly al-Dimashqī, *al-A‘lām*, 2:314.

⁷² Abū Abd Raḥman al-Khalīl bin Ahmad bin ‘Amru bin Tamim al-Farāhidī al-Baṣri, *Kitāb al-‘Aīn*, (t.tp.: Dār wa Maktabah Hilal, t.t.), 244.

⁷³ ‘Amrū bin ‘Uthmān bin Qanbar, al-Hārithī bi al-Walā’ Abū Bashr digelar dengan Sibawayh yang bermaksud bauan epal dalam bahasa Parsi. Merupakan Imam dan pelopor bagi ilmu Nahwu. Beliau adalah anak murid kepada al-Khalīl bin Ahmad al-Farāhidī. Lihat Ibn Khalkan, *Wafiyāt al-A‘yān wa Anbāi Abnāi al-Zamān* (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1994), 3:463.

⁷⁴ Sibawayh, ‘Amrū bin ‘Uthmān bin Qanbar, *al-Kitāb* (Kaḥerah: Maktabah al-Amariah Būlaq, 1316H), 340.

Sibawayh dalam bidang bahasa maka hal ini menguatkan lagi hujah bahawa al-Farāhidī adalah orang pertama yang menamakan hujung ayat-ayat al-Qur'an itu sebagai *fāṣilah* dan Sibawayh sebagai penerus dan mengambil manfaat daripada gurunya.⁷⁵

Peringkat Kedua: Pengekalan dan Penerusan Penggunaan Nama

Penggunaan perkataan *fāṣilah* dengan merujuk maknanya sebagai perkataan akhir dalam ayat-ayat al-Qur'an adalah berterusan sehingga pada zaman Jāḥiẓ (m. 225H)⁷⁶. Bukti bagi pengekalan dan penerusan tersebut dapat dikesan dengan jelas menerusi pernyataan al-Suyūṭī (m. 911H)⁷⁷ yang menukikan kata-kata Jāḥiẓ⁷⁸ dalam kitab beliau *al-Itqān fī 'Ulūmi al-Qur'an* sewaktu mula membicarakan topik yang bertajuk 'Dalam mengenal nama-nama al-Qur'an dan Surah-surahnya' sebagaimana berikut ini:

“Allah s.w.t telah menamakan kitab-Nya sebagai al-Qur'an berbeza dengan bangsa Arab yang menamakan kompilasi karya-karya mereka sebagai Dīwān, bahagian-bahagian (daripada al-Qur'an) dikenali sebagai surah seperti mereka (bangsa Arab) telah menamakannya sebagai qasidah, dan bahagian-bahagian (daripada surah itu) dikenali sebagai ayat sepertimana mereka

⁷⁵ al-Hasnāwī, *al-Fāṣilah fī al-Qur'ān*, 34.

⁷⁶ 'Amr bin Baḥr bin Maḥbūb al-Kanānī bi al-Walā' al-Laithī Abū 'Uthmān al-Shahīr bi al-Jāḥiẓ merupakan ketua puak al-Jāḥiẓiyyah Mu'tazilah. Lihat al-Zereklī al-Dimashqī, *al-A'lām*, 5:74.

⁷⁷ Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. Dilahirkan di Kaherah pada 849H. Lihat al-Mawsū'ah al-'Arabiyyah al-'Alamiyyah, 31 Januari 2013, <http://www.mawsoah.net>.

⁷⁸ Nukilan kata-kata yang dibuat oleh al-Suyūṭī kepada Jāḥiẓ adalah boleh dipercayai keabsahannya meskipun sumber asal petikan tersebut dari karya-karya Jāḥiẓ tidak dapat dikenalpasti. Ini kerana petikan tersebut adalah berkaitan dengan topik Nuzūm al-Qur'an yang mana Jāḥiẓ adalah pakar mengenainya. Selain itu, terdapat karya-karya Jāḥiẓ yang tidak sampai ke tangan kita pada hari ini dan satu daripadanya adalah Nuzūm al-Qur'an. Lihat al-Hasnāwī, *al-Fāṣilah fī al-Qur'ān*, 40-41. Pada hemat pengkaji, nukilan al-Suyūṭī boleh diterima keabsahannya. Kejujuran al-Suyūṭī dalam merujuk sumber adalah diakui. Sekiranya rujukan rentas dibuat dalam karya beliau ini menyatakan bahawa sesuatu itu adalah ambilan daripada al-Zarkashi dalam al-Burhān contohnya, maka benar ia memang dari sumber yang dinyatakan seperti dalam keterangannya.

menamakannya sebagai bait, dan di akhir ayat-ayat tersebut dinamakan *fāṣilah* sepertimana qafiah di sisi mereka”⁷⁹

Peringkat Ketiga: Pengkhususan Makna

Pada peringkat pengkhususan makna, *fāṣilah* telah mencapai suatu tahap yang tinggi dan kelihatan dengan jelas menerusi kitab-kitab yang sampai kepada kita pada hari ini. Topik *fāṣilah* dan *saj’* telah mendapat perhatian para ilmuwan untuk ditulis dan dibahaskan bukan sahaja dalam bidang Pengajian Qur’an, namun dalam bidang Pengajian Bahasa Arab seperti dalam ilmu *Balāghah* dan Kesusasteraan.

Berikut adalah contoh daripada kitab-kitab dalam bidang tersebut, antaranya ialah *al-Nukat fī I’jāz al-Qur’ān* oleh al-Rummānī, *I’jāz al-Qur’ān* oleh al-Bāqillānī, *ḍān al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* oleh al-Zarkashī. Sementara itu, dalam bidang bahasa Arab, muncul pula kitab-kitab seperti *Sirr al-Ṣinā’atayn* oleh Abū Hilāl al-‘Askarī (m. 395H)⁸⁰, *Sirr al-Faṣāhah* oleh Ibn Sinān al-Khafājī (m. 466H)⁸¹, dan *al-Mathal al-Sā’ir fī Adab al-Kātib wa al-Shā’ir* oleh Ibn Athīr (m. 637H)⁸².

Fakta penting dalam peringkat ini ialah pengkhususan istilah *fāṣilah* hanya untuk al-Qur’an sahaja, manakala istilah *saj’* digunakan untuk percakapan manusia. Pengasas bagi pengasingan dan pemisahan penggunaan istilah ini ialah

⁷⁹ al-Suyūṭī, Abd al-Raḥman bin Abī Bakr, *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Beirut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiyah, t.t.), 1:111.

⁸⁰ Abū Hilāl al-Hasan bin ‘Abd Allah bin Sahl bin Sa’id bin Yaḥyā bin Mihrān al-Lughawī al-‘Askarī. Beliau merupakan ilmuwan bahasa dan juga seorang tentera, mahir dalam bidang *Balāghah*, sastera dan juga kritikan sastera. Lihat al-Zerekly al-Dimashqī, *al-A’lām*, 2:196.

⁸¹ Abū Muhammad ‘Abd Allah bin Muḥammad bin Sa’id bin Sinān al-Khafājī. Beliau seorang penyair dan juga sasterawan yang berguru dengan Abī al-‘Alā al-Ma’irī. *Ibid.*, 4:122.

⁸² Naṣr Allah bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Shaibānī al-Jazarī, Abū al-Fattāḥ Ḍiyā’ al-Dīn terkenal dengan panggilan Ibn Athīr. Beliau merupakan ilmuwan dan penulis, beliau menghafaz syair-syair Abī Tamām, al-Mutanabbī dan juga al-Buḥtūrī. Lihat al-Mawsū‘ah al-‘Arabiyyah al-‘Alamiyyah, 21 Februari 2013, <http://www.mawsoah.net>.

Abū Hassan al-‘Ash‘āry (m. 324H)⁸³ sepertimana yang telah dijelaskan oleh al-Bāqillānī dalam bukunya *I‘jāz al-Qur‘ān*⁸⁴. Menurutnya, apa juga yang terkandung di dalam al-Qur‘an dan mirip dengan *saj’* dikenali sebagai *fāṣilah*. Namun apa yang dipanggil *saj’* itu tiada dalam al-Qur‘an kerana *saj’* lazimnya dinisbahkan dengan percakapan manusia yang tidak sunyi daripada kekurangan. Pendapat ini telah disokong dan diikuti oleh para ulama’ bidang Pengajian al-Qur‘an.

Bagaimanapun, wujud pula reaksi yang berlawanan dalam kalangan ilmuan bahasa Arab terhadap pengasingan dan pengkhususan istilah tersebut. Penolakan ke atas pandangan yang berkaitan hakikat *saj’* dan *fāṣilah* dalam bahasa Arab mahupun al-Qur‘an telah menjadikan isu ini sebagai satu bahan perbincangan dan kajian yang sering dibicarakan dalam kitab-kitab karangan mereka. Perkara ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut pada perkara 1.4.3 dalam bab ini.

Perbincangan

Terminologi *fāṣilah* terbina hasil daripada beberapa peringkat perkembangan ilmu. Kalimah *fāṣilah* telah berkembang lebih kurang tiga peringkat sejak kemunculannya, lebih-lebih lagi dalam ilmu *Balāghah* sebelum menjadi kata khusus untuk satu daripada cabang bidang Pengajian al-Qur‘an yang mempunyai definisi tersendiri.

Pendapat Ibn Manẓūr yang menyatakan bahawa terminologi *fāṣilah* ini diambil dan digunakan secara langsung dari al-Qur‘an dengan berdalilkan

⁸³ Abū al-Hasan ‘Alī bin Ismā‘īl bin Ishāq bin Salīm bin Ismā‘īl bin ‘Abd Allah bin Mūsā bin Abī Burdah bin Abī Mūsā al-‘Ash‘arī. Lihat Ibn Khalkan, *Wafiyāt al-A‘yān wa Anbāi Abnāi al-Zamān*, 3:284.

⁸⁴ al-Bāqillānī, *I‘jāz al-Qur‘ān*, 50.

penafsiran kalimah (فصلنه) *-faṣṣalnāhu-* dalam ayat 52 daripada surah al-A'rāf dan ayat 133 daripada surah yang sama iaitu kalimah (آيات مفصّلت) *-āyāt mufasssālāt-*⁸⁵ adalah tidak tepat.

Penolakan wujud setelah beberapa semakan dibuat terhadap karya-karya tafsir sebelum dan selepas beliau. Adalah didapati bahawa ayat-ayat tersebut tidak ditafsirkan dengan pengertian 'memperincikan ayat-ayatnya dengan fasilah' dan 'di antara setiap ayat itu terdapat fasilah'. Sebagai contoh ulama' sebelum beliau, iaitu al-Zamakhsharī (m. 538H)⁸⁶ dalam *al-Kashāf*, perkataan (فصلنه) *-faṣṣalnāhu-* dijelaskan dengan maksud 'telah kami terangkan dari aspek hukum-hakamnya, pesanan dan peringatan-peringatan, kisah-kisah serta segenap maknanya sehingga jelas dan tiada kebengkokan padanya'. Sementara itu, perkataan (آيات مفصّلت) *-āyāt mufasssālāt-* ditafsirkan dengan pengertian 'keterangan-keterangan yang nyata'.⁸⁷

Abū Hayyān (m. 745H)⁸⁸ ahli tafsir selepas beliau pula menerangkan bahawa perkataan (فصلنه) *-faṣṣalnāhu-* membawa tiga pengertian. Pertama, 'kami jelaskan hukum-hakamnya, pesan nasihatnya, kisah-kisahannya dan keseluruhan maksud-maksudnya'. Kedua, menjelas dan membezakan yang benar daripada

⁸⁵ Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, 11: 524.

⁸⁶ Beliau ialah Abū al-Qāsim, Mahmūd bin 'Amrū bin Ahmad al-Zamakhsharī, seorang ilmuan dalam bidang Tafsir, Tatabahasa Arab, Bahasa Arab dan juga Sastera. Beliau dilahirkan pada tahun 467 Hijriah dan wafat pada tahun 538 Hijriah. Lihat al-Zerekly al-Dimashqī, *al-A'lām*, 7:178.

⁸⁷ al-Zamakhsharī, Mahmūd bin 'Amru bin Ahmad, *al-Kasyāf 'an Ḥaqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, (al-Fajjālah: Maktabah Mīsr, t.t.), 2:159.

⁸⁸ Beliau ialah Muḥammad bin Yūsuf bin 'Alī bin Yūsuf bin Hayyān al-Andalusī al-Gharnātī, merupakan ahli tatabahasa pada zamannya dan juga seorang ahli tafsir, ahli hadith, sejarawan dan juga sasterawan. Lihat al-Zerekly al-Dimashqī, *al-A'lām*, 7:152.

yang batil. Ketiga, diturunkan al-Qur'an itu dalam keadaan, tempat dan waktu yang berbeza-beza.⁸⁹ Manakala (آيات مفصّلات) -*āyāt mufasssālāt*- pula sebagai maksud 'tanda-tanda/bukti-bukti yang jelas'.⁹⁰ Berdasarkan keterangan tersebut maka penafsiran yang dibuat oleh Ibn Manẓūr tidak dapat diterima.

Perkataan berakar kata *fa-ṣa-la*, memang terdapat dalam al-Qur'an dengan membawa maksud yang pelbagai mengikut konteks ayat. Namun begitu, perkataan-perkataan tersebut bukanlah terminologi yang dipetik secara langsung untuk dijadikan istilah dalam bidang ini tanpa melalui beberapa peringkat perkembangan ilmu seperti yang telah dibentangkan pada bahagian awal tadi.

1.2.4 Pembahagian *Fāṣilah*

Fāṣilah al-Qur'an dapat dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, berdasarkan *al-Wazn*⁹¹ dan *al-Maqāṭi'*⁹² serta *al-Taḳārūb*.⁹³ Manakala kategori kedua pula berdasarkan panjang ataupun pendek sesebuah ayat. Perincian setiap kategori adalah seperti penjelasan berikut:

a. *al-Wazn* dan *al-Maqāṭi'* serta *al-Taḳārūb*.⁹⁴

Menerusi elemen-elemen asas, maka *fāṣilah* al-Qur'an ini dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu:⁹⁵

i. Kesatuan dua *fāṣilah* ataupun lebih pada *al-wazn* dan *al-maqāṭi'*.

⁸⁹ Abū Hayyān, Muhammad bin Yūsuf bin 'Alī bin Yūsuf bin Hayyān, Tahqiq Sidqi Muhammad Jamil, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī al-Tafsīr* (Beirut: Dār al-Kutb, 1420H), 5:62.

⁹⁰ *Ibid.*, 5:152.

⁹¹ *al-Wazn* iaitu dalam bahasa Melayunya disebut pola.

⁹² *al-Maqāṭi'* dalam bahasa Melayunya dirujuk kepada huruf-huruf akhir yang terletak di *fāṣilah* dan disyaratkan terdiri daripada paling minima satu huruf yang sama.

⁹³ *al-Taḳārūb* merujuk kepada kemiripan jenis huruf yang wujud antara *fāṣilah* sekiranya kedua-dua elemen terdahulu tidak dipenuhi.

⁹⁴ Penerangan dalam bahagian ini ayat-ayat al-Qur'annya tidak disertakan akan terjemahan mahupun ulasan maknanya. Ini berikutan *shawahid* ayat-ayat tersebut adalah dari konteks ciri-ciri *lafziyyah* yang terdapat pada perkataan ataupun kalimah yang berkaitan.

⁹⁵ al-Zarkashi, *al-Burhan fī 'ulum al-Qur'an*, 1:72-77.

Contoh, firman Allah s.w.t.:

وَكُتِبَ مَسْطُورٌ ﴿٢﴾ فِي رَقٍّ مَنْشُورٍ ﴿٣﴾ وَالْبَيْتِ الْمَعْمُورِ ﴿٤﴾

Al-Tūr 52: 2-4

Perkataan (مَسْطُورٌ) (مَنْشُورٌ) dan (الْمَعْمُورِ) dalam ayat di atas adalah sama

dalam konteks *al-wazn* iaitu dibina dengan *al-wazn* (مَفْعُول) dan di akhiri

dengan huruf (و) dan (ر) pada *al-maqāṭi'*.

Contoh lain, firman Allah s.w.t.:

وَالْعَنَدَيْتِ ضَبْحًا ﴿١﴾ فَالْمُورِيَّتِ قَدْ حَا ﴿٢﴾

Al-‘Adiyāt 100: 1-2

Perkataan (ضَبْحًا) dan (قَدْ حَا) adalah sama dalam *al-wazn* iaitu (فَعْلًا) dan di

akhiri dengan huruf (ح) dan (ا) pada *al-maqāṭi'*.

- ii. Kesatuan dua *fāṣilah* ataupun lebih hanya pada *al-wazn* sahaja dan tidak pada *al-maqāṭi'*.

Contoh, firman Allah s.w.t.:

وَنَمَارِقُ مَصْفُوفَةٌ ﴿١٥﴾ وَزَرَائِي مَبْنُوتَةٌ ﴿١٦﴾

Al-Ghāshiah 88:15-16

Perkataan (مَصْفُوفَةً) dan (مَبْنُوثَةً) adalah sama dalam konteks *al-wazn*

sahaja iaitu (مَفْعُولَةٌ).

Contoh lain, firman Allah s.w.t.:

فَأَصْبِرْ صَبْرًا حَمِيلًا ﴿٥﴾ إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُ بَعِيدًا ﴿٦﴾ وَنَرَاهُ قَرِيبًا ﴿٧﴾

Al-Ma'ārij 70: 5-7

Kalimah (جَمِيلًا), (بَعِيدًا) dan (قَرِيبًا) dalam ayat di atas hanya sama dalam

al-wazn (فَعِيلًا) sahaja.

- iii. Kesatuan dua *fāṣilah* ataupun lebih hanya pada *al-maqāṭi'* sahaja dan tidak pada *al-wazn*.

Contoh firman Allah s.w.t.:

خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَلٍ كَالْفَخَّارِ ﴿١٤﴾ وَخَلَقَ الْجَانَّ مِنْ مَّارِجٍ مِّنْ

نَّارٍ ﴿١٥﴾

Al-Rahmān 55: 14-15

Perkataan (كَالْفَخَّارِ) dan (نَّارٍ) hanya sama pada *al-maqāṭi'* sahaja iaitu

huruf (ل) dan (ر) namun tidak pada *al-wazn*.

Contoh berikutnya, firman Allah s.w.t:

أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهْدًا ﴿٦﴾ وَالْجِبَالَ أَوْتَادًا ﴿٧﴾

Al-Nabā' 78: 6-7

Perhatikan perkataan (مِهْدًا) dan (أَوْتَادًا) kedua-duanya berbeza pada *al-*

wazn tetapi sama *al-maqāṭi'* iaitu (د) dan (ا).

- iv. *al-Taqārub* iaitu terdapat kemiripan pada jenis huruf antara *fāṣilah*. Ini berikutan berbezanya dua *fāṣilah* ataupun lebih pada *al-wazn* dan *al-maqāṭi'*.

Contoh firman Allah s.w.t.:

الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢﴾ مَلِكُ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٣﴾

Al-Fātiḥah 1: 3-4

Di sini kalimah (الرَّحِيمِ) dan (الدِّينِ) adalah berbeza dalam konteks *al-*

wazn dan *al-maqāṭi'*, namun wujud keserasian antara kedua-dua *fāṣilah*

lantaran adanya kemiripan dari konteks jenis huruf iaitu (م) dan juga (ن).

Contoh berikutnya, firman Allah s.w.t:

يَسِّ ۝ وَالْقُرْءَانِ الْحَكِيمِ ۝ إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ۝

Yāsīn 36: 1-3

Begitu juga kalimah (أَلْمُرْسَلِينَ), (الْحَكِيمِ), (يَسْ). Huruf *nūn* (ن) dan *mīm*

(م) yang terletak dipenghujung perkataan adalah berkongsi dalam enam

sifat huruf yang sama iaitu sifat Nyaring (*Jahr*), Dengung (*Ghunnah*),

Merendah (*Istifal*), Membuka (*Infithah*) dan Sederhana/Pertengahan

(*Tawassut*)⁹⁶. Kesannya keserasian dan keharmonian wujud antara ketiga-

tiganya dan menghasilkan bunyi yang indah lantaran penghujung kalimah-

kalimahnyanya adalah bermiripan.

Contoh lain yang bermiripan ialah, firman Allah s.w.t:

وَأَمْرًا تُهْرِمَانَهُ حَمَالَةَ الْحَطَبِ فِي جَيْدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ۖ

Al-Laḥab 111: 4-5

Huruf (ب) dan (د) merupakan huruf yang juga saling bermiripan.

b. Panjang ataupun pendek sesebuah ayat.

Bentuk pembahagian ini melihat kepada bilangan perkataan yang terkandung

dalam sesebuah ayat.⁹⁷ Dalam konteks pembahagian ini, perkataan-perkataan

sesebuah ayat akan dikira dan akan ditentukan jenis-jenisnya iaitu *fāṣilah*

⁹⁶ Abdul Kadir Leong, *Tajwid al-Qur'an Rasm 'Uthmani* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2003), 26.

⁹⁷ Perbuatan mengira bagi mengetahui jumlah huruf dan perkataan yang terkandung dalam al-Qur'an telah dibuat pada zaman al-Hajjāj bin Yūsūf al-Thaqāfi. Beliau telah mengarahkan para *huffāz*, *qurra'* dan *kuttāb* pada zamannya bagi melaksanakan perkara tersebut. Lihat Tafsir al-Qurtubī, Muḥammad bin Ahmad, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* (Qaherah: Dār al-Turath, 1996), 1:80. Terdapat juga pengkaji lain yang turut mengira bilangan surah, ayat-ayat dan huruf-huruf al-Qur'an keseluruhannya antaranya ialah al-Fairuzabādi (m. 817H)⁹⁷ menerusi karyanya *Basāir Zawī al-Tamyiz fī Laṭā'if al-Kitāb al-'Azīz*. Lihat Muḥammad bin Ya'qūb bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin 'Umar, Abū Ṭāhir Majd al-Dīn al-Shīrāzī al-Fairuzabādi. Beliau merupakan seorang daripada kalangan ilmuwan Bahasa, Sastera, Hadith dan Tafsir semasa zamannya. Karya-karya lain beliau adalah seperti al-Qāmūs al-Muḥīth dan Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn 'Abbas. Lihat Muḥammad al-Zereky al-Dimashqī, *al-A'lām*, 7:146. Maklumat berkaitan kitab *Basāir Zawī al-Tamyiz fī Laṭā'if al-Kitāb al-'Azīz* adalah seperti berikut: al-Fairuzabādi, Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya'qūb, *Basāir Zawī al-Tamyiz fī Laṭā'if al-Kitāb al-'Azīz*, (Qaherah: al-Majlis al-'Ala li al-Shu'ūn al-Islamiyyah, 1996).

pendek, *fāṣilah* sederhana dan *fāṣilah* panjang.⁹⁸ Berikut merupakan penjelasan kepada setiap bahagian:

i. *Fāṣilah* Pendek

Ia merupakan ayat yang terdiri daripada 1 perkataan ataupun sesuatu susunan huruf-huruf hingga jumlah maksimumnya adalah terdiri daripada 3 perkataan.⁹⁹ Contoh bagi jenis ini adalah sebagaimana firman Allah s.w.t.

الرَّحْمَنُ

Al-Raḥmān 55: 1

الْم

Al-Baqarah 2: 1

dan juga,

اللَّهُ الصَّمَدُ

Al-Ikhlāṣ 112: 2

Contoh-contoh lain bagi *fāṣilah* pendek ini adalah seperti surah Ali 'Imrān 3:1, surah al-Ghāfir 40:1, surah al-Raḥmān 55:1-4, surah al-Nabā' 78:1-2, al-Nāzi'āt 79: 1-5, surah 'Abasa 8:1, surah al-Takwīr 81: 15-16, surah al-Muṭaffifīn 83:1, surah al-Burūj 85: 22, surah al-Ṭāriq 86:1, surah al-Fajr 89: 1, surah al-Ḍuḥā 93:1-2 dan lain-lain lagi.

⁹⁸ al-Hasnāwi, *al-Fāṣilah fī al-Qur'ān*, 176.

⁹⁹ *Ibid.*

ii. *Fāṣilah* Sederhana

Ia merupakan ayat yang bilangan perkataannya adalah terdiri daripada 4 hingga ke 10 patah perkataan.¹⁰⁰ Contoh sebagai penjelasan untuk jenis ini adalah firman Allah s.w.t.

لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٢﴾ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿١﴾

Al-Ikhlāṣ 112: 3-4

وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿١﴾

Al-Falaq 113: 4-5

dan juga,

مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿١﴾ الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٢﴾

Al-Nās 114: 4-5

Contoh-contoh lain bagi *fāṣilah* sederhana ini adalah seperti surah al-Baqarah 2:2, surah Ali 'Imrān 3:2, surah al-Nisā' 4:28, surah al-Anfāl 8:3, surah al-Tawbah 9:22, surah Yūnus 10:69, surah Yūsuf 12:1, surah al-Ghāfir 40:2, surah al-Raḥmān 55:11, surah al-Qiyāmah 75:3, surah al-Infiṭār 82:19 dan lain-lain lagi.

iii. *Fāṣilah* Panjang

Ayat-ayat yang mempunyai bilangan perkataan sebanyak 11 patah kata hingga ke atas.¹⁰¹ Sebagaimana firman Allah s.w.t.

¹⁰⁰ *Ibid.*

¹⁰¹ *Ibid.*

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Al-Baqarah 2: 6 ﴿٦﴾

dan juga,

فَمَا كَانَ دَعْوَانَهُمْ إِذْ جَاءَهُمْ بِأَسْأَلٍ إِلَّا أَنْ قَالُوا إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٦٠﴾

Al-A'rāf 7: 5

Contoh-contoh lain bagi *fāṣilah* panjang ini adalah seperti al-Baqarah 2:13, surah Ali 'Imrān 3:7, surah al-Nisā' 4:1, surah al-Mā'idah 5:2, surah al-An'ām 6:73, surah al-A'rāf 7:187, surah al-Anfāl 8:1, surah al-Tawbah 9:34, surah Yūnus 10:108, surah Hūd 27:61, surah al-Fāṭir 35:1 dan lain-lain lagi.

Sekiranya diperhalusi kesemua jenis *fāṣilah* yang telah dibentangkan sebelum ini, didapati pembahagian adalah berdasarkan ciri-ciri fizikal *fāṣilah* iaitu meliputi *al-wazn*, jenis-jenis huruf dan bilangan kalimah dalam sesebuah ayat sahaja.

1.3 Peranan *Fāṣilah* al-Qur'an

Fāṣilah al-Qur'an dari konteks makna dapat difahami menerusi peranan yang dimainkan olehnya, sama ada dalam ayat ataupun melibatkan antara ayat-ayat al-Qur'an.¹⁰² Terdapat dua peranan *fāṣilah* al-Qur'an yang dikenalpasti menerusi kajian ini. Peranan-peranan tersebut adalah seperti berikut:

¹⁰² Peranan *fāṣilah* yang bakal dijelaskan di sini adalah berbeza dengan pembahagian yang telah dibuat dahulu, iaitu *fāṣilah* terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama, *fāṣilah* ayat saling berbeza dari sudut lafaz dan juga makna. Kedua, *fāṣilah* ayat berbeza dari sudut lafaz namun sama dalam konteks makna. Ketiga, *fāṣilah* ayat adalah sama dari sudut lafaz namun berbeza dari sudut makna. Penjelasan lanjut berkaitan pembahagian ini boleh merujuk kepada, al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:86.


Pertama: Peranan umum: Setiap *fāṣilah* itu berfungsi sebagai pembeza bagi ayat-ayat al-Qur'an. Pembeza merupakan peranan asasi yang dimainkan oleh setiap *fāṣilah* kerana susunan ayat-ayat al-Qur'an dalam sesebuah surah itu adalah *tawqifi*.

Kedua: Peranan khusus: Selain peranan asasi, *fāṣilah* sebagai pembeza untuk setiap ayat al-Qur'an, adakalanya turut berperanan sebagai penjelas hikmah ataupun penyatu ataupun penegas. Peranan khusus ini ketara setelah membandingkan *fāṣilah* sesebuah ayat dengan *fāṣilah* dalam ayat-ayat yang lain sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 1.1: Peranan *Fāṣilah* dalam Konteks Hubungannya Antara Ayat-ayat al-Qur'an

	Isi Kandungan antara Ayat-ayat al-Qur'an	<i>Fāṣilah</i>	Peranan Umum (Asasi)	Peranan Khusus (Bagi sebilangan ayat yang berkaitan)
1	Berbeza	Berbeza	Pembeza bagi setiap ayat-ayat al-Qur'an	Pembeza/Penjelas
2	Sama	Berbeza		Hikmah Ayat
3	Berbeza	Sama		Penyatu
4	Sama	Sama		Penegas/ <i>Ta'sīs</i>

Disertakan juga gambar rajah di muka surat sebelah bagi memudahkan jadual sebelum ini untuk difahami:



Rajah 1.1: Set dan sub-set *fāṣilah* bagi menggambarkan peranan umum dan peranan khusus dalam al-Qur'an.

1.3.1 *Fāṣilah* sebagai Pembeza

Fāṣilah sebagaimana peranan asasinya sebagai pembeza, akan menunjukkan perbezaan di antara suatu ayat dengan ayat-ayat al-Qur'an yang lain. Bagi sebahagian ayat-ayat al-Qur'an meskipun isi perbincangan antara setiap ayat adalah sama, namun sekiranya ditutup dengan *fāṣilah* yang saling berbeza, maka hal ini akan memaparkan wujudnya suatu maksud khusus yang ingin dijelaskan sama ada maksud tersebut dapat difahami secara jelas ataupun menerusi pengamatan yang mendalam ke atas konteks ayat dan susunan lafaz yang mengakhiri ayat-ayat terlibat. Berikut adalah contoh sebagai penjelasan:

- a. Pembeza Antara Ayat dalam Satu Surah Walaupun Isi Perbahasannya Sama.

Contoh pertama adalah seperti berikut:

... وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٤٤﴾

... وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

... وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤٦﴾

Al-Mā'idah 5:44, 45 dan 47

Terjemahan: ...Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir. ...Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. ... Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.

Ketiga-tiga ayat daripada Surah al-Māidah¹⁰³ berkenaan mempunyai *fāṣilah* yang berbeza-beza meskipun pembicaraannya adalah sama. Ketiga-tiga ayat tersebut membicarakan berkaitan sesiapa yang tidak berhukum dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Perbezaan yang berlaku dalam *fāṣilah* tersebut memberikan faedah dalam penjelasan dan menjauhi pengulangan serta setiap satunya terletak dalam situasi yang amat secocok mengikut maksud yang ingin disampaikan oleh setiap ayat.¹⁰⁴

al-Zuhailiy menjelaskan bahawa, kafir itu adalah untuk orang-orang yang menghalalkan hukum selain daripada ketetapan Allah, ingkar dengan hatinya dan menolaknya menerusi percakapan dan perbuatan. Bagi yang membenarkannya (mengiktiraf) dengan hati namun tidak berhukum dengan

¹⁰³ Ulama' berselisih pendapat berkenaan kepada siapakah ketiga-tiga ayat ini ditujukan. Mengikut al-Ṭabari, ketiga-tiga ayat tersebut ditujukan kepada kaum kafir dan bukannya kepada umat Islam. Pendapat beliau adalah berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, (Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Ḥudūd, Bab. no. Hadith 2348. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim, "Ṣaḥīḥ Muslim," ed. Muhammad Fuad 'Abd al-Bāqī (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy, t.t.). Lihat juga Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī, *Lūbāb al-Nūqūl fī Asbāb al-Nuzūl*, Tahqīq Dr. Muhammad Muhammad Tāmir (Kaherah: Dār al-Nu'mān, 2001), 134. Daripada Barra' bin 'Azib daripada Nabi s.a.w. sesungguhnya baginda merejam seorang lelaki dan perempuan Yahudi kerana berzina kemudian baginda telah bersabda:

... وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

... وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

... وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Turun kesemuanya ayat diatas kepada orang kafir. Menurut Ibn Mas'ūd, ayat tersebut diturunkan untuk kaum Muslimin dan Yahudi serta golongan Kuffar. al-Sha'biy pula berpendapat ketiga-tiga ayat tersebut dikhususkan untuk golongan Yahudi sahaja. Ibn 'Arabiy pula berpendapat ayat yang pertama ditujukan kepada orang-orang Islam, kedua adalah untuk orang-orang Yahudi dan ketiga pula untuk kaum Nasrani. Lihat Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an al-Ta'wīl Āy al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Fikr, 1405H), 6:166.

¹⁰⁴ Lihat al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:87.

ketetapan Allah s.w.t. maka tergolong dalam golongan fasiq dan zalim.¹⁰⁵

Justeru, dapat dilihat *fāṣilah* berperanan sebagai pembeza.

b. Pembeza Antara Ayat dalam Surah Berlainan

Contoh:

.. وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا ۚ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

Ibrahim 14:34

Terjemahan: ... Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya.

dan

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٨﴾

Al-Naḥl 16:18

Terjemahan: Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkannya kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Kedua-dua ayat di atas, sekiranya merujuk kepada pengkelasan terdahulu diletakkan dalam jenis berbeza *fāṣilah* dalam lafaz-lafaz namun bersatu dalam konteks makna. Pengkelasan tersebut dibuat kerana wujud persamaan isi dalam kedua-dua ayat terlibat, iaitu penjelasan berkenaan nikmat-nikmat

¹⁰⁵ Wahbah al-Zuhailī, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, 1991), 6:208.

kurniaan Allah yang amat banyak sehinggakan manusia tidak mampu untuk menghitungnya.

Namun, terdapat pengkaji yang mempersoalkan akan hal tersebut. Persoalan yang timbul ialah mengapakah diakhiri kedua-dua ayat tersebut dengan *fāṣilah* yang berbeza, walaupun topik perbicaraan kedua-dua ayat adalah sama?

Kesimpulan yang dapat diberikan setelah melakukan penelitian bagi memahami hikmah di sebalik perbezaan yang berlaku meskipun dalam ayat-ayat yang sama isi penceritaannya adalah mengisyaratkan terdapat perbezaan dari sudut konteks untuk setiap ayat dalam surah masing-masing. Ayat dalam surah Ibrahim menjelaskan sikap si penerima nikmat iaitu manusia yang seringkali bersikap zalim dan kufur sekiranya mendapat pelbagai nikmat daripada tuhan-Nya.¹⁰⁶

Keadaan tersebut berlainan konteksnya dalam surah al-Naḥl yang memberi tumpuan kepada sifat-sifat pemberi nikmat, iaitu Allah s.w.t.. Allah s.w.t bersifat dengan sifat Maha Pengampun dan Maha Penyayang, walaupun manusia itu sering derhaka di atas kepelbagaian nikmat yang dikurniakan tetapi Allah s.w.t. masih membuka pintu keampunan bagi mereka dan mencurahkan rahmat-Nya tanda penyayang terhadap manusia.¹⁰⁷ Justeru, jelas menunjukkan bahawa *fāṣilah* merupakan pembeza bagi sesuatu konteks ke atas ayat-ayat yang hampir serupa susunan isinya namun berbeza penutupnya.

¹⁰⁶ Ini merupakan kecaman terhadap manusia yang tidak mensyukuri kurniaan-kurniaan dan nikmat-nikmat pemberian-Nya. Lihat al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:86.

¹⁰⁷ *Ibid.*

1.3.2 *Fāṣilah* sebagai Penyatu

Fāṣilah sebagai penyatu dapat difahami ketika terdapatnya *fāṣilah* yang sama dalam ayat-ayat yang berlainan serta berturutan. Meskipun penjelasan-penjelasan dalam sesuatu ayat itu berbeza antara satu sama lain, namun sekiranya ditutup dengan rangkaian *fāṣilah* yang sama ini memberikan isyarat bahawa kesemua isi yang disentuh dapat dikumpulkan di bawah satu topik. Ayat-ayat berikut merupakan penjelasan untuk keterangan yang telah diberikan.

Contoh 1:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِيَسْتَعِذْنَكُمُ الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ
يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ مِّن قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ
ثِيَابَكُمْ مِّنَ الظَّهْرِ وَمِن بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَاثُ عَوْرَاتٍ لَّكُمْ لَيْسَ
عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَهُنَّ طَوَفُونَ عَلَيْكُمْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ
كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾ وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ
مِنْكُمُ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَعِذُوا كَمَا أَسْتَعِذْنَ الَّذِينَ مِّن قَبْلِهِمْ كَذَلِكَ
يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٩﴾

Al-Nūr 24: 58-59

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang Isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya

terdedah aurat kamu padanya). Kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya); dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya) dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Ayat yang pertama ditujukan kepada hamba sahaya dan anak-anak yang belum baligh manakala ayat yang selanjutnya pula ditujukan kepada kanak-kanak yang telah baligh. Adapun kedua-dua ayat tersebut telah menjelaskan ruang lingkup yang sama iaitu adab-adab pergaulan dalam rumah berkaitan perkara meminta izin sebelum memasuki bilik pada waktu-waktu yang ditetapkan.

Rahsia pengulangan *fāṣilah* untuk kedua-dua ayat al-Qur'an di atas adalah sebagai penegasan yang kuat (*mubālaghah*) dalam adab pergaulan, iaitu berkaitan perihal meminta izin sebelum memasuki bilik pada tiga waktu. Tiga waktu tersebut ialah, sebelum solat subuh, ketika tengah hari sewaktu membuka pakaian kerana kepanasan dan sesudah solat Isya'.¹⁰⁸ Tatacara yang telah digariskan oleh Allah s.w.t. dalam perkara tersebut untuk pihak-pihak terlibat adalah menunjukkan keperluannya untuk dilaksanakan.

¹⁰⁸ al-Zamakhshari, *al-Kasyāf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūni al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, 3:253.

Oleh yang demikian, Allah s.w.t. menutup kedua-dua ayat tersebut dengan menerangkan sifat-sifat-Nya, iaitu Yang Maha Mengetahui¹⁰⁹ dan Maha Bijaksana¹¹⁰. Maha Mengetahui Allah akan keperluan adab itu bagi menjaga aurat untuk seluruh hamba -Nya dan Maha Bijaksana Allah dalam hikmah dan segala pengaturan-Nya. Kekerupaan *fāṣilah* dalam ayat-ayat tersebut adalah isyarat penyatu untuk topik yang disampaikan.

Contoh 2:

فَقُرُوا إِلَى اللَّهِ إِنِّي لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ۖ وَلَا تَجْعَلُوا مَعَ اللَّهِ إِلَهًا

ءَاخَرَ إِنِّي لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ

Al-Dhāriyāt 51:50 dan 51

Terjemahan: (Katakanlah wahai Muhammad kepada mereka): “Maka segeralah kamu kembali kepada Allah (dengan bertaubat dan taat), sesungguhnya aku diutuskan Allah kepada kamu, sebagai pemberi amaran yang nyata. “Dan janganlah kamu adakan tuhan yang lain bersama Allah (dalam kepercayaan kamu), sesungguhnya aku diutus oleh Allah kepada kamu sebagai pemberi amaran yang nyata”.

¹⁰⁹ 'Alīm adalah perkataan yang berasal daripada 'Ilm dalam konteks bahasa bermaksud menjangkau sesuatu sesuai dengan keadaan sebenarnya ataupun dengan kata lain iaitu gambaran ke atas sesuatu jelas sehingga tidak timbul keraguan. 'Alīm merujuk kepada Allah s.w.t Yang Maha Mengetahui segala perkara sama ada yang telah berlaku, sedang berlaku mahupun yang akan berlaku. Pengetahuan Allah tentang sesuatu perkara itu adalah jelas, sempurna merangkumi keseluruhan luar dan dalam, halus dan nyata, mula dan akhir secara am dan juga terperinci. Pengetahuan Allah tidak dapat ditandingi oleh sesiapa dan tidak bergantung kepada kewujudan maklumat bagi membolehkannya mengetahui sesuatu bahkan, kesemua maklumat yang wujud berasal dari ilmu Allah. Lihat M. Quraish Shihab, *Menyingkap Tabir Ilahi Asmā' al-Ḥusnā dalam Perspektif al-Quran* (Jakarta: Lantera Hati, 1998), 113.

¹¹⁰ Ḥakīm bermaksud Dia Yang Maha Bijaksana kerana kebijaksanaan-Nya merupakan kebijaksanaan yang tidak diketahui tujuannya oleh sesiapa pun melainkan Allah. Selain itu, Ḥakīm juga bermaksud tuhan yang memiliki hikmah. Hikmah ialah mengetahui sebaik-baik perkara sesuatu dengan ilmu paling mulia dan sebaik-baik sesuatu yang perlu diketahui adalah Allah s.w.t. Ḥakīm disebut bergandingan dengan 'Alīm sebanyak tiga puluh lima kali dalam al-Qur'an. Secara umum Ḥakīm merujuk kepada sifat Allah namun pada sebilangan tempat, Ḥakīm juga merujuk kepada al-Quran seperti dalam ayat kedua daripada Surah Yāṣīn (36:2) dan merujuk kepada orang yang ditentukan oleh Allah s.w.t. contohnya Lukman al-Ḥakīm. *Ibid.*, 220-223.

Ayat yang pertama dalam contoh tersebut merupakan gesaan agar segera kembali kepada Allah s.w.t. dengan melakukan taubat dan ketaatan manakala ayat kedua adalah pernyataan berkaitan larangan melakukan syirik kepada Allah s.w.t. Namun begitu timbul pula persoalan bagi pengkaji yang menekuni fungsi-fungsi *fāṣilah*, apakah fungsi *fāṣilah* yang sama untuk ayat-ayat yang saling berbeza?

Setelah diamati, disimpulkan bahawa bersatu *fāṣilah* antara ayat-ayat yang berlainan itu kerana bersatu topik, iaitu berkaitan perkara penting bagi mendapatkan kejayaan di sisi Allah s.w.t. Kedua-dua ayat tersebut menggambarkan dua perkara penting untuk diberikan perhatian dan perkara tersebut itu juga adalah saling berkait antara satu dengan lain. Perkara pertama ialah gesaan untuk kembali kepada Allah dengan melaksanakan taubat di atas segala kesalahan. Manakala perkara kedua ialah dalam masa yang sama mencegah diri daripada melakukan kesyirikan demi menjaga kesucian iman kepada Allah.¹¹¹ Maka jelaslah fungsi *fāṣilah* disini adalah sebagai penyatu meskipun antara ayat yang berlainan. Itulah hikmah keserupaan *fāṣilah* dalam ayat-ayat yang dinyatakan di atas.

¹¹¹ al-Zamakhshari, *al-Kasyāf ‘an Haqāiq al-Tanzīl wa ‘Uyūni al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*, 4:286.

Contoh 3:

بَلَىٰ مَنْ كَسَبَ سَيِّئَةً وَأَحَاطَتْ بِهِ خَطِيئَتُهُ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ

فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٨١﴾ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ

الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٨٢﴾

Al-Baqarah 2:81 dan 82

Terjemahan: (Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar), sesungguhnya sesiapa yang berbuat kejahatan dan ia diliputi (ditenggelamkan) oleh kesalahannya itu, maka merekalah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya.

Kedua-dua ayat di atas, pertamanya menjelaskan perihal ahli neraka, manakala kedua pula menjelaskan berkaitan ahli syurga. Meskipun berlaku perbezaan penceritaan antara ahli syurga dan ahli neraka, kedua-dua ayat tersebut telah ditutup dengan *fāṣilah* yang sama dan saling berturutan dalam satu surah.

Justeru, timbul persoalan yang sama bagi pengkaji yang menekuni fungsi-fungsi *fāṣilah*, apakah rahsia bagi *fāṣilah* yang sama untuk ayat-ayat yang saling berbeza isi kandungannya? Setelah diamati disimpulkan bahawa bersatu *fāṣilah* antara ayat-ayat yang berlainan adalah kerana bersatu topik. Kedua-dua ayat di atas adalah serasi ditutup dengan penutup yang sama. Ini kerana kedua-duanya membicarakan tentang perihal kehidupan akhirat iaitu pembalasan dan juga ganjaran. Ayat-ayat tersebut bersatu dalam konteks kekal di alam akhirat, namun dalam suasana dan situasi yang amat berbeza. Bagi yang ingkar akan dibalas dengan azab neraka manakala bagi yang beriman dan beramal soleh akan

ditempatkan di syurga dan kehidupan mereka di dalamnya adalah kekal abadi di sana.¹¹²

1.3.3 *Fāṣilah* sebagai Penjelas Hikmah

Terdapat sebahagian daripada *fāṣilah* dalam al-Qur'an berfungsi sebagai penjelas hikmah bagi ayat yang diwakilinya. Kadangkala isi sesuatu ayat seolah-olah memberi isyarat dan juga memberi gambaran seakan-akan bahawa ayat tersebut akan diakhiri dengan perkataan-perkataan tertentu. Namun setelah tiba di penutupnya, perkataan lain pula yang telah dipilih untuk dijadikan *fāṣilah*. *Fāṣilah* dalam keadaan seperti ini berfungsi sebagai penjelas kepada penyusunan ayat sedemikian itu. Konteks dan rahsia penyusunannya diterangkan dan akhirnya hikmah daripada ayat-ayat tersebut dapat dizahirkan.

Contoh 1:

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ اللَّيْلَ سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ مَنْ إِلَهُ غَيْرُ
اللَّهِ يَأْتِيكُمْ بِضِيَاءٍ ۖ أَفَلَا تَسْمَعُونَ ﴿٦١﴾ قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ جَعَلَ اللَّهُ
عَلَيْكُمُ النَّهَارَ سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ مَنْ إِلَهُ غَيْرُ اللَّهِ يَأْتِيكُمْ بِاللَّيْلِ
تَسْكُنُونَ فِيهِ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٦٢﴾

Al-Qaṣaṣ 28:71-72

Terjemahan: Katakanlah: “Bagaimana fikiran kamu jika Allah menjadikan malam kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat; tuhan yang manakah yang lain dari Allah, yang dapat

¹¹² 'Abd al-Fattāḥ Lāshīn, *Min Asrār al-Ta'bīr fī al-Qur'ān: al-Fāṣilah al-Qur'āniyyah* (al-Riyāḍ: Dār al-Marīkh li al-Nashr, 1982), 155.

membawakan cahaya yang menerangi kepada kamu? Maka mengapa kamu tidak mahu mendengar (secara memahami dan menerima kebenaran)?” Katakanlah lagi: Bagaimana fikiran kamu jika Allah menjadikan siang kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat; tuhan yang manakah yang lain dari Allah, yang dapat membawakan malam kepada kamu untuk kamu berehat padanya? Maka mengapa kamu tidak mahu melihat (dalil-dalil dan bukti keesaan dan kekuasaan Allah)?”

Permulaan kedua-dua ayat tersebut adalah bermiripan dan seolah-olah ayat-ayat itu akan ditutup dengan *fāṣilah* yang sama. Namun demikian, mengapakah *fāṣilah* bagi kedua-dua ayat tersebut berbeza? Nyatalah di sini peranan *fāṣilah* bagi ayat-ayat tersebut sebagai penjelas hikmah. Contohnya, situasi gelap pada waktu malam adalah tidak efisien untuk deria penglihatan. Maka deria pendengaranlah yang paling sesuai dengan keadaan malam kerana tidak memerlukan cahaya. *Fāṣilah* kedua pula bertanya "tidakkah kamu melihat?". Ini memberi isyarat kepada kita bahawa keadaan terang pada waktu siang adalah sesuai dengan deria penglihatan yang memerlukan kepada cahaya untuk berfungsi.¹¹³

Penjelasan ayat-ayat tersebut membawa kita kepada isyarat sains yang secara tidak langsung menerangkan hubungan cahaya dengan deria penglihatan manusia. Sumber cahaya untuk melihat adalah datang dari luar sebagai objek, seterusnya masuk ke dalam organ deria penglihatan agar dapat ditafsir oleh otak sebagai sesuatu imej. Manusia mencipta kamera adalah hasil pengaplikasian proses penglihatan yang memerlukan cahaya bagi merakamkan sesuatu imej. Inilah tanda kemukjizatan al-Qur'an.

¹¹³ Lihat al-Zarkashi, *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:82.

Sebenarnya perbuatan melihat dicapai melalui suatu proses apabila gugusan cahaya (*photon*) yang bergerak daripada objek ke mata menembusi kanta di bahagian depan mata di mana ianya terbias dan jatuh secara songsang di atas retina yang terletak dibahagian belakang mata. Di sini, cahaya tersebut bertukar menjadi isyarat elektrik yang dihantarkan oleh neuron ke satu titik kecil yang dipanggil pusat penglihatan yang berada di bahagian belakang otak. Isyarat elektrik tersebut dilihat sebagai imej di pusat ini setelah melalui beberapa proses.¹¹⁴

Pendengaran pula dicapai apabila telinga bahagian luar menangkap bunyi-bunyi yang ada dengan cuping dan menghantarkan getaran ke telinga bahagian tengah. Bahagian tengah ini pula menghantarkan getaran bunyi ke telinga bahagian dalam setelah menguatkannya. Telinga bahagian dalam pula menghantarkan getaran tersebut ke otak setelah menukarkannya kepada isyarat elektrik untuk diproses serta ditafsir.¹¹⁵ Maka secocoklah antara deria pendengaran dengan waktu malam yang suasananya adalah lebih tenang dan sepi berbanding keadaan siang.

Contoh 2:

إِنْ تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ ۖ وَإِنْ تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الْحَكِيمُ ﴿١١٨﴾

Al-Māidah 5:118

Terjemahan: “Jika Engkau menyiksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu; dan jika Engkau mengampunkan

¹¹⁴ Harun Yahya, *Keabadian Masa dan Hakikat Takdir*, terj. Syed Mahazir dan Md Shahizad (Kuala Lumpur: Saba Islamik Media, 2004), 34.

¹¹⁵ *Ibid.*, 36.

mereka, maka sesungguhnya Engkaulah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”

Ayat di atas seakan-akan ditutup dengan lafaz *al-Ghafūr al-Raḥīm*, iaitu Maha Pengampun, Maha Penyayang namun diakhiri dengan lafaz *al-'Azīz al-Ḥakīm* iaitu Maha Perkasa, Maha Bijaksana. Justeru, *fāṣilah* dalam keadaan ini berfungsi untuk menjelaskan hikmah di sebalik keterangan ayat tersebut.

Berdasarkan konteks ayat, sekiranya ayat tersebut diakhiri dengan lafaz *al-Ghafūr al-Raḥīm* iaitu Maha Pengampun, Maha Penyayang maka difahami seolah-olah Nabi Isa a.s. memohon ampun untuk kaumnya yang telah menyekutukan Allah s.w.t. sedangkan permohonan ampun bagi orang-orang musyrik adalah ditegah. Maka lafaz *al-'Azīz al-Ḥakīm* iaitu Maha Perkasa, Maha Bijaksana adalah amat bertepatan untuk konteks ayat tersebut.¹¹⁶ Allah s.w.t. menjelaskan diri-Nya Maha Perkasa menunjukkan bahawa Dia Maha Kuat dan berkuasa mutlak untuk mengazab pendosa ataupun tidak. Allah s.w.t. dalam keperkasaan-Nya itu diiringi dengan sifat *al-Ḥakīm* iaitu Maha Bijaksana. Sifat bijaksana ini menjelaskan bahawa segala tindakan-Nya adalah tepat, betul dan mempunyai hikmah.

Sekiranya Allah s.w.t. mengazab pendosa maka Allah s.w.t. telah berlaku adil kerana mereka layak diazab di atas segala kesalahan mereka. Manakala itu, sekiranya Allah s.w.t. melepaskan mereka daripada azab walaupun mereka bersalah maka hanya Dialah yang tahu tentang hikmah di sebalik setiap perbuatan-Nya kerana Allah s.w.t. itu Maha Bijaksana.¹¹⁷

¹¹⁶ Lihat al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:89.

¹¹⁷ Lihat al-Zamakhshari, *al-Kasyāf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūni al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, 2:77.

Contoh 3:

وَالْحَمْسَةَ أَنْ غَضَبَ اللَّهُ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿١٠﴾ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ

عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ، وَأَنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ حَكِيمٌ ﴿١١﴾

Al-Nūr 24:9-10

Terjemahan: Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata); Bahawa kemurkaan Allah akan menimpa dirinya jika suaminya dari orang-orang yang benar. Dan kalaulah tidak kerana adanya limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, dan juga (kalaulah tidak kerana) bahawa Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Bijaksana, (tentulah kamu akan akan mengalami kesusahan yang sukar diatasi).

Sekali pandang seolah-olah ayat tersebut akan ditutup dengan lafaz *Tawwāb Raḥīm*, Maha Penerima Taubat dan Maha Penyayang kerana rahmat secocok untuk taubat khasnya sewaktu melibatkan dosa-dosa yang besar seperti *Li'an*¹¹⁸ ini. Namun begitu pemilihan lafaz *Ḥakīm* (Maha Bijaksana) untuk menutupi ayat tersebut adalah bagi menjelaskan faedah disyariatkan hukum *Li'an*. Sifat *Ḥakīm* adalah amat secocok digandingkan dengan sifat *Tawwāb*¹¹⁹ dalam konteks ini. Sesungguhnya Allah s.w.t. menurunkan hukum *Li'an* dan mahu menerusi hukum tersebut bagi menutup keburukan maksiat yang lebih besar (*fāhishah*) ke atas

¹¹⁸ *Li'an* secara bahasanya ialah menghalau dan menjauhkan. *Li'an* dinamakan dengan nama ini kerana jauhnya hubungan di antara kedua-dua belah suami isteri terbabit. Pengertian daripada segi istilah pula bermaksud beberapa perkataan tertentu yang digunakan sebagai hujah oleh orang yang terpaksa menuduh orang yang mencemarkan tempat tidurnya dan memberi malu kepadanya sebagai pezina. Ataupun dengan pengertian mudahnya ialah sumpah suami yang disertakan dengan laknat dari Allah untuk menolak hukuman qazaf disebabkan tuduhan zina terhadap isteri atau menafikan nasab. Lihat Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan 'Alī al-Sharbaji, *al-Fiqh al-Manhajī*, terj. Ridzuan Hashim et al. (Batu Caves: Pustaka Salam, 2009), 4:840.

¹¹⁹ *Tawwāb* diambil daripada akar kata *ta-wa-ba* yang bermaksud kembali. Perkataan tersebut sama ada dalam bentuk *ma'rifah* ataupun *nakirah* menunjukkan kepada Allah s.w.t. sebagai Maha Penerima Taubat dan diulang sebanyak sebelas kali dalam al-Qur'an. *Tawwābīn* kata jamak bagi *Tawwāb* adalah digunakan khusus untuk manusia yang bertaubat. Lihat M. Quraish Shihab, *Menyingkap Tabir Ilahi Asmā' al-Ḥusnā dalam Perspektif al-Quran*, 350.

hamba-hamba-Nya.¹²⁰ Sekiranya peruntukan hukum *Li'an* tersebut tiada, maka wajib ke atas suami yang telah melemparkan tuduhan zina terhadap isterinya tanpa disertai syarat yang cukup akan dikenakan hukuman *Qazaf* walaupun beliau berada di pihak yang benar. Manakala isteri juga perlu bersumpah *Li'an* bagi mengelak tuduhan suaminya jika tidak mengaku bersalah. Justeru, *Li'an* dilihat sebagai jalan keluar kepada permasalahan tersebut. Iaitu antara hukum *Qazaf* (menuduh zina tanpa bukti yang cukup) dan hukum had zina bagi yang dapat memenuhi syarat-syarat ditetapkan oleh syarak.

Hikmah disyariatkan *Li'an* ialah untuk menakutkan para suami dan isteri daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang terkutuk dan menjatuhkan maruah. Suami dapat mencari penyelesaian secara adil terhadap permasalahan yang berlaku antara dia dengan isterinya. *Li'an* dapat menjaga kepentingan suami yang melihat kejadian buruk itu berlaku dan tidak sempat mencari saksi-saksi yang diperlukan untuk mendakwa isterinya. Isteri juga dapat menjaga maruahnya dengan turut juga bersumpah laknat bagi mengenyahkan sumpah laknat daripada suaminya sekiranya dia berada di pihak yang benar. Selain itu, dengan pelaksanaan hukum *Li'an*, suami dapat mempertahankan kesucian nasabnya iaitu dapat mengelakkan daripada mewarisi anak yang bukan daripada keturunannya yang sah.¹²¹ Maka secocoklah lafaz *Tawwāb Ḥakīm* yang bermaksud Maha Penerima Taubat lagi Maha Bijaksana untuk menyingkap hikmah dan menutup ayat yang menjelaskan hukum *Li'an*.

¹²⁰ Lihat al-Zarkashi, *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:91.

¹²¹ Lihat Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan 'Alī al-Sharbaḥī, *al-Fiqh al-Manhajī*, 4:841-842.

1.3.4 *Fāṣilah* sebagai Penegas

Sebilangan *fāṣilah* al-Qur'an turut juga berfungsi sebagai penegas bersama-sama isi yang ingin ditekankan dalam sesebuah ayat yang terlibat. Perkara ini terjadi sewaktu berlakunya pengulangan *-al-Takrār-* secara keseluruhan dalam ayat-ayat al-Qur'an. Pengulangan *-al-Takrār-* memberi kesan yang nyata dalam konteks makna dan pengulangan memberi kesan lebih nyata berbanding penguat *-al-Ta'kid-*¹²² yang lazimnya menggunakan peranti 'اِنَّ', huruf *Lām* penguat 'ل' *التأكيد* ataupun peranti pengkhususan *-adawāt al-Ḥaṣr-* seperti 'اِنَّمَا'. Selain itu, pengulangan dalam surah-surah yang pendek adalah berbentuk khusus, ringkas dan berulang bagi menzahirkan impak yang maksimum, penegasan dan juga peringatan kepada pembacanya.¹²³

Contoh 1:

كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣﴾ ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

Al-Takāthur 102:3-4

Terjemahan: Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati)! Sekali lagi (diingatkan): jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak akibatnya yang buruk pada hari kiamat)!

Ayat ketiga dan keempat daripada Surah al-Takāthur adalah saling berulang secara keseluruhan dari konteks perkataan-perkataanya. Pengulangan ayat yang sama buat kali kedua merupakan gambaran penegasan dan penekanan. Malah

¹²² Lihat al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 3:11.

¹²³ 'Aishah 'Abd al-Raḥmān, *al-Tafsīr al-Bayānī li al-Qur'ān al-Karīm* (Miṣr: Dār al-Ma'ārif, 1968), 1:71.

penggunaan (*thumma*) dalam ayat kedua selepas ayat yang sama pada sebelumnya merupakan peringatan yang lebih kuat dari konteks maknanya jika dibandingkan dengan yang sebelumnya.¹²⁴

Ayat tersebut mengingatkan kita bahawa sikap bermegah-megah dalam soal banyak zuriat, harta, pengikut, pangkat dan kemuliaan telah melalaikan diri daripada Allah s.w.t. Maka jangan sesekali bersikap sedemikian itu kerana kelak akan diketahui bahawa akibatnya amat buruk dan kemudian sekali lagi diingatkan -dengan penegasan yang lebih kuat lagi- jangan sesekali bersikap sedemikian itu kerana kamu akan mengetahui kelak akibatnya.¹²⁵

Contoh 2:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ

Al-Inshirah 94:5-6

Terjemahan: Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.

Ayat kelima di atas diulang sekali lagi oleh ayat keenam. Pengulangan tersebut, sebagaimana banyak pengulangan ayat-ayat pada zaman Mekah, difahami sebagai penekanan dan penegasan. Ayat tersebut merupakan sokongan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengukuhkan jiwa baginda pada saat menghadapi tentangan hebat sewaktu menjalankan dakwahnya di Mekah. Penekanan bahawa sesungguhnya bersama kesukaran itu ada kemudahan,

¹²⁴ Lihat al-Zamakhsharī, *al-Kashāf 'an Ḥaqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūni al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, 4:627.

¹²⁵ Indra Laksana et al. *Syaamil al-Qur'an Miracle Reference* (Bandung: Sygma Publishing, 2010), 1197.

sesungguhnya bersama kesukaran itu ada kemudahan seolah-olah Allah s.w.t ingin menjelaskan kepada kita berkaitan ketetapan-Nya, iaitu *sunnatullah* bagi setiap kesukaran mahupun kesusahan yang dihadapi itu terdapat bersamanya kesenangan dan kemudahan. Perkara tersebut dibuktikan menerusi peribadi Nabi s.a.w. sendiri. Setelah baginda menghadapi segala penentangan, pemulauan, penolakan dakwah oleh kaumnya, tiba juga akhirnya jalan keluar dan kelapangan yang amat diharapkan. Semua itu datang disebabkan Nabi s.a.w. bersabar dan tabah dalam menempuhi kesulitan yang dihadapi.¹²⁶

1.4 Keindahan dan Keunikan *Fāṣilah*

Bahagian ini akan mengupas keindahan *fāṣilah* dari aspek bahasa dan juga polemik pengistilahan yang berlaku terhadapnya.

1.4.1 Keindahan *Fāṣilah* dari Aspek Bahasa

Fāṣilah merupakan tempat istirehat pada setiap ayat al-Qur'an yang memberi peluang kepada pembacanya untuk mengamati makna yang terkandung dalam setiap susunan ayat. Maka dengan ini makna sesuatu ayat itu jelas, indah dan mudah dihayati. Kaedah penjelasan inilah yang diimplimentasi di dalam al-Qur'an dan berbeza dengan percakapan. Hal inilah yang membezakan setiap ayat al-Qur'an dan tidak dinamakan sebagai *al-Saj'*.¹²⁷

Keserasian nada dan susun atur huruf-huruf antara kalimah dan juga ayat al-Qur'an khususnya di bahagian *fāṣilah* memudahkan penghayatan terhadap bacaan yang didengar ataupun dibaca. Kita sering dapati ayat-ayat al-Qur'an

¹²⁶ Shihab, M. Quraish, Tafsir al-Misbāh: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an (Jakarta: Lantera Hati, 2007), 15:361-363.

¹²⁷ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:54.

berada dalam nada rendah dan tenang sekiranya ayat itu berisi khabar gembira ataupun terkandung dalamnya ajakan atau renungan sesuatu nasihat. Begitulah sebaliknya, nada-nada yang tinggi dan keras digunakan sewaktu membawakan maksud ancaman atau siksaan.¹²⁸

Contoh: Nada-nada huruf yang lembut digunakan sewaktu menerangkan **rahmat** Allah yang luas sebagaimana berikut:

وَالضُّحَىٰ ﴿١﴾ وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ ﴿٢﴾ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾
وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ﴿٤﴾ وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ ﴿٥﴾

Al-Duḥā 93: 1-5

Terjemahan: Demi waktu dhuha. Dan malam apabila ia sunyi-sepi. (Bahawa) Tuhanmu (wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan Ia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik). Dan sesungguhnya kesudahan keadaanmu adalah lebih baik bagimu daripada permulaannya. Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat) sehingga engkau redha – berpuas hati.

Contoh: Nada-nada huruf yang tinggi dan keras digunakan sewaktu membawakan maksud **ancaman** atau **seksaan** sebagaimana berikut:

الْحَاقَّةُ ﴿١﴾ مَا الْحَاقَّةُ ﴿٢﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْحَاقَّةُ ﴿٣﴾
كَذَّبَتْ ثَمُودُ وَعَادٌ بِالْقَارِعَةِ ﴿٤﴾

Al-Hāqqah 69: 1-4

Terjemahan: Saat yang tetap berlaku itu - Apakah dia sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui tentang sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? (Saat itu ialah hari kiamat). Kaum Thamud dan 'Ād telah

¹²⁸ Abdul Jalal H.A., *Ulumul Qur'an* (Surabaya: Dunia Ilmu, 2000), 388.

mendustakan hari (kiamat) yang menggempar dan mengharukan itu.

Lebih menarik lagi jika kita menekuni *fāṣilah* ayat-ayat al-Qur'an. Terdapat banyak surah ditutup dengan huruf yang sama bagi menghasilkan kesan maksimum dalam jiwa setiap pembaca dan pendengarnya. Berikut adalah sebahagian daripada contoh sebagai penjelasan.

Contoh surah yang *fāṣilah*nya diakhiri dengan huruf *ha* dan *alif*.¹²⁹

وَالشَّهَسِ وَضُحَّتْهَا ﴿١﴾ وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَّهَا ﴿٢﴾ وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَّهَا ﴿٣﴾ وَاللَّيْلِ إِذَا
يَغْشَاهَا ﴿٤﴾ وَالسَّمَاءِ وَمَا بَنَدَهَا ﴿٥﴾ وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَنَهَا ﴿٦﴾ وَنَفْسٍ وَمَا
سَوَّلَهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ
مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾ كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِطَغْوَاهَا ﴿١١﴾ إِذِ انْبَعَثَ أَشْقَاهَا ﴿١٢﴾ فَقَالَ لَهُمْ
رَسُولُ اللَّهِ نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيَاهَا ﴿١٣﴾ فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهَا فَدَمْدَمَ عَلَيْهِمْ رَبُّهُمْ
بِذُنُوبِهِمْ فَسَوَّاهَا ﴿١٤﴾ وَلَا تَخَافُ عُقْبَاهَا ﴿١٥﴾

Al-Shams 91:1-15

Contoh surah yang *fāṣilah*nya diakhiri dengan huruf *ra'*.

¹²⁹ Contoh-contoh dalam bahagian ini tidak didatangkan bersama terjemahannya kerana fokus ayat-ayat al-Qur'an yang didatangkan adalah untuk menunjukkan ciri-ciri *lafziyyah* yang terdapat pada *fāṣilah* terlibat.

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ

أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِم مِّن كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَامٌ هِيَ

حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

Al-Qadr 97:1-5

Contoh surah yang *fāṣilah*nya diakhiri dengan huruf *lām*.

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ ﴿١﴾ أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِي تَضْلِيلٍ ﴿٢﴾

وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ﴿٣﴾ تَرْمِيهِم بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ﴿٤﴾ فَجَعَلَهُمْ

كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ﴿٥﴾

Al-Fīl 105:1-5

Selain itu, *fāṣilah* al-Qur'an turut juga mempunyai hikmah dan rahsia. Hubungan erat antara lafaz dan makna menyerlahkan ketinggian bahasa al-Qur'an. Justeru, didapati terdapat usaha yang dibuat bagi mengupas hikmah disebalik *fāṣilah* al-Qur'an, contohnya:

- Hikmah penambahan huruf *alif* pada *fāṣilah*.
- Hikmah penambahan huruf *ha* pada *fāṣilah*.
- Hikmah *al-Taqdim* wa *al-Ta'khir* melibatkan *fāṣilah*.
- Hikmah lafaz tertentu yang dipilih untuk ditempatkan pada *fāṣilah*.

Berikut merupakan penerangan bagi setiap hikmah yang disenaraikan di atas.

- Hikmah penambahan huruf *alif* pada *fāṣilah*.

يَوْمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِي النَّارِ يَقُولُونَ يَلَيْتَنَّا أَطَعْنَا اللَّهَ وَأَطَعْنَا الرَّسُولَ ﴿٦﴾

وَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَاءَنَا فَأَضَلُّونَا السَّبِيلَ

Al-Aḥzāb 33: 66-67

Terjemahan: Pada masa muka mereka dibalik-balikkan dalam neraka, mereka berkata (dengan sesalnya): “Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) taat kepada Allah serta taat kepada Rasul Allah. Dan mereka berkata lagi: “Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan orang-orang besar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar.

Terdapat pertambahan huruf *alif* pada *fāṣilah* ayat di atas iaitu (الرَّسُولَا) dan (السَّبِيلَا). Pertambahan ini memberikan kesan bunyi yang panjang di pengakhiran ayat-ayat tersebut. Ia sesuai dengan konteks ayat yang merupakan *khiṭab* ahli neraka. Mereka dilontar ke dalam neraka dan mereka dalam keadaan menyesal, meratap, menangis dan sedih. Situasi mereka yang sedih dan hiba itu cuba digambarkan oleh ayat-ayat tersebut menerusi kesan bunyi yang panjang terbit dari huruf *alif*. Maka secocoklah *fasilah* dengan kandungan ayat yang ingin disampaikan.¹³⁰

b. Hikmah penambahan huruf *ha* pada penghujung *fāṣilah*.

فَأَمُّهُ هَاوِيَةٌ وَمَا أَدْرَاكَ مَا هِيَهٗ نَارٌ حَامِيَةٌ

Al-Qāri'ah 101: 9-11

Terjemahan: Maka tempat kembalinya ialah “Hāwiyah” Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apa dia “Hāwiyah” itu? (Hāwiyah itu ialah): api yang panas membakar.

¹³⁰ Fāḍil Ṣāliḥ al-Sāmurā'ī, *Balāghah al-Kalimah al-Ta'bīr al-Qur'āniy* (Baghdad: al-Maktabah al-Waṭaniyyah, 1988), 38.

Lafaz *fāṣilah* (هَآوِيَّة), (هِيَّه) dan (حَامِيَّة) memberikan penghayatan yang mendalam bagi ayat-ayat tersebut. Ini kerana, ketiga-tiga *fāṣilah* ayat yang dipaparkan adalah diakhiri dengan bunyi huruf *ha*. Pertambahan huruf (هـ) pada penghujung *fāṣilah* ayat ke-10 berfungsi sebagai tanda peringatan dan perhatian (التنبيه).¹³¹ Justeru itu, hikmah disusunkan perkataan-perkataan yang mengandungi huruf dan bunyi (هـ) di akhirnya agar pembaca sedar akan peringatan dan memberi perhatian terhadap mesej yang dibawa dan ditekankan oleh ayat-ayat di atas, iaitu berkaitan azab neraka. Selain itu, susunan *fāṣilah* sedemikian juga dapat mengajak pembacanya berfikir sewaktu menyelusuri ayat-ayat tersebut.¹³²

c. Hikmah *al-Taqdim wa al-Ta'khir* melibatkan *fāṣilah*.

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Al-Fātihah 1:5

Terjemahan: Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.

Susunan perkataan untuk ayat di atas mengandungi *al-Taqdīm wa al-Ta'khīr*

pada *fāṣilah*. Dengan kata lain didahulukan perkataan (إِيَّاكَ) dan (وَإِيَّاكَ)

¹³¹ Ahmad al-Hāshimī, *al-Qawā'id al-Asāsiyyah lil 'Arabiyyah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1354H), 95.

¹³² 'Isa Muttaqi Zadeh dan Sajid 'Imā'iliy, *'Ijāz al-Aṣwāt fi al-Qur'ān: Sūrah al-Qiyāmah wa al-Nāzi'āt Namūdhajan*, 'Proceeding of The 2nd Annual International Quranic Conference 2012 (University Malaya: Centre of Quranic Research, 2012), 13.

daripada (نَعْبُدُ) dan (نَسْتَعِينُ). Sekiranya dalam susunan biasa tanpa ada *al-*

Taqdīm wa al-Ta'khīr menjadi (نَعْبُدُ اِيَّاكَ وَنَسْتَعِينُ اِيَّاكَ). Sudah tentu ada sebab

mengapa Allah s.w.t menyusun susunan sedemikian itu? Hal ini sepatutnya menarik perhatian pembaca yang membuat penelitian terhadap perubahan susun atur yang berlaku dalam ayat tersebut untuk mengupas hikmahnya.

Antara hikmah yang dapat dikesan ialah seperti berikut:

- i. Pertama, perubahan susunan yang meletakkan (نَسْتَعِينُ) sebagai kalimah terakhir bagi ayat kelima itu menghasilkan keserasian bunyi antara *fāṣilah* dalam surah al-Fatihah kerana ditutup dengan huruf-huruf yang hampir serupa.¹³³
- ii. Kedua, didahulukan *maḥḥul bih* dari *fā'il* adalah bertujuan untuk pengkhususan.¹³⁴ Pengkhususan dalam dua perkara hanya kepada Allah s.w.t sahaja iaitu dalam perkara pengibadatan (sembahan) dan dalam meminta pertolongan.

Berikut merupakan ayat-ayat al-Qur'an lain yang turut mendahulukan *maḥḥul bih* dalam perkara **pengibadatan** (sembahan):

...وَأَشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

Al-Baqarah 2: 172

Terjemahan: ... dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.

¹³³ al-Zamakhsharī, *al-Kasyāf 'an Ḥaqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, 1:19

¹³⁴ *Ibid.*

Contoh lain,

بَلِ اللّٰهُ فَاعْبُدْ وَكُنْ مِنَ الشّٰكِرِيْنَ ﴿٦٦﴾

Al-Zumar 39: 66

Terjemahan: ...bahkan (apabila beribadat) maka hendaklah engkau menyembah Allah semata-mata, dan hendaklah engkau menjadi dari orang-orang yang bersyukur.

Perkara berkaitan **memohon pertolongan**.

عَلَى اللّٰهِ تَوَكَّلْنَا ... ﴿٨٩﴾

Al-'Arāf 7: 89

Terjemahan: ... Kepada Allah jualah kami bertawakal.

وَعَلَى اللّٰهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

Ibrāhīm 14: 12

Terjemahan: ... maka kepada Allah jualah hendaknya berserah diri orang-orang yang mahu berserah

d. Hikmah lafaz tertentu yang dipilih untuk ditempatkan pada *fāṣilah*.

Contoh:

وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الرَّجْعِ ﴿٨١﴾

Al-Ṭāriq 86:11

Terjemahan: Demi langit yang berulang-ulang mencurahkan hujan.

Perkataan *al-Raj'* di dalam ayat di atas diberi pengertian hujan. Maka timbul persoalan mengapa perkataan *al-Raj'* digunakan, sedangkan di dalam al-

Qur'an terdapat banyak tempat menggunakan perkataan *al-Maṭr* sebagai maksud hujan.¹³⁵

Setelah penelitian dibuat, didapati penggunaan perkataan *al-Maṭr* bagi menggantikan perkataan *al-Raj'* adalah tidak sesuai dalam konteks surah al-Ṭāriq disebabkan penggunaan al-Qur'an untuk perkataan *al-Maṭr* adalah bagi membawa makna azab dan musibah. Hujan yang dimaksudkan adalah hujan yang membawa musibah, kebinasaan dan kemudaratan. Oleh kerana maksud hujan dalam surah al-Ṭāriq ini adalah hujan rahmat maka tidak sesuai digunakan perkataan *al-Maṭr*.¹³⁶ Manakala itu, perkataan *al-Raj'* dalam surah dan dalam *fāṣilah* ayat ini adalah pilihan perkataan yang amat bertepatan. Perkataan *al-Raj'* jika diterjemahkan dari kata dasar bahasa Arab bermaksud kembali. Sekiranya diperhalusi makna perkataan ini menggambarkan kepada 'pergi dan kembali'. Menurut konteks, ayat ini menggambarkan suatu proses ulang-alik. Jika merujuk kembali kepada makna hujan, ianya menggambarkan proses yang serupa, iaitu proses turun naik sebelum terjadinya hujan. Menerusi proses pemeluapan maka air dari bumi akan naik ke langit, kemudian akan turun semula ke bumi sebagai hujan. Justeru, perkataan dan maksud *al-Raj'* adalah tepat digunakan bagi menggambarkan proses hujan.¹³⁷

¹³⁵ Sebagai contoh dalam surah al-Nisa' 4:102, surah al-A'raf 7:84, surah al-Shu'ara' 26:173, surah al-Naml 27:58 dan lain-lain. Lihat Husain Muḥammad Fahmi al-Ṣhāfī, *al-Dalīl al-Mufahris li Alfāz al-Qur'an al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Salām, 2008), 794.

¹³⁶ Zulkifli Haji Mohd Yusoff, *Fungsi Tadabbur dalam Menguak I'jaz al-Qur'an dan Mukjizatnya* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013), 31-34.

¹³⁷ *Ibid.*, 35.

1.4.2 Keunikan Polemik Pengistilahan *Fāṣilah*

Asas polemik dan perselisihan yang dikenalpasti menerusi penelitian dalam kajian ini adalah disebabkan bermiripan bentuk *al-Saj'* yang terdapat dalam bahasa Arab dan kesusasteraannya dengan sebahagian *fāṣilah* yang terdapat dalam al-Qur'an. *al-Saj'* ' adalah salah satu daripada istilah *balāghah* yang diketahui sejak zaman jahiliah lagi. *al-Saj'* ' terkenal sebagai salah satu prosa pada zaman jahiliah.¹³⁸ Merupakan salah satu daripada *al-Muḥāsināt al-Lafziyyah* yang memperelok gaya bahasa dari konteks lafaz menerusi irama-irama yang menarik. Bunyi menarik yang secocok, sedap dan sepadan dalam percakapan tersebut adalah disebabkan perkataan-perkataan yang dipilih mempunyai huruf-huruf yang sama di akhirnya dan dibina di atas *al-Wazn*, iaitu pola yang sama. Susunan kata yang bermutu, dipersembahkan dalam bentuk yang indah, diikuti dengan idea-idea yang kemas dan teratur menjadikan *al-Saj'* mempunyai nilai kesusasteraan yang tinggi.¹³⁹ Justeru, disebabkan bermiripan ciri-ciri antara *al-Saj'* dan *fāṣilah* tersebut, maka berlakulah perselisihan.

Perselisihan yang berlaku merupakan perselisihan dari konteks lafaz sahaja namun dari segi hakikatnya adalah sama. Hal ini berlaku kerana kedua-dua pihak sama ada pihak yang membenarkan penggunaan *al-Saj'* dalam al-Qur'an dan pihak yang menolak penggunaannya mengakui bahawa apa yang terkandung dalam penutup ayat-ayat al-Qur'an adalah bercirikan perkara-perkara berikut:

- a. Pemilihan perkataan adalah tepat, terbaik, paling elok dari konteks lafaz dan maknanya. Ia juga terpuji iaitu dengan terkandung dalam

¹³⁸ Antara jenis prosa lain yang terdapat dalam zaman Jahiliah ialah ucapan ataupun pidato - *khitobah*, perumpamaan, wasiat, kata-kata hikmah dan nasihat.

¹³⁹ Rujuk Muḥammad 'Abd al-Mun'im al-Khafājī, *al-Ḥayah al-Adabiyyah fī 'Asr Jāhiliyyah wa Ṣadr Islām*, terj. Osman Hj. Khalid (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 102.

perkataan tersebut segala kelebihan dan keistimewaan serta bebas daripada sebarang kekurangan.

- b. Perkataan yang dipilih adalah mengutamakan makna iaitu lafaz mengikut maksud yang ingin disampaikan, bukannya dalam keadaan keterpaksaan mahupun dibuat-buat ataupun dengan kata lain maksud mengikut lafaz.
- c. Setiap perkataannya mempunyai unsur-unsur muzik yang indah terbit dari pemilihan huruf-huruf yang secocok dan dibina dengan *al-Wazn*, iaitu pola yang sama dan harmoni serta bebas daripada segala bentuk ciptaan manusia. Kesemua ini adalah di luar kemampuan dan keupayaan manusia.

Justeru, disenaraikan pernyataan dan hujah-hujah kedua-dua belah pihak yang membawa kepada kesimpulan di atas.

- i. al-Jāhiz,¹⁴⁰ Abū Hilāl al-'Askārī¹⁴¹ dan Ibn Athīr menyifatkan bahawa bentuk *al-Saj'* yang terkandung dalam al-Qur'an adalah bukan dari jenis yang dipaksa-paksa ataupun dibuat-buat, tidak seperti kata-kata ahli nujum Arab, iaitu *al-Kuhhān*. Perkataan-perkataan yang dipilih mempunyai maksud yang murni, lafaz yang jelas serta indah sesuai dengan kalam pencipta. Ibn Athīr menambah, sekiranya *al-Saj'*

¹⁴⁰ Sewaktu zaman al-Jāhiz istilah *Fāṣilah* belum lagi dikhususkan penggunaannya untuk al-Qur'an. Cuma pada zaman tersebut kalimah *fāṣilah* telah dikekalkan penggunaannya bagi merujuk kepada perkataan akhir bagi ayat-ayat al-Qur'an sejak ia diperkenalkan oleh Khalīl bin Ahmad al-Farāhidī (m. 170H) pada abad ke-2 Hijrah. Lihat 'Umar bin Baḥr al-Jāhiz, Tahqiq 'Abd al-Salam Muhammad Harun *al-Bayān wa al-Tabayīn*, (Kaherah: Muassasah al-Khanji, 1968), 1:289.

¹⁴¹ Ḥasan bin 'Abdullāh bin Sahl bin Sa'īd, Abū Hilāl al-'Askārī, *Sirr al-Ṣinā'atayn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1981), 249.

dilarang mengapakah surah-surah al-Qur'an didatangkan dalam bentuk bersajak sebagai contoh, surah al-Raḥmān dan al-Qamar.¹⁴²

- ii. Ibn Sinān al-Khafājī¹⁴³ membahagikan penutup bagi ayat-ayat al-Qur'an kepada dua jenis. Pertama, penutup yang bersajak yang terdiri daripada perkataan yang sama huruf-huruf di hujungnya, contohnya ayat-ayat di permulaan surah Ṭāhā dan al-Fajr. Kedua, jenis yang tidak bersajak iaitu perkataan-perkataan yang hampir jenis huruf-hurufnya seperti hujung ayat-ayat dalam surah al-Fātihah. Beliau menerangkan bahawa sesungguhnya *al-Saj'* dalam al-Qur'an merupakan jenis yang terpuji dan menunjukkan ketinggian nilai *faṣāḥah* dan penerangan yang baik *-Ḥusn al-Bayān-*. Tidak ada dalam al-Qur'an kecuali dari jenis ini sahaja dan kesemua ini adalah di luar kemampuan dan keupayaan manusia.
- iii. al-Jurjānī menjelaskan bahawa asas pemilihan perkataan di pengakhiran ayat-ayat al-Qur'an adalah mengandungi bunyi yang indah, kesan yang mendalam, jelas dan berulang-ulang. Bunyi-bunyi tersebut terbit daripada kesecocokan rima lafaz-lafaz yang bersajak dengan tanpa mengabaikan makna. Iaitu lafaz mengikut makna dan bukan makna mengikut lafaz.¹⁴⁴
- iv. al-Rummānī menyifatkan bahawa tabiat *fawāṣil* itu adalah lafaz mengikut makna, manakala *al-Saj'* pula sebagai makna mengikut lafaz. *Fawāṣil* mengandungi nilai *balāghah* dan *al-Saj'* pula adalah aib. Ini

¹⁴² Diyā' al-Dīn Ibn Athīr, tahqiq Ahmad al-Khūfī, *al-Mathal al-Sā'ir fī Adab al-Kātib wa al-Shā'ir* (Miṣr: Dār al-Nahḍah. t.t.), 1:210.

¹⁴³ Abū Muḥammad 'Abdullāh bin Muḥammad bin Sa'īd bin Sinān al-Khafājī, *Sirr al-Faṣāḥah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1982), 194.

¹⁴⁴ 'Abd al-Qāhir bin 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad al-Jurjānī, tahqiq Maḥmūd Muḥammad Shākir, *Asrār al-Balāghah*, (Kaḥerah: Maṭba'ah al-Madani, 1991), 6.

berikutan *al-Saj'* sering digunakan oleh tukang telek dan ahli nujum - *al-Kāhin*- sewaktu menerangkan sesuatu kepada orang ramai dan semasa menjawab kemusykilan yang dikemukakan kepadanya. Mereka akan mengungkapkan perkataan-perkataan yang bersajak sewaktu menjalankan tugasnya.¹⁴⁵

- v. al-Bāqillānī menerangkan bahawa *fāṣilah* tidak sama seratus peratus dengan *al-Saj'*. *al-Saj'* yang baik mengikut garis panduan bahasa Arab mensyaratkan setiap perkataan penutup sesuatu rangkap ataupun ayat tersebut mestilah dibina daripada huruf-huruf yang sama dan rangkap ataupun ayat-ayatnya mestilah sama, seimbang dari konteks panjang dan pendeknya. Sekiranya dinisbahkan *-al-Saj'*- ini terdapat dalam al-Qur'an, maka akan didapati di sesetengah tempat tergolong daripada jenis *al-Saj'* yang tercela kerana tidak menepati syarat-syarat *al-Saj'* yang baik menurut ilmu bahasa Arab seperti yang dinyatakan tadi. Ini kerana, terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang hampir dalam jenis huruf-huruf penutupnya. Selain itu, kadar sesuatu ayat dari aspek panjang dan pendeknya merupakan penetapan daripada Allah s.w.t.¹⁴⁶ Justeru, dalam konteks ini lafaz *fāṣilah* adalah yang paling sesuai digunakan.
- vi. al-Zarkashi menyatakan bahawa menjauhi dan tidak menggunakan lafaz *al-Saj'* bagi al-Qur'an adalah untuk memuliakan kitab Allah itu dan membezakannya daripada kalam makhluk kerana al-Qur'an itu

¹⁴⁵ al-Rummānī, *al-Nukat fī I'jāz al-Qur'ān*, 97. Sebagai penjelasan tambahan, masyarakat zaman Jahiliyah menganggap *al-Kāhin* ini mendapat ilham dan wahyu daripada tuhan, mengetahui perkara-perkara ghaib dan perkara-perkara yang akan berlaku. Kebolehan tersebut diperolehi kerana mereka dapat berhubung dengan jin-jin bagi mendapatkan sesuatu berita. Mereka seringkali dirujuk oleh orang ramai pada zaman itu dalam menyelesaikan banyak perkara dan juga dilantik sebagai hakim dalam memutuskan kes-kes perbalahan dan permusuhan. Biasanya mereka bertugas di rumah-rumah berhala dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Rujuk Muḥammad 'Abd al-Mun'im al-Khafājī, *al-Ḥayah al-Adabiyyah fī 'Asr Jāhiliyyah wa Ṣadr Islām*, 102.

¹⁴⁶ al-Bāqillānī, *I'jāz al-Qur'ān*, 57-61.

merupakan kalam Pencipta. Lafaz *al-Saj'* tidak sesuai untuk dinisbahkan kepada bahagian penutup ayat al-Qur'an disebabkan perkataan itu berasal daripada bunyi irama kicauan burung *-saja'a al-Toir-*. Maka dimuliakan al-Qur'an daripada meminjam perkataan yang berasal dari bunyi haiwan adalah demi kehormatan dan ketinggian al-Qur'an, walaupun bertepatan dari konteks makna.¹⁴⁷

Pengkaji memilih untuk menggunakan istilah *fāṣilah* bagi ayat-ayat al-Qur'an kerana boleh menjauhi sebarang kekeliruan dan kesamaran. Nama yang berbeza adalah sesuai bagi menunjukkan sesuatu perkara yang bermiripan dan yang berbeza. Penggunaan istilah yang berbeza menjadikan mesej sesuatu ayat tepat dan lebih mudah difahami lantaran pendapat yang menyatakan terdapat *al-Saj'* dalam al-Qur'an merupakan sesuatu yang bersyarat, iaitu *al-Saj'* yang terpuji dan di luar kemampuan dan keupayaan manusia. Selain itu, lafaz *fāṣilah* adalah amat sesuai kerana kemuliaan kitab Allah yang merupakan kalam Pencipta dan ketinggiannya berbanding kalam sekalian makhluk lain.

¹⁴⁷ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān* 1:54.

1.5 Kesimpulan

Fāṣilah dari konteks bahasa ialah menjelaskan sesuatu sehingga nyata jurang dalam perkara-perkara yang ingin dibezakan. Manakala *fāṣilah* menurut istilah pula ialah, kalimah akhir pada ayat al-Qur'an, seumpama *qāfiyah* dalam syair dan *maqāṭi'* dalam prosa.

Fāṣilah dapat dibahagikan kepada dua kategori besar iaitu, berdasarkan ciri-ciri fizikal dan berdasarkan konteks makna. Bagi pembahagian berdasarkan ciri-ciri fizikal, *fāṣilah* dilihat dari aspek panjang ataupun pendek sesebuah ayat al-Qur'an tersebut, *al-Wazn*, *al-Maqāṭi'* dan juga *al-Taqārub* bagi jenis-jenis huruf.

Menurut konteks makna pula *fāṣilah* al-Qur'an difahami menerusi peranannya iaitu, berdasarkan peranan umum dan peranan khusus. Peranan umum difahami bahawa setiap *fāṣilah* itu berfungsi sebagai pembeza bagi ayat-ayat al-Qur'an dan ini merupakan peranan asasi *fāṣilah*. Peranan khusus pula adalah selain daripada peranan utama di atas. Adakala *fāṣilah* pada masa yang sama juga turut berfungsi sebagai penjelas hikmah, penyatu ataupun sebagai penegas. Pembahagian seperti ini dibuat menerusi asas yang kukuh, iaitu berdasarkan ilmu *Balāghah*.

Peranan *fāṣilah* sebagai pembeza difahami menerusi maksud bahasa dan istilah perkataan itu sendiri. Manakala peranannya sebagai penegas difahami daripada pengulangan iaitu *-al-takrār-* yang berlaku secara keseluruhan ke atas ayat-ayat al-Qur'an. Namun begitu, jika pengulangan itu berlaku hanya melibatkan *fāṣilah* sahaja ini menggambarkan peranannya sebagai penyatu. Peranan *fāṣilah* sebagai penjelas hikmah pula difahami menerusi kesimpulan pemahaman daripada *al-Tamkīn* ataupun *al-Ṭāṣḍīr*, dan yang lain-lainnya.

Fāṣilah dalam al-Qur'an adalah amat istimewa. Pemilihan perkataannya adalah tepat, terbaik, paling elok dari konteks lafaz dan maknanya. Ia juga terpuji, iaitu perkataan tersebut mengandungi segala kelebihan dan keistimewaan serta bebas daripada sebarang kekurangan. Perkataan yang dipilih juga adalah mengutamakan makna, iaitu lafaz mengikut maksud yang ingin disampaikan, bukannya dalam keadaan keterpaksaan mahupun dibuat-buat ataupun dengan kata lain maksud mengikut lafaz.

Setiap perkataannya mempunyai unsur-unsur muzik yang indah terbit dari pemilihan huruf-huruf yang secocok dan dibina dengan *al-Wazn*, iaitu pola yang sama dan harmoni serta bebas daripada segala bentuk ciptaan manusia. Kesemua ini adalah di luar kemampuan dan keupayaan manusia.

Fāṣilah juga turut mengandungi hikmah dan rahsia. Justeru, didapati terdapat usaha yang dibuat bagi mengupas hikmah disebalik *fāṣilah* antaranya hikmah penambahan huruf pada *fāṣilah*, hikmah *al-Taqdīm wa al-Ta'khīr* melibatkan *fāṣilah* dan sebagainya. Kesemua ini menyerlahkan ketinggian bahasa al-Qur'an yang dipaparkan menerusi *fāṣilah*.

BAB 2:

PERBAHASAN *FĀṢILAH* AL-QUR'AN DALAM ILMU

MUNĀSABĀT

2.1 Pendahuluan

Keserasian melibatkan *fāṣilah* adalah satu daripada jenis-jenis *munāsabāt* yang dikenalpasti dalam al-Qur'an. Aspek yang dibahaskan adalah berkaitan pertautan antara kandungan ayat dengan penutup ayat, iaitu *fāṣilah*. Lazimnya perbahasan sedemikian ini disentuh di celah-celah perbahasan tafsir al-Qur'an. Menentukan detik permulaan perbahasan *fāṣilah* al-Qur'an ini dalam kerangka ilmu *Munāsabāt* adalah sukar kerana memerlukan penelitian sejarah yang panjang. Namun begitu, terdapat sebuah kisah penting mengenai hal ini telah berlaku sewaktu zaman Saidina 'Umar bin al-Khaṭṭāb r.a. Pada suatu ketika, seorang lelaki telah membaca ayat berikut dan didengar oleh seorang Arab Badwi :

فَإِنْ زَلَلْتُمْ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْكُمْ الْبَيِّنَاتُ فَأَعْلَمُوا...

Al-Baqarah 2:209

Terjemahan: Maka kalau kamu tergelincir (dan jatuh ke dalam kesalahan disebabkan tipu daya Syaitan itu), sesudah datang keterangan-keterangan yang jelas kepada kamu, maka ketahuilah...

Namun ditutup ayat tersebut dengan:

أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Terjemahan: Bahawasanya Allah itu Maha Pengampun lagi
Maha Penyayang.

Maka bacaan tersebut telah ditegur oleh Arab Badwi dengan berkata: "Sekiranya ini kalam Allah, maka bacaannya tidak akan begitu. Allah s.w.t tidak menyatakan 'Ghafūr' tatkala tergelincir 'al-Zalal'.¹⁴⁸ Teguran itu telah menyebabkan pembacanya tersedar akan kesilapan yang telah dilakukan dan beliau menutup bacaannya tadi dengan:

أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Terjemahan: Bahawasanya Allah itu Maha
Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Kisah yang dipaparkan berlaku pada zaman Saidina 'Umar bin al-Khaṭṭāb itu boleh dianggap sebagai detik terawal bagi perbahasan ilmu *fāṣilah* bersama ilmu *Munāsabāt*. Justeru, bab ini akan menerangkan perbahasan *fāṣilah* dalam kerangka ilmu *Munāsabāt* dengan pada bahagian awalnya menjelaskan pengertian *munāsabāt* dan perkembangan yang berlaku terhadapnya. Seterusnya, bab ini akan membentangkan jenis-jenis baharu keserasian *fāṣilah* al-Qur'an dengan mengambil panduan daripada jenis-jenis *munāsabāt* yang telah dikenalpasti dalam al-Qur'an.

¹⁴⁸ Faḍl Hasan 'Abbās dan Sanā' Faḍl Hassan, *I'jāz al-Qur'ān al-Karīm* ('Amman: Dār al-Furqān, 2001), 225.

2.2 Pengenalan Ilmu *Munāsabāt*

Bahagian ini akan mengupas pengertian ilmu *Munāsabāt* dan perkembangannya. Selain itu, bab ini turut juga menjelaskan jenis-jenis *munāsabāt* yang terdapat dalam al-Qur'an dan isu-isu yang berkaitan.

2.2.1 Definisi *Munāsabāt* dari Konteks Bahasa

Munāsabāt adalah perkataan bahasa Arab yang berasaskan kata dasar (ن - س - ب) merujuk kepada maksud menghubungkan sesuatu dengan sesuatu. *Munāsabāt* turut membawa maksud kedekatan, kemiripan, keserasian, kesesuaian dan juga kesepadanan. Oleh kerana itu, ungkapan “فلان نسيب فلان” membawa erti si fulan itu sepadan dengan si fulan dan ini merujuk kepada pertalian yang terjalin antara kedua-duanya.¹⁴⁹

2.2.2 Definisi *Munāsabāt* dari Konteks Istilah

Munāsabāt dari konteks istilah seperti yang telah dikemukakan oleh beberapa orang sarjana Pengajian al-Qur'an adalah sebagaimana berikut:

al-Zarkashi (m. 794H) menjelaskan bahawa *munāsabāt* merupakan ikatan antara ayat-ayat al-Qur'an, sebahagian dengan sebahagian yang lain sehingga seakan-akan sesuatu yang bersatu maksudnya dan tersusun binaannya.¹⁵⁰

al-Biqā'i (m. 885H) mentakrifkan *munāsabāt* sebagai ilmu yang menerusinya dapat mengetahui sebab-sebab penyusunan bahagian-bahagian ayat

¹⁴⁹ Abū al-Qāsim al-Husain bin Muhammad al-Rāghib al-Asfahāni, *Mu'jam Mufradāt al-Alfāz al-Qur'ān*, ed. Yūsuf al-Shaykh Muhammad al-Biqā'i (Beirut: Dar al-Fikr, 2009), 371. Lihat juga al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:35.

¹⁵⁰ *Ibid.*

al-Qur'an dan surah-surahnya dalam susunan *muṣḥaf* serta ilmu ini merupakan rahsia ilmu retorik bahasa (*balāghah*).¹⁵¹

al-Suyūṭī (m. 911H) mentakrifkan *munāsabāt* sebagai ilmu yang menjelaskan bentuk-bentuk ikatan ataupun hubungan antara ayat al-Qur'an dan surah-surahnya sama ada berbentuk am ataupun khas, '*aqli* ataupun *hissī* ataupun *khayālī*, atau bentuk hubungan selain itu, seperti sebab dan musabab, persamaan, saling berlawanan dan sebagainya.¹⁵²

Muṣṭafā Muslim menerangkan *munāsabāt* ialah pertalian antara dua perkara dengan apa jua bentuk daripada bentuk-bentuk hubungkait yang ada. Dalam konteks al-Qur'an, *munāsabāt* merujuk kepada pertalian sesebuah surah dengan surah yang terdapat pada sebelum dan selepasnya, di samping juga pertalian antara ayat dengan ayat yang sebelum dan juga selepasnya.¹⁵³

Mannā' Khalil al-Qaṭṭān mendefinisikan *munāsabāt* sebagai bentuk ikatan antara *jumlah* dengan *jumlah* dalam sesebuah ayat atau antara ayat dengan ayat al-Qur'an yang lain, atau antara surah dengan surah yang lain.¹⁵⁴

Zulkifli Mohd Yusoff turut menjelaskan bahawa secara istilahnya *munāsabāt* dapat difahami sebagai suatu disiplin pengajian yang mencari perhubungan dan keserasian antara satu ayat al-Qur'an dengan ayat yang lain, antara satu topik al-Qur'an dengan topik yang lain dan antara satu surah dengan

¹⁵¹ Ibrāhīm bin 'Umar al-Biqā'i, *Naẓm al-Durar fī Tanāsib al-Āyāt wa al-Suwar* (India: Maṭḥba'ah Majlis Dāirah al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah, 1984), 1:3.

¹⁵² al-Imām Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥman al-Suyūṭī, taḥqīq Ahmad bin 'Alī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Hadith, 2004), 3:273.

¹⁵³ Muṣṭafā Muslim, *Mabahith fī al-Tafsir al-Mawdu'i* (Damshiq: Dār al-Qalam, 2009), 58.

¹⁵⁴ Manna' Khalil Qattan, *Mabahith fī ulum al-Qur'an*, 88.

surah yang lain berdasarkan kepada ayat-ayat dan surah-surah dalam *Mushaf 'Uthmaniy*.¹⁵⁵

Menerusi penilaian yang dibuat ke atas semua takrif yang telah dibentangkan, didapati bahawa takrif yang diketengahkan oleh Zulkifli Mohd Yusoff merupakan takrif yang komprehensif dan jelas. Penerangan terhadap *munāsabāt* dengan menyatakan ciri-ciri penting dan tujuan di sebalik usaha itu dibuat menjadikan takrif beliau bersifat *Jāmi*¹⁵⁶ dan *Māni*¹⁵⁷.

Meskipun perincian ke atas jenis-jenis hubungkait tidak disenaraikan dalam takrif seperti, hubungan am ataupun khas, kesebandingan dan lain-lain lagi sebagai perincian, penerangannya adalah tidak mengelirukan kerana semua yang disebutkan tadi hanyalah contoh tambahan dalam menggambarkan ilmu *Munāsabāt* ini.

Analisis takrif

Berdasarkan takrifan daripada para pengkaji yang telah dibentangkan, dapat disimpulkan bahawa *munāsabāt* itu sering digambarkan kepada asas-asas penting dalam lingkungan berikut:

- i. Ilmu berkaitan hubungkait bahagian-bahagian dalam al-Qur'an.
 - a. Kategori hubungkait bahagian-bahagian dalam al-Qur'an yang meliputi antara *jumlah* dengan *jumlah* dalam sesebuah ayat, antara

¹⁵⁵ Zulkifli Mohd Yusoff, "*Munāsabat: Satu Bahagian daripada Pengajian al-Qur'an*", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 1, (1993), 216.

¹⁵⁶ *Jāmi* bermaksud menyeluruh dan meliputi semua objek yang ditakrifkan. Lihat Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali, *Pengantar Ilmu Mantik*, 131-138.

¹⁵⁷ *Māni* ialah mengeluarkan semua objek yang tidak berkaitan dengan takrif yang diberikan. *Ibid.*,

ayat dengan ayat sebelum dan selepasnya, dan antara surah dengan surah sebelum dan selepasnya.

- ii. Jenis-jenis hubungkait adalah terdiri daripada ikatan kebahasaan seperti hubungan am ataupun khas, '*aqli* ataupun *hissi*' ataupun *khayālī*, sebab dan musabab, kesebandingan, saling berlawanan atau bentuk hubungan selain itu seperti hubungan kontekstual dan sebagainya.
- iii. Usaha tersebut adalah bertujuan bagi menjelaskan bahawa susun atur *muṣḥaf* yang ada di tangan kita ini adalah indah dari konteks kolerasi maknanya dan tersusun binaannya. Akhirnya tergambarlah hikmah *tawqifiyyah* susunan ayat-ayat al-Qur'an dan juga surah-surahnya.

2.2.3 Perkembangan Ilmu *Munāsabāt*

Ilmu *Munāsabāt* adalah ilmu yang agak lewat kemunculannya berbanding ilmu-ilmu lain dalam bidang Pengajian Islam. Bermula pada kurun ke-2 hijrah antara topik-topik awal yang diulas bersama-sama penulisan tafsir al-Qur'an ialah perbahasan mengenai konsep *Nāsikh wa Mansūkh* dan *Muḥkam wa Mutashābih*. Pada waktu tersebut perhatian hanya tertumpu kepada beberapa topik terpilih sahaja yang dirasakan perlu untuk penjelasan lanjut.¹⁵⁸

Bagaimanapun, para pengkaji cenderung menyatakan bahawa ilmu *Munāsabāt* mula diperkenalkan pada abad ke-4 Hijriyyah oleh al-Imam Abū Bakr 'Abd Allah bin Muhammad Ziyād al-Naisābūri (m. 324H), seorang ulama di

¹⁵⁸ al-Kūmī, Ahmad al-Sayyid dan al-Qasim, Muḥammad Ahmad Yūsuff, '*Ulūm al-Qur'ān* (Kaherah: Maṭba'ah Īsā al-Bābi al-Halabi, 1974), 14.

Baghdad yang pakar dalam bidang syariat dan sastera.¹⁵⁹ Kajian mendapati bahawa kurun ke-4 Hijriyyah merupakan abad keemasan perkembangan ilmu-ilmu Islam. Namun begitu, ada pihak¹⁶⁰ yang menyimpulkan bahawa penafsiran terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai *tanāsub* sudah dilakukan lebih awal lagi iaitu wujud sejak zaman Nabi s.a.w. Hujah bagi dakwaan tersebut diperolehi berdasarkan penafsiran Rasulullah s.a.w. terhadap lafaz *ẓulm* dalam ayat berikut:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ

Al-An'ām 6:82

Terjemahan: Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik).

dengan perkataan *al-Shirk* yang terdapat dalam ayat 13 dari surah Luqmān;

إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Luqmān 31:13

Terjemahan: ... Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.

Berdasarkan kajian, hujah tersebut adalah lebih tepat untuk dijadikan dalil bagi tafsir *al-Qur'an bi al-Qur'an* dan juga satu aspek gambaran awal bagi *al-Tafsīr al-Mawdū'ī*.¹⁶¹ Sekiranya masih juga ingin menisbahkan kepada ilmu *Munāsabāt*, contoh tersebut hanya mampu menggambarkan kaitan dari konteks *lafziy* sahaja, iaitu makna umum bagi perkataan *munāsabah* yang mengandungi

¹⁵⁹ al-Zarkashi, *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*, 1: 36.

¹⁶⁰ Nashruddin Baidan, *Wawasan Baru Ilmu Tafsir* (Jakarta: Pustaka Pelajar, 2005), 186.

¹⁶¹ *Tafsīr al-Mawdū'ī* ialah suatu bentuk huraian terhadap tajuk-tajuk tertentu seperti yang dibentangkan oleh Al-Quran menerusi ayat-ayatnya samada di dalam satu surah atau di dalam berbagai surah. Lihat Zulkifli Mohd Yusoff, "*Tafsīr al-Mawdū'ī: Kajian Persejarahan*", *Jurnal al-Bayān*, Bil. 1, (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'ān dan al-Hadīth, 2003), 29. Lihat juga Mustafa Muslim, *Mabāhith fi al-Tafsīr al-Mawdū'ī*, ed. ke-9 (Damsyik: Dār al-Qalam, 2009), 17.

erti berkait ataupun berhubung. Hujah tersebut juga tidak menggambarkan konteks hakiki ilmu *Munāsabāt* kerana pertalian yang ada tidak menunjukkan pertalian susunan, iaitu *tartīb* tetapi hanya pertalian makna. Hal ini merupakan kekhilafan dalam bentuk *istidlāl* oleh pengemuka pendapat tersebut berkaitan dalil permulan *Munāsabāt*.

Munāsabāt yang hakiki adalah sesuatu yang menggambarkan ataupun menunjukkan hubungan, kolerasi dan keserasian antara ayat-ayat ataupun antara surah-surah dengan mengambil kira *tartīb* dan *tarkīb* yang akhirnya membuka hikmah-hikmah tertib atur *Mushaf al-Qur'an* sebagaimana yang kita miliki pada hari ini. Inilah tujuan akhir di sebalik usaha yang digembelingkan ke atas pencarian dan penjelasan *munāsabāt*, iaitu mengisbatkan *tartīb wa tarkīb* sehingga tergambar susunan *mushaf* ini adalah susunan yang padu dan tidak terpisah.

Contoh berikut merupakan contoh yang tepat dan akhirnya membawa kepada menguatkan susunan al-Qur'an seperti yang sedia ada ini iaitu *Mushaf 'Uthmaniyy*, adalah padu dan tidak terpisah-pisah. (لأثبت حكمة توقيفية الآيات والسور)

- a. Keserasian surah yang berturutan iaitu surah al-Qiyāmah dengan surah al-Muddathir.

Hubungan surah al-Qiyāmah dengan surah al-Muddathir adalah dari konteks tema. Tema utama surah al-Muddathir ialah mendorong Rasulullah s.a.w. untuk bersungguh-sungguh dalam usaha memberi peringatan kepada Musyrikin yang angkuh dan mendustakan hari kebangkitan.

Turut dijelaskan ialah perihal ganjaran bagi mereka yang taat dan balasan azab siksa bagi yang ingkar. Secara khususnya, Allah s.w.t. telah

menjelaskan dalam surah al-Muddathir sifat-sifat Musyrikin yang tidak mahu beriman kepada hari Kiamat menerusi firman-Nya:

كَلَّا بَلْ لَا تَخَافُونَ الْآخِرَةَ

Al-Muddathir 74:53

Terjemahan: Tidak sama sekali! Bahkan (sebenarnya) mereka tidak takut (akan) akhirat.

Surah al-Qiyāmah, iaitu surah selepasnya menerangkan secara terperinci perihal peristiwa-peristiwa berkaitan hari Kiamat bagi menyanggah kebatilan Musyrikin dalam surah al-Muddathir. Pada masa yang sama, membuktikan kebenaran Allah s.w.t. dan kebenaran Rasul-Nya. Selain itu, Allah s.w.t. turut menegaskan akan kekuasaan-Nya untuk membangkitkan manusia kembali selepas kematian untuk pembalasan.¹⁶²

Munāsabāt antara ayat-ayat al-Qur'an diulas bersama-sama perbahasan tafsir sesuatu ayat dalam sesebuah surah oleh para *mufasssir* seperti al-Rāzi. Beliau telah menggunakan perkataan *munāsaba*, *ta'alluq* dan *wajh al-naẓm* bagi merujuk kepada keserasian dan hubungkait ayat-ayat al-Qur'an dalam tafsirnya *Tafsīr al-Kabīr*.¹⁶³

Ilmu *Munāsabāt* digunakan sewaktu mentafsirkan al-Qur'an secara terperinci (*tafsīli*) bagi tujuan menelusuri ayat-ayat al-Qur'an satu demi satu. Menerusi cara ini, penulis akan menemui pelbagai topik yang dibicarakan dalam sesebuah surah terutama sekali dalam surah yang mempunyai banyak bilangan

¹⁶² Ibrāhīm bin 'Umar al-Biqā'i, *Naẓm al-Durar fī Tanāsib al-Āyāt wa al-Suwar*, 21:82-83.

¹⁶³ Muḥammad bin 'Umar Fakhr al-Rāzi, *al-Tafsīr al-Kabīr*, (Beirut: Dar Ehya' al-Turāth al-'Arabi, t.t.).

ayatnya. Justeru, untuk menjustifikasikan pertautan dan membongkar hubungan antara ayat-ayat tersebut maka ilmu *Munāsabāt* digunakan.¹⁶⁴

Pada awal abad ke-8 hijrah, seorang penulis bernama Abū Ja'far Aḥmad bin Ibrāhīm bin al-Zubayr (m. 708H) telah muncul. Beliau merupakan penulis yang pertama menyusun dan menulis masalah *munāsabāt* secara tersendiri dalam sebuah kitab. Kitab beliau yang dimaksudkan itu berjudul, *al-Burhān fī Munāsabāt Tartīb Suwar al-Qur'ān*.¹⁶⁵ Perbahasan berkaitan *munāsabāt* sampai ke kemuncaknya, iaitu pada akhir kurun ke-9 Hijrah sewaktu zaman Ibrāhīm bin 'Umar al-Biqā'i (m. 885H) dengan judul tafsirnya yang masyhur *Naẓm al-Durar fī Tanāsub al-Āyāt wa al-Suwar*.¹⁶⁶

Kajian dan penulisan berkaitan *munāsabāt* terus berkembang dari zaman ke zaman. Selaras dengan peredaran masa dan perkembangan ilmu ini maka didapati pada abad ke-20, Amīn Aḥsan Iṣlāhī dengan tafsirnya berjudul *Tadabbur-i-Qur'ān*¹⁶⁷ telah menggunakan istilah '*amūd*' dalam perbahasan mengenai *munāsabāt* al-Qur'an.

Pendekatan Amīn Aḥsan Iṣlāhī tersebut merupakan kesinambungan daripada perbahasan gurunya iaitu, Ḥamīd al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd al-Farāhī (m. 1930M) yang telah mengetengahkan prinsip *naẓm* dalam mengupas mengenai *munāsabāt* al-Qur'an. *Naẓm* menggambarkan bahawa setiap surah itu merupakan satu unit daripada unit-unit kesepaduan keseluruhan yang akhirnya akan

¹⁶⁴ Terdapat banyak contoh kitab-kitab tafsir *Tahliliy* lain yang turut menyentuh *munāsabāt* antaranya ialah, *Naẓm al-Durar fī Tanāsub al-Āyāt wa al-Suwar* oleh Ibrāhīm bin 'Umar al-Biqā'i (m. 885H), *Qaṭf al-Azhar fī Kashf al-Asrār* oleh al-Suyūṭī (m. 911H), *Irshād al-'Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Qur'ān al-Karīm* oleh Imam Abū Sa'ūd (m. 982H) dan *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* oleh Muḥammad Ṭahīr bin 'Ashūr (m. 1393H).

¹⁶⁵ Al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:79.

¹⁶⁶ Nashruddin Baidan, *Wawasan Baru Ilmu Tafsir*, 187.

¹⁶⁷ Shehzad Saleem, "A Brief Biographical Sketch of Iṣlāhī," laman sesawang *Renaissance*, 9 Mei 2012, <http://renaissance.com.pk/jafeliwo98.html>.

menemukan ayat-ayat al-Qur'an itu sesuatu yang tersusun padu dan mempunyai kolerasi menyeluruh melalui setiap bahagian-bahagiannya.¹⁶⁸

Sayyid Quṭb (m. 1966M) pula mengetengahkan istilah *miḥwar* iaitu pokok perbahasan dan *hadaf* yang bermaksud objektif, sebagai asas kesepaduan dan hubungkait ayat-ayat dalam surah-surah al-Qur'an sewaktu menulis tafsirnya *fi Zilāl al-Qur'ān*.¹⁶⁹ Menerusinya dapat menggambarkan bahawa ayat-ayat al-Qur'an adalah saling berhubungan yang mana setiap surah akan membentuk struktur kesinambungan bertunjangkan tema asas.

al-Nazarāt al-Syumuliyyah adalah merupakan teori berkaitan *munāsabāt* yang diketengahkan oleh Dr. Muḥammad Abdullah Dirāz dalam karya beliau *al-Nabā' al-'Azīm*. Sewaktu mentafsirkan surah al-Baqarah, beliau menggambarkan bahagian-bahagian yang terdapat di dalamnya seperti ayat dan topik-topik terjalın antara satu dengan yang lain seperti sebuah rumah yang mempunyai ruang-ruang di dalamnya. Setiap satunya berkait rapat antara satu dengan yang lain menjadikannya sempurna dalam menjalankan fungsi-fungsinya.¹⁷⁰ Di samping itu, sehingga kini kajian mendapati bahawa ilmu *Munāsabāt* telah diterima dan usaha mengembangkannya terus giat dilakukan dengan kelahiran pelbagai istilah yang berkaitan seperti yang telah dijelaskan.¹⁷¹

¹⁶⁸ Hamīd al-Dīn Farāhī, *Muqaddimah Niẓām al-Qur'ān*, ed. Ṭāriq Maḥmūd Hāshimī (Lahore: t.p., 2008), 13-14.

¹⁶⁹ Tafsir *fi Zilāl al-Qur'ān* merupakan tafsīr kontemporari, diklasifikasikan oleh pengkaji ilmu tafsīr sebagai beraliran *al-Adabiy al-Ijtima'iy*. Maksud *Tafsir al-Adabiy al-Ijtima'iy* ialah suatu corak tafsir yang berupaya memahami nas-nas al-Qur'an berdasarkan kecermatan redaksinya, kemudian berusaha menjelaskan makna-makna al-Qur'an tersebut dengan bahasa yang tegas, indah dan menarik. Pada masa yang sama menghubungkan pengertian ayat-ayat tersebut dengan masalah-masalah sosial kemasyarakatan dan sistem budaya yang ada. Lihat al-Dhahabī, Muḥammad Hussain. *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* (Kaherah: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabi, 1976), 4:301.

¹⁷⁰ Lihat Muḥammad 'Abdullah Dirāz, *al-Nabā' al-'Azīm* (Kuwait: Dār al-Qalam, 1988).

¹⁷¹ Contohnya istilah *'amūd* oleh Amin Ahsan Iṣlāhī, istilah *miḥwar* dan *hadaf* (objektif) sebagai asas kesepaduan dan hubungkait ayat-ayat dalam surah .

Namun adalah penting dalam kajian ini untuk menganalisa dan menjelaskan situasi sebenar penentangan Imam al-Shawkāni (m. 1250H) terhadap ilmu ini.¹⁷² Umum mengetahui bahawa menerusi tafsir beliau, iaitu *Fatḥ al-Qadīr*, beliau amat menentang keras pengajian ilmu *Munāsabāt* dengan alasan ilmu ini akan membuka pintu syak dan meluaskan keraguan serta bermain-main dengan kalam Allah.¹⁷³ Perkara ini sering dibentangkan oleh para pengkaji sewaktu menilai pendapat beliau berkaitan ilmu *Munāsabāt*.

Merujuk kepada *Fatḥ al-Qadīr*, sekiranya kita tidak hanya bergantung kepada penjelasan pendapat beliau yang dikemukakan pada bahagian awal tafsirnya, didapati beliau banyak menghubungkan sesuatu ayat dengan ayat yang lain. Bukankah itu satu daripada bentuk *munāsabāt* yang beliau tolak? Buktinya adalah seperti berikut:

Contoh 1:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَيَاْلَيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾

Al-Baqarah 2: 8.

Terjemahan: Dan di antara manusia ada yang berkata: “Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat”; padahal mereka sebenarnya tidak beriman.

Sewaktu mentafsirkan ayat di atas, al-Shawkāni menjelaskan bahawa, pada awal surah ini, setelah Allah s.w.t menyebut golongan orang-orang yang beriman,

¹⁷² al-Syawkāni, Muḥammad bin Ali bin Muḥammad bin 'Abdullah al-Syawkāni, Faqih, Mujtahid, dari kalangan ulama' besar Yaman. Lahir di Hajrah, San'ā pada tahun 1173H/1760M. meninggal dunia pada 1250H/1834M. al-Zereky al-Dimashqi, *al-A'lām*, 6: 298.

¹⁷³ Muḥammad bin 'Ali bin Muḥammad al-Shawkāni, *Fatḥ al-Qadīr* (Beirut: Dar al-Fikr, 1983), 1:36.

diikuti dengan golongan musyrikin. Selanjutnya pada ayat ke-8 Allah s.w.t. menyebut pula golongan munafik, iaitu golongan yang berada di antara Islam dan kafir. Mereka ini menzahirkan keislaman namun batin mereka adalah kafir. Merekalah yang akan ditempatkan dalam neraka yang paling bawah.¹⁷⁴ Hubungkait yang dikenalpasti daripada penjelasan beliau adalah dalam bentuk *al-Taḍād* (perlawanan), menjelaskan tiga kelompok berbeza iaitu mukmin, kafir dan munafik.

Contoh 2:

وَأَتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقْبِلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَّلْ

مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ ﴿٢٧﴾

Al-Māidah 5: 27.

Terjemahan: Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenarnya, iaitu ketika mereka berdua mempersembahkan satu persembahan korban (untuk mendampirkan diri kepada Allah). Lalu diterima korban salah seorang di antaranya (Habil), dan tidak diterima (korban) dari yang lain (Qabil). Berkata (Qabil):” Sesungguhnya aku akan membunuhmu!”. (Habil) menjawab: “Hanyasanya Allah menerima (korban) dari orang-orang yang bertaqwa.

al-Shawkāni menjelaskan bahawa bentuk pertalian ayat ini, iaitu kisah Habil dan Qabil dengan penceritaan kaum Yahudi dalam ayat-ayat sebelumnya adalah sebagai peringatan daripada Allah s.w.t ke atas kezaliman Yahudi dan sikap

¹⁷⁴ Ibid.,1:40.

buruk mereka yang melanggar janji sepertimana kezaliman Qabil ke atas saudaranya Habil.¹⁷⁵ Bentuk hubungkait antara kisah-kisah tersebut adalah *al-Tanzīr*, (kesebandingan ataupun persamaan) iaitu perangai buruk dan kezaliman Yahudi adalah sama seperti kezaliman yang dilakukan oleh Qabil terhadap Habil dan kisah ini diselitkan sebagai peringatan.

Kedua-dua contoh hubungkait yang telah dijelaskan oleh al-Shawkāni, iaitu *al-Taḍād* dan *al-Tanzīr* menurut penjelasan al-Suyūṭī adalah merupakan daripada bentuk-bentuk *munāsabāt*.¹⁷⁶ Selain itu, didapati bahawa beliau menggunakan lafaz *wajḥ ittiṣāl*, *dhakara Allahu... thumma dhakara... thumma dhakara...*, *fī bayān... ba'da bayān...*, bagi merujuk kepada keserasian dan hubungkait ayat-ayat al-Qur'an dalam tafsirnya.

Justeru dapat disimpulkan bahawa al-Shawkāni bukanlah menolak *munāsabāt* keseluruhannya. Beliau menerima *munāsabāt* antara ayat-ayat dalam lingkungan topik yang sama sahaja. Pencarian *munāsabāt* antara ayat-ayat yang berlainan topik hanyalah menyebabkan beban kepada para pentafsir sedangkan terkandung pelbagai topik dalam al-Qur'an dan masa, tempat serta sebab penurunan sesuatu ayat adalah berbeza.¹⁷⁷ Situasi ini merupakan ruang dan peluang bagi pengkaji *munāsabāt* untuk memperhalusi lagi perspektif al-Shawkāni terhadap ilmu *Munāsabāt* berdasarkan tafsirnya *Faṭḥ al-Qadīr*.

¹⁷⁵ *Ibid.*, 3:56

¹⁷⁶ *Munāsabāt* sebagai ilmu yang menjelaskan bentuk-bentuk ikatan ataupun hubungan antara ayat-ayat al-Qur'an dan surah-surahnya sama ada ia berbentuk am ataupun khas, *'aqli* ataupun *hissi* ataupun *khayālī*, ataupun bentuk hubungan selain itu seperti, sebab musabab, kesebandingan, saling berlawanan, *illah* dan *ma'lūl* dan sebagainya. Lihat al-Suyūṭī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 3: 273.

¹⁷⁷ Muḥammad al-Rifā'i 'Abīd, *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān al-Karīm* (Manṣūrah: t.p., 2009), 12-13.

2.2.4 Jenis-jenis *Munāsabāt* dalam al-Qur'an

Terdapat tujuh jenis *munāsabāt* yang dikemukakan oleh para sarjana yang menekuni keserasian antara bahagian-bahagian al-Qur'an. Jenis-jenisnya adalah seperti berikut:

- a. Keserasian kata demi kata dalam satu surah.
- b. Keserasian kandungan ayat dengan penutup ayat (*fāsilah*).
- c. Keserasian hubungan ayat dengan ayat berikutnya.
- d. Keserasian huraian awal (*muqaddimah*) sesuatu surah dengan penutupnya.
- e. Keserasian penutup surah dengan huraian awal (*muqaddimah*) surah sesudahnya.
- f. Keserasian nama surah dan tema dengan isinya.¹⁷⁸
- g. Keserasian antara surah-surah dalam penyusunan *Muṣḥaf 'Uthmāniy*.¹⁷⁹

¹⁷⁸ Quraish Shihab dalam tafsir beliau iaitu *Tafsīr al-Miṣbāḥ* hanya menyenaraikan hanya enam jenis *munāsabat* al-Qur'an. Lihat Muhammad Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an* (Jakarta: Lantera Hati, 2002), 1:xxiii.

¹⁷⁹ Sekiranya kita meneliti kitab al-Suyūṭi iaitu *Tanāsuq al-Durar fī Tanāsub al-Suwar* terdapat tambahan iaitu keserasian antara surah-surah dalam penyusunan *Muṣḥaf 'Uthmaniyy*. Penyenaraian tersebut ditambah ke dalam penjelasan kajian ini kerana pengkaji berpendapat adalah penting bagi menggambarkan al-Qur'an itu sebuah kitab yang mempunyai rangkaian utuh dan padu selain daripada sebuah kitab hidayah kepada sekalian manusia. Lihat al-Suyūṭi, *Tanāsuq al-Durar fī Tanāsub al-Suwar*, 58.

Ketujuh-tujuh bentuk di atas dapat dikelaskan kepada dua (2) bahagian besar iaitu pertamanya: Pertautan Dalaman (*Internal Relation*), dan keduanya pula ialah Pertautan Luaran (*External Relation*). Jadual berikut merupakan ringkasan kepada penerangan yang diberi:

Jadual 2.1 Bahagian-bahagian Keserasian al-Qur'an dan Jenis-jenisnya

	(Bahagian 1) Pertautan Dalaman	(Bahagian 2) Pertautan Luaran
Jenis-jenis Keserasian	a. Keserasian nama surah dan tema dengan isinya. b. Keserasian pembuka surah dan penutupnya. c. Keserasian antara ayat-ayat dalam sesebuah surah. d. Keserasian <i>fāṣilah</i> dengan kandungan ayat. e. Keserasian kata demi kata dalam surah.	a. Keserasian antara surah-surah dalam susunan <i>muṣḥaf</i>. b. Keserasian antara akhir sesebuah surah dengan pembuka surah selepasnya.

Pertautan Dalaman (*Internal Relation*) bermaksud pertautan yang melibatkan keserasian nama surah dengan isinya, keserasian pembuka surah dengan penutupnya, keserasian antara ayat-ayat dalam sesebuah surah, keserasian penutup ayat (*fāṣilah*) dengan kandungan ayat dan keserasian kata demi kata dalam satu surah. Semua keserasian ini melambangkan kesatuan dalam sesebuah surah al-Qur'an.

Surah adalah merupakan unit asas bagi kadar *i'jāz*. Allah s.w.t. telah berfirman dalam al-Qur'an:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ

مِثْلِهِ ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

﴿٢٣﴾ فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا

النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ ۖ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾

Al-Baqarah 2:23-24.

Terjemahan: Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir

Ayat ini merupakan ayat *Madani* yang juga ayat terakhir berkaitan *tahaddi*, iaitu cabaran al-Qur'an.¹⁸⁰ Peringkat ini mengandungi unsur psikologi yang kuat dalam menempelak kaum musyrikin bagi menandingi al-Qur'an. Pernyataan dalam firman Allah s.w.t. '*walan taf'alū*' merupakan penafian secara total bahawa mereka sesekali tidak mampu mencabar al-Qur'an dan al-Qur'an itu tidak dapat ditiru walaupun dengan mengerahkan semua ahli sastera dan bahasa

¹⁸⁰ Peringkat cabaran al-Qur'an, pertama mencabar kaum musyrikin untuk mendatangkan sebuah kitab setanding dengan al-Qur'an - Tur 52:33-34. Kedua, mencabar untuk mendatangkan sepuluh surah untuk direka setanding dengan al-Qur'an - Hud:13-14, dan yang terakhir adalah seperti ayat di atas. Iaitu mendatangkan satu surah setanding dengan al-Qur'an. Kesemua cabaran tersebut tidak mampu disambut oleh pihak-pihak yang meragui al-Qur'an.

kerana al-Qur'an merupakan mukjizat Nabi Muhammad s.a.w.¹⁸¹ Allah s.w.t. menyatakan perkara tersebut dalam surah al-Isrā' 17:88 sepertimana berikut ini:

قُلْ لِّئِنْ أَجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَى أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ

لَا يَأْتُوا بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا

Al-Isrā' 17:88

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad):
“Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri”.

Berdasarkan ayat di atas jelas menunjukkan bahawa meskipun bergandingan antara sekalian manusia dan jin untuk menghasilkan sesuatu yang sama hebat dan setanding dengan al-Qur'an, maka usaha tersebut adalah sia-sia. Mereka pasti tidak akan mampu walaupun saling berkerjasama ke arah merealisasikannya.

Pertautan Luaran (*External Relation*) bermaksud pertautan yang melibatkan keserasian antara surah-surah al-Qur'an dalam susunan *muṣḥaf* dan keserasian antara akhir sesebuah surah dengan pembuka surah selepasnya. Bahagian ini mendukung prinsip kesatuan al-Qur'an keseluruhannya sebagai sebuah kitab hidayah kepada sekalian manusia. Pihak yang mengisbatkan wujudnya pertautan keseluruhan al-Qur'an ini adalah pihak yang menerima

¹⁸¹ Rashid Rida dan Syed Qutb berpendapat sebaliknya. Pendapat mereka berkaitan cabaran al-Qur'an untuk mendatangkan sebuah kitab setanding al-Qur'an, sepuluh surah ataupun satu surah setanding al-Qur'an adalah bukan bersifat kuantiti iaitu bilangan tetapi bagi mereka adalah bersifat kualiti. Iaitu mereka -pihak-pihak yang meragui al-Qur'an- tidak mampu mendatangkan walaupun satu surah yang setanding kualitinya dengan al-Qur'an. Lihat Rashid Rida, *Tafsir al-Manār* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1983) 1:194. Lihat juga Sayyid Quṭb, *fi Zilāl al-Qur'ān*, (Kaheerah: Dār al-Shurūq, 1972) 4:1862.

bahawa penyusunan surah-surah al-Qur'an yang ada pada hari ini adalah *tawqifi*. Diawali dengan al-Fātiḥah, diikuti dengan al-Baqarah sehinggalah surah terakhir, iaitu surah al-Nās. Sesungguhnya susunan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. ini adalah sepertimana di *Lawḥ al-Mahfūz* lagi.¹⁸²

2.2.5 *Munāsabāt* Masakini

Kajian ini mendapati bahawa pada abad ke-20 dan ke-21 menyaksikan penulis-penulis tafsir cenderung kepada menganalisis hubungkait dan keserasian antara ayat dalam surah-surah al-Qur'an dari konteks yang lebih luas, iaitu menemukan ayat-ayat al-Qur'an dalam susunan topik-topik kecil yang menyokong sesuatu tema dan juga mengetengahkan paksi perbincangan bagi sesebuah surah. Pendekatan ini dikenali oleh para pengkaji sebagai analisis kesepaduan struktur.¹⁸³ Contoh tafsir yang mengaplikasikan pendekatan tersebut ialah, Sayyid Quṭb menerusi tafsirnya *fī Zilāl al-Qur'ān*, Amīn Aḥsan Iṣlāhī dalam menerusi tafsirnya *Tadabbur-i-Qur'ān* dan *al-Asās fī al-Tafsīr* oleh Sa'īd Ḥawwā.¹⁸⁴ Justeru, jika sebelum ini ayat-ayat al-Qur'an dilihat secara langsung perkaitannya daripada ayat ke ayat yang lain (ayat sebelum dan sesudahnya), menurut susunan dalam sesebuah surah atau dengan kata lainnya disebut secara terperinci (*tahliliy*), maka pada abad ini pendekatan tersebut bergerak setapak lagi dengan penulis-penulis tafsir cenderung melihat akan surah itu sebagai suatu kesepaduan. Lantaran itu, ayat-ayat dalam surah-surah tersebut dikenalpasti dan diklasifikasikan mengikut sub-sub topik yang ada serta diikat keseluruhan topik-topik tersebut dengan paksi yang tertentu. Dengan sebab itu, lahirlah istilah-istilah baharu dalam menggambarkan keserasian dan hubungkait. Contohnya

¹⁸² Lihat Mustafa Muslim, *Mabāhiṭh fī Tafsīr al-Mawdhū'i*. 78.

¹⁸³ Lihat Salwa M. S. El-Awa, *Textual Relations in the Qur'an: Relevance, Coherence and Structure* (New York: Routledge Taylor & Francis Group, 2006), 24.

¹⁸⁴ Sa'īd Hawwā, *al-Asās fī al-Tafsīr* (Kaherah: Dār al-Salām, 1980).

ialah *miḥwar* untuk topik-topik perbahasan, *hadaf* iaitu objektif dan *'amūd* iaitu paksi bagi mengikat kesemua keserasian kepada sesuatu tema.

Pendekatan tersebut dapat membuktikan pertautan dalaman bagi sesebuah surah itu bersifat padu. Jika diperhalusi pengikatan tema ini adalah lanjutan daripada pengimplikasian jenis ketiga daripada ilmu *Munāsabāt*, iaitu keserasian hubungan ayat dengan ayat berikutnya menerusi *wasilah* tema dan objektif bagi mengumpulkannya. Hal inilah yang dikatakan analisis kesepaduan struktur untuk surah seperti yang dinyatakan sebelum ini.

2.2.5.1 Keserasian dalam *Tafsir al-Mawḍū'ī*

Perkembangan *Tafsir al-Mawḍū'ī*¹⁸⁵ turut berkait rapat dengan perkembangan *munāsabāt* itu sendiri. Perkembangan yang berseiringan ini berlaku kerana *munāsabāt* adalah satu daripada elemen yang penting dalam menjayakan matlamat *Tafsir al-Mawḍū'ī*. Pengimplimentasian *munāsabāt* dalam *Tafsir al-Mawḍū'ī* adalah jelas. Sebagai bukti, buku-buku yang membincangkan berkenaan *Tafsir al-Mawḍū'ī* turut sama menjelaskan *munāsabāt* sebagai satu daripada bahagian ataupun bab dalam karangan mereka. Contohnya Muṣṭafā Muslim dalam kitabnya yang terkenal berjudul *Mabāhith fī al-Tafsīr al-Mawḍū'ī*¹⁸⁶ dan Ziyād Khalīl al-Daghāmīn dalam *al-Tafsīr al-Mawḍū'ī wa Manhajiyah al-Baḥṡ fih*.¹⁸⁷

¹⁸⁵ *Tafsir al-Mawḍū'ī* ialah suatu bentuk huraian terhadap tajuk-tajuk tertentu seperti yang dibentangkan oleh al-Qur'an menerusi ayat-ayatnya sama ada di dalam satu surah ataupun dalam pelbagai surah. Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, "Tafsīr al-Mawḍū'ī: Kajian Pensejarahan", *Jurnal al-Bayān*, bil.1 (Mei 2003), 29-31.

¹⁸⁶ Muṣṭafā Muslim, *Mabāhith fī al-Tafsīr al-Mawḍū'ī*.

¹⁸⁷ Ziyād Khalīl al-Daghāmīn, *al-Tafsīr al-Mawḍū'ī wa Manhajiyah al-Baḥṡ fih* ('Amman: Dar 'Ammar, 2007).

Ilmu *Munāsabāt* adalah berkait rapat dengan *Tafsir al-Mawdu'ī* bentuk ketiga,¹⁸⁸ iaitu penafsiran berasaskan objektif surah. Fokus dan penekanan bentuk ini adalah khusus, tertumpu kepada ruanglingkup dalam sesebuah surah sahaja. Menerusi bentuk ini, pengarang akan menentukan apakah objektif utama yang dibincangkan oleh sesuatu surah setelah mereka meneliti ayat-ayat al-Qur'an dari sudut kandungan dan gaya bahasa pembentangan dalam surah tersebut. Pemahaman daripada ayat-ayat dalam surah itu diambil untuk mencari objektif utama surah tersebut. Selanjutnya, objektif utama yang diketengahkan oleh surah melalui pengolahan dan perbincangan yang dikemukakan oleh ayat-ayat al-Qur'an dalam surah tersebut digunakan pula untuk membentuk satu tajuk.¹⁸⁹

Bagi mengenalpasti objektif utama yang dikemukakan oleh surah, pengarang lazimnya akan memperincikan beberapa butiran seperti berikut:

- a. Sebab-sebab penurunan surah berkenaan (*Asbāb al-Nuzūl*).
- b. Susunan penurunan surah berkenaan (*Tartīb al-Nuzūl*).
- c. Ciri-ciri *Makkiyah* dan *Madaniyyah* surah (*Khaṣāis Makkiyah wa Madaniyyah*).¹⁹⁰
- d. Keserasian surah (*Munāsabāt al-Ṣūrah*).¹⁹¹

¹⁸⁸ *Tafsir al-Mawdu'ī* terbahagi kepada tiga bentuk. Pertama: Penafsiran berasaskan perkataan-perkataan yang mempunyai persamaan. Kedua: Penafsiran berasaskan tajuk-tajuk yang ditentukan. Ketiga pula: Penafsiran berasaskan objektif surah. Lihat Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, "Tafsir al-Mawdu'ī: Kajian Pensejarahan", 29-31.

¹⁸⁹ Mustafa Muslim, *Mabāhith fi al-Tafsir al-Mawdu'ī*, 28-29.

¹⁹⁰ Perincian daripada perkara-perkara di atas akan membantu pengarang untuk mengenalpasti identiti surah yang dipilih kerana setiap satu surah mempunyai identiti yang tersendiri. Contohnya, identiti Surah *Makkiyah* ialah mengupas dengan terperinci tiga tonggak Akidah Islamiah yang terdiri daripada *al-Ulūhiyyah*, *al-Risālah* dan Hari Akhirat. Identiti surah *Madaniyyah* pula adalah lebih menjurus kepada persoalan *al-Sharī'ah*, hubungan kemasyarakatan, *al-Akhlāq* dan lain-lain. *Ibid*.

¹⁹¹ *Munāsabāt* yang diketengahkan adalah bagi menjelaskan hubungkait yang ada antara ayat-ayat ataupun antara satu-satu petikan ayat yang terdapat dalam sebuah surah.

Berikut adalah perincian mengenai bentuk-bentuk *munāsabāt* yang diaplikasikan dalam sesebuah surah al-Qur'an:

- i. Menerangkan hubungan nama dengan objektif dan tujuan-tujuan yang terdapat dalam sesebuah surah.
- ii. Menjelaskan hubungkait surah dengan surah sebelum dan selepasnya.
- iii. Menerangkan kolerasi pembuka surah dan penutupnya.
- iv. Menerangkan kolerasi pembuka surah dengan penutup surah sebelumnya.
- v. Menjelaskan kolerasi penutup surah dengan pembuka surah selepasnya.
- vi. Kolerasi gambaran umum surah dengan perincian surah selepasnya.
- vii. Kolerasi perincian surah dengan kesimpulan am surah sebelumnya.
- viii. Keserasian antara topik-topik perbahasan dan kisah-kisah dalam surah.
- ix. Keserasian yang meliputi kesatuan tema bagi setiap topik lebih-lebih lagi antara topik-topik yang disentuh oleh surah tersebut.¹⁹²

¹⁹² Zahra' Khalid Sa'd Allah al-'Ubaidi, *Baina 'ilm al-Munasabah wa al-Tafsir al-Mawdhui lil Qur'an al-Karim: Dirasah Manhajiyyah Muqaranah*. 13.

2.2.5.2 Keserasian Susun Atur Kalimah al-Qur'an

Keserasian susun atur kalimah al-Qur'an akan mengupas rahsia dan hikmah yang terdapat dalam tertib ayat-ayat sesebuah surah dan juga al-Qur'an. Tertib ayat dalam sesebuah surah dan aturan penyusunan al-Qur'ān adalah berasaskan kepada prinsip *tawqifi*.¹⁹³ Asas *tawqifi* ini pula merupakan ruang yang dilihat sebagai berpotensi untuk dikembangkan bagi tujuan kajian berkaitan ilmu munāsabāt agar rahsia dan hikmah daripada susunan kedudukan kalimah-kalimah ataupun susunan surah-surah dalam *mushaf* dapat dikupas serta diketengahkan.

Bentuk baharu ini tidak melibatkan perbahasan daripada konteks bahasa yang meliputi segala instrumen ilmu *balāghah*, ilmu *naḥw*, ilmu *ṣarf* dan sebagainya. Konteks interaksi dalam bahagian ini adalah ilmu-ilmu lain selain daripada ilmu kebahasaan dan kesusasteraan sebagai contoh ilmu *tarikh muṣḥaf*, ilmu sejarah, ilmu geografi dan sebagainya yang turut mempunyai asas-asas yang kukuh. Namun begitu, pengkajian ini hendaklah bersyarat iaitu tidak memaksa ataupun menundukkan ayat-ayat al-Qur'an untuk bersesuaian dengan sesuatu ataupun sebab-sebab yang ditentukan terdahulu.

Berikut ialah contoh-contoh dalam mencari ruang-ruang yang berpotensi untuk dikembangkan berkaitan keserasian susun atur kalimah al-Qur'an pada masa hadapan:

Firman Allah s.w.t.

سَلَّمَ هِيَ حَتَّى مَطْلَعِ الْفَجْرِ

¹⁹³ a-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:38. Antara karya sarjana Islam yang menjelaskan berkenaan hubungkait dan hikmah penyusunan ini ialah *al-Burhān fī Tanāsib Suwar al-Qur'ān* oleh Aḥmad bin Ibrāhīm bin al-Zubayr, *Tanāsuq al-Durar fī Tanāsib al-Suwar* oleh Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-Suyūṭī dan *al-I'jāz al-Bayānī fī Tartīb Ayāt al-Qur'ān al-Karīm wa Suwarih* oleh Muḥammad Aḥmad Yūsuf al-Qāsim.

Terjemahan: Sejahteralah Malam (yang berkat) itu
hingga terbit fajar!

Ayat tersebut terletak dalam Surah al-Qadr yang membicarakan secara khusus berkenaan peristiwa *Lailah al-Qadr*, iaitu malam diturunkan al-Qur'an al-Karim. Surah al-Qadr ini mengandungi 30 kalimah. Jumlah ini merupakan juga jumlah maksimum untuk hari dalam bulan Ramadhan. Bagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat berkenaan bila berlakunya *Lailah al-Qadr*. Secara umumnya, *Lailah al-Qadr* berlaku pada satu malam daripada malam-malam bulan Ramadhan. Secara spesifiknya *Lailah al-Qadr* berlaku pada satu malam daripada 10 malam terakhir Ramadhan, terutamanya pada malam-malam ganjil daripada 10 malam terakhir tersebut.

Sesetengah pendapat menyatakan bahawa *Lailah al-Qadr* berlaku antara malam ke-25, atau malam ke-27, atau malam ke-29. Selain itu, bersandarkan beberapa pendapat dan persaksian dalam kalangan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. kuat menyatakan bahawa bahawa *Lailah al-Qadr* pada malam ke-27.¹⁹⁴ Justeru, bilangan ke-27 ini akan kita cermati dengan lebih mendalam.

Surah al-Qadr mempunyai jumlah keseluruhan 30 kalimah, iaitu bersamaan jumlah maksimum untuk hari dalam bulan Ramadhan. Kalimah yang ke-27 dalam surah tersebut didapati merujuk kepada kalimah 'هي' yang terletak dalam akhir ayat Surah al-Qadr yang mana mengikut sebilangan pengkaji, di sanalah petunjuk kepada *Lailah al-Qadr* pertama kali berlaku.¹⁹⁵

¹⁹⁴ Zain al-Din 'Abd al-Rahmān bin Ahmad bin Rejab bin al-Hasan al-Salāmi al-Baghdādi al-Dimashqi al-Hanbali, *Latā'if al-Ma'ārif fīmā liMawāsīm al-'Ām min al-Wazā'if*, ed. 'Imād Zaki al-Bārūdī (Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyyah, 1998), 337-338.

¹⁹⁵ 'Ubaid bin Sulaiman, "Iktishāf al-I'jāz al-'Adadi" (Makalah Bengkel I'jaz 'Adadi, Center of Quranic Research University Malaya, 24 September 2012), 6.

Di samping itu juga, sekiranya dihitung jumlah nilai bagi kedudukan kalimah-kalimah dalam Surah al-Qadar, kalimah iaitu 'هي' bersamaan 27. Ditambah pula dengan nilai kedudukan kalimah 'حتى', iaitu 28 dan ditambah juga dengan nilai kedudukan kalimah 'مطلع' serta 'الفجر' masing-masing adalah 29 dan 30, maka kita akan dapati bahawa jumlah keseluruhan nilai tersebut adalah 114. Jumlah ini bertepatan dengan jumlah surah-surah dalam al-Qur'an, iaitu 114 surah.¹⁹⁶

Selain itu, berdasarkan susunan nombor-nombor surah dalam *muṣḥaf*, Surah al-Fātiḥah berada pada kedudukan nombor surah yang pertama dan Surah al-Nās pada kedudukan yang ke-114. Kesemua susunan surah-surah ini merupakan perkara *tawqifi*. Merujuk kepada nilai perbezaan antara kedudukan Surah Muḥammad dan Surah al-Naṣr, Surah Muḥammad adalah surah yang ke-47 dalam susunan *muṣḥaf* sementara Surah al-Naṣr adalah surah yang ke-110. Maka dengan itu perbezaan antara keduanya adalah sebanyak 63,¹⁹⁷ iaitu bersamaan umur wafatnya junjungan besar Rasulullah s.a.w. seperti mana hadith berikut:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: قُبِضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَهُوَ ابْنُ ثَلَاثٍ وَسِتِّينَ، وَأَبُو بَكْرٍ وَهُوَ ابْنُ ثَلَاثٍ وَسِتِّينَ، وَعُمَرُ
وَهُوَ ابْنُ ثَلَاثٍ وَسِتِّينَ.

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik telah berkata; Telah wafat (baginda) Rasulullah s.a.w. semasa (baginda berumur) enam puluh tiga (tahun), dan (wafatnya) Abu Bakar (ketika berusia) enam

¹⁹⁶ *Ibid.*

¹⁹⁷ *Ibid.*, 20.

puluh tiga (tahun), dan (begitu juga) Umar (pada usia) enam puluh tiga (tahun).¹⁹⁸

Adakah semua yang diketengahkan ini ketentuan ataupun kebetulan? Maka inilah peluang perbahasan baharu yang terbuka kepada para pengkaji ilmu bagi merungkai rahsia-rahsia al-Qur'an dari aspek ilmu *Munāsabāt* dan hubungkaitnya dengan ilmu Sejarah al-Qur'an dan lain-lainnya menerusi kedudukan kalimah berpaksikan instrumen-instrumen ilmu yang pasti dan kukuh.

¹⁹⁸ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Fada'il, Bab Kam Sinn al-Nabiy Sallallah 'alaiyh wa Sallam Yaum Qubid. no. Hadith 2348. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, "Sahih Muslim," ed. Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, t.t.), 4:1825.

2.3 Jenis-jenis Keserasian *Fāṣilah* al-Qur'an

Bahagian ini akan menjelaskan jenis-jenis keserasian *fāṣilah* yang terdapat dalam al-Qur'an. Kajian mendapati bahawa terdapat empat jenis keserasian yang melibatkan *fāṣilah* dalam al-Qur'an. Pertama, keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat. Kedua, keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya. Ketiga dan keempat ialah, keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah dan keserasian *fāṣilah* secara keseluruhannya dalam sesebuah surah yang sama. Penjelasan berkaitan setiap jenis keserasian *fāṣilah* tersebut adalah seperti berikut:

2.3.1 Keserasian *Fāṣilah* dengan Kandungan Ayat

Jenis ini memaparkan *fāṣilah* yang berada di penghujung ayat mempunyai hubungan ataupun kaitan dengan kandungan ayat yang dibawanya. Contoh-contoh yang disertakan berikut memaparkan hubungan yang terjalin antara kedua-duanya:

Contoh 1:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَتُصْبِحُ الْأَرْضُ

مُخْضَرَّةً إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ﴿٦٣﴾

Al-Hajj 22:63

Terjemahan: Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menurunkan hujan dari langit, lalu menjadilah bumi ini hijau subur (dengan sebabnya)? Sesungguhnya Allah Maha Halus serta lemah-lembut (urusan tadbirNya), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya (akan hal-ehwal sekalian makhlukNya).

Ayat ke-63 dari surah al-Hajj adalah ditutup dengan *fāṣilah*, *Laṭīf Khabīr* yang bermaksud Maha Halus¹⁹⁹ lagi Maha Mengetahui.²⁰⁰ Seperti yang diketahui, pada bahagian awal ayat tersebut telah dijelaskan bahawa bumi menjadi hijau kerana ditumbuhi oleh tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok mahupun tanam-tanaman disebabkan hujan yang telah diturunkan oleh Allah s.w.t. dari langit. Situasi ini merupakan kesan rahmat dan kelembutan Allah s.w.t. yang Maha Halus ke atas makhluk-Nya, dan Allah s.w.t. juga Maha Mengetahui akan manfaat kurniaan tersebut ke atas sekalian makhluk-Nya.²⁰¹ Penyebutan sifat Allah s.w.t. sewaktu menutup ayat tersebut, iaitu *Laṭīf Khabīr* adalah amat secocok dengan nikmat-nikmat yang dijelaskan pada awalnya. Keadaan sedemikian ini memperlihatkan keserasian dan hubungan antara *fāṣilah* dengan kandungan ayatnya.

¹⁹⁹ *al-Latif* berasal dari akar kata *la-ta-fa* yang membawa maksud lembut, halus ataupun kecil. Menerusi makna tersebut maka lahirilah maksud ketelitian dan ketersembunyian. Sifat Allah *al-Latif* bergandingan dengan *al-Khabir* -sama ada dalam bentuk *nakirah* atau *ma'rifah*- disebutkan dalam al-Qur'an sebanyak lima kali. *al-Latif* bermaksud yang maha menghalusi iaitu mengetahui segala perkara yang tersembunyi walau sekecil dan sehalus manapun. Ia juga merujuk kepada tuhan-Allah- yang mengetahui segala rahsia dan yang maha lembut serta lunak terhadap semua makhluknya. *al-Latif* dari aspek bahasa mempunyai tiga pengertian. Pertama, Dia mengetahui segala perkara yang halus, rumit, kesamaran dan juga kemusykilan. Kedua ialah sesuatu yang terperinci dan yang ketiga ialah yang memberikan manfaat kepada pihak lain dengan cara yang lembut. Pengertian pertama adalah wajib bagi Allah s.w.t. kerana itu merupakan sifat bagi zat-Nya. Pengertian ketiga adalah merujuk kepada perbuatan Allah s.w.t. yang berbuat baik dan bersikap lemah lembut terhadap makhluk-makhluk-Nya. Manakala pengertian kedua, adalah mustahil disandarkan kepada Allah kerana 'sesuatu yang terperinci' itu adalah sifat makhluk dan Maha Suci Allah s.w.t. daripada berjirim mahupun berjisim. Rujuk M. Quraish Shihab, *Menyingkap Tabir Ilahi Asma' al-Husna dalam Perspektif al-Quran*, 153-155.

²⁰⁰ *al-Khabir* berasal dari perkataan *kha-ba-ra* yang bermaksud mengetahui dan mengenali hakikat sesuatu *al-Khabir* bermaksud yang maha mengetahui segala sesuatu sama ada yang sudah mahupun perkara yang akan berlaku. Nama ini juga boleh diertikan sama dengan *al-'Alim* kerana merupakan sifat zat bagi Allah. Allah mengetahui kejadian yang tersembunyi dan sudut paling dalam serta gelap yang tidak mampu dijangkau oleh segala makhluk-Nya. Semua itu termasuk segala peristiwa yang belum terjadi dan segala rahsia tentang semuanya tidak akan luput daripada pengetahuan Allah. Sifat *al-Khabir* ini mempunyai perbezaan dengan sifat *al-'Alim*. *al-'Alim* merujuk kepada pengetahuan Allah mengenai sesuatu yang berasal dari-Nya manakala, *al-Khabir* pula merujuk kepada pengetahuan Allah s.w.t yang meliputi perkara batin dan tersembunyi. Maka semuanya tertumpu kepada sesuatu yang diketahui oleh Allah s.w.t secara terperinci. *Ibid.*, 159-161.

²⁰¹ Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī, *Rawai' al-Bayan fī Tafsir Āyat al-Aḥkam min al-Qur'an* (Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, t.t.), 2:273.

Contoh 2:

Contoh 2 ini amat unik kerana memaparkan sebuah kisah dalam memaparkan keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat. Kisah al-Aṣma'ī (m. 216)²⁰² bersama seorang Arab Badwi berkaitan ayat 38 daripada surah al-Mā'idah adalah seperti berikut:

Seorang Arab Badwi yang fasih bahasanya telah mendengar beliau, iaitu al-Aṣma'ī membaca sepotong ayat al-Qur'an:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ

Al-Mā'idah 5:38

Terjemahan: Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah.

Namun ditutup ayat al-Qur'an tersebut dengan:

وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Terjemahan: Dan Allah Maha Pengampun (lagi) Maha Penyayang.

Bacaan beliau telah ditegur oleh Arab Badwi itu, lantas beliau menyemak kembali bacaannya tadi. Teguran itu telah menyebabkan beliau tersedar akan kesilapan yang telah berlaku dan beliau mengakhiri bacaannya tadi dengan:

²⁰² 'Abd al-Malik bin Quraib bin 'Ali bin Asma' al-Bāhiliy, Abū Sa'īd al-Aṣma'ī. Salah seorang daripada sarjana bahasa dan syair Arab. Wafat di Baṣrah tahun 216 Hijrah. Lihat Zerekly, *al-A'lām*, 2:310.

وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Al-Māidah 5:38

Terjemahan: Dan Allah Maha Perkasa (lagi) Maha Bijaksana

Setelah mendengar bacaan yang telah diperbetulkan itu, lantas Arab Badwi tersebut membenarkannya kerana Allah s.w.t. bersifat *'Azīz*, iaitu Maha Perkasa dan *Hakīm*, yang bermaksud Maha Bijaksana apabila mensyariatkan hukuman hudud ke atas pencuri. Maka sesuaiilah sifat Allah s.w.t. yang dinyatakan dengan kandungan ayat yang dibawanya dan bukannya lafaz *Ghafūr* (Maha Pengampun) dan *Rahīm* (Maha Penyayang).²⁰³

Contoh 3:

إِنْ تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ ۗ وَإِنْ تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Al-Māidah 5:118

Terjemahan: Jika Engkau menyiksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu, dan jika Engkau mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Engkaulah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Ayat 118 daripada Surah al-Maidah tersebut seakan-akan ditutup dengan lafaz *al-Ghafūr al-Rahīm*, iaitu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang,

²⁰³ 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin Muḥammad al-Jawzi, *Zād al-Masār fī 'Ilm al-Tafsīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002) , 2:208. Lihat juga Muhammad bin Yūsuf, Abū Hayyan, *Baḥr al-Muḥīṭ* (al-Riyāḍ: Maktabah wa Matābi' al-Naṣr al-Hadithah, t.t.), 3:484.

namun diakhiri dengan lafaz *al-'Azīz al-Ḥakīm*, iaitu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Justeru, *fāṣilah* dalam keadaan sedemikian ini berfungsi bagi menjelaskan hikmah di sebalik kandungan ayat tersebut.

Lafaz *al-'Azīz al-Ḥakīm*, iaitu Maha Perkasa, Maha Bijaksana adalah amat bertepatan untuk konteks ayat tersebut.²⁰⁴ Berdasarkan konteks ayat berkenaan, sekiranya ayat tersebut diakhiri dengan lafaz *al-Ghafūr al-Raḥīm*, iaitu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang maka difahami seolah-olah Nabi Isa a.s. memohon ampun untuk kaumnya yang telah menyekutukan Allah s.w.t. sedangkan permohonan ampun bagi orang-orang musyrik adalah ditegah. Maka itu, Allah s.w.t. menjelaskan diri-Nya sebagai Maha Perkasa bagi menunjukkan bahawa Dialah Maha Kuat dan Maha Berkuasa mutlak untuk mengazab pendosa ataupun tidak. Allah s.w.t. dalam keperkasaan-Nya itu pula diiringi dengan sifat *al-Ḥakīm*, iaitu Maha Bijaksana. Sifat bijaksana ini menjelaskan bahawa segala tindakan-Nya adalah tepat, betul dan mempunyai hikmah.

Sekiranya Allah s.w.t. mengazab pendosa maka Allah s.w.t. telah berlaku adil kerana mereka layak diazab di atas segala kesalahan mereka. Jika sekiranya Allah s.w.t. melepaskan mereka daripada azab walaupun mereka bersalah maka hanya Dialah yang tahu tentang hikmah di sebalik setiap perbuatan-Nya kerana Allah s.w.t. itu Maha Bijaksana.²⁰⁵

²⁰⁴ Lihat al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:89.

²⁰⁵ Lihat al-Zamakhsyari, *al-Kasyaf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūni al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, 2:77.

2.3.2 Keserasian *Fāṣilah* dengan *Fāṣilah* Ayat Selepasnya

Keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya adalah diimplimentasikan daripada jenis keserasian al-Qur'an yang sedia ada iaitu, keserasian antara ayat dalam satu surah. Cuma dalam situasi ini fokus keserasiannya adalah lebih spesifik, iaitu tertumpu kepada *fāṣilah* ayat-ayat berkenaan sahaja.

Sekiranya ayat demi ayat dalam satu surah dapat dihubungkan antara satu sama lain, maka sudah tentulah terdapat di sana juga dalam keadaan-keadaan tertentu sebilangan *fāṣilah* yang mempunyai kaitan ataupun keserasian dengan *fāṣilah* ayat selepasnya. Bentuk-bentuk tersebut dapat difahami daripada pengertian *munāsabāt* yang dikemukakan oleh al-Suyūṭī. Beliau menjelaskan *munāsabāt* itu sebagai ilmu yang menjelaskan bentuk-bentuk ikatan ataupun hubungan antara ayat al-Qur'an dan surah-surahnya sama ada berbentuk am ataupun khas, '*aqli* ataupun *hissi* ataupun *khayālī*, atau bentuk hubungan selain itu seperti sebab dan musabab, kesebandingan, saling berlawanan dan sebagainya.²⁰⁶

Takrifan beliau tersebut menggambarkan bentuk-bentuk hubungan antara bahagian-bahagian al-Qur'an seperti ayat-ayat mahupun surah-surahnya, manakala dalam perkara yang kita bahaskan ini, *fāṣilah* juga merupakan sebahagian daripada bahagian-bahagian al-Qur'an seperti yang beliau nyatakan. Berikut disertakan contoh bagi menggambarkan keserasian antara ayat-ayat al-Qur'an dalam bentuk *al-Taḍād*, iaitu perlawanan.

²⁰⁶ al-Suyūṭī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 3:273.

Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Baqarah sewaktu menjelaskan tiga kelompok manusia berbeza iaitu mukmin, kafir dan munafik sebagaimana berikut:

الَّذِينَ ۝۱ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝۲
يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ۝۳
وَالَّذِينَ ۝۴ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ۝۵
أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝۶
الَّذِينَ ۝۷ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ۝۸
خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ ۖ وَعَلَىٰ أَبْصَارِهِمْ غِشَاوَةٌ وَلَهُمْ
عَذَابٌ عَظِيمٌ ۝۹ وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ
وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ۝۱۰ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا
يُخَادِعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ۝۱۱ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ
اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ۖ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ۝۱۲

Al-Baqarah 2: 1-10.

Terjemahan : *Alif, Lām, Mīm*. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa; Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab “Al-Quran” yang diturunkan kepadamu (Wahai

Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya. Sesungguhnya orang-orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman. (Dengan sebab keingkaran mereka), Allah mematerikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar. Dan di antara manusia ada yang berkata: “Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat”; padahal mereka sebenarnya tidak beriman. Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya. Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).

Surah al-Baqarah ini pada awalnya menerangkan berkenaan orang-orang beriman dan diikuti pula dengan penerangan berkenaan orang-orang kafir musyrikin. Selanjutnya diikuti pula dengan ayat berkenaan orang-orang munafik, iaitu golongan yang berada di antara Islam dan kafir. Mereka ini menzahirkan keislaman namun batin mereka adalah kafir. Merekalah yang akan ditempatkan dalam neraka yang paling bawah.²⁰⁷ Demikianlah hubungan keserasian bagi kesepuluh-sepuluh ayat daripada Surah al-Baqarah ini dalam bentuk *al-Taḍād*, iaitu perlawanan.

Sekiranya kita cermati hubungan *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya, kita dapati juga di sana terdapat keserasian yang mengikat antara kedua-duanya seperti firman Allah s.w.t. di halaman sebelah iaitu:

²⁰⁷ al-Shawkāni, *Faṭḥ al-Qadīr*, 1:40.

فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ قُطُوفُهَا دَانِيَةٌ ﴿٢٢﴾

Al-Hāqqah 69: 22-23

Terjemahan: Di syurga yang tinggi (darjatnya).
Buah-buahannya dekat untuk dipetik.

Ayat tersebut menjelaskan bahawa, di dalam syurga yang tinggi darjatnya. Buah-buahannya adalah rendah, iaitu dekat untuk dipetik. Keserasian *fāṣilah* yang wujud dalam konteks ayat di atas merupakan dalam bentuk *al-Taḍād*, iaitu perlawanan. *Fāṣilah* kedua-dua ayat adalah saling berhubungan rapat antara satu sama lain. *Fāṣilah 'Āliyah* mempunyai maksud yang berlawanan dengan *fāṣilah* selepasnya, iaitu *Dāniyah* yang merupakan *al-Taḍād*.

Contoh lain bagi menjelaskan kewujudan keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya menerusi *Jinās*²⁰⁸ adalah seperti berikut:

Firman Allah s.w.t.

وَإِنَّهُ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ﴿٧﴾ وَإِنَّهُ لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾

Al-'Ādiyāt 100: 7-8

Terjemahan: Dan sesungguhnya ia (dengan bawaannya) menerangkan dengan jelas keadaan yang demikian. Dan sesungguhnya ia melampau sangat sayangkan harta (secara tamak haloba).

Ayat tersebut menjelaskan bahawa manusia itu mengakui akan keingkaran mereka terhadap tuhan-Nya dan bahawasanya mereka juga amat mencintai harta

²⁰⁸ *Jinās* dalam ilmu Balāghah bermaksud pengungkapan dua lafaz perkataan yang serupa atau mirip namun saling berbeza dari konteks maknanya 'Alī al-Jārim wa Mustafā Amīn, *al-Balaghah al-Wādhiah lilmadāris al-Thanawiyyah*, (t.tp., t.p., 1977), 260.

benda mereka secara berlebih-lebihan. Perhatikanlah *fāṣilah* daripada contoh ayat yang pertama iaitu kalimah '*lashahīd*' dan *fāṣilah* ayat kedua, iaitu '*lashadīd*', kedua-duanya adalah bermiripan. Kalimah *fāṣilah* dalam kedua-dua ayat adalah mirip dari aspek baris pada setiap huruf, bilangan huruf yang digunakan serta susunan huruf-huruf dalam perkataan kecuali berlakunya perbezaan pada huruf yang ketiga dalam kedua-dua *fāṣilah* tersebut. *Fāṣilah* pertama menggunakan huruf *ha* manakala *fāṣilah* kedua pula menggunakan huruf *dāl* yang merupakan huruf ketiga dalam perkataan masing-masing. Kedua-dua lafaz tersebut menggambarkan keserasian antara *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya dan inilah merupakan hubungkait yang digambarkan menerusi *Jinās*. Penerangan berkaitan *al-Taḍād* dan *Jinās* akan diperincikan sewaktu membahaskan bab selepas ini iaitu 'Bentuk-bentuk Keserasian *Fāṣilah* al-Qur'an Berdasarkan *Qarīnah*.'

2.3.3 Keserasian *Fāṣilah* yang Sama dalam Satu Surah

Keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah dapat dilihat menerusi dua bentuk. Pertama, terdapatnya *fāṣilah* yang sama berulang dalam ayat-ayat yang berlainan, sama ada ayat-ayat tersebut berturutan ataupun tidak berturutan dalam sesebuah.²⁰⁹ Meskipun penjelasan-penjelasan dalam sesuatu ayat itu berbeza antara satu sama lain, namun sekiranya ditutup dengan rangkaian *fāṣilah* yang sama ini memberikan suatu isyarat keserasian. Isyarat keserasian tersebut ialah isi yang disentuh dalam ayat-ayat terlibat dapat dikumpulkan di bawah satu topik.

Kedua pula, apabila berlakunya pengulangan, iaitu *al-Takrār* secara keseluruhan melibatkan kandungan dan juga *fāṣilah* ayat-ayat berkenaan. Maka dalam situasi ini juga turut tergambar keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu

²⁰⁹ Pengulangan ini bukan berbentuk keseluruhan, hanya melibatkan beberapa perkataan termasuk *fāṣilah* dalam ayat-ayat berturutan ataupun tidak berturutan dalam sesebuah surah berkaitan.

surah. Keserasian jenis ini turut mengimplimentasikan keserasian al-Qur'an yang sedia ada iaitu, keserasian antara ayat dalam satu surah. Bagi keserasian jenis ini, fokus keserasian adalah spesifik, iaitu tertumpu kepada *fāṣilah* ayat-ayat berkenaan sahaja.

Berikut merupakan contoh-contoh yang disertakan bagi menjelaskan keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah:

Contoh 1:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِيَسْتَعِذَّكُمْ الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ
وَالَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ مِّن قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ
وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِّنَ الظَّهْرِ وَمِن بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ
ثَلَاثُ عَوْرَاتٍ لَّكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَهُنَّ
طَوَافُونَ عَلَيْكُمْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ
الْآيَاتِ ۚ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾ وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ
فَلْيَسْتَعِذْنَ كَمَا اسْتَعِذَ الَّذِينَ مِّن قَبْلِهِمْ ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ
اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۚ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٩﴾

Al-Nūr 24: 58-59

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian

kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang Isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). Kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya); dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya) dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Kedua-dua ayat tersebut ditutup dengan *fāṣilah* yang sama, iaitu lafaz '*wallāhu 'alīmun ḥakīm*'. Keadaan tersebut menunjukkan hubungan dan juga keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah dalam bentuk pengulangan.

Pengulangan *fāṣilah* untuk kedua-dua ayat al-Qur'an adalah sebagai penegasan dalam adab pergaulan, iaitu berkaitan perihal meminta izin sebelum memasuki bilik pada tiga waktu. Ketiga-tiga waktu yang dinyatakan menerusi ayat-ayat terlibat ialah, sebelum solat subuh, ketika tengah hari sewaktu membuka pakaian kerana kepanasan dan sesudah solat Isya'.²¹⁰

Tatacara yang telah digariskan oleh Allah s.w.t. dalam perkara tersebut untuk pihak-pihak terlibat adalah menunjukkan keperluannya untuk dilaksanakan. Oleh yang demikian, Allah s.w.t. menutup kedua-dua ayat tersebut dengan menerangkan sifat-sifat-Nya, iaitu Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

²¹⁰ al-Zamakhshari, *al-Kasyāf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūni al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, 3:253.

Maha Mengetahui Allah akan keperluan adab itu bagi menjaga aurat untuk seluruh hamba-Nya dan Maha Bijaksana Allah dalam hikmah dan segala pengaturan-Nya.²¹¹ Pengulangan di bahagian hujung ayat-ayat berkenaan adalah menunjukkan keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah.

Contoh 2:

Ayat-ayat di bawah contoh 2 ini merupakan himpunan sebahagian ayat-ayat ringkas yang diperolehi daripada surah-surah pendek dalam al-Qur'an:

الْحَاقَّةُ ۝ مَا الْحَاقَّةُ ۝ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْحَاقَّةُ ۝

Al-Haqqah 69: 1-3

Terjemahan: Saat yang tetap berlaku itu -Apakah dia sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui tentang sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? (Saat itu ialah hari kiamat).

وَالسَّمَاءِ وَالطَّارِقِ ۝ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الطَّارِقُ ۝

Al-Tāriq 86: 1-2

Terjemahan: Demi langit dan “At-Taariq”; Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia “At-Taariq” itu?

لَا أُقْسِمُ بِهَذَا الْبَلَدِ ۝ وَأَنْتَ حِلٌّ بِهَذَا الْبَلَدِ ۝

Al-Balad 90: 1-2

Terjemahan: Aku bersumpah dengan negeri (Makkah) ini. Sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas).

²¹¹ *Ibid.*

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾

Al-Qadr 97: 1-2

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu?

الْقَارِعَةُ ﴿١﴾ مَا الْقَارِعَةُ ﴿٢﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْقَارِعَةُ ﴿٣﴾

Al-Qāri'ah 101: 1-2

Terjemahan: Hari yang menggemparkan! Apa dia hari yang menggemparkan itu? Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari yang menggemparkan itu?

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَهِ النَّاسِ ﴿٣﴾

Al-Nās 114: 1-3

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia. Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia".

Contoh-contoh di atas dikemukakan bagi mengukuhkan hujah dan membuktikan bahawa wujudnya keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah. Bentuk hubungan ataupun keserasian yang wujud antara *fāṣilah* yang sama tersebut, ialah 'pengulangan'. Pengulangan ini dilakukan untuk pelbagai tujuan. Penjelasan secara terperinci berkenaan pengulangan ini akan dijelaskan dalam bab berikutnya, iaitu 'Bentuk-bentuk Keserasian *Fāṣilah* al-Qur'an Berdasarkan *Qarīnah*.'

2.3.4 Keserasian Keseluruhan *Fāṣilah* dalam Satu Surah

Keserasian keseluruhan *fāṣilah* dalam satu surah merupakan hasil daripada pengimplimentasian keserasian nama dan tema surah dengan isinya. Bagi menjelaskan bahagian ini. Pertamanya, usaha-usaha bagi menemukan sesebuah tema bagi sesebuah surah perlu difahami serta kolerasi keseluruhan isi surah dengan nama surah perlu diterangkan terlebih dahulu.

Bagi menemukan sesebuah tema besar yang dapat memayungi keseluruhan topik-topik yang dibicarakan dalam sesebuah surah adalah bukan kerja mudah. Perkara tersebut memerlukan penelitian yang halus, kemahiran bahasa yang tinggi serta pemahaman yang mendalam. Maka itu, pengkaji akan menganalisis kaitan antara ayat-ayat dalam surah-surah al-Qur'an dari konteks yang lebih luas iaitu menemukan ayat-ayat al-Qur'an terdiri daripada susunan topik-topik kecil yang menyokong sesuatu tema.²¹² Tema tersebut pula adalah kunci kesepaduan ayat-ayat dalam surah tersebut yang merentas pelbagai topik dan mesej di dalamnya.²¹³

Menemukan keserasian tema dalam konteks sesebuah surah memerlukan agar struktur umum surah tersebut diketahui terlebih dahulu. Pengetahuan mengenai perkara ini akan memudahkan dalam memahami gambaran umum surah berkenaan. Umumnya sesebuah surah itu mempunyai **empat komponen** utama iaitu: Pertama, tema utama. Kedua, prakata ataupun *mukaddimah*, iaitu *tamhīd*. Ketiga, aliran perbahasan iaitu cara pembentangan sesebuah surah dalam menjelaskan isu-isu ataupun topik-topik yang disentuh. Keempat dan merupakan

²¹² Lihat Salwa M. S. El-Awa, *Textual Relations in the Qur'an: Relevance, Coherence dan Structure* (New York: Routledge Taylor & Francis Group, 2006), 24.

²¹³ Israr Ahmad Khan, "Coherence in the Qur'an: Principle and Application," *Intellectual Discourse*, Vol 10, No 1, (2002) , 47.

terakhir adalah penutup.²¹⁴ Perlu diingat bahawa ia adalah gambaran umum untuk surah-surah sahaja. Ini kerana terdapat sesetengah surah tidak mempunyai struktur sedemikian terutama sekali surah-surah pendek al-Qur'an. Surah-surah pendek seperti Surah *al-Ikhlās* dan Surah *al-Nās* adalah terfokus kepada satu topik sahaja dan tidak melibatkan beraneka topik serta ringkas. Setelah itu, langkah-langkah ini perlu diikuti:

- a. Mengenalpasti tema utama sesebuah surah.
- b. Mengklasifikasikan ayat-ayat mengikut topik-topik ataupun mesej-mesej yang disentuh oleh surah.
- c. Melihat pernyataan-pernyataan yang saling menyokong antara satu dengan yang lain.
- d. Mengenalpasti konteks surah, latarbelakang sejarah berkaitan sekiranya berkaitan dan *mukhāṭab*, iaitu kepada siapa ayat-ayat itu ditujukan.²¹⁵

Contoh tema bagi sesebuah surah adalah seperti Surah *al-Kahf* yang mengandungi sebanyak 110 ayat. Surah tersebut memaparkan pelbagai kisah yang beraneka dalamnya. Kisah pada bahagian awal surah adalah mengenai *Ashāb al-Kahf*, kisah Pemilik Dua Ladang dan Kisah Nabi Adam a.s. dan Iblis. Manakala pada bahagian tengah surah itu pula menyentuh kisah berkaitan Nabi Musa a.s. dengan seorang hamba Allah yang soleh dan diikuti pula dengan kisah *Dzu al-Qarnain*. Kesemua ayat berkaitan kisah-kisah yang dinyatakan adalah berjumlah 71 ayat daripada 110 ayat. Baki daripada ayat-ayat yang tinggal merupakan ulasan ataupun kesimpulan terhadap kisah pemandangan Kiamat. Secara umumnya, tema asas yang mengikat kisah-kisah yang pelbagai itu ialah pembetulan aqidah,

²¹⁴ *Ibid.*, 48.

²¹⁵ *Ibid.*, 49.

pembetulan metodologi berfikir dan pembetulan nilai-nilai selaras dengan neraca akidah Islamiyyah.²¹⁶

Selanjutnya ditampilkan contoh bagi menjelaskan keserasian nama surah²¹⁷ dengan kandungannya secara keseluruhan. Contoh ditampilkan adalah Surah al-Nisā' bermaksud 'wanita ataupun perempuan.' Nama surah tersebut secocok dengan keseluruhan isinya kerana terdapat banyak hukum-hakam wanita telah dijelaskan dalam surah berkenaan. Surah ini dimulai dengan huraian tentang hubungan *silaturrahim* dan banyak hukum-hakam yang ditetapkan berkaitan wanita. Contohnya, perihal pernikahan, perwarisan harta, pergaulan dengan isteri, perempuan-perempuan yang haram dinikahi dan ditutup surah ini dengan penjelasan yang turut melibatkan wanita iaitu hukum '*Kalalah*' yang mana seseorang yang mati dengan tidak mempunyai anak tetapi mempunyai saudara perempuan.²¹⁸

Selain itu, Surah al-Qiyāmah²¹⁹ ditampilkan bagi menjelaskan keserasian nama dan tema asas surah dengan kandungan keseluruhan ayat terlibat. Surah ini dinamakan dengan al-Qiyāmah bagi menunjukkan pengkhususan penurunannya untuk menjelaskan perihal kiamat dan peristiwa-peristiwa berkaitan dengannya. Sekiranya diperhalusi 40 ayat yang terdapat dalamnya, didapati di sana terdapat 6 kelompok sub-topik yang mendukung tema asas surah ini, iaitu peristiwa kiamat.

²¹⁶ Syed Qutb, *fi Zilāl al-Qur'ān*, 4: 2207.

²¹⁷ Nama-nama diberi untuk digunakan bagi menunjuk surah-surah yang terdapat di dalam al-Qur'an. Nama-nama surah ini mempunyai hubungan yang erat dengan isi sesebuah surah, ataupun dengan pangkal surahnya, ataupun dengan tema utama yang terdapat di dalamnya, dan ataupun dengan perbincangan sesuatu isu yang mendominasi surah tersebut.

²¹⁸ Lihat al-Zarkashi, *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:270.

²¹⁹ Surah al-Qiyāmah adalah surah *Makkiyah* yang terdiri daripada 40 ayat. Merupakan surah yang ketiga puluh satu yang diturunkan di Mekah selepas surah al-Qāri'ah. Lihat al-Zarkashi, *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:193. Ia merupakan surah ke-75 dalam susunan *mushaf*, didahului sebelumnya surah al-Muddathir dan selepasnya surah al-Insān terletak dalam juzuk ke-29 al-Qur'ān.

Perincian setiap kelompok terbabit adalah seperti jadual berikut:

Jadual 2.2 Keserasian Nama Surah, Kelompok Sub-Topik dengan Tema Asas bagi Surah al-Qiyāmah²²⁰

Bil Kelompok	Sub-Topik	Ayat	Tema Asas
1	Penegasan berlakunya kiamat dan kedahsyatan serta tanda-tandanya.	1-13	Peristiwa Kiamat
2	Keadaan manusia sewaktu kiamat dan nasihat kepada Rasulullah s.a.w berkaitan hal penerimaan wahyu.	14-19	
3	Golongan manusia sewaktu menghadap tuhan di akhirat.	20-25	
4	Perihal kegetiran manusia disaat kematian.	26-30	
5	Penegasan akan berlakunya kiamat dan bukti-bukti kekuasaan Allah s.w.t. untuk membangkitkan manusia setelah kematian.	31-40	

Setelah mendapatkan penjelasan tersebut, maka tumpuan diberikan kepada keserasian keseluruhan *fāṣilah* yang diimplimentasikan daripada keserasian nama, tema surah dengan isinya. *Fāṣilah* mewakili kelompok-kelompok ayat yang pelbagai dalam sesebuah surah adalah bergerak kepada satu arah yang sama,

²²⁰ Syed Qutb, *fī Zilāl al-Qur'ān*, 6: 3766.

iaitu mendukung tema asas sesebuah surah. Kefahaman sedemikian ini menyedarkan kita suatu perkara penting bahawa, *fāṣilah* yang berbilang dalam sesebuah surah mempunyai keserasian. Keserasian tersebut ialah, kesemua *fāṣilah* menjadi pelengkap dan dalam masa yang sama saling mendukung tema asas sesebuah surah. Buktinya sebagaimana berikut:

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ikhlāṣ

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

Al-Ikhlāṣ 112:1-4

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad):
“(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya”.

Perhatikanlah *fāṣilah* dalam keempat-empat ayat di atas. Kalimah '*Aḥad*', '*al-Ṣamad*', '*wa lam yūlad*' dan '*Aḥad*' setiap satunya saling mendukung antara satu dengan yang lain. Kesemuanya berperanan dalam menjelaskan tentang zat Allah s.w.t. dan dalam masa yang sama setiap satunya memperkuat tema utama surah ini iaitu tauhid. Demikianlah keserasian keseluruhan *fāṣilah* dalam satu surah seperti yang dimaksudkan. Penjelasan lebih mendalam boleh didapati dalam bab berikutnya, iaitu 'Bentuk-bentuk Keserasian *Fāṣilah* al-Qur'an Berdasarkan *Qarīnah*.'

2.4 Kesimpulan

Munāsabāt dari konteks bahasa merujuk kepada kedekatan, kemiripan, keserasian, kesesuaian dan juga kesepadanan. Secara istilahnya *munāsabāt* dapat difahami sebagai suatu disiplin pengajian yang mencari perhubungan dan keserasian antara satu ayat al-Qur'an dengan ayat yang lain, antara satu topik al-Qur'an dengan topik yang lain dan antara satu surah dengan surah yang lain berdasarkan kepada ayat-ayat dan surah-surah dalam *Muṣḥaf 'Uthmaniyy*.

Munāsabāt dengan kata lain adalah menunjukkan hubungan, kolerasi dan keserasian antara ayat-ayat ataupun antara surah-surah dengan mengambilkira ciri *tartīb* dan *tarkīb*. Kedua-dua ciri tersebut inilah yang akhirnya membuka hikmah-hikmah tertib-atur *Muṣḥaf al-Qur'an* sebagaimana yang terdapat pada hari ini. Inilah tujuan akhir disebalik usaha yang digembelingkan ke atas *munāsabāt*, iaitu mengisbatkan *tartīb wa tarkīb* sehingga tergambar susunan *muṣḥaf* ini adalah susunan yang padu dan tidak terpisah.

Ilmu *Munāsabāt* adalah ilmu yang agak lewat kemunculannya berbanding ilmu-ilmu lain dalam bidang Pengajian Islam. Pertama kali *munāsabāt* muncul ialah pada abad ke-4 Hijriyyah, dan pelopornya iaitu al-Imam Abū Bakr 'Abd Allah bin Muhammad Ziyād al-Naisābūri (m. 324H), seorang ulama di Baghdad yang pakar dalam bidang syariat dan sastera.

Munāsabāt awalnya diulas bersama-sama perbahasan tafsir sesuatu ayat dalam sesebuah surah oleh para *mufasssir*, sebagai contoh usaha yang dibuat oleh al-Rāzi dalam tafsirnya iaitu, *al-Tafsīr al-Kabīr*. Ilmu *Munāsabāt* digunakan sewaktu mentafsirkan al-Qur'an secara terperinci (*tafṣīli*). Ini kerana tafsir

sedemikian itu akan menyelusuri ayat-ayat al-Qur'an satu demi satu dan pada waktu itu penulis akan menemui pelbagai topik-topik yang dibicarakan dalam sesebuah surah terutamanya dalam surah yang panjang. Justeru, untuk menjustifikasikan pertautan dan membongkar hubungan antara ayat-ayat tersebut maka ilmu *Munāsabāt* digunakan.

Hanya pada awal abad ke-8 Hijrah muncul penulis yang menyusun menulis masalah *munāsabāt* secara tersendiri. Beliau ialah Abū Ja'far Ahmad bin Ibrahim bin al-Zubayr (m.708H) dengan kitabnya berjudul *al-Burhān fī Munāsabāt Tartīb Suwar al-Qur'ān*. Perbahasan *munāsabāt* pula sampai kepada puncaknya pada akhir kurun ke-9 Hijrah iaitu di zaman Ibrāhīm bin 'Umar al-Biqā'ī (m. 885H) dengan judul tafsirnya yang masyhur *Nazm al-Durar fī Tanāsub al-Ayāt wa al-Suwar*.

Selanjutnya, kajian dan penulisan berkaitan *munāsabāt* terus berkembang dari zaman ke zaman. Selaras dengan peredaran masa dan perkembangan ilmu ini maka didapati pada abad ke-20 dan ke-21 ini menyaksikan penulis-penulis tafsir cenderung kepada menganalisis hubungkait dan keserasian antara ayat dalam surah-surah al-Qur'an dari konteks yang lebih luas, iaitu menemukan ayat-ayat al-Qur'an terdiri daripada susunan topik-topik kecil yang menyokong sesuatu tema dan juga mengetengahkan paksi perbincangan bagi sesebuah surah. Ia turut dikenali oleh para pengkaji sebagai analisis kesepaduan struktur.

Terdapat tujuh bentuk *munāsabat* seperti berikut:

- i. Keserasian kata demi kata dalam satu surah.
- ii. Keserasian kandungan ayat dengan penutup ayat (*fāsilah*).
- iii. Keserasian hubungan ayat dengan ayat berikutnya.

- iv. Keserasian huraian awal (*muqaddimah*) sesuatu surah dengan penutupnya.
- v. Keserasian penutup surah dengan huraian awal (*muqaddimah*) surah sesudahnya.
- vi. Keserasian nama dan tema surah dengan isinya.
- vii. Keserasian antara surah-surah dalam penyusunan *Mushaf 'Uthmaniyy*.

Ketujuh-tujuh jenis munasabat tersebut dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, pertautan dalaman dan pertautan luaran. Pertautan Dalaman (*Internal Relation*) melambangkan kesatuan dalam sesebuah surah dalam al-Qur'an. Manakala, pertautan luaran (*External Relation*) mendukung prinsip kesatuan al-Qur'an keseluruhannya sebagai sebuah kitab hidayah kepada sekalian manusia. Pihak-pihak yang mengisbatkan wujudnya pertautan keseluruhan al-Qur'an ini adalah pihak yang menerima bahawa penyusunan surah-surah al-Qur'an seperti di tangan kita pada hari ini adalah *tawqifi*. Di awali dengan al-Fātiḥah, diikuti dengan al-Baqarah sehinggalah sampai kepada hujungnya iaitu Surah al-Nās semua susunan tersebut adalah ketetapan Allah s.w.t. sepertimana kitab ini di *Lawḥ al-Mahfūz* lagi.

Perkembangan ilmu *Munāsabāt* pada masakini dapat dikaitkan dengan perkembangan *Tafsir Mawdu'ī*. Keadaan ini berlaku kerana, *munāsabāt* adalah satu elemen yang penting dalam menjayakan matlamat *Tafsir Mawdu'ī*. Pengimplimentasian *munāsabāt* dalam *Tafsir Mawdu'ī* adalah amat jelas terutama dalam *Tafsir al-Mawdu'ī* bentuk yang ketiga iaitu, penafsiran berasaskan objektif surah.

Selain itu, *munāsabāt* berpotensi untuk dikembangkan untuk kajian yang mengupas rahsia susun-aturn kedudukan kalimah-kalimah ataupun susunan surah-surah dalam *muṣḥaf*. Semuanya ini dijalankan berlandaskan konsep *tawqīfī*. Kajian dalam bentuk ini menganalisis hubungan kedudukan, -iaitu *tartīb* antara sesuatu perkataan ataupun sesuatu ayat dengan yang lain- bagi mencari rahsia dan hikmahnya. Bentuk baharu ini adalah interaksi daripada ilmu-ilmu lain selain ilmu kebahasaan dan kesusasteraan. Sebahagian ilmu yang terlibat adalah seperti ilmu *Tarikh Muṣḥaf*, ilmu Sejarah, ilmu Geografi dan sebagainya yang turut mempunyai asas-asas yang kukuh. Namun begitu, perbuatan sedemikian ini hendaklah bersyarat, iaitu tidak memaksa ataupun menundukkan ayat-ayat al-Qur'an untuk bersesuaian dengan sesuatu ataupun sebab-sebab yang ditentukan terlebih dahulu.

Kajian ini telah menemukan jenis *munāsabāt* baharu. Ia melibatkan keserasian baharu *fāṣilah*, selain daripada keserasian *fāṣilah* yang sedia dikenalpasti. Kajian ini mengetengahkan keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya. Keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah dan keserasian keseluruhan *fāṣilah* dalam sesebuah surah. Jenis-jenis baharu bagi keserasian *fāṣilah* merupakan sumbangan dan suatu penemuan positif serta signifikan kerana ia boleh mengembangkan lagi ruang lingkup perbahasan ilmu *Munāsabāt* pada masakini. Ia juga merupakan suatu inovasi yang memanfaatkan jenis-jenis keserasian al-Qur'an yang sedia ada dikenalpasti oleh para pengkaji sebelum ini. Hujah bagi jenis keserasian baharu untuk *fāṣilah* ini adalah kukuh kerana hubungkait keserasiannya dapat dibuktikan antaranya menerusi hubungan perlawanan (*al-Taḍād*), kemiripan (*Jinās*), pengulangan (*al-Takrār*) dan sebagainya.

BAB 3:

BENTUK-BENTUK KESERASIAN *FĀṢILAH* AL-QUR'AN BERDASARKAN *QARĪNAH*

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan pembahagian yang dapat dibuat ke atas jenis-jenis keserasian *fāṣilah* baharu tersebut. Pembahagian dilaksanakan berdasarkan sifat-sifat hubungkait yang dipaparkan menerusi ayat-ayat al-Qur'an terlibat. Pengklasifikasian bentuk-bentuk ini adalah berdasarkan *qarīnah* yang ditemui dalam sesebuah ayat, atau *qarīnah* antara ayat dan juga *qarīnah* dalam keseluruhan ayat bagi sesebuah surah yang melibatkan *fāṣilah*. *Qarīnah* yang dikenalpasti adalah bukti dan hujah kepada wujudnya keserasian *fāṣilah* seperti yang dikemukakan dalam kajian ini. Pembuktian sedemikian ini mengukuhkan lagi jenis-jenis keserasian *fāṣilah* al-Qur'an yang ditampilkan dalam bab 2 yang lalu.

3.2 Pengenalan *Qarīnah*

Qarīnah yang diketengahkan dalam kajian ini merupakan bukti bagi keserasian yang terdapat pada *fāṣilah* al-Qur'an. Menerusi *qarīnah* juga, bentuk-bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an akan dikenalpasti sama ada bersifat nyata ataupun bersifat maknawi. *Qarīnah* yang dipilih dalam kajian ini adalah *qarīnah* yang mempunyai dua syarat utama iaitu, sesebuah *qarīnah* itu mesti melibatkan *fāṣilah* dan *qarīnah* itu juga mesti menggambarkan suatu bentuk hubungan mahupun keserasian.

3.2.1 *Qarīnah* dari Konteks Bahasa

Qarīnah adalah perkataan Arab yang diambil dari kata dasar huruf *qaf* – *ra*' dan – *nun*, '*al-Qarn*' serta lafaz jamaknya pula adalah '*Qarāin*' (قرائن). '*al-Qarn*' bermaksud menghimpunkan sesuatu dengan sesuatu yang lain, mengikat dan menyambung dengan kuat, serta menghubungkan antara sesuatu. '*al-Qārīn*' merujuk kepada teman, sahabat dan pasangan. Selain itu, '*al-Qārīn*' turut juga merujuk kepada jin yang mendampingi manusia. Perkataan *Qarīnah* pula disebut dengan *wazan*, iaitu pola *fa'īlah* (فَعِيلَة) yang membawa pengertian sebagai sesuatu yang mempunyai hubungan, kaitan ataupun pertalian.²²¹ *Qarīnah* juga turut dapat difahami dengan maksud, sesuatu yang menghubungkan antara dua ataupun beberapa perkara ataupun entiti.²²²

3.2.2 *Qarīnah* dari Konteks Istilah

Qarīnah dari konteks istilah pula bermaksud: "Sesuatu yang mengiringi, beserta dan sentiasa bersama dengan *naş* serta memberi kesan terhadap makna."²²³

Penjelasan takrif tersebut adalah seperti berikut:

1. 'Sesuatu yang mengiringi, beserta dan sentiasa bersama' bermaksud terkeluarlah perkara-perkara ataupun sesuatu yang tidak bersekali, tidak bersama dan tidak berhubungan.
2. Perkataan 'dengan *naş*' pula merujuk kepada perkara ataupun sesuatu yang dibicarakan mengenainya. Menurut konteks kajian ini *naş*

²²¹ Aḥmad bin Faris bin Zakariya, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, ed. 'Abd al-Salām Muḥammad Harun (Misr: Maktabah wa Maṭba'ah Mustafā al-Bābī al-Halabi, 1978), 76.

²²² Lihat juga Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab*, Bab Nun Fasal Qaf, 13:336.

²²³ Muḥammad Zila'ī Hindī, *al-Qarāin wa Atharuhā fī al-Tafsīr*, (Riyād: al-Jam'iyyah al-'Ilmiyyah al-Sa'ūdiyyah li al-Qur'ān al-Karīm wa 'Ulūmih, 2010), 32-33.

merujuk kepada ayat-ayat al-Qur'an yang terdiri daripada kalimah-kalimah dan *fāṣilah*nya.

3. Perkataan 'serta memberi kesan terhadap makna' pula menunjukkan bahawa terkeluarlah perkara ataupun sesuatu yang bersekali dan bersama datangnya, namun tidak memberikan apa-apa impak ataupun kesan terhadap makna kerana di luar konteks ataupun ketiadaan hubungan mahupun kaitan dengan *naṣ*.²²⁴

Pemilihan istilah *qarīnah* dalam memperjelas keserasian *fāṣilah* al-Qur'an adalah kerana istilah *qarīnah* mampu membawa pengertian yang tepat. Kajian ini memilih untuk menjauhi istilah-istilah lain yang turut menggambarkan sesuatu bentuk hubungan ataupun keserasian seperti *rawābiṭ*, *'alāqah* ataupun *tanāsuq* kerana untuk menghalang berlakunya kekeliruan ke atas istilah-istilah yang diketengahkan untuk kajian ini. Istilah-istilah seperti *rawābiṭ*, *'alāqah* ataupun *tanāsuq* seringkali digunakan untuk merujuk kepada keserasian ayat dan hubungkaitnya dengan ayat yang lain.²²⁵ Manakala bagi menunjukkan keserasian *fāṣilah* istilah *qarīnah* digunakan.²²⁶

²²⁴ *Ibid*.

²²⁵ Seperti yang digunakan oleh Muḥammad bin 'Umar Fakhr al-Rāzi dalam tafsirnya *al-Tafsīr al-Kabīr*.

²²⁶ al-Zarkashi dalam *al-Burhan fī 'Ulūm al-Qur'ān* menggunakan lafaz *qarīnah* bagi menggambarkan keserasian *fāṣilah* al-Qur'an, begitu juga dengan al-Suyūṭī dalam *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*.

3.2.3 Penggunaan *Qarīnah*

Penggunaan *qarīnah* dalam membuktikan sesuatu perkara ataupun hubungan bukanlah sesuatu perkara yang asing ataupun janggal. Bahkan, *qarīnah* merupakan sesuatu yang kukuh dan tepat. Lantaran itu *qarīnah* turut digunapakai dalam bidang *Syari'ah*.

Qarīnah dalam konteks *syara'* merupakan satu daripada kaedah pembuktian, selain daripada keterangan saksi, pengakuan tertuduh dan sumpah dalam perkara-perkara berkaitan undang-undang yang melibatkan kes-kes jenayah. Dalam konteks ini, *qarīnah* ditakrifkan sebagai setiap fakta yang menjadi petanda jelas yang mempunyai perkaitan dan menjadi bukti wujudnya sesuatu fakta yang tersembunyi.²²⁷ Selain itu, 'Abd al-Karīm Zaydān mentakrifkan *qarīnah* sebagai petanda-petanda ataupun fakta-fakta berkaitan yang dijadikan bukti wujud atau ketidakwujudan sesuatu fakta asas.²²⁸

Contoh yang boleh diambil sebagai penjelasan di sini, ialah dalam kes melibatkan jenayah minuman memabukkan. Seseorang yang memasuki premis arak, didapati mabuk, terdapat bil pembelian arak dan mulutnya berbau arak maka ia boleh dianggapkan sebagai peminum arak. *Qarīnah* dalam kes ini ialah berada dalam premis arak semasa serbuan dijalankan, berkeadaan mabuk, mempunyai bukti pembelian arak dan mulutnya berbau arak. Apabila semua tersebut dapat dibuktikan maka anggapan tadi boleh dibuat.²²⁹ Individu terbabit

²²⁷ Muṣṭafā al-Zarqā', *al-Madkhal al-Fiqh al-'Ām*, (Dimaqsh: Maṭba'ah al-Jāmi'ah, 1978), 2: 914.

²²⁸ 'Abd al-Karīm Zaydān, *Nizām al-Qaḍā' fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Baghdad: Maṭba'ah al-'Ain, 1984), 219.

²²⁹ Amir Husni Mohd Nor dan Nik Azlan Nik Man, "Qarinah: Kajian Penggunaan Alat Pengesan Alkohol di Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan," *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat UKM*, (2006), 116.

boleh disabitkan kesalahan dan boleh dijatuhi hukuman mengikut peruntukan undang-undang.

Qarīnah dalam Uṣūl al-Fiqh dan Pengajian al-Qur'an pula digunakan dalam bab al-'Ām.²³⁰ al-'Ām merupakan kaedah untuk memahami nas al-Qur'an ataupun Hadith Nabi s.a.w. yang biasanya membantu mujtahid dalam berijtihad mengenai hukum terutama dalam menghuraikan dan memperjelas hukum daripada ayat-ayat al-Qur'an yang bersifat umum ataupun menyeluruh.²³¹ Contohnya seperti firman Allah s.w.t. dalam ayat berikut:

﴿وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا

كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٦﴾

Hūd 11: 6

Terjemahan: Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).

Ayat tersebut menjelaskan berkaitan *sunnatullāh* terhadap makhluk-makhluk-Nya. Ia menerangkan bahawa bagi setiap binatang yang melata di atas muka bumi ini pasti diberikan rezeki oleh Allah s.w.t. Lafaz '*Dābbah*' dalam ayat tersebut adalah dikategorikan dalam lafaz am yang meliputi keseluruhan dan

²³⁰ al-'Ām dalam al-Qur'an dan peranannya dapat dibahagikan kepada tiga seperti berikut iaitu: Pertama al-'Ām yang disertai *qarīnah* secara pasti membawa pengertian umum. Kedua, al-'Ām yang disertai *qarīnah* secara pasti membawa pengertian khusus. Ketiga iaitu al-'Ām yang tidak disertai *qarīnah* dan mutlak untuk umum sahaja. Lihat Manna' Khalil Qattan, *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*, 201.

²³¹ *Ibid.*

tiada pengecualian serta dalam masa yang sama tidak ada kemungkinan untuk dikhususkan.

Contoh 2:

... وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ... ﴿٩٧﴾

Ali 'Imrān 3: 97

Terjemahan: Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.

Ayat di atas menyentuh berkaitan pensyariatan ibadah Haji. Kalimah '*al-Nās*' dalam ayat tersebut adalah lafaz am untuk sekalian manusia. Namun begitu ayat tersebut turut disertai *qarīnah* yang menghilangkan maksud keumumannya, iaitu bagi mereka yang mampu dan memenuhi syarat. Justeru, kalimah '*isṭāta*' adalah *qarīnah* yang menghilangkan erti keumumannya.

Qarīnah dalam bab *Majāz*²³² adalah berkaitan dengan pemahaman ke atas sesuatu ungkapan mahupun ayat. Berlawanan dengan *majāz* adalah hakiki. Hakiki ialah apabila sesuatu perkataan, ungkapan yang pengertiannya difahami dengan makna sebenar.²³³ *Qarīnah* dalam konteks ini berfungsi sebagai penghalang untuk perkataan, ungkapan ataupun pernyataan tersebut daripada menggunakan maksud asli dan beralih pula kepada makna secara *majāzī*.²³⁴ Contohnya, seseorang berkata "Saya melihat Singa yang membawa sebilah

²³² *Majāz* daripada aspek bahasa ialah melangkaui. Istilahnya pula adalah suatu perkataan yang dipakai bukan atas maksud asli perkataan tersebut kerana terdapatnya *qarīnah* yang menghalang daripada menggunakan maksud asli tersebut. Dalam konteks ini *qarīnah* yang dikemukakan tergolong daripada *qarīnah lafziyyah*. Lihat Abi Ya'qūb Yūsuf bin Muḥammad bin 'Alī, al-Sakāki, *Miftāh al-'Ulūm*, ed. Dr. 'Abd al-Hamīd Handawī (Beirut: Dār al-Kutub, 2000), 154.

²³³ Dr. Basiyūnī 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, *'Ilm al-Bayān: Dirāsah Taḥlīliyyah li al-Masā'il al-Bayān* (Kaherah: Muassasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tawzī', 1998), 78.

²³⁴ Dr. Khadijah Muhammad al-Ṣāfi, *Athār al-Majāz fī Fahmi al-Wazāif al-Naḥwiyyah wa Tawjīhiha fī al-Siyāq* (Kaherah: Dar al-Salam, 2009), 38.

pedang di tangannya." Keterangan "sebilah pedang di tangannya" adalah *qarīnah* yang menghalang maksud asli daripada perkataan Singa, iaitu merujuk kepada seekor haiwan.²³⁵

Contoh lain ialah, pernyataan "Firaun membina Piramid." Difahami daripada pernyataan ini, bukanlah Firaun itu yang membina Piramid malahan yang sebenar membinanya adalah arkitek, jurutera dan pekerja-pekerja binaan pada zaman tersebut. Namun Firaunlah pemilik bagi Piramid tersebut dan mustahil dari segi logik Firaun membina binaan sebesar itu berseorangan.²³⁶

²³⁵ al-Khaṭīb al-Qazwainī, *al-Iḍāḥ fī 'Ulūm al-Balāghah*, ed. Dr. Muḥammad 'Abd al-Mun'im al-Khaṭāji (Beirut: Dar al-Kutub al-'Imiyyah, 1993), 34.

²³⁶ Membina Piramid adalah *qarīnah* agar maksud yang difahami secara tersirat daripada ungkapan ataupun keterangan kerana mustahil diterima akal. Dalam konteks ini *qarīnah* diklasifikasi sebagai *qarīnah maknawīyyah*. Bacaan lanjut berkenaan jenis-jenis *majāz* boleh merujuk Dr. Khadijah Muhammad al-Ṣāfi, *Athār al-Majāz fī Fahm al-Waṣāif al-Naḥwiyyah wa Tawjīhiha fī al-Siyāq* dan lain-lain lagi.

3.2.4 *Qarīnah* dalam Keserasian *Fāṣilah* al-Qur'an

Qarīnah dalam keserasian *fāṣilah* adalah sebagaimana gambar rajah 3.1 berikut:

<u>Bentuk 1</u> Keserasian Bersifat Nyata berdasarkan <i>Qarīnah Lafziyyah</i>	<u>Bentuk 2</u> Keserasian Bersifat Tersembunyi berdasarkan <i>Qarīnah Ma'nawiyah</i>				
<table border="1"> <tr> <th colspan="2" data-bbox="598 631 1061 689">Jenis-jenis Keserasian <i>Fāṣilah</i></th></tr> <tr> <td data-bbox="598 689 1061 795">1. Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat</td><td data-bbox="598 795 1061 900">2. Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Ayat Selepasnya</td></tr> </table>		Jenis-jenis Keserasian <i>Fāṣilah</i>		1. Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat	2. Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Ayat Selepasnya
Jenis-jenis Keserasian <i>Fāṣilah</i>					
1. Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat	2. Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Ayat Selepasnya				
3. Keserasian <i>Fāṣilah</i> yang Sama dalam Satu Surah					
	4. Keserasian <i>Fāṣilah</i> Keseluruhannya				

Rajah 3.1: Hubungan antara Bentuk Keserasian *Fāṣilah* dengan Jenis-jenis Keserasian *Fāṣilah* Berdasarkan *Qarīnah*

Qarīnah yang ditemukan dalam kajian ini adalah untuk membuktikan kesecocohan sesuatu *fāṣilah* itu dalam sesebuah ayat al-Qur'an. Secara dasarnya *qarīnah* yang dikenalpasti itu dapat dibahagikan kepada dua bahagian besar iaitu, *Qarīnah Lafziyyah* dan *Qarīnah Ma'nawiyah*.²³⁷ Berdasarkan dua bahagian besar

²³⁷ *Qarīnah* dibahaskan sewaktu membuktikan keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat. Ia diletakkan di bawah topik '*Alāqah al-Fāṣilah bi Qarīnatihā*'. Awalnya hanya 4 jenis *qarīnah* sahaja dikenalpasti bagi membuktikan keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat. Lihat al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān* 1:78. Namun begitu dalam kajian ini, 9 jenis *qarīnah* telah dikenalpasti, termasuk 4 *qarīnah* yang telah sedia ada ditemui bagi menunjukkan hubungkait keserasian *fāṣilah* yang lebih luas dalam al-Qur'an. Kesembilan-sembilan *qarīnah* yang dikenalpasti dalam kajian ini menjelaskan jenis-jenis keserasian *fāṣilah* yang telah dipaparkan pada bab terdahulu. Jenis-jenis keserasian *fāṣilah* tersebut meliputi, keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat, keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya, keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah dan keserasian *fāṣilah* keseluruhannya.

qarīnah di atas, ia menggambarkan pula bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an, sama ada bersifat nyata ataupun bersifat maknawi. Pembahagian sedemikian ini adalah bersandarkan kepada ilmu bahasa Arab yang kukuh iaitu, ilmu *Balāghah*.

Qarīnah lafziyyah menampilkan bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat nyata. Ia tidak memerlukan penelitian makna yang mendalam bagi mengenalpasti kaitan yang wujud kerana keserasiannya terpapar menerusi perkataan yang bermiripan ataupun berulang dalam sesebuah ayat, antara ayat dan juga dalam keseluruhan surah melibatkan *fāṣilah*.

Kajian mendapati bahawa *al-Taṣḍīr*, *Jinās*, *al-Takrār* dan kesepadanan keseluruhan bunyi merupakan gambaran kepada keserasian *fāṣilah* al-Qur'an berbentuk nyata. Sebagai penjelasan contohnya *al-Taṣḍīr* yang dikelompokkan dalam bahagian *qarīnah lafziyyah* kerana *qarīnahnya* adalah jelas menerusi pengulangan sesebuah lafaz yang sama, bermiripan, ataupun juga lafaz yang berkaitan pada bahagian awal mahupun pertengahan sesebuah ayat dengan penghujungnya, iaitu *fāṣilah*.²³⁸ Menurut ilmu *al-Badī'* ia dikelaskan sebagai *Rad al-'Ajz 'alā Ṣadr*.²³⁹ Setiap *qarīnah lafziyyah* yang menggambarkan bentuk keserasian *fāṣilah* bersifat nyata berserta contoh-contohnya ini akan dijelaskan dengan lebih terperinci sewaktu membahaskan perkara 3.3, Keserasian *Fāṣilah* Bersifat Nyata dalam bab ini nanti.

Qarīnah Ma'nawiyyah pula menampilkan bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat maknawi. Ia memerlukan pengamatan dan penelitian bagi mengenalpasti kaitan yang wujud dari konteks makna. *al-Tamkīn*, *al-Tawsiyih*, *al-Ighāl*, *al-Ṭibāq*, *Muqābalah* dan *Mihwār* merupakan gambaran kepada keserasian *fāṣilah* al-Qur'an berbentuk maknawi tersebut. Contoh penerangannya adalah

²³⁸ *Ibid.*

²³⁹ al-Jurjānī, 'Abd al-Qāhir bin 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad, *al-Isyārāt wa al-Tanbihāt fī 'Ilm al-Balāghah*. ed. 'Abd al-Qādir Husayn (Miṣr: Dār al-Nahḍah, 1981), 295.

seperti *al-Tamkīn*. *al-Tamkīn* dikelaskan dalam kelompok *qarīnah ma'nawiyah* berikutan fungsinya untuk menjelaskan hikmah disebalik ayat yang didatangkan serta mengukuhkan pengertiannya. Menurut ilmu *al-Badī'* ia dikelaskan dalam topik *Tashābuh al-Aṭrāf*, iaitu mengumpulkan dua perkara yang serasi dan berhubungan dengan tanpa ada pertentangan.²⁴⁰ *al-Tamkīn* berlawanan dengan *al-Ṭibāq* dari segi fungsinya meskipun sama dalam jenis *qarīnah* iaitu *qarīnah ma'nawiyah*. *al-Ṭibāq* bermaksud, berhimpun dua perkataan yang saling berlawanan dari segi maknanya dalam suatu ayat.²⁴¹ *al-Ighāl* pula membawa implikasi makna tambahan kepada *jumlah* yang dibina dalam ayat setelah maksudnya disempurnakan. Ia menyerupai *al-Iṭnāb* dalam ilmu *al-Ma'ānī* kerana kesannya dalam aspek makna adalah sebagai salah satu yang berikut ini bergantung kepada konteks ayat iaitu penguat, bersangatan (*mubālaghah*), gesaan, tegahan, pengkhususan dan sebagainya.²⁴² Setiap *qarīnah ma'nawiyah* yang menggambarkan bentuk keserasian *fāṣilah* bersifat maknawi berserta contoh-contohnya akan dijelaskan dengan lebih terperinci sewaktu membahaskan perkara 3.4, Keserasian *Fāṣilah* Bersifat Maknawi dalam bab ini nanti.

Bentuk-bentuk keserasian yang melibatkan pelbagai jenis keserasian *fāṣilah* al-Qur'an ini dapat membuktikan bahawa al-Qur'an itu secara keseluruhannya mempunyai kekuatan hubungan dari aspek lafaz dan juga maknanya. Selain itu, tanggapan musuh Islam terhadap Kalam Allah yang kononnya terpotong-potong, berpindah dari satu kaedah ayat kepada yang lain dan dari satu topik kepada topik yang lain menyebabkan al-Qur'an itu sukar difahami

²⁴⁰ Lihat Dr. Basiyūnī 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, *'Ilm al-Badī': Dirasah Tārikhiyah wa Fanniyah li Usūl al-Balaghah wa Masā'il al-Badī'*, (Kaherah: Muassasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tawzī', 1998), 157.

²⁴¹ *Ibid.*, 144.

²⁴² al-Suyūṭī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 2:159.

dapat disanggah serta menerusinya juga, tergambarlah al-Qur'an itu sebagai sebuah kitab yang mempunyai rangkaian utuh dan padu.²⁴³

Selain itu, maka terzhirlah akan kekuatan maknanya yang tidak dipertikaikan. Pemilihan perkataannya adalah tepat dan padat, serta tidak datang dengan sia-sia. Kalimahnya dipilih khusus untuk menampung makna yang ingin disampaikan Allah s.w.t. dan tidak hanya semata-mata untuk tujuan menghasilkan rima harmoni di setiap penghujung ayat-ayat sahaja.²⁴⁴

²⁴³ Zulkifli Mohd Yusoff, "*Munasabat: Satu Bahagian daripada Pengajian al-Qur'an*", 217.

²⁴⁴ al-Jurjānī, 'Abd al-Qāhir bin 'Abd Rahmān bin Muḥammad, *Asrār al-Balāghah*, ed. Mahmūd Muḥammad Syākir (Kaherah: Mathba'ah al-Madānī, 1991), 1:6.

3.3 Bentuk 1: Keserasian *Fāṣilah* al-Qur'an Bersifat Nyata

Bentuk pertama keserasian *fāṣilah* al-Qur'an adalah bersifat jelas dan nyata. Bentuk ini dikenalpasti menerusi *qarīnah lafziyyah* yang terdapat dalam ayat, ataupun juga antara ayat dalam sesebuah surah al-Qur'an. Keserasian lafaz-lafaz melibatkan *fāṣilah* dalam bentuk ini, adalah melalui pengulangan lafaz ataupun kemiripannya yang jelas dalam ayat ataupun juga antara ayat terlibat. Ia tidak memerlukan penelitian makna yang mendalam bagi mengenalpasti kaitan yang wujud. Memadai dengan hanya memerhatikan persamaan, ataupun kemiripan kepada lafaz-lafaz yang terdapat pada *fāṣilah*, bentuk dan kaitannya sudah dapat dikenalpasti. Gambar rajah berikut ini menggambarkan bentuk tersebut:

Bentuk Keserasian <i>Fāṣilah</i>	Jenis-jenis Keserasian <i>Fāṣilah</i>	<i>Qarīnah Lafziyyah</i>
<u>Bentuk 1</u> Keserasian Bersifat Nyata	1. Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat	<i>al-Taṣdīr & al-Takrār</i>
	2. Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Ayat Selepasnya	<i>Jinās & al-Takrār</i>
	3. Keserasian <i>Fāṣilah</i> yang Sama dalam Satu Surah	<i>al-Takrār</i>
	4. Keserasian <i>Fāṣilah</i> Keseluruhan	Kesepadanan Keseluruhan Bunyi

Rajah 3.2: Hubungkait antara Bentuk Keserasian *Fāṣilah* dan Jenis-jenis Keserasian *Fāṣilah* dengan *Qarīnah Lafziyyah*

Perincian *qarīnah lafẓiyyah* dalam menggambarkan keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat nyata adalah seperti berikut:

3.3.1 *al-Taṣdīr*

al-Taṣdīr menunjukkan keserasian *fāṣilah* al-Qur'an dengan kandungan ayat yang bersifat nyata. *al-Taṣdīr* bermaksud, menjadikan sesuatu kalimah yang berasal dari kata dasar yang sama itu berulang dan *fāṣilah* dibina menggunakan perkataan tersebut. Atau dengan erti kata lain difahami sebagai, *fāṣilah* dibina daripada perkataan yang terdapat dalam susunan ayat. *al-Taṣdīr* turut juga dikenali sebagai *rad al-'Ajz 'alā al-Ṣadr*, iaitu menerbitkan perkataan kembali daripada susunan.²⁴⁵

Terdapat dua lafaz yang saling berkaitan dan mempunyai hubungan khusus. Pertama ialah lafaz yang terletak di penghujung ayat, iaitu *fāṣilah*. Kedua ialah lafaz yang terletak sama ada pada bahagian awal ataupun tengah ayat sesuatu ayat dan berkongsi dalam satu kata dasar yang sama.

Berikut dipaparkan tiga contoh agar gambaran berkenaan *al-Taṣdīr* ini lebih jelas.

Contoh 1: Firman Allah s.w.t.

رَبَّنَا لَا تُرِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً

إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

Āli 'Imrān 3: 8

Terjemahan: (Mereka berdoa dengan berkata):
“Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya

²⁴⁵ Dr. Basiyūnī 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, 'Ilm al-Badi': *Dirasah Tārikhiyah wa Fanniyah li Usūl al-Balaghah wa Masā'il al-Badi'*, 312.

Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya.

Ayat tersebut merupakan munajat hamba kepada tuhan-Nya agar tidak dipalingkan hati mereka ke arah kesesatan setelah mendapat petunjuk hidayah daripada Allah. Kalimah '*al-Wahhāb*' yang terdapat pada *fāṣilah* mempunyai persamaan daripada aspek kata dasar dengan perkataan '*wahab*' yang telah digunakan di pertengahan ayat. '*al-Wahhāb*' iaitu Maha Pemberi dari jenis kata nama, manakala '*wahab*' merupakan kata kerja yang bermaksud 'berikanlah'. Perkataan '*wahab*' ini merupakan *qarinah lafziyyah* iaitu keterangan berbentuk lafaz yang jelas untuk menunjukkan keserasian *fāṣilah* dengan isi kandung ayat.

Contoh 2: Firman Allah s.w.t.

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾

Nūh 71: 10

Terjemahan: “Sehingga aku berkata (kepada mereka): ‘Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya adalah Ia Maha Pengampun.

Ayat di atas merupakan ajakan Nabi Nuh a.s. kepada kaumnya agar memohon keampunan daripada Allah s.w.t. Tuhan Yang Maha Pengampun. Perhatikanlah perkataan '*istaghfirū*' pada bahagian awal ayat dan '*ghaffārā*', perkataan yang terdapat pada *fāṣilah*. Kedua-duanya saling mempunyai persamaan. Meskipun berbeza daripada aspek jenis perkataan kerana '*istaghfirū*' adalah kata kerja manakala '*ghaffārā*' merupakan kata nama, namun begitu hubungan lafaz antara kedua-dua perkataan tersebut adalah jelas. Kedua-dua lafaz tersebut dibina daripada kata dasar yang sama iaitu *gha-fa-ra*. Persamaan ini merupakan *qarinah*

lafziyyah yang menunjukkan kedua-dua perkataan tersebut mempunyai keserasian yang jelas dalam *fāṣilah* sesebuah ayat al-Qur'an.

Contoh 3: Firman Allah s.w.t.

فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ

Al-Qiyāmah 75: 18

Terjemahan: Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.

Ayat di atas merupakan anjuran kepada Rasulullah s.a.w. agar mengikuti bacaan yang diajarkan oleh Jibril a.s. setelah ia selesai dibacakan. Ini bertujuan bagi mengelakkan kegopohan dalam menerima dan menghafaz wahyu yang diturunkan kepada Baginda s.a.w.²⁴⁶ Kalimah '*qur'ānah*' yang terletak pada *fāṣilah* dan juga kalimah '*qara'nāhū*' yang terdapat dalam ayat merupakan perkataan yang terdiri daripada kata dasar yang sama, iaitu *qa-ra-ā*. Perkongsian kata dasar yang sama antara *fāṣilah* dengan salah satu kalimah yang terdapat dalam ayat merupakan *qarīnah* yang kuat bagi menggambarkan keserasian yang wujud antara kedua-duanya. Bahagian ini tergolong dalam *qarīnah lafziyyah* kerana kedudukan hubungkait lafaz adalah nyata tanpa perlu bersusah payah meneliti kepada maksud ayat yang diberikan.

Contoh-contoh lain berkaitan *al-Taṣdīr* adalah seperti Surah Āli 'Imrān 3:8, Surah al-Nisā' 4:166, Surah al-Māidah 5:39, Surah al-An'ām 6:31, Surah al-Tawbah 9:108, Surah Yūnus 10:19, Surah al-Isrā' 17:21, Surah Ṭaha 20:61, Surah

²⁴⁶ Lihat Muhammad 'Ali al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Taḥāsīr* (Kaherah: Dar al-Ṣābūnī, 1998), 3:473.

al-Anbiyā' 21:37, Surah al-Shu'ara' 26:168, Surah al-Aḥzāb 33:37, Surah Nuḥ 71:10 dan banyak lagi daripada contoh-contoh yang terdapat dalam al-Qur'an.²⁴⁷

3.3.2 *al-Jinās*

al-Jinās merupakan perkataan Arab yang diambil daripada kata dasar *ja-na-sa*, iaitu *jins*. Ia bermaksud sebahagian daripada sesuatu dan lebih umum daripada *naw'*, iaitu cabang.²⁴⁸ *al-Jinās* dalam ilmu *Balāghah* bermaksud pengungkapan dua lafaz perkataan yang serupa atau mirip namun saling berbeza daripada konteks maknanya.²⁴⁹ *al-Jinās* adalah *qarīnah lafziyyah* yang menunjukkan keserasian *fāṣilah* al-Qur'an dengan *fāṣilah* ayat selepasnya secara jelas. Contoh *al-Jinās*²⁵⁰ dalam menggambarkan keserasian *fāṣilah* al-Qur'an dengan *fāṣilah* ayat selepasnya secara nyata adalah seperti di sebelah:

Contoh 1: Firman Allah s.w.t.

... يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِ يَذْهَبُ بِالْأَنْصَارِ ﴿٤٣﴾ يُقَلِّبُ اللَّهُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي الْأَبْصَارِ ﴿٤٤﴾

Al-Nūr 24: 43-44

²⁴⁷ Penulis menyenaraikan sebahagiannya hanya untuk tujuan contoh agar penjelasan mudah difahami. Penulis tidak menyenaraikan kesemuanya bagi mengekalkan fokus dan selaras dengan objektif kajian yang ingin dicapai.

²⁴⁸ Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab* (fasal sin bab jim), 6:43.

²⁴⁹ 'Ali al-Jārim dan Mustafā Amīn, *al-Balāghah al-Wāḍihah li al-Madāris al-Thanāwīyyah*, (t.tp., t.p., 1977), 260.

²⁵⁰ *al-Jinās* terbahagi kepada dua jenis utama. Pertama disebut sebagai *al-Jinās al-Tām* iaitu *jinās* sempurna. Kedua pula disebut *al-Jinās Ghayr al-Tām* *jinās* iaitu tidak sempurna. *al-Jinās al-Tām* adalah persamaan dua lafaz perkataan dalam empat ciri berikut, iaitu jenis huruf, bilangan huruf, keadaan baris-baris dan susunan huruf-huruf dalam perkataan. *al-Jinās Ghayr al-Tām* pula adalah *al-jinās* yang tidak memenuhi ciri-ciri yang disebutkan tadi. Contoh ayat 43 dan 44 daripada Surah al-Nur di atas adalah *al-Jinās Ghayr al-Tām*. Sebenarnya perbincangan bab *al-Jinās* ini agak panjang dan terperinci. Banyak bahagian kecil, iaitu sub-sub topik yang disentuh dalamnya. Namun begitu untuk kajian yang penulis jalankan ini, memadai dengan contoh yang diberikan kerana ia dalam ruang lingkup objektif kajian yang ditentukan bagi mencapai matlamat penyelidikan. Bagi rujukan lanjut untuk mereka yang ingin mendalami topik ini berikut adalah bahan-bahan bacaan yang disyorkan untuk merujuknya Dr. Basiyūnī 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, *'Ilm al-Badi': Dirasah Tārikhiyah wa Fanniyah li Usūl al-Balaghah wa Masā'il al-Badi'* dan lain-lain.

Terjemahan: Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan. Allah menukarkan malam dan siang silih berganti; sesungguhnya yang demikian mengandung pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang celik mata hatinya berfikir.

Ayat tersebut menceritakan proses penciptaan hujan oleh Allah s.w.t. dan perihal kilauan kilat yang hampir-hampir menghilangkan penglihatan. Selanjutnya Allah s.w.t. menjelaskan pula proses penggantian malam dan siang untuk pengajaran bagi orang-orang yang berpandangan tajam iaitu orang-orang yang berfikir.²⁵¹ Perkataan '*al-Abṣār*' dalam kedua-dua *fāṣilah* mempunyai keserasian. Lafaz '*al-Abṣār*' yang pertama merupakan kata jamak bagi *baṣara* iaitu melihat. Ia merujuk kepada maksud pandangan yang menggunakan penglihatan iaitu mata. Manakala '*al-Abṣār*' yang kedua juga berasal daripada *al-Baṣru* namun berlainan maksud. Perkataan kedua ini membawa erti berakal iaitu golongan yang berfikir dan meneliti dengan fikiran yang tajam untuk mengambil pengajaran itulah golongan yang berakal.²⁵² Kedua-dua perkataan yang dibincangkan ini adalah terletak di bahagian *fāṣilah*, iaitu penghujung ayat. Hubungkait antara *fāṣilah* pertama dan *fāṣilah* kedua terzahir menerusi *al-jinās*. Ia merupakan *qarīnah lafziyyah* yang nyata dalam menzahirkan keserasian yang wujud dalam kedua-dua *fāṣilah* ayat tersebut.

Contoh 2: Firman Allah s.w.t.

وَأَلْتَفَّتِ السَّاقُ بِالسَّاقِ ۖ إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمَسَاقُ ۚ

Al-Qiyāmah 75: 29-30

²⁵¹ al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Tafāsīr*, 2:316.

²⁵² Dr. Basiyūnī 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, '*Ilm al-Badi*': *Dirasah Tārikhiyah wa Fanniyyah li Usūl al-Balaghah wa Masā'il al-Badi*', 279.

Terjemahan: Serta kedahsyatan bertindih-tindih.
(Maka) kepada Tuhanmu lah – pada waktu itu –
engkau dibawa (untuk menerima balasan).

Ayat tersebut menceritakan betapa dahsyatnya *Sakārat al-Mawt*, iaitu saat menghadapi kematian dan kembalinya orang-orang yang ingkar itu kepada Tuhannya. Perhatikan dua perkataan bergaris di atas yang mempunyai persamaan kecuali pada bilangan huruf di antara kedua-duanya adalah berbeza. Perkataan '*al-Sāq*' yang pertama bermaksud betis (menggambarkan kedahsyatan bertindih-tindih), manakala perkataan '*al-Masāq*' bermaksud tempat menerima balasan. Pertautan antara lafaz yang pertama dan kedua adalah jelas kerana pengungkapan dua lafaz yang saling bermiripan. Kedua-dua lafaz tersebut menggambarkan keserasian antara *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya.

Gambaran keserasian *fāṣilah* itu juga dapat dilihat pada bahagian lain al-Qur'an seperti firman Allah s.w.t. berikut ini:

وَإِنَّهُ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ۖ وَإِنَّهُ لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٧٨﴾

Al-'Ādiyāt 100: 7-8

Terjemahan: Dan sesungguhnya ia (dengan bawaannya) menerangkan dengan jelas keadaan yang demikian. Dan sesungguhnya ia melampau sangat sayangkan harta (secara tamak haloba).

Ayat tersebut menjelaskan kepada kita bahawa manusia itu mengakui akan keingkaran mereka terhadap Tuhannya dan bahawasanya mereka juga amat mencintai harta benda mereka secara berlebih-lebihan. Perhatikanlah *fāṣilah* daripada contoh ayat yang pertama, iaitu kalimah '*lashahīd*' dan *fāṣilah* ayat kedua, iaitu '*lashadīd*', kedua-duanya adalah bermiripan. Bermiripan daripada aspek baris pada setiap huruf, bilangan huruf yang digunakan serta susunan huruf-huruf dalam perkataan kecuali berlaku perbezaan pada huruf yang ketiga dalam

kedua-dua *fāṣilah* tersebut. *Fāṣilah* pertama menggunakan huruf *ha* manakala *fāṣilah* kedua pula menggunakan huruf *dāl* yang merupakan huruf ketiga dalam perkataan masing-masing. Kedua-dua lafaz tersebut menggambarkan keserasian antara *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya dan inilah hubungkait yang digambarkan menerusi *al-Jinās*. *al-Jinās* mengumpulkan *fāṣilah* dalam keindahan lafaz dan pada masa yang sama *al-Jinās* juga merupakan sebuah *qarīnah lafziyyah* yang jelas antara ayat-ayat al-Qur'an.

Contoh-contoh lain untuk *al-Jinās* sebagai tambahan yang berlaku dalam satu ayat ialah seperti Surah al-An'ām 6: 26, Surah al-Kahf 18: 104, Surah Ṭāhā 20:94, Surah al-Shu'āra' 26: 168. Selanjutnya contoh *al-Jinās* yang berlaku antara *fāṣilah* seperti Surah al-Shu'āra' 26: 79-80, Surah al-Şāffāt 37: 72-73, Surah al-Qiyāmah 75: 22-23, Surah al-Ḍuḥā 93: 9-10.

3.3.3 *al-Takrār*

Bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat nyata juga ditunjukkan menerusi *qarīnah lafziyyah* yang dipanggil dengan nama *al-Takrār*. *al-Takrār* ataupun disebut dengan maksud 'pengulangan' dalam bahasa Melayu adalah berasal daripada perkataan "كرر" -*karra*, *yakurru*, *karran*, *kurūran* dan *takrāran*-. *al-Takrār* adalah kata terbitan di atas *wazan*, iaitu pola *taf'āl*.

al-Takrār dalam ruang lingkup kajian ini menunjukkan kepada tiga jenis keserasian *fāṣilah* al-Qur'an. Pertama melibatkan, keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat. Kedua, keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya.²⁵³ Ketiga, keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah.²⁵⁴

²⁵³ sekiranya ayat tersebut berturut-turut.

²⁵⁴ sekiranya ia berulang dan tidak berturut-turut.

al-Takrār dari aspek bahasa ia membawa maksud kembali, iaitu mengembalikannya beberapa kali, ataupun mengulangi sesuatu itu berulang-ulang kali.²⁵⁵ Menurut istilah pula, *al-Takrār* bermaksud mengulang sesuatu lafaz ataupun sesuatu yang sinonim bagi menetapkan maknanya, iaitu *taqrir*. Terdapat juga yang memaksudkannya sebagai mengungkap sesuatu secara berturut-turut, sama ada dua kali mahupun lebih ataupun mengungkapkan sebuah makna secara berulang dengan lafaz yang berbeza.²⁵⁶

Terdapat perbezaan penggunaan dan pemilihan perkataan oleh para ulama' khususnya sewaktu mengupas topik pengulangan ini dalam kitab-kitab mereka. Ada yang menggunakan kalimah *al-Takrār* dan ada yang menggunakan kalimah *al-Takrīr* serta kalimah *al-Tikrār* dalam penulisan mereka.²⁵⁷

Pembahagian *al-Takrār* ini dapat difahami kepada dua bahagian, pertama dinamakan sebagai Pengulangan Lafaz dan kedua pula dinamakan dengan Pengulangan Makna. Pengulangan lafaz ataupun disebut *-al-Takrār al-Lafziy-* meliputi sama ada pengulangan huruf, pengulangan perkataan dan juga pengulangan keseluruhan ayat. Pengulangan makna ataupun disebut *-al-Takrār al-Ma'nawiy-* pula adalah menitik beratkan kepada maksud yang ingin ditekankan dengan menggunakan lafaz-lafaz berbeza namun sama dari aspek makna. Contoh untuk pengulangan makna adalah seperti pengulangan kisah nabi-nabi dan umat-

²⁵⁵ Ibn Manẓūr, *Lisān al-'arab* (fasal *ra* bab *kaf*) 5:135.

²⁵⁶ Khalid bin 'Uthmān, *Qawā'id fī al-Tafsīr Jam'an wa Dirāsah* (al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: Dār Ibn 'Affan, 1997), 701.

²⁵⁷ Bagi yang menggunakan perkataan *al-Takrār* ia berasal daripada perkataan *karra*, *yakurru* iaitu *feel thulāthi* dan *al-Takrār* merupakan kata terbitan atas wazan, *taf'al*. Manakala bagi yang menggunakan kalimah *al-Takrīr* seperti al-Suyūṭi dalam kitabnya *al-Itqān fī 'Ulum al-Qur'an*, maka perkataan asal bagi kalimah tersebut adalah *karrara* iaitu *feel ruba'ie* atas wazan- *tafil*. Jadilah kata terbitan *takrīran* menggunakan wazan *tafil*. al-Zarkashi dalam kitabnya *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān* menggunakan kedua-dua sekali perkataan tersebut iaitu *al-Takrār* dan *al-Tikrār* sewaktu menjelaskan bab pengulangan ini. Perkataan *al-Takrār* merupakan kata terbitan yang merujuk kepada maksud proses pengulangan manakala *al-Tikrār* merupakan frasa iaitu kata nama yang membawa erti ulangan. Penulis menggunakan kalimah *al-Takrār* untuk pengulangan kerana adanya imbuhan 'pe' di awal perkataan dan imbuhan 'an' yang disertakan diakhirannya menunjukkan bahawa ia proses pengulangan.

umat terdahulu, peringatan terhadap perintah dan larangan Allah serta gambaran pembalasan yang bakal diterima di alam akhirat kelak.²⁵⁸

Pengulangan berlaku dalam al-Qur'an dengan pelbagai tujuan. Berikut merupakan contoh-contoh yang dipetik daripada ayat-ayat al-Qur'an bagi menjelaskan tujuan-tujuan pengulangan sebagaimana berikut:

- a. Pengulangan bagi memberi penegasan terhadap ancaman dan balasan seksaan.²⁵⁹

كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣﴾ ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

al-Takāthur 102: 3-4

Terjemahan: Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati)! Sekali lagi (diingatkan): jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak akibatnya yang buruk pada hari kiamat)!

Ayat di atas merupakan penegasan terhadap ancaman bagi mereka yang bermegah-megah dalam mengumpulkan harta dan menjadi bakhil dalam menginfakkannya ke jalan Allah s.w.t. Sesungguhnya Allah s.w.t. menampik mereka dengan mengatakan kepada mereka bahawasanya kelak mereka akan mengetahui akan akibat daripada perbuatan yang dilakukan itu. Sesungguhnya kelak mereka akan mengetahui akan akibat daripada perbuatan yang dilakukan itu. Pengulangan ini membawa maksud penegasan bersangatan kepada ancaman yang menakutkan. Ianya lebih

²⁵⁸ al-Zarkashi, *al-Burhan fi 'Ulūm al-Qur'ān*, 3: 26.

²⁵⁹ *Ibid.*, 3: 11.

kuat daripada *al-Ta'kid* kerana ianya membawa maksud *al-Ta'sīs*.²⁶⁰

Pengulangan dalam kedua-dua ayat tersebut adalah jelas dari konteks lafaz dan juga maknanya. Ia turut menggambarkan keserasian antara *fāṣilah* untuk ayat-ayat yang sama dalam sesebuah surah menerusi pengulangan ini. Ia dikategorikan sebagai *qarīnah lafziyyah* kerana pengulangan lafaz-lafaz yang disifatkan amat ketara dalam ayat.

- b. Pengulangan bagi menunjukkan sesuatu yang besar dan agung.²⁶¹

الْحَاقَّةُ مَا الْحَاقَّةُ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْحَاقَّةُ

al-Ḥāqqah 69: 1-3

Terjemahan: Saat yang tetap berlaku itu -Apakah dia sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui tentang sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? (Saat itu ialah hari kiamat).

Ayat di atas mengungkapkan berkenaan Hari Kiamat dan disertai dengan persoalan tentang Hari Kiamat tersebut. Ini menggambarkan kepada pendengar mahupun pembaca bahawa Hari Kiamat itu merupakan sesuatu peristiwa yang amat besar dan agung. Al-Ḥāqqah menurut bahasa bererti 'yang pasti terjadi' ia dinamai sedemikian rupa kerana Hari Kiamat itu akan pasti terjadi.²⁶²

Lihatlah keserasian antara *fāṣilah* yang sama dalam pengulangan yang berlaku ke atas lafaz-lafaz untuk ayat-ayat tersebut. Ia

²⁶⁰ Muhammad bin Umar al-Zamakhshari, *al-Kasyāf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūni al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl* (Mesir: Maktabah Mīsr, t.t.), 4:627.

²⁶¹ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 3:17.

²⁶² al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Tafāsīr*, 3:423.

menggambarkan hubungkait yang jelas dan kuat antara satu dengan yang lain dan diklasifikasikan sebagai *qarīnah lafziyyah* dalam keserasian ini.

Contoh berikutnya adalah bagi menunjukkan sesuatu yang besar dan agung seperti petikan ayat ini:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾

Al-Qadr 97: 1-2

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu?

Ayat di atas menerangkan bahawasanya Allah s.w.t. telah menurunkan al-Qur'an itu pada malam kemuliaan iaitu *Lailah al-Qadr*. Setelah itu dalam ayat yang berikutnya Allah s.w.t. melontarkan pertanyaan berkaitan *Lailah al-Qadr* bagi menunjukkan ia adalah sesuatu yang agung.²⁶³ Pengulangan lafaz yang terdapat pada *fāṣilah* menggambarkan hubungkait yang terjalin antara kedua-duanya.

- c. Pengulangan bagi menunjukkan banyaknya hal yang saling berkaitan dengannya.²⁶⁴

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٣﴾

Al-Rahmān 55:13

Terjemahan: Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?

²⁶³ *Ibid.*, 3: 475.

²⁶⁴ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 3:18.

Ayat tersebut merupakan pertanyaan kepada golongan Jin dan Manusia tentang nikmat Tuhan yang manakah kamu dustakan? Ia telah diulang sebanyak 31 kali dalam surah al-Raḥmān bagi menunjukkan banyaknya hal yang saling berkaitan dengannya. Allah s.w.t. telah membentangkan kepada jin dan manusia akan nikmat-nikmat yang diciptakan kepada mereka. Setiap kali dinyatakan sesuatu nikmat itu maka ia akan disertai dengan ulangan pertanyaan berkaitan nikmat tersebut seperti yang terkandung dalam ayat di atas. Ia seakan-akan memberitahu kepada kita bahawa setiap kurniaan itu wajib disyukuri dan ia adalah mustahil untuk menafikan bahawasanya nikmat tersebut bukan datangnya daripada Allah s.w.t.²⁶⁵

²⁶⁵ Abū Ḥayyān al-Andalusi, *Baḥr al-Muḥīṭ*, 8:190.

3.3.4 Kesepadanan Keseluruhan Bunyi

Kesepadanan keseluruhan bunyi pada *fāṣilah* sesebuah surah bermaksud keserasian rima yang terdapat antara *fāṣilah* al-Qur'an dalam sesebuah surah. Keadaan ini menggambarkan keserasian keseluruhan *fāṣilah* dalam surah dan selanjutnya memberi kesan yang mendalam terhadap maksud yang ingin disampaikan kepada para pendengar.²⁶⁶ Kesepadanan keseluruhan bunyi antara *fāṣilah* dalam sesebuah surah adalah disebabkan pemilihan perkataan yang tepat untuk memberhentikan bacaan, iaitu *waqf*. Perkara tersebut terlaksana kerana sebahagian besar *fāṣilah* dalam al-Qur'an ditutup dengan huruf *al-Mad* dan huruf *al-Līn*, justeru ia sangat sesuai untuk ditarannumkan dan memberhentikan pembacaan.²⁶⁷

Fāṣilah adalah unsur asas daripada unsur-unsur penggambaran topik yang dibicarakan oleh al-Qur'an. Ketara diperlihatkan, setiap kali al-Qur'an berbicara berkenaan suatu topik, ia diiringi dengan *fāṣilah* yang mirip ataupun serupa. Kemiripan *fāṣilah* ini memberi isyarat kepada pembaca bahawa ia masih dalam fokus perbincangan yang sama. Manakala sekiranya sesuatu bicara itu telah berpindah kepada topik yang lain maka disertai juga dengan *fāṣilah* yang turut berubah dalam binaan hurufnya.²⁶⁸

Bagi menjelaskan perkara ini, berikut merupakan perincian dan analisis yang dilakukan ke atas Surah al-Qiyāmah bagi menggambarkan keserasian *fāṣilah* secara keseluruhannya menerusi kesepadanan huruf dan bunyi:

- Penggunaan huruf (م atau هـ) dalam *fāṣilah* ayat 1 hingga 6 surah ini.

²⁶⁶ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1: 60.

²⁶⁷ *Ibid.*, 1:68-69.

²⁶⁸ al-Sayyid Khudhor (2005), "al-Fawasil al-Qur'āniyyah- Dirāsah Balaghiyah," 2 Februari 2005, 2, *al-Silsilah al-Dhahabiyah fī al-Maqālāt al-Qur'āniyyah*, <http://www.tafsir.org>.

- Di akhiri dengan huruf (ر) untuk *fāṣilah* ayat 7 hingga 13.
- Di akhiri dengan huruf (ة atau هـ) untuk *fāṣilah* ayat 14 hingga ke-19.
- Di akhiri dengan huruf (هـ) di atas *wazan* (فاعلة) untuk *fāṣilah* dalam ayat 20 hingga ayat 25.
- Di akhiri dengan huruf (ق) untuk *fāṣilah* ayat ke-26 hingga ayat ke-30.
- Di akhiri dengan huruf *alif maqṣūrah* (ى) untuk *fāṣilah* ayat ke 31 hingga ke 40.

Kelompok-kelompok ayat di atas dapat dikelaskan kepada empat bahagian yang utama berdasarkan penggunaan huruf dan bunyi. Penerangannya adalah seperti berikut:

- Ayat-ayat yang *fāṣilah*nya di akhiri dengan huruf ataupun bunyi (هـ)

Lafaz *fāṣilah* seperti perkataan (الْقِيَمَةُ), (مَعَاذِيرُهُ) dan (الْعَاجِلَةُ) membawa

penghayatan tertentu. Ini kerana huruf (هـ) dalam ilmu Naḥw -tatabahasa- digunakan bersama kata tunjuk -*Ism al-Isyārah*- bagi mengisyaratkan sesuatu yang tertentu sama ada ianya berbentuk zahir ataupun maknawi seperti (هذا),

(ههنا) dan (ههناالك). Huruf (هـ) tersebut berfungsi sebagai tanda peringatan dan

perhatian (التنبية).²⁶⁹

²⁶⁹ Ahmad al-Hashimi, *al-Qawa'id al-Asasiyyah lil 'Arabiyyah* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1354H), 95.

Justeru itu, hikmah disusunkan perkataan-perkataan yang mengandungi huruf dan bunyi (هـ) diakhirnya sebagai cara agar pembaca ayat tersebut memberikan peringatan dan perhatian terhadap mesej yang dibawa dan dibicarakan oleh ayat-ayat tersebut serta mengajak pembacanya berfikir sewaktu menjelajahi ayat-ayat tersebut.²⁷⁰ Peringatan yang menegaskan kebenaran akan berlakunya peristiwa kiamat dan juga membawa pembacanya berfikir tentang hal keadaan manusia di hari kiamat kelak serta saranan kepada Nabi s.a.w agar tidak tergesa-gesa untuk menghafaz wahyu sewaktu menerimanya. Ia juga berfungsi sebagai mengajak pembaca berfikir tentang keadaan golongan-golongan yang gembira dan celaka sewaktu mengadap Allah s.w.t. kelak seperti yang dibentangkan dalam ayat yang ke-20 hingga ayat ke-25 daripada surah ini.

- Ayat-ayat yang *fāṣilah*nya di akhiri dengan huruf (ر)

Lafaz *fāṣilah* seperti (الْقَمَرِ), (الْمُسْتَقَرِّ) dan (وَأَخَّرَ) membangkitkan bunyi kasar

dan berat kerana huruf (ر) merupakan salah satu daripada huruf *jahr* (الجر).²⁷¹

Menerusi bunyi huruf ini tergambar perasaan gentar dan takut dalam jiwa manusia akan kedahsyatan sewaktu menghadapi kiamat. Gerhana bulan berlaku, matahari dan bulan dihimpunkan bersama, manusia terkepung, tidak dapat lari daripada keadaan tersebut dan tiada tempat berlindung. Pada saat itu manusia sedar bahawa semuanya dalam gengaman Allah s.w.t. semata-mata.

²⁷⁰ 'Isa Muttaqi Zadeh dan Sajid 'Ima'iliy, "Ijāz al-Aṣwat fī al-Qur'ān: Ṣūrah al-Qiyāmah wa al-Nāzi'āt Namūdhajan," *Proceeding of The 2nd Annual International Quranic Conference 2012* (University Malaya: Center of Quranic Research, 2012), 13.

²⁷¹ *Jahr* menurut bahasa ialah nyaring. Menurut istilah ilmu Tajwid ialah, keadaan semasa menyebut hurufnya, nafas tertahan disebabkan tekanan kuat pada makhraj. Huruf-hurufnya sebanyak sembilan belas terhimpun dalam rangkaikata : عظم وزن قارئ ذي غرض جد طلب . Lihat Abdul Qadir Leong, *Tajwid al-Qur'an Rasm 'Uthmani* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2009), 18.

- Ayat-ayat yang *fāṣilah*nya di akhiri dengan huruf (ق)

Begitu juga rasa yang dibangkitkan menerusi lafaz-lafaz yang diakhiri dengan huruf (ق) dalam ayat ke-26 hingga ke-30, sebagai contoh lafaz (رَاق), (الْفِرَاق),

dan (بِالسَّاق). Sifatnya yang *jahr* dan *syiddah*²⁷² menjelmakan rasa berat yang

tidak tertanggung sewaktu menghadapi saat kematian (*sakarāt al-mawt*) dan rasa getir manusia sewaktu situasi genting dan mencemaskan itu tatkala berpisahannya roh dari badan.

- Ayat-ayat yang *fāṣilah*nya di akhiri dengan huruf *alif maqsūrah* (ى)

Alif maqsūrah (ى) ini dikelaskan sebagai salah satu daripada huruf-huruf *mād* yang memanjangkan bunyi sesuatu huruf sebelumnya sebagai contoh perkataan (فَأُولَى), (سُدَى) dan (أَلْوَى). Fungsi *alif maqsūrah* dalam ayat ke-31

hingga ke-40 ini adalah sebagai tanda ancaman (*al-Tahdīd*) dan janji pembalasan buruk (*al-Wa'īd*). Ancaman ditujukan kepada setiap yang ingkar akan kebenaran hari kiamat dan derhaka kepada Allah s.w.t. serta turut disertai dengan pembalasan buruk seperti yang telah dijanjikan.²⁷³ Mereka tidak akan terlepas lagi kerana Allah s.w.t. berkuasa untuk membangkitkan manusia yang telah mati.

²⁷² *Syiddah* menurut bahasa ialah kuat. Istilah ilmu Tajwidnya pula dikenali dengan keadaan semasa menyebut hurufnya, suara tertahan disebabkan tekanan yang kuat pada makhrajnya. Hurufnya lapan dan terhimpun dalam rangkaikata : أجد قط بكت. *Ibid.*, h. 19.

²⁷³ 'Isa Muttaqi Zadeh dan Sajid 'Ima'iliy "Ijāz al-Aṣwat fī al-Qur'ān: Ṣūrah al-Qiyāmah wa al-Nāzi'āt Namūdhajan," *Proceeding of The 2nd Annual International Quranic Conference 2012*, 18.

Nada-nada daripada ayat-ayat al-Qur'an Makkiyyah yang pendek-pendek,²⁷⁴ sering membangkitkan rasa takut dan gementar berhadapan dengan kehebatan kekuasaan Ilahi.²⁷⁵ Penandaan sesuatu topik yang dibicarakan oleh ayat-ayat al-Qur'an dengan huruf-huruf pengakhiran yang tertentu memberi peringatan kepada para pembacanya berkenaan isi-isi surah yang ingin disampaikan. Pemindahan dari subtopik kepada subtopik yang lain akan mudah dikenalpasti menerusinya dan ini menggalakkan para pembaca bertadabbur dan selanjutnya meningkatkan penghayatan sewaktu pembacaan dilaksanakan. Inilah kemukjizatan al-Qur'an yang menunjukkan bahawa setiap lafaz yang terdapat dalamnya adalah tidak datang dengan sia-sia.²⁷⁶

²⁷⁴ Seperti dalam surah al-Qiyāmah ini.

²⁷⁵ Zulkifli Mohd Yusoff, *Kunci Mengenal al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1996), 25.

²⁷⁶ Surah-surah lain yang boleh dirujuk bagi menggambarkan kesepadanan keseluruhan bunyi antaranya adalah Surah al-Nās, Surah Nūḥ, Surah al-Qāri'ah, Surah al-Inshirah, Surah al-Ḍuhā dan pelbagai surah lagi.

3.4 Bentuk 2: Keserasian *Fāṣilah* al-Qur'an Bersifat Maknawi

Keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat maknawi adalah merupakan bentuk kedua bagi keserasian *fāṣilah* al-Qur'an. Keserasian bentuk ini ditunjukkan menerusi *qarīnah ma'nawiyyah* yang dikenalpasti dalam ayat, antara ayat dan juga dalam keseluruhan ayat yang melibatkan *fāṣilah*. Keserasian yang ada menerusi *qarīnah ma'nawiyyah* adalah bersifat tersirat ataupun tersembunyi. Justeru, ia memerlukan pengamatan dan penelitian makna terlebih dahulu bagi mengenalpasti hubungan yang wujud. Untuk itu, *al-Tamkīn*, *al-Tawshih*, *al-Ighāl*, *Ṭibāq*, *Muqābalah* dan *Miḥwar* dijelaskan dalam bahagian ini kerana kesemuanya digolongkan di bawah *qarīnah ma'nawiyyah*. Gambar rajah berikut akan menjelaskan bentuk ini.

Bentuk Keserasian <i>Fāṣilah</i>	Jenis-jenis Keserasian <i>Fāṣilah</i>	<i>Qarīnah Ma'nawiyyah</i>
Bentuk 2 Keserasian Bersifat Maknawi	1. Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat	<i>al-Tamkīn</i> , <i>al-Tawshih</i> , <i>al-Ighāl</i> & <i>Ṭibāq</i>
	2. Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Fasilah Ayat Selepasnya	<i>Ṭibāq</i> & <i>Muqābalah</i>
	3. Keserasian <i>Fāṣilah</i> Keseluruhan	<i>Miḥwar</i>

Rajah 3.3: Hubungkait antara Bentuk Keserasian *Fāṣilah* dan Jenis-jenis Keserasian *Fāṣilah* dengan *Qarīnah Ma'nawiyyah*

Perincian *qarīnah ma'nawīyyah* dalam menggambarkan keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat maknawi adalah seperti berikut:

3.4.1 *al-Tamkīn*

al-Tamkīn bermaksud memperkukuh. *Fāṣilah* ayat berperanan untuk menguatkan lagi penyampaian isi yang telah dibentangkan sebelumnya dalam sesebuah ayat berkenaan.²⁷⁷ *al-Tamkīn* turut juga berfungsi sebagai penjelas hikmah di sebalik ayat-ayat yang didatangkan di samping mengukuhkan pengertiannya. Menurut ilmu *al-Badī'*, *al-Tamkīn* tergolong dalam topik *Tashābuh al-Aṭrāf*, iaitu kemiripan di bahagian hujung yang mengumpulkan dua perkara yang serasi dan berhubungan dengan tanpa ada pertentangan.²⁷⁸

Contoh 1: Firman Allah s.w.t.

وَرَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِغَيْظِهِمْ لَمْ يَنَالُوا خَيْرًا وَكَفَى اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ الْقِتَالَ

وَكَانَ اللَّهُ قَوِيًّا عَزِيزًا ﴿٢٥﴾

Al-Aḥzāb 33: 25

Terjemahan: Dan Allah telah menghalau kembali (angkatan tentera) orang-orang kafir itu (ke tempat masing-masing) dengan keadaan mereka geram marah (kerana gagal dan hampa), mereka tidak mendapat sebarang keuntungan. Dan Allah selamatkan orang-orang yang beriman dari bencana peperangan itu. Dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah s.w.t. telah menyelamatkan orang-orang yang beriman dari menghadapi peperangan, iaitu Perang Khandak. Allah s.w.t. telah menghalau angkatan tentera orang-orang kafir itu dalam keadaan mereka

²⁷⁷ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:79.

²⁷⁸ Dr. Basiyūnī 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, '*Ilm al-Badī'*: *Dirasah Tārikhiyah wa Fanniyah li Usūl al-Balaghah wa Masā'il al-Badī'*, 157.

geram, marah dan hampa serta mereka tidak mendapat sebarang keuntungan. Pada bahagian akhir ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah s.w.t. adalah Maha Kuat, lagi Maha Perkasa. Penjelasan ini menguatkan lagi penerangan yang telah dibentangkan sebelumnya bahawa bantuan dan pertolongan yang berupa angin ribut itu adalah tentera yang diutuskan Allah s.w.t. untuk melawan tentera musuh-musuh-Nya. Perkara ini menambahkan lagi keimanan orang-orang Islam yang telah menerima pertolongan daripada Allah s.w.t., Tuhan yang Maha Kuat, lagi Maha Perkasa.²⁷⁹

Contoh 2: Firman Allah s.w.t.

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَسُوقُ الْمَاءَ إِلَى الْأَرْضِ الْجُرُزِ فَنُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا تَأْكُلُ مِنْهُ
أَنْعَمُهُمْ وَأَنْفُسُهُمْ أَفَلَا يُبْصِرُونَ

Al-Sajadah 32: 27

Terjemahan: Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahawasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? Maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)?

Ayat di atas menjelaskan bahawasanya Allah s.w.t. mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu ditumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan diri mereka sendiri. Perkataan 'yaraw' pada bahagian awal ayat tersebut dikuatkan dengan fāsilah ayatnya sendiri, iaitu 'yubṣirūn'. Kedua-duanya adalah serasi

²⁷⁹ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:79.

kerana hujan yang diturunkan di muka bumi ini dapat diperhatikan dengan pandangan mata.²⁸⁰

Lihat juga contoh-contoh lain dalam al-Qur'an berkaitan *al-Tamkīn* ini seperti dalam Surah al-Baqarah 2: 44, 76, dan 209, Surah al-An'ām 6: 103, Surah Hūd 11: 87, Surah al-Haj 22: 63-65, Surah al-Qaṣaṣ 28: 71-72, Surah Luqmān 31:16, Surah Sabā' 34:26, Surah al-Jāthiah 45: 4-5, dan lain-lain lagi.²⁸¹

3.4.2 *al-Tawshīh*

al-Tawshīh bermaksud makna yang terkandung dalam *fāṣilah* telah diisyaratkan terlebih dahulu oleh ayat.²⁸²

Contoh 1: Firman Allah s.w.t.

إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ آدَمَ وَنُوحًا وَآلَ إِبْرَاهِيمَ وَآلَ عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٣٣﴾

Āli 'Imrān 3:33

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah memilih Nabi Adam, dan Nabi Nuh, dan juga keluarga Nabi Ibrahim dan keluarga Imran, melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka masing-masing).

Berdasarkan ayat tersebut dijelaskan bahawa sesungguhnya Allah s.w.t. telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim, dan keluarga 'Imran melebihi segala umat pada zaman masing-masing. Kalimah *fāṣilah* '*ala al-'ālamīn*' telah diisyaratkan terlebih dahulu dengan lafaz '*istafā*' dalam isi ayat tersebut. Kalimah '*istafā*' adalah bermaksud memilih, mengangkat dan memuliakan. Pemilihan tersebut

²⁸⁰ *Ibid.*, 1:80.

²⁸¹ Penulis mendapati banyak ayat daripada jenis *al-Tamkīn* dalam al-Qur'an ini ditutup dengan menggunakan nama-nama Allah s.w.t. yang mulia (*al-Asmā' al-Husnā*) dan ayat-ayat gesaan untuk manusia agar berfikir tentang kejadian-kejadian alam di sekeliling mereka.

²⁸² al-Suyūṭī, *al-Itqān fi 'Ulum al-Qur'an*, 3:262.

berdasarkan kemurnian yang dimiliki dan kelebihan yang dikurniakan kepada mereka menerusi kebijaksanaan dan hikmah Allah s.w.t.²⁸³

Contoh 2:

وَأَيُّ لَّهُمُ اللَّيْلُ فَسَلَخُ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمْ مُظْلِمُونَ ﴿٣٧﴾

Yāsīn 36: 37

Terjemahan: Dan lagi dalil yang terang untuk mereka (berfikir) ialah malam, Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta-merta mereka berada dalam keadaan gelap-gelita.

Ayat tersebut menerangkan bahawa suatu tanda kebesaran Allah s.w.t. ialah kejadian malam. Ketika siang dihilangkan daripada malam, maka mereka berada dalam kegelapan. Perkataan '*naslakhu minhu al-Nahār*' yang bermaksud dihilangkan daripadanya siang itu menunjukkan isyarat kepada *fāṣilah* ayat tersebut iaitu, '*muzlimūn*' yang bermaksud kegelapan. Ini kerana suasana gelap itu berlaku disebabkan malam sewaktu hilangnya siang.²⁸⁴ Contoh-contoh lain dalam al-Qur'an berkaitan *al-Tawshīh* ini adalah seperti Surah al-Baqarah 2: 20, Surah Āli 'Imrān 3: 42, Surah al-Mukminūn 23: 14, Surah al-Mulk 67: 13-14, Surah al-Zalzalah 99:6-8 dan lain-lainnya.

²⁸³ al-Ghārib al-Aṣḥānī, *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān*, 418.

²⁸⁴ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:95.

3.4.3 *al-Ighāl*

al-Ighāl bermaksud berlaku penjelasan tambahan sebagai perincian oleh *fāṣilah* terhadap kandungan ayat. *al-Ighāl* membawa implikasi makna tambahan kepada ayat setelah maksudnya disempurnakan. *al-Ighāl* adalah satu daripada jenis *al-Iṭnāb* dalam ilmu *al-Ma'ānī* kerana kesannya dalam aspek makna adalah sama ada menjadi penguat (*tawkid*), bersangatan (*mubālaghah*), gesaan, tegahan, pengkhususan dan sebagainya. Ini kesemuanya adalah bergantung kepada konteks ayat yang disampaikan.²⁸⁵

Contoh 1: Firman Allah s.w.t.

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

Al-Māidah 5:50

Terjemahan: Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliyah? Padahal (kepada orang-orang yang penuh keyakinan) tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih pada daripada Allah.

Ayat tersebut merupakan pertanyaan mengenai adakah hukum Jahiliyah yang mereka kehendaki? (Hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang meyakini (agamanya). Maksud ayat di atas telah sempurna pada '*wa man aḥsanu minallāhi ḥukmā*', namun ayat tersebut telah diakhiri dengan *fāṣilah* '*liqawmin yūqinūn*'. Keadaan sedemikian ini memberikan pengertian tambahan dari sudut makna bagi konteks ayat tersebut.²⁸⁶ Ia merupakan pertanyaan kepada orang-orang yang yakin bahawa sesungguhnya tiada yang lebih adil melainkan Allah dan tiada yang lebih elok sebarang

²⁸⁵ al-Suyūṭī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 3:187.

²⁸⁶ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:96.

ketetapan selain daripada hukum yang datang daripada-Nya. Oleh itu, huruf *lām* pada kalimah '*liqawmin*' adalah bertujuan untuk menjelas –*lil bayān*-.²⁸⁷

Contoh 2: Firman Allah s.w.t.

.... يَقَوْمِ اتَّبِعُوا الْمُرْسَلِينَ ﴿٢٠﴾ اتَّبِعُوا مَنْ لَا يَسْأَلُكُمْ

أَجْرًا وَهُمْ مُهْتَدُونَ ﴿٢١﴾

Yāsīn 36: 20-21

Terjemahan: ..." Wahai kaumku! Turutlah Rasul-rasul itu! "Turutlah orang-orang yang tidak meminta kepada kamu sesuatu balasan, sedang mereka adalah orang-orang yang diberi petunjuk".

Ayat tersebut merupakan seruan nasihat seorang lelaki yang datanginya dari hujung bandar kepada kaumnya dengan bergegas dia berkata " Wahai kaumku! Turutlah Rasul-rasul itu. Turutlah orang-orang yang tidak meminta kepada kamu sesuatu balasan, sedang mereka adalah orang-orang mendapat hidayah". Perkataan '*wahum muhtadūn*' adalah *al-Ighāl* kerana maksud ayat telahpun sempurna tanpanya. Ini kerana sememangnya para rasul itu mendapat petunjuk dan perkara ini tidak dapat disangkal. Namun begitu, penambahan yang berlaku pada *fāṣilah* adalah salah satu daripada gesaan yang bersangatan (*mubālaghah*) agar mengikuti para rasul tersebut.²⁸⁸

Demikianlah keserasian *fāṣilah* dengan isi kandung ayatnya. Pemahaman mengenai hubungkait keserasian ini memerlukan kita untuk mendalami maksud

²⁸⁷ al-Zamakhsharī, *al-Kasyāf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, 2:35.

²⁸⁸ al-Suyūṭī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 3:187.

ayat terlebih dahulu. Justeru, ia diletakkan di bawah *qarīnah ma'nawiyah* bagi menjelaskan keserasian *fāṣilah* dengan isi ayat.²⁸⁹

3.4.4 *Ṭibāq* dan *Muqābalah*

Ṭibāq bermaksud berhimpunnya dua perkataan dalam suatu ayat yang setiap kata tersebut saling berlawanan dari segi maknanya.²⁹⁰ Berikut merupakan contoh *Ṭibāq* sebagai penjelasan:

Pertama, firman Allah s.w.t.

... قَالُوا إِنَّمَا خُنْ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾

Al-Baqarah 2:11-12

Terjemahan: ... mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan". Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya.

Ayat tersebut menjelaskan bahawa, apabila dikatakan kepada mereka (iaitu orang-orang munafiq): "Janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi!", mereka menjawab: "Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kebaikan". Ingatlah! Sesungguhnya merekalah yang membuat kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya. Perkataan '*muṣliḥūn*' yang bermaksud orang-orang yang melakukan kebaikan merupakan kalimah yang berlawanan bagi '*al-Mufsidūn*', iaitu orang-orang yang membuat kerosakan. Ini merupakan contoh *Ṭibāq* yang menyerlahkan pertalian secara berlawanan antara kedua-dua perkataan tersebut.

²⁸⁹ Contoh lain untuk *al-Ighāl* ini adalah seperti Surah al-Naml 27: 80 dan Surah al-Dhāriyāt 51:23.

²⁹⁰ Lihat Dr. Basiyūnī 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, '*Ilm al-Badi': Dirāsah Tārikhiyah wa Fanniyah li Usūl al-Balāghah wa Masāil al-Badi'*', 144.

Berdasarkan *Ṭibāq*, contoh lain dikemukakan bagi menunjukkan keserasian *fāṣilah* sesebuah ayat dengan *fāṣilah* ayat selepasnya adalah seperti ayat di sebelah ini. Allah s.w.t. berfirman:

فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ قُطُوفُهَا دَانِيَةٌ ﴿٢٢﴾

Al-Hāqqah 69: 22-23

Terjemahan: Di dalam syurga yang tinggi (darjatnya). Buah-buahannya dekat untuk dipetik.

Maksudnya, di dalam syurga yang tinggi (darjatnya). Buah-buahannya rendah (dekat untuk dipetik).²⁹¹ Berdasarkan konteks ayat di atas, *fāṣilah* kedua-dua ayat adalah saling berhubungan rapat antara satu sama lain. *Fāṣilah* 'ālīyah' mempunyai maksud yang berlawanan dengan *fāṣilah* selepasnya, iaitu 'dāniyah' yang merupakan *Ṭibāq*. Keserasian antara *fāṣilah* terbentuk dalam konteks makna yang berlawanan dan ia adalah *qarinah ma'nawiyah* bagi hubungan tersebut. Contoh lain yang serupa bagi menggambarkan keserasian *fāṣilah* sesebuah ayat dengan *fāṣilah* ayat berikutnya adalah seperti berikut;

أَلَمْ يَهْلِكِ الْأَوَّلِينَ ﴿١٦﴾ ثُمَّ نَتَّبِعُهُمُ الْآخِرِينَ ﴿١٧﴾

Al-Mursalāt 77:16-17

Terjemahan: Bukankah Kami telah binasakan orang-orang dahulu (yang ingkar derhaka, seperti kaum Nabi Nuh, Aad dan Thamud)? Kemudian Kami akan iringi mereka dengan (membinasakan

²⁹¹ Ayat ini turut juga membawa isyarat kepada kaedah yang baik untuk ilmu pertanian dan tumbuhan. Ilmu pertanian moden menjelaskan bahawa kebun-kebun di dataran tinggi memiliki keistimewaan dari segi kesempurnaan penerimaan cahaya matahari. Selain itu, aspek yang penting adalah tersedianya air bersih yang mencukupi. Kandungan air tersebut tidak mengandungi garam tanah yang banyak seperti air yang terdapat pada kawasan-kawasan rendah. Inilah mukjizat ilmiah yang terkandung dalam al-Qur'an sedangkan Rasulullah s.a.w. adalah penduduk di kawasan padang pasir. Lihat Muhammad Kamil Abdushshamad, *Mukjizat Ilmiah dalam al-Qur'an* (Jakarta: Akbar Media Eka Sarana, 2003), 148-149.

orang-orang yang ingkar derhaka, dari) kaum-kaum yang datang kemudian.

Ayat tersebut ditujukan kepada orang-orang yang mendustakan Hari Kiamat dengan soalan, bukankah Kami (Allah s.w.t.) telah binasakan orang-orang dahulu? (iaitu golongan yang ingkar derhaka, seperti kaum Nabi Nūḥ, 'Ād dan Thamūd). Lalu Kami susulkan (azab Kami terhadap) orang-orang yang datang kemudian. Lihatlah perkaitan antara kalimah '*al-Awwalīn*' dan '*al-Ākhirīn*' yang setiap satunya adalah *fāṣilah* bagi ayat masing-masing. Keserasian yang terjalin antara kedua-duanya adalah berbentuk maksud yang saling berlawanan antara satu sama lain, iaitu *Ṭibāq*. Contoh-contoh lain melibatkan *Ṭibāq* dalam al-Qur'an adalah seperti Surah al-Takwīr 19: 17 -18, Surah al-Anbiyā' 21: 54-55, Surah al-Naml 27: 89-90, Surah al-Nabā' 78: 10-11, Surah al-A'lā 87: 16-17, Surah al-Ghāshiyah 88: 13-14, Surah al-Balad 90: 18-19, Surah al-Layl 92: 1-2, Surah al-Bayyinah 98: 6-7 dan lain-lainnya.

Selain daripada *Ṭibāq*, *Muqābalah* juga mampu menunjukkan keserasian antara *fāṣilah* sesebuah ayat al-Qur'an dengan *fāṣilah* ayat selepasnya. *Muqābalah* bererti mengemukakan dua makna yang sesuai atau lebih kemudian mengemukakan perbandingan dengan tersusun.²⁹² Berdasarkan contoh-contoh berikut, keserasian jelas tergambar antara sesebuah *fāṣilah* dengan *fāṣilah* yang lain dalam satu surah menerusi konteks makna. Keserasian *fāṣilah* yang dibawakan menerusi *Muqābalah* ini adalah seperti firman Allah s.w.t. berikut ini:

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ۖ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٩٢﴾

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ بِاسِرَةٍ ﴿٢٩٣﴾ تَطْنُ أَنْ يَفْعَلَ بِهَا فَاقِرَةٌ ﴿٢٩٤﴾

²⁹² Lihat Dr. Basiyūnī 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, '*Ilm al-Badi'*: *Dirāsah Tārikhiyah wa Fanniyah li Usūl al-Balāghah wa Masāil al-Badi'*, 148.

Terjemahan: Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang beriman) berseri-seri. Melihat kepada Tuhannya. Dan pada hari itu, muka (orang-orang kafir) muram hodoh. Sambil percaya dengan yakin bahawa mereka akan ditimpa malapetaka (azab seksa) yang membinasakan.

Ayat tersebut adalah perbandingan wajah orang-orang beriman dengan wajah orang-orang kafir di akhirat kelak. Wajah-wajah (orang Mukmin) pada hari tersebut berseri-seri. Memandang Tuhannya. Dan wajah-wajah (orang kafir) pada hari itu muram. Mereka yakin bahawa mereka akan ditimpa malapetaka yang sangat dahsyat. Kalimah '*nāḍirah*', '*nāẓirah*', '*bāṣirah*' dan '*fāqirah*' adalah saling berkaitan dalam konteks *Muqābalah* untuk keempat-empat ayat tersebut.²⁹³ Paparan ini membangkitkan keindahan daripada sudut susunan bahasa dan menggambarkan keserasian makna yang kukuh.

Contoh lain dalam menggambarkan keserasian *fāṣilah* menerusi *Muqābalah* terdapat dalam ayat berikut ini:

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ۖ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ۖ فَسَنُيَسِّرُهُ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٧﴾
وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ وَاسْتَغْنَىٰ ۖ وَكَذَّبَ بِالْحُسْنَىٰ ۖ فَسَنُيَسِّرُهُ لِلْعُسْرَىٰ ﴿٨﴾

Terjemahan: Jelasnya: adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala laranganNya). Serta ia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (Syurga). Sebaliknya: orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan merasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya. Serta ia mendustakan perkara yang baik.

²⁹³ al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Tafāsīr*, 3:476.

Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan.

Ayat tersebut menerangkan perbandingan antara orang yang bertaqwa dan orang yang ingkar serta jalan-jalan yang bakal ditempuhi oleh kedua-duanya.²⁹⁴ Perbandingan antara sesiapa yang memberikan (hartanya di jalan Allah) dan bertaqwa. Dan mengakui (adanya pahala) dengan berbuat baik. Maka akan Allah s.w.t. akan memudahkan baginya jalan menuju kesenangan (kebahagiaan). Berbeza pula bagi yang bakhil dan berasa dirinya cukup (tidak memerlukan pertolongan Allah), serta mendustakan perkara yang baik. Maka akan kami memudahkan baginya jalan menuju kesukaran (kesengsaraan).

Justeru, kita dapati bahawa *Thibāq* dan *Muqābalah*²⁹⁵ adalah bertujuan untuk memantapkan makna dan menguatkan ingatan dalam fikiran manusia. Maksud ayat menjadi jelas dan jauh lebih halus dengan mendatangkan perkataan yang berlawanan bagi kefahaman pembaca. Perkataannya saling terang-menerang dengan menunjukkan perbezaan makna yang ketara.²⁹⁶ Pengamatan yang telah dilakukan dalam kajian ini mendapati, *Muqābalah* dalam ayat-ayat al-Qur'an lazimnya berlaku sewaktu perbandingan dibuat ke atas penghuni syurga dengan penghuni neraka, sifat-sifat orang mukmin dengan sifat-sifat orang kafir dan orang-orang yang taat dengan orang-orang yang ingkar.

Contoh-contoh lain bagi *Muqābalah* adalah seperti dalam Surah al-Baqarah 2: 216 dan 268, Surah Ali 'Imrān 3: 120, Surah al-Tawbah 9: 82, Surah

²⁹⁴ *Ibid.*, 3:549.

²⁹⁵ Kedua-duanya adalah daripada jenis *muhāsīnāt ma'nawiyah* yang terdapat dalam ilmu *Badī'*. Lihat 'Ali al-Jārim dan Mustafā Amīn, *al-Balāghah al-Wāḍihah li al-Madāris al-Thanāwīyyah*, 144.

²⁹⁶ Lihat Dr. Basiyuni Abd al-Fattah Fayyud, '*Ilm al-Badi'*: *Dirasah Tārikhiyah wa Fanniyah li Usūl al-Balaghah wa Masā'il al-Badi'*', 152.

al-Naḥl 16: 90, Surah Hūd 11: 24, Surah Fāṭir 35: 19-22, Surah Ṣād 38: 49-55, Surah al-Ghāshiyah 88: 2-7 berlawanan dengan 8-16 dan lain-lain lagi.

3.4.5 *Miḥwar*

Miḥwar bermaksud pokok perbahasan surah dan turut dikenali sebagai *hadaf* ataupun dalam bahasa Melayunya disebut objektif.²⁹⁷ Isu dan petikan-petikan yang disentuh oleh sesebuah surah sewaktu membentangkan ayat-ayatnya akan dikumpulkan di bawah payung *miḥwar*.²⁹⁸ Justeru, bagi setiap surah al-Qur'an sama ada surah itu panjang mahupun pendek, kedua-duanya mempunyai *miḥwar* masing-masing.

Surah-surah al-Qur'an yang pendek pada kebiasaannya hanya mempunyai satu *miḥwar* sahaja. Sebagai contoh, Surah al-Ikhlāṣ adalah berkisar tentang keesaan Allah s.w.t. sahaja. Surah al-Kāfirūn pula menyentuh tentang pembezaan antara orang kafir dengan orang Islam.²⁹⁹ Sementara itu pula didapati bahawa Surah al-Nās, *miḥwar*nya ialah perlindungan daripada kejahatan syaitan. Surah al-Falaq pula *miḥwar*nya berkenaan perlindungan daripada kejahatan makhluk.³⁰⁰

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan juga bahawa terdapat surah-surah pendek ini yang mempunyai lebih daripada satu *miḥwar*. Sebagai contoh Surah al-Ṭariq, *miḥwar* pertama surah tersebut ialah mengenai kekuasaan Allah s.w.t. dalam penciptaan. *Miḥwar* kedua pula menyebutkan pengiktirafan bahawa

²⁹⁷ Dr Mustafa Muslim menggabungkan penggunaan *hadaf* dan *miḥwar* dalam ertikata yang sama sewaktu beliau membahaskan isu objektif bagi surah-surah yang panjang dan pendek. Lihat Muṣṭafā Muslim, *Mabāhiṭh fī al-Tafsīr al-Mawdu'ī*, 47.

²⁹⁸ *Miḥwar* terkenal kaitannya dengan Syed Qutb. Sewaktu menjelaskan keserasian surah dalam al-Qur'an, dalam tafsirnya *fī Zilāl al-Qur'ān*, beliau menggunakan istilah *miḥwar* bagi merujuk kepada pokok perbahasan dalam sesebuah surah. Beliau juga terkenal dengan teori kesatuan tajuk-tajuk *al-Wahdat al-Mawdu'iyyah* dalam menggambarkan keserasian al-Qur'an.

²⁹⁹ Muṣṭafā Muslim, *Mabāhiṭh fī al-Tafsīr al-Mawdu'ī*, 47.

³⁰⁰ Wahbah bin Muṣṭafā al-Zuhaili, *al-Tafsīr al-Wasīṭ lil Zuhaili* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1422H), 3: 2961-2965.

perkara-perkara yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada baginda Nabi s.a.w. adalah benar daripada Allah s.w.t.³⁰¹

Bagi surah-surah yang panjang pula *miḥwar*nya adalah banyak, kebiasaannya terangkum dalam sesebuah surah itu pembukaan surah, *miḥwar-miḥwar* yang pelbagai dan di akhiri dengan penutup.³⁰² Meskipun dalam kepelbagaian segmen atau bahagian tersebut, kesemua elemen yang terdapat dalam sesebuah surah bergerak ke satu arah yang sama, iaitu mendukung tema asas sesebuah surah.³⁰³

Oleh sebab itu, *miḥwar* merupakan elemen keserasian *fāṣilah* yang melibatkan kelompok-kelompok ayat yang pelbagai dalam sesebuah surah. Contoh berkaitan hal ini dapat dilihat berdasarkan *fāṣilah* dalam ayat-ayat Surah al-Kāfirūn (109) 1-6.

قُلْ يٰٓاَيُّهَا الْكٰفِرُوْنَ ﴿١﴾ لَا اَعْبُدُ مَا تَعْبُدُوْنَ ﴿٢﴾ وَلَا
اَنْتُمْ عٰبِدُوْنَ مَا اَعْبُدُ ﴿٣﴾ وَلَا اَنَا عٰبِدُ مَا عٰبَدْتُمْ ﴿٤﴾ وَلَا
اَنْتُمْ عٰبِدُوْنَ مَا اَعْبُدُ ﴿٥﴾ لَكُمْ دِيْنُكُمْ وَلِيَ دِيْنِ ﴿٦﴾

Al-Kāfirūn 109: 1-6

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad):
"Wahai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah apa yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah menjadi

³⁰¹ Muṣṭafā Muslim, *Mabāhiṭh fi al-Tafsir al-Mawdu'ī*, 47.

³⁰² Syed Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1972), 1:28.

³⁰³ Pandangan terhadap penyatuan ayat-ayat dengan tema pokok untuk sesebuah surah, telah menjadi pandangan majoriti ulama' tafsir seperti Mahmud Shaltut, Syed Qutb, Muhammad Syed Thantawi, Sheikh Mutawalli al-Sya'rawi dan lain-lainnya. Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an*, xxviii.

penyembah apa yang aku sembah. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku".

Berikut adalah kalimah pada *fāṣilah* bagi setiap ayat dalam Surah al-Kāfirūn daripada ayat pertama sehingga ayat keenam:

الْكَافِرُونَ ﴿١﴾ تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾ أَعْبُدُ ﴿٣﴾ عَبْدُكُمْ ﴿٤﴾ أَعْبُدْ ﴿٥﴾ دِينَ ﴿٦﴾

Kesemua *fāṣilah* di atas dalam kepelbagaianannya mengarah kepada satu tujuan utama, iaitu menyebut berkaitan pembezaan antara orang kafir dengan orang Islam. Demikianlah hubungkait yang terjalin antara setiap *fāṣilah* yang terdapat dalam surah tersebut dari konteks maknanya. Menerusi *miḥwar* sesebuah surah, semua *fāṣilah* dilihat mempunyai keserasian dan hubungkait antara satu dengan yang lain dalam mendukung tema.

Contoh lain dapat dilihat berdasarkan Surah al-Ghāshiyah (88) ayat 1 hingga 26 seperti berikut ini:

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْغَاشِيَةِ ﴿١﴾ وَجُوهٌُ يَوْمَئِذٍ خَشِيعَةٌ ﴿٢﴾ عَامِلَةٌ ﴿٣﴾ نَاصِبَةٌ ﴿٤﴾ تَصَلَّى نَارًا حَامِيَةً ﴿٥﴾ تُسْقَى مِنْ عَيْنٍ عَائِيَةٍ ﴿٦﴾ لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرِيعٍ ﴿٧﴾ لَا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِي مِنْ جُوعٍ ﴿٨﴾ وَجُوهٌُ يَوْمَئِذٍ نَاعِمَةٌ ﴿٩﴾ لِسَعْيِهَا رَاضِيَةٌ ﴿١٠﴾ فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿١١﴾ لَا تَسْمَعُ فِيهَا لَغِيَةً ﴿١٢﴾ فِيهَا عَيْنٌ جَارِيَةٌ ﴿١٣﴾ فِيهَا سُرُرٌ ﴿١٤﴾ مَرْفُوعَةٌ ﴿١٥﴾ وَأَكْوَابٌ مَوْضُوعَةٌ ﴿١٦﴾ وَنَمَارِقُ مَصْفُوفَةٌ ﴿١٧﴾ وَزَرَابِيُّ مَبْثُوثَةٌ ﴿١٨﴾ أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْآلِئِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ﴿١٩﴾

وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ ﴿١٨﴾ وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿١٩﴾
وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ﴿٢٠﴾ فَذَكِّرْ إِنَّمَا أَنْتَ مُذَكِّرٌ ﴿٢١﴾
لَسْتَ عَلَيْهِمْ بِمُصَيْطِرٍ ﴿٢٢﴾ إِلَّا مَنْ تَوَلَّى وَكَفَرَ ﴿٢٣﴾ فَيُعَذِّبُهُ اللَّهُ
الْعَذَابَ الْأَكْبَرَ ﴿٢٤﴾ إِنَّ إِلَيْنَا إِيَابَهُمْ ﴿٢٥﴾ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا حِسَابَهُمْ



Al-Ghāshiyah 88: 1 - 26

Terjemahan: Sudahkah sampai kepadamu berita tentang Hari Kiamat itu? Pada hari banyak wajah yang tertunduk hina. Kerana bekerja keras lagi berpenat lelah. Mereka memasuki api yang sangat panas (neraka). Diberi minum dari mata air yang menggelegak panasnya. Tiada makanan bagi mereka (di situ) selain dari pokok-pokok yang berduri. Yang tidak menggemukkan, dan tidak pula dapat menghilangkan sedikitpun kelaparan. (Sebaliknya) muka (orang-orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri. Berpuas hati dengan balasan amal usahanya (yang baik yang telah dikerjakannya di dunia). (Mereka tinggal) di syurga tinggi (tempat kedudukannya darjatnya). Mereka tidak mendengar di situ sebarang perkataan yang sia-sia. Dalam syurga itu ada mata air yang mengalir. Di situ juga ada pelamin-pelamin (berhias) yang ditinggikan (tempatnyanya). Dan gelas-gelas yang tersedia. Dan bantal-bantal yang teratur (untuk mereka berbaring atau bersandar). Serta permaidani-permaidani yang terhampar. (Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat?) Tidakkah mereka memerhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan? Maka berikanlah sahaja peringatan (Wahai Muhammad, kepada manusia, dan janganlah berdukacita kiranya ada yang menolaknya), kerana sesungguhnya engkau hanyalah pemberi peringatan. Engkau bukanlah orang yang berkuasa ke atas mereka. Kecuali (jika ada) sesiapa yang berpaling dan kafir. Maka Allah akan menyeksanya dengan azab seksa yang sebesar-besarnya. Sesungguhnya kepada Kamilah mereka kembali. Kemudian sesungguhnya Kamilah yang membuat perhitungan ke atas mereka.

Perhatikanlah *fāṣilah* dalam setiap ayat terlibat dan penjelasan berkaitan pertautan setiapnya berdasarkan *miḥwar* yang terdapat dalam surah.

Miḥwar pertama.

الْغَشِيَّةُ ① خَشَعَةُ ② نَاصِبَةٌ ③ حَامِيَةٌ ④ ءَانِيَةٌ ⑤ ضَرِيعٌ ⑥
 جُوعٌ ⑦ نَاعِمَةٌ ⑧ رَاضِيَةٌ ⑨ عَالِيَةٌ ⑩ لَغِيَةٌ ⑪ جَارِيَةٌ ⑫
 مَرْفُوعَةٌ ⑬ مَوْضُوعَةٌ ⑭ مَصْفُوفَةٌ ⑮ مَبْثُوثَةٌ ⑯

Miḥwar pertama adalah berkenaan keadaan yang ditempuh oleh orang-orang kafir dan orang-orang mukmin pada Hari Kiamat kelak.³⁰⁴ Semua *fāṣilah* mempunyai keserasian dan hubungkait antara satu dengan yang lain dalam konteks makna bagi mendukung *miḥwar* yang pertama ini. Jika satu daripadanya atau beberapa *fāṣilah* itu tiada, maka pincanglah makna dan rosaklah *miḥwar*.

Miḥwar kedua.

خَلَقَتْ ① رُفِعَتْ ② نُصِبَتْ ③ سَطِحَتْ ④

Keempat-empat *fāṣilah* di atas berhubungkait dalam menyokong *miḥwar* kedua, iaitu pernyataan bukti dan tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. dalam penciptaan.³⁰⁵ Menariknya perkataan '*kaifa*' yang bermaksud bagaimana telah diulang sebanyak empat kali sebelum *fāṣilah* ayat-ayat tersebut. Situasi ini menggambarkan bahawa betapa Allah s.w.t. menekankan kepada manusia agar memperhalusi dan merenungi segala ciptaan-Nya dan juga dalam masa yang

³⁰⁴ Syed Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, 6: 3896-3897.

³⁰⁵ *Ibid.*, 6:3898

sama, berkait rapat dengan keserasian *fāṣilah* dalam kelompok ayat dari konteks maknanya.

Mihwar ketiga.

مَذْكُرٌ ۝ مُصِيطِرٌ ۝ وَكَفَرٌ ۝ الْأَكْبَرُ ۝ إِيَّاهُمْ ۝ حِسَابُهُمْ ۝

Berdasarkan kajian, setiap *fāṣilah* di atas berkait rapat antara satu sama lain dalam menyempurnakan maksud ayat-ayat yang ingin disampaikan, iaitu penjelasan berkisar ancaman terhadap golongan yang ingkar.³⁰⁶ Keadaan ini menerangkan tentang wujudnya hubungkait antara *fāṣilah* dari konteks makna. Sekiranya satu daripada *fāṣilah* kelompok ini tiada, maka rosaklah maksud yang ingin disampaikan.

³⁰⁶ *Ibid.*, 6:3899.

3.5 Kesimpulan

Qarīnah dari konteks bahasa membawa pengertian sebagai sesuatu yang mempunyai hubungan, kaitan ataupun pertalian. *Qarīnah* dari konteks istilah pula adalah sesuatu yang mengiringi dan sentiasa bersama dengan *naṣ* serta memberi kesan terhadap makna. Pemilihan istilah *qarīnah* untuk memperjelas keserasian *fāṣilah* al-Qur'an adalah kerana istilah tersebut mampu membawa pengertian yang tepat.

Secara dasarnya *qarīnah* yang dikenalpasti dalam kajian ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian besar iaitu, *Qarīnah Lafziyyah* dan *Qarīnah Ma'nawiyyah*. *Qarīnah Lafziyyah* menjelaskan keserasian *fāṣilah* bersifat nyata. Keserasian *fāṣilah* bersifat nyata dikenalpasti dengan *qarīnah lafziyyah* menerusi pengulangan lafaz ataupun kemiripannya yang jelas dalam sesebuah ayat dan juga antara ayat-ayat yang berkaitan serta melibatkan *fāṣilah* secara keseluruhan dalam sesebuah surah. Keserasian *fāṣilah* bersifat nyata ini tidak memerlukan penelitian makna yang mendalam bagi mengenalpasti kaitan yang wujud. Memadai dengan memerhatikan persamaan, ataupun kemiripan lafaz-lafaz yang terdapat pada *fāṣilah*, bentuk dan kaitannya sudah dapat dikenalpasti. Justeru, kajian ini mengenalpasti bahawa *al-Taṣdīr*, *Jinās*, *al-Takrār* dan Kesepadanan Keseluruhan Bunyi adalah merupakan *qarīnah lafziyyah* dalam menggambarkan bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat nyata.

Qarīnah ma'nawiyyah pula merupakan indikator keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat maknawi. Keserasian bentuk ini ditunjukkan menerusi *qarīnah ma'nawiyyah* yang dikenalpasti dalam ayat, antara ayat dan juga dalam keseluruhan ayat yang melibatkan *fāṣilah*. Keserasian menerusi *qarīnah ma'nawiyyah* ini adalah bersifat tersirat ataupun tersembunyi. Justeru, ia

memerlukan pengamatan dan penelitian makna terlebih dahulu bagi mengenalpasti hubungan yang wujud. Untuk itu, *al-Tamkīn*, *al-Tawshīh*, *al-Ighāl*, *Ṭibāq*, *Muqābalah* dan *Miḥwar* adalah jenis-jenis *qarīnah ma'nawiyah* yang telah dikenalpasti dalam menggambarkan bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat maknawi.

Semua perkara yang digambarkan oleh *Qarīnah Lafziyyah* dan *Qarīnah Ma'nawiyah* ini menunjukkan keutuhan al-Qur'an dari konteks susunan dan juga makna. Selain itu, ia turut menggambarkan bentuk dalam hubungan keserasian melibatkan *fāṣilah* al-Qur'an sama ada bersifat nyata atau maknawi. Bahagian-bahagian al-Qur'an, khususnya *fāṣilah* dalam konteks perbahasan ini menyokong antara satu sama lain dalam menzahirkan sebuah keserasian dan kesatuan.

BAB 4:

ANALISIS KESERASIAN *FĀṢILAH* DALAM SURAH-SURAH TERPILIH

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan memaparkan analisis keserasian *fāṣilah* al-Qur'an menerusi dua surah pilihan, iaitu Surah al-Wāqī'ah dan Surah al-Faṭḥ. Pemilihan kedua-dua surah ini adalah berdasarkan asas-asas berikut:

- a. Surah-surah yang dipilih mampu menunjukkan contoh-contoh yang jelas berkaitan keserasian *fāṣilah* al-Qur'an untuk difahami dalam kajian ini.
- b. Pemilihan surah adalah adil, iaitu sebuah Surah *Makkiyyah* dan sebuah lagi Surah *Madaniyyah* yang mewakili dua kategori besar kelompok surah-surah al-Qur'an.
- c. Kepanjangan surah dan bilangan ayat-ayatnya adalah sederhana, iaitu tidak terlalu panjang. Di samping itu, dalam waktu yang sama surah-surah yang dipilih tidak juga terlalu pendek dan ringkas sehingga contoh yang cukup berkaitan kajian ini tidak dapat dipaparkan. Surah al-Wāqī'ah mempunyai 96 ayat dan tergolong dalam kategori Surah *Mufaṣṣal*, iaitu surah-surah pendek. Surah al-Faṭḥ meskipun hanya mempunyai 29 ayat, namun surah ini tergolong dalam jenis *al-Mathāni*, iaitu surah yang mengandungi kurang sedikit bilangan ayat-ayatnya daripada 100 ayat.³⁰⁷
- d. Kedua-dua surah ini adalah dekat dengan masyarakat. Surah al-Wāqī'ah sering dianjurkan agar dapat dibaca pada setiap malam bagi mengelak kemiskinan.

³⁰⁷ al-Zarkashi, *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:248.

Sungguhpun hadith-hadith mengenainya dipertikaikan kesahihannya namun, menjadikan bacaan al-Qur'an sebagai amalan harian amatlah digalakkan.³⁰⁸ Surah al-Fatḥ pula dikatakan dekat dengan masyarakat kerana terkandung di dalamnya banyak kisah bersejarah dan penting berkaitan Nabi s.a.w. Sebagai contoh antaranya adalah Perjanjian Hudaibiyah, Bai'ah al-Riḍwān, janji kemenangan Islam, ke arah pembukaan Kota Mekah dan sebagainya. Maka itu, ayat-ayatnya sering dibicarakan sewaktu majlis-majlis ilmu dan majlis-majlis memeringati peristiwa-peristiwa besar Islam.

4.2 Surah al-Wāqī'ah

Bahagian ini akan menerangkan berkaitan Surah al-Wāqī'ah yang meliputi pengenalan surah, *munāsabāt* dan juga tema yang terkandung dalam surah.

4.2.1 Pengenalan Surah

Surah ini mengandungi 96 ayat³⁰⁹ dan diturunkan selepas Surah Ṭāhā.³¹⁰ Surah ini tergolong dalam kategori Surah *Makkiyyah*, kecuali ayat 81 dan 82 yang dikategorikan sebagai ayat *Madaniyyah*.³¹¹ Surah ini adalah surah yang ke-56 daripada susunan surah-surah al-Qur'an dan terletak selepas Surah al-Raḥmān dan sebelum surah al-Ḥadīd. Surah al-Wāqī'ah ini terkandung dalam juz yang ke-27 al-Qur'an dan merupakan Surah *Mufaṣṣal*.³¹² Nama surah ini, iaitu 'al-Wāqī'ah'

³⁰⁸ Zulkifli Mohd Yusoff dan Ahmad Hasan Farhat, *Tafsir Mawdui' Surah-surah Pilihan* (Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, 2013), 143.

³⁰⁹ Mengikut pendapat Kūfī dan Ḥimṣī adalah 96 ayat. Manakala mengikut hitungan Baṣrī adalah berjumlah 97 ayat. Selain daripada mereka, iaitu Dimashqī, Makki, Madani Awwal dan Madani Akhir jumlah ayat bagi Surah al-Wāqī'ah adalah 99. Lihat Hamdi Izzat 'Abd Hafiz, *Dirāsāt fī 'Ilmi Fawāṣil: 'Idd Ayyi al-Qur'ān*, (Doha: t.tp, 1427 H), 19. Pendapat Kūfī diketengahkan kerana mengikut Mushaf Uthmaniyy seperti yang terdapat di tangan kalangan banyak orang-orang Islam Malaysia. Ia juga bagi mengelakkan kekeliruan dan memudahkan penyeragaman perbincangan kajian ini.

³¹⁰ al-Suyūṭī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:54.

³¹¹ *Ibid.* 1:72.

³¹² al-Zarkashi, *al-Burhan fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:248.

telah dikenal sejak zaman Nabi s.a.w. lagi.³¹³ Nama surah ini diambil daripada perkataan 'al-Wāqī'ah' yang terletak di *fāṣilah*, iaitu penutup ayat pertama. 'al-Wāqī'ah' daripada aspek bahasa bermaksud "suatu kejadian" atau "suatu peristiwa." Peristiwa dan kejadian yang dimaksudkan ini adalah merujuk kepada Hari Kiamat.³¹⁴

4.2.1.1 *Munāsabāt* Surah

Surah al-Wāqī'ah ini mempunyai keserasian dengan surah sebelum dan selepasnya sebagaimana berikut:

- a. *Munāsabāt* Surah al-Wāqī'ah dengan surah sebelumnya, iaitu Surah al-Raḥmān:³¹⁵
 - i. Kedua-dua surah ini menerangkan keadaan akhirat, iaitu Hari Kiamat, syurga dan neraka.
 - ii. Surah sebelumnya, iaitu Surah al-Raḥmān menyebutkan tentang azab bagi orang-orang yang berdosa dan nikmat bagi orang yang bertakwa. Di samping itu dijelaskan juga perbezaan antara dua syurga, iaitu bagi sesetengah orang yang beriman dan bagi sesetengah orang-orang beriman yang lain. Manakala itu, Surah al-Wāqī'ah pula menjelaskan tentang pembahagian golongan-golongan manusia di akhirat kelak. Pada waktu tersebut manusia akan terbahagi kepada tiga kelompok, iaitu golongan kanan, golongan kiri dan golongan pendahulu.

³¹³ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:541.

³¹⁴ Zulkifli Mohd Yusoff dan Ahmad Hasan Farhat, *Tafsir Mawdui' Surah-surah Pilihan*, 139.

³¹⁵ Ahmad Mustafa al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, Terj. Muhammad Thalib (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 14:6785.

iii. Surah al-Raḥmān menyebutkan tentang langit yang terbelah dan Surah al-Wāqī'ah pula menyebutkan tentang kejadian gempa yang amat dahsyat. Seolah-olah kedua-dua surah ini saling berisikan perbahasan yang sama lantaran hubungan antara kedua-dua surah ini begitu erat dan saling berkaitan pada judulnya. Cuma yang membezakan antara kedua-duanya adalah dari aspek turutan perbincangan isu. Perkara yang disebut pada permulaan dalam Surah al-Wāqī'ah adalah pengakhiran disebutkan dalam Surah al-Raḥmān, begitulah sebaliknya.³¹⁶

b. *Munāsabāt* awal Surah al-Wāqī'ah dengan bahagian akhirnya.

Miḥwar kedua surah ini, iaitu pada ayat 7 hingga 57 adalah berkaitan pembahagian manusia kepada tiga golongan di akhirat kelak beserta balasan yang diterima untuk setiap golongan. Manakala *miḥwar* terakhir surah ini, iaitu ayat 88 hingga 96 juga menjelaskan secara umum dan ringkas berkenaan tiga golongan yang telahpun disebut di awal surah tadi.

c. *Munāsabāt* penutup Surah al-Wāqī'ah dengan pembuka Surah al-Ḥadīd.

Di akhir Surah al-Wāqī'ah terkandung perintah agar bertasbih dengan nama Allah yang Maha Agung seperti ayat berikut:

فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ ﴿٩٦﴾

Al-Wāqī'ah 56:96

³¹⁶ *Ibid.*

Terjemahan: Maka bertasbihlah dengan (menyebut)
nama Tuhanmu Yang Maha Agung.

Surah al-Ḥadīd pula dibuka dengan tasbih apa yang ada di langit dan di bumi kepada Allah s.w.t.

سَبِّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Al-Ḥadīd 57:1

Terjemahan: Apa yang ada di langit dan di bumi
bertasbih kepada Allah. Dialah Yang Maha Perkasa,
lagi Maha Bijaksana.

4.2.1.2 Tema Surah

Tema utama Surah al-Wāqī'ah ialah huraian tentang Hari Kiamat serta penjelasan berkaitan apa yang terjadi kepada bumi sewaktu peristiwa tersebut, kenikmatan yang bakal diperolehi oleh orang-orang yang bertakwa dan balasan siksa yang akan dialami oleh para penderhaka.³¹⁷

4.2.2 Keserasian *Fāṣilah* dengan Kandungan Ayat

Bahagian ini akan memaparkan keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat yang terdapat dalam Surah al-Wāqī'ah. Menerusi analisa yang dijalankan, didapati bahawa *al-Taṣḍīr*, *al-Takrār* dan *Ṭibāq* merupakan *qarīnah* yang menjelaskan jenis keserasian *fāṣilah* tersebut. Berikut disertakan jadual bagi mendapatkan gambaran umum berkaitan keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat dalam Surah al-Wāqī'ah, dan penjelasan terperinci untuk setiap ayat akan menyusuli kemudiannya:

³¹⁷ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:541. Penjelasan berkaitan intisari ayat akan kami terangkan sewaktu membahaskan perkara *Miḥwar* di penghujung perbahasan surah ini, iaitu di bawah topik Keserasian *Fāṣilah* Keseluruhannya dalam Surah.

Jadual 4.1: Keserasian *Fāṣilah* dengan Kandungan Ayat dalam Surah al-Wāqī'ah

Jenis Keserasian	No.	Bentuk Keserasian	Qarīnah	No. Ayat Terlibat
Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat	1.	Bersifat Nyata	<i>al-Taṣdīr</i>	1, 4, 5, 35, 59, 64, 69, 72.
	2.	Bersifat Nyata	<i>al-Takrār</i>	8, 9, 10, 26, 27, 41.
	3.	Bersifat Maknawi	<i>Ṭibāq</i>	3, 49.

Penjelasan secara terperinci adalah seperti berikut:

4.2.2.1 *al-Taṣdīr*

al-Taṣdīr bermaksud menjadikan sesuatu kalimah yang berasal dari akar kata yang sama itu berulang dan *fāṣilah* dibina menggunakan perkataan tersebut.³¹⁸

Terdapat 8 ayat yang mengandungi *al-Taṣdīr* telah ditemukan dalam Surah al-Wāqī'ah seperti berikut:

a. Ayat 1

إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ

Al-Wāqī'ah 56:1

Terjemahan: Apabila berlaku hari kiamat itu.

Fāṣilah ayat tersebut ialah perkataan الْوَاقِعَةُ. Ia mempunyai kata dasar

yang sama dengan perkataan sebelumnya dalam ayat, iaitu وَقَعَت. Inilah

³¹⁸ Basiyūni 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, *'Ilm al-Badi': Dirāsah Tārikhiyah wa Fanniyah li Uṣūl al-Balāghah wa Masā'il al-Badi'*, 312.

keserasian yang ditunjukkan antara *fāṣilah* dengan isi kandungan ayat yang diwakilinya. Perkataan *الْوَاقِعَةُ*, iaitu dengan penambahan *alīf* dan *lām* pada awalnya dan *tā' al-marbūṭah* pada akhirnya mempunyai tujuan khusus. Penambahan *alīf* dan *lām* pada awalnya dinamakan *al-kamāl* dan *tā' al-marbūṭah* pada akhir dinamakan *tā' mubālaghah* untuk mengisyaratkan betapa hebat dan sempurna peristiwa Hari Kiamat itu. Sesungguhnya tidak ada peristiwa lain yang menyamainya.³¹⁹ Bentuk keserasian *fāṣilah* seperti ini adalah bersifat nyata menerusi perkongsian kata dasar yang sama.

b. Ayat 4

إِذَا رُجَّتِ الْأَرْضُ رَجًّا

Al-Wāqī'ah 56:4

Terjemahan: (Ia berlaku) semasa bumi bergoncang dengan sebenar-benar goncangan.

Fāṣilah رَجًّا mempunyai perkaitan yang jelas dengan perkataan

sebelumnya iaitu رُجَّتِ. Perkongsian akar kata yang sama, iaitu '*rajjā*'

dalam menzahirkan keserasian yang wujud antara kedua-duanya. Menurut

kaedah ilmu *Nahwu* iaitu ilmu tatabahasa Arab, perkataan رَجًّا adalah

maful mutlaq bagi ayat tersebut dan berperanan untuk menguatkan

³¹⁹ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:544.

maksud yang ingin disampaikan serta bentuknya adalah jelas.³²⁰ *Rajjā* bermaksud menggoncang dan menggerak-gerakkan dengan kuat dan sehebat-hebatnya sehingga robohlah bangunan-bangunan dan gunung-ganang yang ada di atas muka bumi ini.³²¹ Goncangan yang dimaksudkan adalah gempa dan perkataan tersebut iaitu رُجَّتْ didatangkan dengan

bentuk pasif bagi menggambarkan bahawa perkara tersebut dilakukan dengan sangat mudah.³²² Gempa yang hebat itu bertujuan untuk mematikan sesiapa yang hidup pada waktu itu dan ia membongkar keseluruhan bumi bagi mengeluarkan segala yang terdahulu telah mati.³²³

c. Ayat 5

وُئِسَّتِ الْجِبَالُ بَسًّا

Al-Wāqī'ah 56:5

Terjemahan: Dan gunung-ganang dihancur leburkan dengan selebur-leburnya.

Perkataan وُئِسَّتِ bermaksud diceraikan-beraikan, sehingga menjadi seperti tepung yang ditaburkan. Maka berhamburanlah gunung-ganang seperti longgokan pasir yang berterbangan padahal asalnya ia terpancang tegak.³²⁴

Perkataan بَسًّا adalah *maf'ul mutlaq* dalam ayat tersebut dan bertujuan bagi

³²⁰ *Maf'ul Mutlaq* dan *al-Taṣdīr* adalah saling berkait rapat dalam bentuk umum dan khusus. Semua *Maf'ul Mutlaq* dalam al-Qur'an melibatkan *fā'ilah* adalah *al-Taṣdīr* sebagaimana ayat 4, 5 dan 35 daripada Surah al-Wāqī'ah ini. Namun begitu, tidak semua *al-Taṣdīr* itu *Maf'ul Mutlaq* sebagaimana contoh ayat 1, 59, 64, 69 dan juga 72 daripada Surah al-Wāqī'ah ini.

³²¹ al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 14:6786.

³²² Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:544.

³²³ 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī bin Muḥammad al-Jawzi, *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2002), 8: 322.

³²⁴ al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 14:6788.

menguat, dan menggambarkan betapa hebat dan dahsyatnya kehancuran yang dilakukan. Ia juga adalah terbitan daripada perkataan 'bassa', iaitu sama kata dasar dengan perkataan بُسَّتْ dalam menggambarkan keserasian yang wujud berbentuk nyata.

d. Ayat 35

إِنَّا أَنْشَأْنَهُنَّ إِنشَاءً ﴿٣٥﴾

Al-Wāqī'ah 56:35

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan isteri-isteri mereka dengan ciptaan istimewa.

Ayat tersebut menjelaskan bahawa sesungguhnya Allah s.w.t. telah menciptakan isteri-isteri mereka iaitu kepada ahli-ahli syurga dengan ciptaan istimewa. Perhatikan hubungan nyata antara dua perkataan tersebut, أَنْشَأَ dan إِنشَاءً yang menggambarkan suatu keserasian dan kedua-

dua perkataan tersebut adalah berasal daripada satu kata dasar. إِنشَاءً juga adalah *maful mutlaq* bagi ayat tersebut dan berperanan untuk menguatkan maksud penciptaan yang dilakukan seperti yang telah dijelaskan oleh ayat.

e. Ayat 59

أَنْتُمْ خَلَقْتُمْ أَمْ نَحْنُ الْخَالِقُونَ ﴿٥٩﴾

Al-Wāqī'ah 56:59

Terjemahan: Adakah kamu yang menciptakannya atau Kami yang menciptakannya?

Ayat yang ke-59 merupakan sebuah pertanyaan kepada orang-orang yang mendustakan Allah s.w.t. Mereka ditanya, adakah kamu menciptakannya (manusia yang bermula dari air mani) atau kami yang menciptakan? Keserasian antara *fasilah* dengan kandungan ayat ini adalah jelas. Kedua-duanya saling berkongsi kata dasar yang sama iaitu *kha-la-qa*. Allah s.w.t menggunakan lafaz jamak, iaitu pada **أَخْلَقُون** sebagai suatu bentuk pengagungan diri untuk menunjukkan kebesaran dan kekuasaan-Nya. Selain itu, ia turut mengisyaratkan bahawa walaupun ada keterlibatan manusia dalam soal pembiakan namun hasil daripada usaha-usaha tersebut adalah dengan keizinan dan limpah kurnia daripada Allah untuk menjayakannya.³²⁵ Berapa ramai pasangan yang berkahwin namun gagal memperolehi anak? Pertanyaan ini dilontarkan dengan dua tujuan. Pertama, bagi tujuan penelitian untuk diambil iktibar. Bermula dengan setitis air yang hina itu diciptakan sebuah ciptaan yang indah sempurna iaitu manusia. Kedua adalah untuk menampar golongan yang mengingkari hari kebangkitan. Sesungguhnya Allah s.w.t. Maha Berkuasa menjadikan manusia itu daripada tiada kepada ada, begitulah berkuasanya Allah s.w.t. dalam mengembalikan mereka untuk hidup selepas mati.³²⁶

f. Ayat 64

أَأَنْتُمْ تَرْزُقُونَهُ أَمْ نَحْنُ الذَّارِعُونَ ﴿٦٤﴾

Al-Wāqī'ah 56:64

Terjemahan: Kamukah yang menumbuhkannya atau Kami yang menumbuhkannya?

³²⁵ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:565

³²⁶ 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī bin Muḥammad al-Jawzī, *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*, 8:333.

Soalan dalam ayat ke-64 di atas merupakan persoalan yang menyentuh aqidah. Pertanyaan yang berkisar menghidupkan sesuatu oleh Allah s.w.t.

adalah menunjukkan kekuasaan dan keagungan-Nya.³²⁷ Lafaz **الزَّرْعُونَ** dan

تَزْرَعُونَهُ adalah serasi, malahan kaitan antara kedua-dua perkataan adalah

jelas menerusi akar kata yang sama iaitu *za-ra-'a*.

g. Ayat 69

أَأَنْتُمْ أَنْزَلْتُمُوهُ مِنَ الْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ الْمُنْزِلُونَ ﴿٦٩﴾

Al-Wāqī'ah 56:69

Terjemahan: Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan), atau Kami yang menurunkannya?

Keserasian jelas dipamerkan dalam ayat yang ke-69 ini. Perkongsian akar

kata yang sama iaitu *na-za-la* antara *fāṣilah* **الْمُنْزِلُونَ**, dengan lafaz **أَنْزَلْتُمُوهُ**

menzahirkan hubugkait yang kukuh. Ayat tersebut merupakan satu lagi

pertanyaan kepada orang-orang kafir, iaitu kamukah yang menurunkan

hujan dari awan ataupun Kami yang menurunkannya? Perkataan **الْمُزْنِ**

adalah jamak daripada perkataan *al-Muznah*, iaitu awan yang

³²⁷ *Ibid.*, 8:334.

mengandungi air.³²⁸ Ayat ini mengisyaratkan bahawa terdapat pengkhususan awan dalam menjadi sebab kejadian hujan. Tidak semua awan dapat menghasilkan hujan tetapi hanya awan-awan tertentu sahaja yang mengandungi benih-benih lahirnya hujan ini akan menurunkan hujan dengan izin Allah s.w.t.³²⁹ Bagi mengetahui jenis-jenis awan yang sesuai tersebut, pembaca boleh merujuk kepada proses pembenihan awan bagi menghasilkan hujan dengan lebih lanjut lagi kerana di sana perkara-perkara terperinci berkaitan dengannya akan diterangkan.³³⁰

h. Ayat 72

﴿أَنْتُمْ أَنْشَأْتُمْ شَجَرَتَهَا أَمْ نَحْنُ الْمُنْشِئُونَ﴾

Al-Wāqī'ah 56:72

Terjemahan: Kamukah yang menumbuhkan pokok kayunya, atau Kami yang menumbuhkannya?

Allah s.w.t. bertanya lagi kepada mereka yang mengingkari-Nya dengan soalan "Adakah kamu yang menumbuhkan pokok kayu (yang menghasilkan api itu) ataupun Kami yang menumbuhkannya? Perkataan

﴿أَنْشَأْتُمْ﴾ dan *fāṣilah* الْمُنْشِئُونَ adalah serasi dalam konteks asal perkataan

yang sama, iaitu *na -sha -a*. Allah s.w.t. mengeluarkan api daripada pepohonan hijau mana sifatnya amat bertentangan dengan sifat api itu

³²⁸ al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 14:6808.

³²⁹ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, *Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an*, 13:569.

³³⁰ Bacaan lanjut mengenai jenis-jenis awan yang sesuai bagi menghasilkan hujan boleh diperolehi dalam Muhammad Kamil Abdusshamad, *Mukjizat Ilmiah dalam al-Qur'an*, 109.

sendiri. Justeru, Maha Kuasa Allah s.w.t. dalam menghidupkan kembali apa sahaja daripada bahan-bahan yang telah hancur terpisah-pisah.³³¹

Penjelasan tambahan:

Fāṣilah pada ayat ke-59 (الْحَاقِقُونَ), ayat ke-64 (الزَّارِعُونَ), ayat ke-69

(الْمُنْزِلُونَ) dan ayat ke-72, iaitu (الْمُنْشِقُونَ) kesemuanya adalah berbentuk

jamak. Penggunaan bentuk jamak ini mengisyaratkan dua perkara iaitu pertama, menunjukkan kekuasaan dan kebesaran Allah s.w.t. dalam melaksanakan perbuatan tersebut. Kedua adalah menunjukkan di sana terdapat para malaikat yang ditugaskan oleh Allah s.w.t. dalam melaksanakan proses kejadian-kejadian yang telah dijelaskan seperti kejadian manusia, penumbuhan tanaman, penurunan hujan dan penumbuhan pohon yang menghasilkan api.³³² Inilah rahsia dan keindahan disebalik penggunaan lafaz-lafaz yang terdapat pada *fāṣilah*.

Terdapat sebilangan ulama' seperti al-Ṣābūnī³³³ dan Basiyūnī 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd³³⁴ mengelaskan contoh-contoh *Ṭasḍīr* yang dinyatakan seperti di atas ini tergolong dalam *Jinās Ishtiqāq*.³³⁵ Justeru, adakah kesemua ini bersifat bertentangan? Apakah penjelasannya? Bagi merungkai persoalan-persoalan ini, hubungan antara *Ṭasḍīr* dan *Jinās Ishtiqāq* diperhalusi dan dinilai.

Berdasarkan kajian, didapati bahawa hubungan antara kedua-duanya adalah bersifat set dan sub-set, iaitu umum dan khusus yang tidak berlawanan ataupun saling bertentangan. *Ṭasḍīr* bersifat khusus manakala *Jinās Ishtiqāq*

³³¹ al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 14:6811.

³³² Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, *Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an*, 13: 56

³³³ Muhammad 'Ali al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Tafāsīr*, 3:308.

³³⁴ Basiyūnī 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, *'Ilm al-Badi': Dirāsah Tārikhiyah wa Fanniyah li Uṣūl al-Balāghah wa Masā'il al-Badi'*, 289-292.

³³⁵ Kemiripan dari sudut kata dasar yang sama.

adalah bersifat umum. Kesemua *Ṭasdīr* adalah *Jinās Ishtiqaq* dan tidak semua *Jinās Ishtiqaq* adalah *Ṭasdīr*. *Jinās Ishtiqaq* yang melibatkan *fāṣilah* sahaja adalah *Ṭasdīr*. Contoh ayat berikut adalah *Ṭasdīr* dan juga *Jinās Ishtiqaq*:

إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ

Al-Wāqī'ah 56:1

Terjemahan: Apabila berlaku hari kiamat itu.

Ayat di atas dikira *Ṭasdīr* dan juga *Jinās Ishtiqaq* kerana dua perkara. Pertama perkataan *الْوَاقِعَةُ* dan *وَقَعَتِ* adalah dari satu akar kata yang sama iaitu *wa-qa-'a*.

Kedua ialah, satu daripada perkataan yang saling berkaitan tersebut berada di kedudukan *fāṣilah* iaitu perkataan *الْوَاقِعَةُ*.

Berikut pula merupakan contoh melibatkan *Jinās Ishtiqaq* sahaja iaitu:

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرْبِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ

Al-Baqarah 2: 276

Terjemahan: Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa.

Perkataan *الرِّبَا* dan *يُرْبِي* adalah berasal daripada perkataan yang sama, iaitu *ribā*

yang dikelaskan sebagai *Jinās Ishtiqaq*. Namun begitu, ia bukanlah *Ṭasdīr* kerana tidak melibatkan kedudukan *fāṣilah*.

4.2.2.2 *al-Takrār*

al-Takrār bermaksud mengulang sesuatu perkataan ataupun sesuatu yang sinonim bagi menetapkan makna, iaitu *taqrīr*. *al-Takrār* juga yang bermaksud mengungkap sesuatu secara berturut-turut, sama ada dua kali mahupun lebih ataupun mengungkapkan sesebuah makna secara berulang-ulang dengan lafaz yang berbeza.³³⁶ Analisis ini memfokuskan kepada pengulangan lafaz sahaja ataupun disebut sebagai *al-Takrār al-Lafẓiy* yang meliputi pengulangan perkataan dalam sesebuah ayat.

- a. Pengulangan perkataan namun diselangi dengan 'ما'.

Berikut adalah ayat-ayat yang dipetik daripada Surah al-Wāqī'ah:

فَأَصْحَبُ الْمِئْمَنَةِ مَا أَصْحَبُ الْمِئْمَنَةِ ﴿٨﴾

Al-Wāqī'ah 56:8,

Terjemahan: Iaitu puak pihak kanan; alangkah bahagianya keadaan puak pihak kanan itu?

وَأَصْحَبُ الْمَشْأَمَةِ مَا أَصْحَبُ الْمَشْأَمَةِ ﴿٩﴾

Al-Wāqī'ah 56:9,

Terjemahan: Dan puak pihak kiri; alangkah seksanya keadaan puak pihak kiri itu?

وَأَصْحَبُ الْيَمِينِ مَا أَصْحَبُ الْيَمِينِ ﴿٢٧﴾

Al-Wāqī'ah 56:27,

Terjemahan: Dan puak kanan, alangkah bahagianya keadaan puak kanan itu?

³³⁶ Khalid bin 'Uthman, *Qawa'id fī al-Tafsīr, Jam'an wa Dirāsah*, 701.

وَأَصْحَابُ الشِّمَالِ مَا أَصْحَابُ الشِّمَالِ ﴿٤١﴾

Al-Wāqī'ah 56:41

Terjemahan: Dan puak kiri, alangkah seksanya keadaan puak kiri itu?

Berdasarkan petikan-petikan ayat yang disediakan didapati bahawa *fāṣilah* di keempat-empat ayat tersebut merupakan pengulangan perkataan yang terdapat sebelumnya. Tujuan pengulangan di sini adalah untuk menunjukkan sesuatu yang besar dan agung.³³⁷ Gaya pertanyaan yang diajukan menerusi lafaz 'ما' dan pengulangan perkataan-perkataan pada kelompok masing-masing mengandungi isyarat tentang kedudukan mereka yang amat mengagumkan bagi kelompok kanan manakala amat menyedihkan bagi kelompok kiri.³³⁸

b. Pengulangan perkataan.

Ayat-ayat berikut memaparkan pengulangan yang melibatkan perkataan sahaja iaitu:

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ ﴿١٠﴾

Al-Wāqī'ah 56:10

Terjemahan: Dan (puak yang ketiga pula ialah) orang-orang yang telah mendahului (dalam mengerjakan kebaikan di dunia), – yang akan mendahului (mencapai balasan yang sebaik-baiknya di akhirat kelak).

³³⁷ al-Zarkashi, *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, 3:17.

³³⁸ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:546.

إِلَّا قِيلًا سَلَامًا سَلَامًا ﴿٥٦﴾

Al-Wāqī'ah 56:26

Terjemahan: Mereka hanya mendengar ucapan:
"Selamat! Selamat!" (dari satu kepada yang lain).

Pengulangan perkataan السَّيِّقُونَ adalah tinggi nilainya berbanding pengulangan dalam bentuk yang telah dijelaskan dahulu. Ini adalah amat wajar kerana golongan pendahulu adalah lebih tinggi daripada golongan kanan. Golongan pendahulu ini akan sentiasa terkehadapan dan akan tiba sebelum yang lainnya.³³⁹

Pengulangan perkataan, سَلَامًا سَلَامًا dalam ayat tersebut bukan sahaja untuk maksud pengukuhan ucapan, iaitu *taqrīr*, tetapi ia juga bagi mengisytiharkan berulangnya kesejahteraan itu dari semasa ke semasa kerana silih bergantinya anugerah Allah s.w.t. ke atas mereka secara berterusan, iaitu *al-Istimrār wa al-Dawām*.³⁴⁰

4.2.2.3 *Ṭibāq*

Ṭibāq bermaksud berhimpunnya dua perkataan dalam satu ayat yang setiap perkataan tersebut adalah saling berlawanan dari segi maknanya.³⁴¹ Ayat-ayat yang memaparkan *Ṭibāq* dalam satu ayat yang sama dalam Surah al-Wāqī'ah adalah seperti berikut:

³³⁹ *Ibid.*, 13:548.

³⁴⁰ *Ibid.*, 13:552.

³⁴¹ Basiyūni 'Abd al-Fattāḥ Fayyūd, *ʿIlm al-Badiʿ: Dirāsah Tārikhiyah wa Fanniyah li Uṣūl al-Balāghah wa Masāil al-Badiʿ*, 144.

حَافِظَةٌ رَّافِعَةٌ ﴿٥٦﴾

Al-Wāqī'ah 56:3

Terjemahan: Kejadian hari kiamat itu merendahkan (golongan yang ingkar), dan meninggikan (golongan yang taat).

dan,

قُلْ إِنَّ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ ﴿٥٧﴾

Al-Wāqī'ah 56:49

Terjemahan: Katakanlah (kepada mereka): “Sesungguhnya orang-orang yang telah lalu dan orang-orang yang terkemudian.

Ṭibāq dalam ayat di atas menggambarkan keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat-ayatnya. Maksud perkataan رَّافِعَةٌ, iaitu meninggikan adalah berlawanan dengan maksud perkataan حَافِظَةٌ, iaitu merendahkan. Manakala lafaz الْأَوَّلِينَ, iaitu golongan awal adalah berlawanan dengan وَالْآخِرِينَ, iaitu golongan akhir. Keadaan *Ṭibāq* ini menunjukkan pertalian secara berlawanan antara kedua-dua perkataan tersebut dengan bentuk maknawi dalam sesuatu ayat.

4.2.3 Keserasian *Fāṣilah* dengan *Fāṣilah* Selepasnya

Bahagian ini akan memaparkan keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya seperti yang terdapat dalam Surah al-Wāqī'ah. Menerusi analisa yang dijalankan, didapati bahawa *Ṭibāq* dan *al-Takrār* merupakan *qarīnah* yang menjelaskan jenis keserasian *fasilah* tersebut. Berikut disertakan jadual bagi mendapatkan gambaran umum berkaitan keserasian *fasilah* dengan dengan *fāṣilah* selepasnya, dan penjelasan yang lebih terperinci untuk setiap ayat akan menyusuli kemudiannya:

Jadual 4.2: Keserasian *Fāṣilah* dengan *Fāṣilah* Selepasnya dalam Surah al-Wāqī'ah³⁴²

Jenis Keserasian	No.	Bentuk Keserasian	<i>Qarīnah</i>	No. Ayat Terlibat
Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Selepasnya	1.	Bersifat Maknawi	<i>Ṭibāq</i>	8 dengan 9, 13 dengan 14, 39 dengan 40.
	2.	Bersifat Nyata	<i>al-Takrār</i>	90 dengan 91.

Penjelasan secara terperinci adalah seperti berikut.

4.2.3.1 *Ṭibāq*

Ṭibāq juga dapat menunjukkan keserasian *fāṣilah* sesebuah ayat dengan *fāṣilah* ayat selepasnya daripada konteks makna. Ditemukan keserasian melibatkan *Ṭibāq* dalam Surah al-Wāqī'ah menerusi ayat-ayat yang disenaraikan di muka surat sebelah.

³⁴² Bagi ayat yang berturut-turut dalam Surah al-Wāqī'ah.

Pertama,

فَأَصْحَبُ الْمُيْمَنَةِ مَا أَصْحَبُ الْمُيْمَنَةِ ۝ وَأَصْحَبُ

الشَّعْمَةِ مَا أَصْحَبُ الشَّعْمَةِ ۝

Al-Wāqī'ah 56:8 dan 9

Terjemahan: Iaitu puak pihak kanan; alangkah bahagiannya keadaan puak pihak kanan itu? Dan puak pihak kiri; alangkah seksanya keadaan puak pihak kiri itu?

Kedua,

ثَلَاثَةٌ مِّنَ الْأَوَّلِينَ ۝ وَقَلِيلٌ مِّنَ الْآخِرِينَ ۝

Al-Wāqī'ah 56:13 dan 14,

Terjemahan: (Di antaranya) sekumpulan besar dari umat-umat manusia yang terdahulu Dan sebilangan kecil dari orang-orang yang datang kemudian.

dan ketiga,

ثَلَاثَةٌ مِّنَ الْأَوَّلِينَ ۝ وَثَلَاثَةٌ مِّنَ الْآخِرِينَ ۝

Al-Wāqī'ah 56:39 dan 40.

Terjemahan: Iaitu sebilangan besar dari orang-orang yang terdahulu, Dan sebilangan besar dari orang-orang yang datang kemudian.

Perkataan الْمُيْمَنَةِ berlawanan dengan الشَّعْمَةِ pada ayat ke-8 dan ke-9. Manakala

perkataan الْأَوَّلِينَ berlawanan pula dengan perkataan الْآخِرِينَ pada ayat ke-13 dan

ke-14 serta ayat ke-39 dan ke-40. Keadaan ini seolah-olah menggambarkan ia

sebagai berpasang-pasangan. Saling mempunyai keserasian antara *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya secara maknawi.

4.2.3.2 *al-Takrār*

Ditemukan *al-Takrār* yang memaparkan keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya secara berturutan dalam Surah al-Wāqī'ah seperti berikut:

إِنْ كَانَ مِنْ أَصْحَابِ الْيَمِينِ ﴿٩٠﴾ فَسَلِّمْ لَكَ مِنْ أَصْحَابِ الْيَمِينِ ﴿٩١﴾

Al-Wāqī'ah 56: 90 dan 91

Terjemahan: Dan jika ia dari puak kanan, Maka (akan dikatakan kepadanya):” Selamat sejahtera kepadamu, (kerana engkau) dari puak kanan”.

Pengulangan pada *fāṣilah* ayat ke-90 dan ayat ke-91 di atas adalah menggambarkan keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya. Perkataan '*al-Yamīn*' diulang secara berturut-turut pada *fāṣilah* juga menggambarkan kesatuan tentang perkara yang sedang dibicarakan. Selain itu ia turut mengandungi makna penekanan dan galakan yang hebat terhadap perkara tersebut.³⁴³ Keserasian menerusi *al-Takrār* amat jelas dan nyata dipaparkan antara ayat.

³⁴³ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:584.

4.2.4 Keserasian *Fāṣilah* yang Sama dalam Satu Surah

Bahagian ini akan memaparkan keserasian *fāṣilah* yang sama seperti yang terdapat dalam Surah al-Wāqī'ah. Bentuk ini menjurus kepada pengulangan *fāṣilah* yang sama pada sesebuah ayat, namun kedudukannya tidak berturut-turut dalam surah. Menerusi analisis yang dijalankan, *al-Takrār* merupakan satu-satunya *qarīnah* yang menjelaskan jenis keserasian ini dalam bentuk yang nyata. Berikut merupakan petikan-petikan ayat-ayat yang berkaitan untuk memaparkan keserasian *fāṣilah* yang sama dalam Surah al-Wāqī'ah menerusi jadual terlibat. Penjelasan yang lebih terperinci untuk setiap ayat akan disusuli selepasnya:

Jadual 4.3: Keserasian *Fāṣilah* yang Sama dalam Surah al-Wāqī'ah³⁴⁴

Jenis Keserasian	No.	Bentuk Keserasian	<i>Qarīnah</i>	No. Ayat Terlibat
Keserasian <i>Fāṣilah</i> yang Sama dalam Surah	1.	Bersifat Nyata	<i>al-Takrār</i>	12 dengan 89, 13 dengan 39, 14 dengan 40, 27 dengan 38, 74 dengan 96.

³⁴⁴ Bagi pengulangan yang terdapat antara ayat namun tidak berturutan kedudukannya dalam Surah al-Wāqī'ah.

4.2.4.1 *al-Takrār*

al-Takrār iaitu pengulangan, turut juga mampu menjelaskan keserasian antara *fāṣilah* yang sama dalam sesebuah surah. Kadangkala *fāṣilah* yang sama ini datang secara berturutan dalam sesebuah susunan surah seperti yang pernah didapati dalam ulasan lepas. Namun ada juga yang datang secara berselerak antara ayat-ayat yang lain dalam surah berkenaan, bahagian ini akan menjelaskan keserasian tersebut beserta tujuannya.

a. Pengulangan جَنَّاتِ النَّعِيمِ

فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿١٢﴾

Al-Wāqī'ah 56: 12

Terjemahan: (Tinggal menetap) di dalam Syurga-syurga yang penuh nikmat.

dan

فَرَوْحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّتِ النَّعِيمِ ﴿٨٩﴾

Al-Wāqī'ah 56: 89

Terjemahan: Maka dia memperoleh ketenteraman dan rezeki serta syurga (yang penuh) kenikmatan.

Pengulangan *fāṣilah* yang sama dalam satu surah mengisyaratkan kepada persamaan topik yang disentuh oleh sesuatu ayat dalam sesebuah surah.

Perhatikan perkataan جَنَّاتِ النَّعِيمِ dan نَعِيمٍ pada dua ayat yang berbeza di atas.

Meskipun terdapat perbezaan dalam kedudukan ayat, namun apabila

diteliti kedua-duanya membicarakan golongan yang sama iaitu berkaitan golongan *Muqarrabūn* (*al-Sābiqūn*). Demikianlah keserasian yang wujud dalam *fāṣilah* yang sama untuk sesebuah surah.

Di samping itu, perlu dijelaskan di sini bahawa pengulangan ke atas *fāṣilah* yang sama semata-mata tanpa perkataan-perkataan lain yang turut mempunyai persamaan, iaitu dalam perkataan tunggal, tidak dapat mengisyaratkan kepada kesatuan topik ataupun isu yang disentuh. Persamaan *fāṣilah* yang menunjukkan persamaan topik memerlukan juga kepada persamaan lain-lain perkataan yang terdapat dalam ayat yang diwakilinya dan juga konteks ayat yang berkaitan.

Contoh yang dipaparkan sebelum ini, iaitu ayat ke-12 dan ke-89 adalah amat ketara. Kedua-dua ayat tersebut, selain ditutup dengan *fāṣilah* yang sama, ia juga turut disokong dengan perkataan lain yang turut juga sama iaitu, perkataan 'جَنَّتْ'. Perhatikan pula contoh-contoh berikut

ini:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا

أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ ﴿٦٨﴾ إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

أُولَئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ ﴿٦٩﴾

Al-Bayyinah 98: 6-7

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab dan orang-orang musyrik itu akan ditempatkan di dalam neraka Jahannam, kekalah mereka di dalamnya. Mereka itulah sejahat-jahat makhluk. Sesungguhnya orang-orang yang beriman

dan beramal soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk.

Kedua-dua contoh di atas adalah dalam lingkungan topik ataupun tema yang sama. Ayat ke-6 dan ke-7 daripada Surah al-Bayyinah adalah sama perkataan *fāṣilah*nya iaitu, *الْبَرِيَّةُ*. Ayat ke-6 menjelaskan bahawa, seburuk-

buruk makhluk adalah mereka yang ingkar terhadap Allah s.w.t. Merekalah iaitu, golongan ahli kitab dan musyrikin yang ditempatkan kekal di Neraka Jahannam. Ayat ke-7 pula menjelaskan, sebaik-baik makhluk adalah orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Perhatikan, kedua-dua ayat adalah berkisar tentang makhluk yang dijadikan oleh Allah s.w.t. cuma kategorinya berbeza. Persamaan lain-lain perkataan dalam ayat terlibat mengisyaratkan bahawa ia dibawah lingkungan topik ataupun tema yang sama.³⁴⁵

Contoh berikutnya

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا

يَرَهُ ﴿٨﴾

Al-Zalzalah 99: 7-8

Terjemahan: Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!

³⁴⁵ Terdapat dua jenis *qarinah* dalam ayat tersebut bagi menunjukkan keserasian . Pertamanya ialah, *al-Takrar* dan kedua pula *Tibaq*. *Shar al-Bariyyah* berlawanan dengan maksud *Khayr al-Bariyyah*.

Fāṣilah dalam ayat ke-7 dan ke-8 daripada Surah al-Zalzalah adalah daripada perkataan yang sama, iaitu *يَرَهُ*. Kedua-dua ayat tersebut turut mengisyaratkan kepada lingkungan perbahasan topik yang sama iaitu peristiwa *Ḥisāb*, perhitungan amalan. Ayat ke-7 berkenaan pengiraan amalan baik manakala ayat ke-8 berkisar tentang pengiraan amalan buruk. Kedua-dua *fāṣilah* disokong dengan empat perkataan yang sama dalam ayat-ayat di atas iaitu perkataan (مِنْ), (يَعْمَلُ), (مِثْقَالِ) dan (ذَرَّةً). Perkara ini memastikan bahawa kedua-duanya adalah terkumpul dalam topik yang sama.³⁴⁶

Sekiranya hanya terdapat satu sahaja persamaan iaitu pada *fāṣilah* sahaja tanpa disokong dengan lain-lain perkataan yang sama dalam ayat, maka hubungan antara kedua-dua *fāṣilah* adalah longgar untuk mengisyaratkan kepada persamaan topik. Kaitan yang longgar itu disebabkan *fāṣilah* hanya terikat daripada sudut lafaz sahaja. Perkaitan dalam bentuk persamaan lafaz tunggal untuk mengisyaratkan kepada konteks ataupun topik yang sama adalah sukar. Ini kerana bahasa Arab adalah suatu bahasa yang luas, kadangkala satu lafaz dapat memberikan banyak makna. Justeru, pengulangan tersebut mestilah disokong dengan perkataan-perkataan lain yang turut sama berulang dalam sesebuah ayat dan juga persamaan konteks perlu juga diperhatikan.

³⁴⁶ Dalam contoh ini juga terdapat dua *qarīnah* yang menjelaskan keserasian *fāṣilah* tersebut secara serentak. Selain *al-Takrār*, *Ṭibāq* turut juga terlibat iaitu dalam perkataan *khairan yarah* dan *sharran yarah*.

b. Pengulangan مِّنَ الْآخِرِينَ

وَقَلِيلٌ مِّنَ الْآخِرِينَ ﴿١٤﴾

Al-Wāqī'ah 56: 14

Terjemahan: Dan sebilangan kecil dari orang-orang yang datang kemudian.

dan

وَكَثِيرٌ مِّنَ الْآخِرِينَ ﴿٤٠﴾

Al-Wāqī'ah 56: 40

Terjemahan: Dan sebilangan besar dari orang-orang yang datang kemudian.

Hubungan keserasian adalah nyata menerusi pengulangan perkataan pada *fāṣilah* dan perkataan yang sebelumnya. Kedua-duanya menceritakan berkaitan golongan yang datang kemudian menerusi ayat ke-14 dan ayat ke-40 Surah al-Wāqī'ah.

c. Pengulangan أَصْحَابِ الْيَمِينِ

وَأَصْحَابِ الْيَمِينِ مَا أَصْحَابِ الْيَمِينِ ﴿٢٧﴾

Al-Wāqī'ah 56: 27

Terjemahan: Dan puak kanan, alangkah bahagianya keadaan puak kanan itu?

dan

لَا صَحْبَ الْيَمِينِ ﴿٣٨﴾

Al-Wāqī'ah 56: 38

Terjemahan: Untuk golongan kanan.

Kedua-dua ayat di atas jelas menjurus kepada satu perbahasan yang sama, iaitu berkaitan أَصْحَابُ الْيَمِينِ. Meskipun kedudukan antara ayat adalah saling berbeza iaitu satu pada kedudukan ayat ke-27 dan satu lagi pada ayat ke-38, namun persamaan pada *fāṣilah* dan perkataan sebelumnya mengisyaratkan kedua-duanya menyentuh isu yang sama.

d. Pengulangan Keseluruhan Ayat yang Tidak Berturutan

Bahagian ini menjelaskan bahawa terdapat pengulangan melibatkan keseluruhan ayat namun pengulangan tersebut adalah tidak berturutan. Ayat-ayat yang terlibat dengan pengulangan keseluruhan ini adalah seperti di sebelah:

Pertama.

ثَلَاثَةٌ مِنَ الْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾

Al-Wāqī'ah 56:13

Terjemahan: (Di antaranya) sekumpulan besar dari umat-umat manusia yang terdahulu.

ثَلَاثَةٌ مِّنَ الْأَوَّلِينَ ﴿٣٩﴾

Al-Wāqī'ah 56:39

Terjemahan: Iaitu sebilangan besar dari orang-orang yang terdahulu.

Kedua.

فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ ﴿٧٤﴾

Al-Wāqī'ah 56:74

Terjemahan: Oleh yang demikian – (wahai orang yang lalai) – bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu Yang Maha Agung (sebagai bersyukur akan nikmat-nikmatNya itu).

فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ ﴿٩٦﴾

Al-Wāqī'ah 56:96

Terjemahan: Oleh itu, bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu Yang Maha Agung.

Ayat-ayat di atas memaparkan keserasian dalam bentuk pengulangan keseluruhan, bagaimanapun susunannya adalah tidak saling berturutan. Pengulangan ini bertujuan sebagai pengukuhan. Contohnya ayat ke-74 dan ayat ke-96, setelah Allah s.w.t. menjelaskan pelbagai aspek kekuasaan-Nya dalam ayat-ayat sebelum itu terhadap orang-orang kafir, maka Allah s.w.t. mengaitkan pula perbicaraannya dengan Nabi Muhammad s.a.w. Ia adalah perintah untuk bertasbih dengan nama Tuhan yang Maha Agung. Pengulangan tersebut bertujuan untuk menolak segala macam penyifatan atau perbuatan yang tidak bersesuaian dengan kebesaran Allah s.w.t. seperti penyekutuan dengan sesuatu yang lain, atau kelemahan untuk membangkitkan manusia yang telah mati.³⁴⁷ Terdapat juga dalam surah ini *fāṣilah* ayat menggunakan perkataan عَظِيم, sebagaimana berikut:

وَأَنَّهُ لَقَسَمٌ لِّوَيْتَعْلَمُونَ عَظِيمٌ ﴿٧٦﴾

³⁴⁷ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:572.

Terjemahan: Dan sebenarnya sumpah itu adalah sumpah yang besar, kalaulah kamu mengetahuinya.

Ayat tersebut menjelaskan bahawa bersumpah dengan tempat-tempat bintang itu adalah suatu perkara yang besar. Ayat ke-76 itu juga tidak menjurus dalam pembicaraan topik yang sama seperti penjelasan ayat ke-74 dan ayat ke-96 sebelum ini. *Fāṣilah* ayat ke-76 tidak disokong dengan perkataan lain yang sama sebelum *fāṣilah*. Ayat ke-76 ini juga tidak membincangkan perintah agar bertasbih dengan nama Tuhan yang Maha Agung. Perkataan '*aẓīm*' dalam *fāṣilah* ayat ini menjelaskan bahawa sumpah dengan tempat-tempat bintang adalah suatu perkara yang sangat besar. Mengapa sumpah ini disebut sumpah yang sangat besar? Hanya Allah sahaja yang tahu. Bagaimanapun apabila difikirkan seandainya bintang-bintang dan planet-planet yang ada dalam sistem tatasuria ini terkeluar daripada orbitnya maka sudah tentu planet akan bertembung antara satu dengan lainnya, maka berlakulah kehancuran besar dan dunia akan kiamat.³⁴⁸

³⁴⁸ Zulkifli Mohd Yusoff dan Ahmad Hasan Farhat, *Tafsir Mawdui' Surah-surah Pilihan*, 222.

4.2.5 Keserasian *Fāṣilah* Keseluruhannya dalam Satu Surah

Bahagian ini akan memaparkan keserasian *fāṣilah* secara keseluruhannya seperti yang terdapat dalam Surah al-Wāqī'ah. Menerusi analisis yang dijalankan, didapati bahawa kesepadanan keseluruhan bunyi menerusi huruf yang mudah untuk diwaqafkan bacaan dan *Miḥwar*, adalah dua jenis *qarīnah* yang menjelaskan keserasian *fāṣilah* di atas. Jadual berikut adalah gambaran umum berkaitan keserasian *fāṣilah* secara keseluruhannya dalam Surah al-Wāqī'ah. Penjelasan untuk setiap ayat akan disusuli selepasnya.

Jadual 4.4: Keserasian *Fāṣilah* Keseluruhannya dalam Surah al-Wāqī'ah

Jenis Keserasian	No.	Bentuk Keserasian	<i>Qarīnah</i>	No. Ayat Terlibat	Perincian
Keserasian <i>Fāṣilah</i> Keseluruhannya	1.	Bersifat Nyata	Kesepadanan keseluruhan bunyi ³⁴⁹	Semua ayat. (1-96)	Di akhiri dengan huruf: a. ؤ = 10 ayat. b. ا = 8 ayat. c. د/ب = 4 ayat. d. ن/م = 73 ayat. e. ل = 1 ayat.

³⁴⁹ Pemilihan huruf yang terakhir pada kalimah *fāṣilah* yang bercirikan mudah untuk memberhentikan bacaan padanya, iaitu mewaqafkan bacaan.

4.4. Sambungan.

Jenis Keserasian	No.	Bentuk Keserasian	Qarīnah	No. Ayat Terlibat	Perincian
Keserasian <i>Fāṣilah</i> Keseluruhannya	2.	Bersifat Maknawi	<i>Miḥwar</i>	a. 1-6 b. 7-57 c. 58-74 d. 75-82 e. 83-87 f. 88-96	Mendukung tema asas iaitu perihal Hari Kiamat, golongan manusia pada waktu tersebut beserta balasan yang diterima masing-masing.

4.2.5.1 Kesepaduan Keseluruhan Bunyi

Kesepadanan keseluruhan bunyi *fāṣilah* sesebuah surah bermaksud keserasian rima yang terdapat antara *fāṣilah* al-Qur'an dalam sesebuah surah. Keadaan ini menggambarkan keserasian keseluruhan *fāṣilah* dalam surah dan selanjutnya memberi kesan yang mendalam terhadap maksud yang ingin disampaikan kepada para pendengar.³⁵⁰ Kajian ke atas 96 ayat daripada Surah al-Wāqī'ah ini mendapati bahawa rima *fāṣilah* surah ini adalah secocok meskipun huruf-hurufnya adalah pelbagai. Penjelasannya adalah seperti berikut:

- a. Sepuluh *fāṣilah* yang huruf akhirnya adalah *tā' al-Marbūṭah*.

الْمِمْنَةِ	ثَلَاثَةِ	رَافِعَةِ	كَادِبَةِ	الْوَاقِعَةِ
مَرْفُوعَةِ	مَمْنُوعَةِ	كَثِيرَةِ	مَوْضُوعَةِ	الْمَشْمَعَةِ

³⁵⁰ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:60.

- b. Lapan *fāṣilah* yang ditutup dengan salah satu huruf *mad* iaitu huruf *alif*.

رَجَا	بَسَا	مُنْبَثًا	تَأْتِيَمًا	سَلَمًا
إِنْشَاءً	أَبْكَارًا	أَتْرَابًا		

- c. Empat *fāṣilah* yang ditutup dengan satu daripada huruf-huruf *qalqalah*, iaitu huruf *dal* dan huruf *ba'*.

مَحْضُودٌ	مَنْضُودٌ	مَمْدُودٌ	مَسْكُوبٌ
-----------	-----------	-----------	-----------

- d. Sebanyak 73 *fāṣilah* yang ditutup dengan huruf *nūn* atau *mīm* dan ia merupakan majoriti dalam Surah al-Wāqī'ah ini.

السَّابِقُونَ	الْمُقَرَّبُونَ	النَّعِيمِ	الْأَوَّلِينَ	الْآخِرِينَ
مُتَقَبِّلِينَ	مُخَلَّدُونَ	مَعِينِ	يُنْزِفُونَ	يَتَخَيَّرُونَ
يَشْتَهُونَ	عَيْنِ	الْمَكُونِ	يَعْمَلُونَ	الْيَمِينِ
الْيَمِينِ	الْأَوَّلِينَ	الْآخِرِينَ	وَحَمِيمِ	تَحْمُومِ
كَرِيمِ	مُتَرَفِّينَ	الْعَظِيمِ	لَمَبْعُوثُونَ	الْأَوَّلُونَ

وَالْآخِرِينَ	مَعْلُوم	الْمُكَذِّبُونَ	رَقُوم	الْبَاطُونَ
الْحَمِيم	أَهْلِيم	الدِّين	تُصَدِّقُونَ	تُمنُونَ
الْخَالِقُونَ	بِمَسْبُوقِينَ	تَعْلَمُونَ	تَذْكُرُونَ	تَحْرُثُونَ
الزَّارِعُونَ	تَفْكَّهُونَ	لَمَغْرُمُونَ	مَحْرُومُونَ	تَشْرَبُونَ
الْمُنْزِلُونَ	تَشْكُرُونَ	تُورُونَ	الْمُنْشِئُونَ	لِلْمُقْوِينَ
الْعَظِيم	الْأَنجُوم	عَظِيم	كَرِيم	مَكُون
الْمُطَهِّرُونَ	الْعَالَمِينَ	مُدْهِنُونَ	تُكَذِّبُونَ	الْخُلُقُوم
تَنْظُرُونَ	تُبْصِرُونَ	مَدِينِينَ	صَادِقِينَ	الْمُقَرَّبِينَ
نَعِيم	الْيَمِينَ	الْيَمِينَ	الضَّالِّينَ	حَمِيم
حَمِيم	الْيَقِينَ	الْعَظِيم		

- e. Hanya sebuah *fāṣilah* sahaja yang ditutup dengan huruf *lam*.

وَأَصْحَابُ الشِّمَالِ مَا أَصْحَابُ الشِّمَالِ ﴿١٠﴾

Fāṣilah dalam Surah al-Wāqī'ah secara keseluruhannya adalah serasi. Ini kerana banyak *fāṣilah* yang huruf kedua sebelum akhirnya adalah terdiri daripada huruf *mad* dan *lin*, iaitu sama ada huruf *alif*, *waw* ataupun *ya*. Huruf-huruf tersebut menciptakan bacaan secara panjang di bahagian hujung ayat. Selain itu, ia membangkitkan suasana keharmonian rima berikutan corak perkataan yang terdapat pada *fāṣilah* sangat sesuai untuk dilagukan dan elok sekiranya mahu memberhentikan sesebuah bacaan.

4.2.5.2 *Miḥwar*

Miḥwar bermaksud pokok perbahasan surah. *Miḥwar* juga dikenali dengan nama lain, iaitu *hadaf* ataupun dalam bahasa Melayu disebut objektif.³⁵¹ Isu dan petikan-petikan yang disentuh dan terkandung dalam ayat sesebuah surah akan dikumpulkan di bawah payungan *mihwar* ini.³⁵² *Miḥwar* merupakan elemen keserasian *fāṣilah* yang melibatkan kelompok-kelompok ayat yang pelbagai dalam sesebuah surah.

Kesemua *fāṣilah* dalam kelompok masing-masing saling mendukung antara satu sama lain ke arah penyempurnaan makna ayat dan *miḥwar* sesebuah surah. Sebanyak enam *miḥwar* dalam Surah al-Wāqī'ah ini.³⁵³ Setelah

³⁵¹ Dr Mustafa Muslim menggabungkan penggunaan *hadaf* dan *miḥwar* dalam ertikata yang sama sewaktu beliau membahaskan isu objektif bagi surah-surah yang panjang dan pendek. Lihat Muṣṭafā Muslim, *Mabāhith fi al-Tafsir al-Mawdu'ī*, 47.

³⁵² *Miḥwar* terkenal kaitannya dengan Syed Quṭb. Sewaktu menjelaskan keserasian surah dalam al-Qur'an, dalam tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur'ān*, beliau menggunakan istilah *miḥwar* bagi merujuk kepada pokok perbahasan dalam sesebuah surah. Beliau juga terkenal dengan teori kesatuan tajuk-tajuk ataupun disebut sebagai, *al-Waḥdāt al-Mawḍū'īyyah* dalam menggambarkan keserasian surah al-Qur'an.

³⁵³ Penulis tidak mengikuti pendapat Syed Quṭb berkenaan pembahagian *miḥwar* untuk Surah al-Wāqī'ah ini. Syed Quṭb hanya menggariskan sebanyak 4 *miḥwar* yang pada anggapan penulis ia adalah terlalu umum dan kurang jelas dalam menggambarkan pokok-pokok perbincangan bagi surah ini. Empat *miḥwar* yang beliau telah gariskan untuk surah ini ialah, pertama akhirat, kedua adalah menyanggah para pendusta dan para peragu Hari Kiamat. Ketiga, aqidah yang benar, iaitu dalam hal penciptaan manusia, tumbuhan, air dan api. Terakhirnya yang keempat ialah wahyu dan al-Qur'an. Syed Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, 6:3461-3462.

menyelusuri ayat demi ayat, dan meneliti isu-isu yang dibahasakan, maka *miḥwar* bagi Surah al-Wāqī'ah adalah seperti berikut:

- a. *Miḥwar* pertama, hal keadaan Hari Kiamat. Ayat yang terlibat adalah daripada ayat pertama hingga ayat ke-6.

Bermula ayat pertama,	إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ ﴿١﴾
Hingga ayat ke-6.	فَكَأَنْتَ هَبَاءٌ مُنَبِّئًا ﴿٦﴾

- b. *Miḥwar* kedua, pembahagian manusia kepada tiga golongan di akhirat kelak beserta balasan yang diterima untuk setiap golongan. Ayat ke-7 hingga ayat ke-57.

Bermula ayat ke-7,	وَكُنْتُمْ أَزْوَاجًا ثَلَاثَةً ﴿٧﴾
Hingga ayat ke-57.	فَخُنْ خَلَقْنَكُمْ فَلَوْلَا تُصَدِّقُونَ ﴿٥٧﴾

- c. *Miḥwar* ketiga, iaitu berkaitan bukti-bukti kewujudan Allah s.w.t., keesaan dan kesempurnaan penguasaan-Nya dalam hal-hal penciptaan manusia, tumbuhan, air dan api. Terangkum dalam ayat ke-58 hingga ayat ke-74.

Bermula ayat ke-58,	أَفَرَأَيْتُمْ مَا تُمْنُونَ ﴿٥٨﴾
Hingga ayat ke-74.	فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ ﴿٧٤﴾

- d. *Miḥwar* keempat, penerangan berkaitan keagungan dan ketinggian al-Qur'an. Terangkum dalam ayat ke-75 hingga ayat ke-82.

Bermula ayat ke-75,	فَلَا أُقْسِمُ بِمَوَاقِعِ النُّجُومِ ﴿٧٥﴾
Hingga ayat ke-82.	وَجَعَلُونَ رِزْقَكُمْ أَنْكُمْ تَكْذِبُونَ ﴿٨٢﴾

- e. *Miḥwar* kelima, berkenaan suasana menjelang kematian. Ayat ke-83 hingga ayat ke-87 menjelaskan tentangnya.

Bermula ayat ke-83,	فَلَوْلَا إِذَا بَلَغَتِ الْحُلُقُومَ ﴿٨٣﴾
Hingga ayat ke-87.	تَرْجِعُونَهَا إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٨٧﴾

- f. *Miḥwar* ke-6 dan terakhir, iaitu penjelasan secara ringkas berkenaan tiga golongan yang telahpun disebut di awal surah tadi. Terangkum penjelasan tersebut daripada ayat ke-88 hingga ayat ke-96.

Bermula ayat ke-88,	فَأَمَّا إِنْ كَانَ مِنَ الْمُقَرَّبِينَ ﴿٨٨﴾
Hingga ayat ke-96.	فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ ﴿٩٦﴾

4.3 Surah al-Fath

Bahagian ini akan menerangkan berkaitan Surah al-Fath yang meliputi pengenalan surah, *munāsabāt* dan juga tema yang terkandung dalam surah.

4.3.1 Pengenalan Surah

Surah al-Fath adalah tergolong dalam surah *Madaniyyah* yang mana keseluruhan ayat-ayatnya adalah *Madaniyyah* secara ijmak.³⁵⁴ Surah al-Fath mengandungi 29 ayat³⁵⁵ dan diturunkan selepas Surah al-Jumu'ah.³⁵⁶ Surah ini diturunkan pada tahun ke-6 Hijrah sekembalinya Nabi s.a.w. dari Hudaibiyah.³⁵⁷ Surah al-Fath merupakan sebuah surah daripada jenis *al-Mathāni*, iaitu surah-surah yang mengandungi kurang daripada seratus ayat.³⁵⁸ Terletak dikedudukan surah yang ke-48 dalam susunan *Muṣḥaf 'Uthmāniy* dan terkandung dalam juz ke-26 al-Qur'an. Surah al-Fath ini terletak selepas Surah Muḥammad dan sebelum Surah al-Ḥujurāt.

Nama al-Fath iaitu kemenangan diambil daripada perkataan *fa-ta-ha* yang terdapat pada ayat pertama surah dan namanya ini sudah dikenal sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. lagi. Sebahagian besar ayat-ayat dalam surah ini menerangkan hal-hal kemenangan yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w dan kaum muslimin.³⁵⁹

³⁵⁴ 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī bin Muḥammad al-Jawzi, *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*, 7:198.

³⁵⁵ Disepakati oleh kesemua *qurra'* bahawa jumlah bilangan ayat bagi surah ini adalah 29. Lihat Hamdi Izzat 'Abd Hafiz, *Dirāsāt fī 'Ilmi Fawāṣil: Idd Āyi al-Qur'ān*, 18.

³⁵⁶ al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 13: 6427.

³⁵⁷ Sayyid Muhammad Alawi al-Maliki, *Tarikh al-Hawadith wa al-Aḥwal al-Nabawiyah*, Terj. Muḥadir Haji Joll (Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2014), 166.

³⁵⁸ al-Zarkashi, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:248.

³⁵⁹ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:165.

4.3.1.1 *Munāsabāt* Surah

Surah al-Faṭḥ ini mempunyai keserasian dengan surah sebelum dan selepasnya sebagaimana berikut:

- a. *Munāsabāt* al-Faṭḥ dengan surah sebelumnya, iaitu Surah Muḥammad.

Kedua-dua surah ini mempunyai persamaan dalam penyebutan berkaitan orang mu'min, orang yang ikhlas, orang munafik dan orang musyrik. Selain itu juga, terdapat dalam Surah Muḥammad perintah supaya bertaubat, sedangkan dalam Surah al-Faṭḥ ini disebutkan tentang pengampunan.³⁶⁰

- b. *Munāsabāt* al-Faṭḥ dengan surah selepasnya, iaitu Surah al-Ḥujurāt.

Surah al-Faṭḥ ada menyebutkan tentang memerangi orang kafir, manakala dalam Surah al-Ḥujurāt menyebutkan tentang memerangi kaum pemberontak. Kedua-dua surah ini mengandungi penghormatan terhadap Rasulullah s.a.w. terutamanya pada awal surah. Pada bahagian akhir Surah al-Faṭḥ disebutkan tentang orang yang beriman dan pada bahagian awal Surah al-Ḥujurāt dimulakan dengan seruan kepada orang-orang yang beriman.³⁶¹

4.3.1.2 Tema

Tema utama Surah al-Faṭḥ ialah berita gembira kepada orang-orang Islam tentang kemenangan yang bakal mereka perolehi setelah Perdamaian Hudaibiyah serta kemenangan-kemenangan lain sesudahnya. Surah ini juga mengandungi penjelasan berkaitan keutamaan yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada

³⁶⁰ al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 13:6427.

³⁶¹ *Ibid.*, 13:6841.

Nabi Muhammad s.a.w. dan orang-orang beriman yang mendukung perjuangan baginda. Di samping itu, dijelaskan juga kecaman terhadap kuffar dan munafik serta pembongkaran sikap sebenar mereka.³⁶²

4.3.2 Keserasian *Fāṣilah* dengan Kandungan Ayat

Bahagian ini akan memaparkan keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat yang terdapat dalam Surah al-Faṭḥ. Kajian mendapati bahawa *al-Taṣḍīr*, *al-Tamkīn* dan *Ṭibāq* merupakan *qarīnah* yang menjelaskan jenis keserasian *fasilah* tersebut. Berikut adalah jadual bagi mendapatkan gambaran berkaitan keserasian fasilah dengan kandungan ayat dalam Surah al-Faṭḥ ini, penjelasan terperinci berkaitan ayat-ayat terlibat akan disusuli selepasnya:

Jadual 4.5: Keserasian *Fāṣilah* dengan Kandungan Ayat dalam Surah al-Faṭḥ

Jenis Keserasian	No.	Bentuk Keserasian	<i>Qarīnah</i>	No. Ayat Terlibat
Keserasian Fasilah dengan Kandungan Ayat	1.	Bersifat Nyata	<i>al-Taṣḍīr</i>	21.
	2.	Bersifat Maknawi	<i>al-Tamkīn</i>	4, 5, 7, 14, 19, 21, 24, 26, 28.
	3.	Bersifat Maknawi	<i>Ṭibāq</i>	8, 9.

4.3.2.1 *al-Taṣḍīr*

Terdapat hanya satu *al-Taṣḍīr* dalam Surah al-Faṭḥ yang dikenalpasti menerusi kajian ini. Ayat yang terlibat adalah seperti berikut:

³⁶² Muḥammad Ṭāhir bin Muḥammad bin Muḥammad Ṭāhir bin 'Ashūr al-Tunisi, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (Tunis: Dār al-Tunisiyyah li al-Nashr, 1984), 26:142.

وَأُخْرَى لَمْ تَقْدِرُوا عَلَيْهَا قَدْ أَحَاطَ اللَّهُ بِهَا وَكَانَ اللَّهُ عَلَى

كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرًا ﴿٢١﴾

Al-Fath 48:21

Terjemahan: Dan ada lagi harta rampasan lain yang kamu belum dapat menguasainya, (tetapi) Allah telah memelihara harta itu dengan kekuasaanNya (untuk kamu mendapatnya); dan (ingatlah), Allah adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Perkataan *taqdirū* dalam ayat adalah mempunyai kata dasar yang sama dengan perkataan *qadīrā*, iaitu *qa-da-ra*. Persamaan ini menunjukkan sebuah bentuk keserasian yang nyata menerusi perkongsian kata dasar yang sama antara *fāṣilah* dengan kandungan ayat terlibat.

4.3.2.2 *al-Tamkīn*

al-Tamkīn bermaksud memperkukuh. *Fāṣilah* ayat berkaitan menguatkan lagi penyampaian yang telah dibentangkan sebelumnya dalam ayat berkenaan.³⁶³ *al-Tamkīn* dikelaskan dalam kelompok *Qarīnah Ma'nawīyyah* kerana berfungsi untuk menjelaskan hikmah di sebalik ayat yang didatangkan dan mengukuhkan pengertiannya. *al-Tamkīn* turut dikenali juga dengan *Tashābuh al-Aṭrāf* iaitu, kemiripan di bahagian hujung yang mengumpulkan dua perkara serasi dan berhubungan dengan tanpa wujudnya pertentangan.³⁶⁴

a. Ayat 4.

³⁶³ al-Zarkashi, *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, 1:79.

³⁶⁴ Lihat Basiyuni Abd al-Fattah Fayyud, '*Ilm al-Badi': Dirasah Tārikhiyah wa Fanniyah li Usūl al-Balaghah wa Masā'il al-Badi*', 157.

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا

إِيمَانًا مَعَ إِيْمَانِهِمْ ۖ وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ وَكَانَ

اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٤﴾

Al-Fath 48:4

Terjemahan: (Tuhan yang membuka jalan kemenangan itu) Dia lah yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya mereka bertambah iman dan yakin beserta dengan iman dan keyakinan mereka yang sedia ada, pada hal Allah menguasai tentera³⁶⁵ langit dan bumi (untuk menolong mereka), dan Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Ayat tersebut ditutup dengan merujuk sifat Allah s.w.t. iaitu, *'Alīm* dan *Hakīm*. Penutup ayat yang digunakan itu, adalah serasi dengan kandungan yang telah disampaikan dalam ayat tanpa ada pertentangan maksud. Keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat dapat difahami menerusi konteks penjelasan berikut:

Allah s.w.t. bersifat *'Alīm* bermaksud sesungguhnya Allah s.w.t. Maha Mengetahui dalam sebab-sebab kemenangan, dan pertolongan kepada kaum muslimin meskipun pada waktu itu mereka masih lemah. Allah s.w.t. juga Maha Mengetahui tentang apa yang menteteramkan hati-hati kaum muslimin setelah menghadapi ujian (Perjanjian Hudaibiyah). Di samping itu, Allah s.w.t. Maha Bijaksana mengatur sesuatu mengikut

³⁶⁵ Penolong-penolong yang dijadikan Allah untuk orang-orang mukmin seperti malaikat, jin, haiwan-haiwan, ribut taufan, gempa dan sebagainya. Muhammad 'Ali al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Taḥsīn*, 3:216.

ilmu-Nya dalam meletakkan sesuatu itu tepat pada masanya dan sesuai pada waktunya.³⁶⁶

b. Ayat 5.

لِيُدْخِلَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

خَالِدِينَ فِيهَا يُكْفَرُ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ³⁶⁷ وَكَانَ ذَلِكَ عِنْدَ اللَّهِ

فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٥﴾

Al-Fath 48:5

Terjemahan: (Allah melakukan yang demikian) supaya ia memasukkan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dengan keadaan kekal mereka di dalamnya, serta menghapuskan dosa-dosa mereka; dan adalah yang demikian itu pada sisi Allah merupakan kejayaan yang besar (untuk mereka).

Ayat tersebut ditutup dengan penjelasan *fawzān 'aẓīmā* yang bermaksud, keuntungan yang besar. Penutup ayat tersebut memberikan kepada kita suatu gambaran bahawa, janji untuk ditempatkan ke dalam syurga berserta kenikmatannya dan dihapuskan segala dosa kesalahan itu ke atas orang-orang mukmin lelaki dan wanita merupakan suatu anugerah yang besar.³⁶⁷

Penutup ayat tersebut adalah serasi dengan penjelasan awalnya yang menerangkan janji Allah s.w.t. kepada orang mukmin dan mukminat balasan syurga dan diampunkan segala dosa dan kesalahan mereka.

³⁶⁶ Ibn 'Ashūr al-Tunīsi, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, 26:149.

³⁶⁷ 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī bin Muḥammad al-Jawzi, *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*, 7:203.

c. Ayat 7.

وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ وَكَانَ اللَّهُ غَنِيًّا حَكِيمًا ﴿٧﴾

Al-Fath 48:7

Terjemahan: Dan Allah menguasai tentera langit dan bumi (untuk menyeksa orang-orang yang derhaka); dan Allah adalah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.

Penutup ayat ke-7 adalah berlawanan dengan penutup ayat ke-4³⁶⁸ yang dijelaskan sebelum ini. Pada penutup ayat ke-7 ini, Allah s.w.t. menghuraikan sifat-Nya sebagai '*Azīz*' semasa menjelaskan bala tentera-Nya yang berada di langit dan di bumi. Ini merupakan ancaman, balasan buruk dan kehancuran terhadap orang-orang munafik dan musyrikin.³⁶⁹ Penyeksaan yang bersumberkan *al-'Azīz*, iaitu Maha Perkasa Allah s.w.t. ini pastilah amat pedih dan tidak dapat dibendung lagi.

Manakala penyertaan sifat *Hakīm*, iaitu Maha Bijaksana Allah s.w.t. adalah untuk menjelaskan bahawa penyiksaan itu terlaksana ke atas kelompok yang wajar menerimanya dan sesuai pada masanya.³⁷⁰ Demikianlah keserasian yang disampaikan menerusi *al-Tamkīn* bagi menzahirkan hubungan *fāṣilah* dengan kandungan ayatnya.

d. Ayat 14.

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ يَغْفِرُ لِمَن يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَن

يَشَاءُ ۚ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٤﴾

³⁶⁸ Penutup ayat ke-4 adalah mengisytarkan khabar gembira iaitu, kepada kemenangan Nabi s.a.w. dan kaum muslimin.

³⁶⁹ Ibn 'Ashūr al-Tunīsī, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, 26:154.

³⁷⁰ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:182

Al-Fath 48:14

Terjemahan: Dan (ingatlah juga bahawa) kuasa pemerintahan langit dan bumi adalah hak kepunyaan Allah, Ia berkuasa mengampunkan sesiapa yang dikehendakiNya, dan Ia juga berkuasa menyeksa sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Ayat tersebut di akhiri dengan penjelasan bahawa Allah s.w.t. itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Ia merupakan penguat bagi kandungan ayat tersebut serta menggambarkan keampunan dan rahmat Allah s.w.t. lebih dekat daripada azab seksa-Nya.³⁷¹

Ayat tersebut juga adalah saranan kepada golongan yang tidak berperang bersama Rasulullah s.a.w. agar mereka bertaubat dan kembali kepada perintah Allah s.w.t. serta patuh kepada Rasul-nya dan segera patuh kepada Allah s.w.t.³⁷²

e. Ayat 19.

وَمَغَانِمَ كَثِيرَةً يَأْخُذُونَهَا ۚ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا

Al-Fath 48:19

Terjemahan: Dan juga dengan banyak harta rampasan perang, yang mereka akan dapat mengambilnya. Dan (ingatlah), Allah adalah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.

Ayat tersebut ditutup dengan penjelasan bahawa Allah s.w.t. itu Maha Perkasa dan Maha Bijaksana. Maha Perkasa Allah s.w.t. dalam memenangkan kaum muslimin di Khaibar dan itu bukanlah sesuatu yang sukar bagi Allah s.w.t. Maha Bijaksana Allah s.w.t. ketika mengatur

³⁷¹ Ibn 'Ashūr al-Tunīsi, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, 26:166.

³⁷² al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 13:6446.

setiap urusan makhluk-Nya dengan menentukan keputusan yang Dia kehendaki ke atas mereka.³⁷³

Ayat di atas menerangkan bahawa kaum muslimin akan memperolehi banyak harta rampasan perang. Ini merujuk kepada Perang Khaibar, penguasaan atas kekayaannya dikurniakan oleh Allah s.w.t. sebagai balasan bagi mereka yang mengikut Perjanjian Hudaibiyah. Hal ini berlaku setelah 40 hari mereka kembali dari Hudaibiyah.³⁷⁴ Penggunaan lafaz '*maghānima*' iaitu kata jamak bagi '*ghanimah*' menggambarkan harta rampasan perang itu banyak bilangannya dan pelbagai pula jenisnya sebagai contoh harta benda, barang-barang perhiasan, binatang ternak dan juga ladang-ladang.³⁷⁵

f. Ayat 21.

وَأُخْرَى لَمْ تَقْدِرُوا عَلَيْهَا قَدْ أَحَاطَ اللَّهُ بِهَا وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ

كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرًا ﴿٢١﴾

Al-Fatḥ 48:21

Terjemahan: Dan ada lagi harta rampasan lain yang kamu belum dapat menguasainya, (tetapi) Allah telah memelihara harta itu dengan kekuasaanNya (untuk kamu mendapatnya); dan (ingatlah), Allah adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Ayat tersebut ditutup dengan penjelasan bahawa Allah s.w.t. adalah Maha Berkuasa di atas tiap-tiap sesuatu. Ia disertakan sebagai penutup setelah

³⁷³ Ibn 'Ashūr al-Tunīsī, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, 26:174.

³⁷⁴ Muḥammad al-Ghazālī, *Nahw Tafsīr Mawdū'i li Suwar al-Qur'an al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2011), 400.

³⁷⁵ al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 13:6458.

Allah s.w.t. menerangkan akan janjinya terhadap kaum muslimin berupa harta-harta rampasan perang yang lain.³⁷⁶

Allah s.w.t. menutup penjelasan ayat-Nya dengan menegaskan bahawa Dia akan memelihara harta-harta rampasan kaum muslimin dengan kekuasaan-Nya dan menghalang orang-orang lain selain daripada mereka, sehinggalah hanya mereka, iaitu kaum muslimin yang memperolehinya.³⁷⁷ Demikianlah keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat yang diwakilinya.

g. Ayat 24.

وَهُوَ الَّذِي كَفَّ أَيْدِيَهُمْ عَنْكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ عَنْهُمْ بِبَطْنِ مَكَّةَ مِنْ

بَعْدِ أَنْ أَظْفَرَكُمْ عَلَيْهِمْ ۚ وَكَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٢٤﴾

Al-Faṭḥ 48:24

Terjemahan: Dan Dia lah yang telah menahan tangan mereka (yang musyrik) daripada melakukan perkara yang buruk terhadap kamu, dan tangan kamu daripada berbuat demikian kepada mereka di kawasan Makkah, sesudah Ia menjadikan kamu dapat menewaskan mereka. Dan (ingatlah), Allah adalah Maha Melihat akan segala yang kamu kerjakan.

Ayat tersebut ditutup dengan penerangan bahawa Allah s.w.t. itu melihat tingkah laku dan situasi yang ditempuhi oleh orang muslimin. Dialah yang mengetahui *maṣlahah*, iaitu kebaikan untuk orang-orang mukmin.³⁷⁸

Ayat ini sesuai dengan penjelasan kandungan awalnya yang mana Allah s.w.t. menahan tangan-tangan pihak musyrikin Mekah daripada

³⁷⁶ Muhammad 'Ali al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Tafāsīr*, 3:216.

³⁷⁷ Quraish Shihab, *Tafsīr al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:203.

³⁷⁸ Muhammad 'Ali al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Tafāsīr*, 3:217.

membinasakan orang-orang Islam. Allah s.w.t. jugalah yang menahan tangan-tangan orang Islam daripada berperang dengan musyrikin dalam Kota Mekah, demi kesucian Tanah Haram daripada berlakunya pertumpahan darah. Maka sesudah itu Allah s.w.t. memenangkan pihak Islam menerusi Perjanjian Hudaibiyah. Kesemua perkara yang berlaku itu ditegaskan adalah dalam pemerhatian Allah s.w.t.³⁷⁹

h. Ayat 26.

إِذْ جَعَلَ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْحَمِيَّةَ حَمِيَّةَ الْجَاهِلِيَّةِ
فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ
وَأَلْزَمَهُمْ كَلِمَةَ التَّقْوَى وَكَانُوا أَحَقَّ بِهَا وَأَهْلَهَا وَكَانَ
اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٢٦﴾

Al-Fath 48:26

Terjemahan: (Ingatlah dan kenangkanlah ihsan Tuhan kepada kamu) ketika orang-orang yang kafir itu menimbulkan perasaan sombong angkuh yang ada dalam hati mereka (terhadap kebenaran Islam) – perasaan sombong angkuh secara Jahiliyah (yang menyebabkan kamu panas hati dan terharu), lalu Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman (sehingga tercapailah perdamaian), serta meminta mereka tetap berpegang kepada “Kalimah Taqwa”, sedang mereka (di sisi Allah) adalah orang-orang yang sangat berhak dengan “kalimah Taqwa” itu serta menjadi ahlinya. Dan (ingatlah), Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

³⁷⁹ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:207.

Ayat ke-26 ditutup dengan penjelasan bahawa Allah s.w.t. Maha Mengetahui tentang setiap sesuatu daripada rentetan peristiwa yang berlaku.³⁸⁰

Penutup tersebut mengukuhkan penyampaian kandungan yang telah diberikan sebelumnya, iaitu ketika Suhayl bin ‘Amr menolak daripada menulis ‘Muhammad Rasulullah’ dan ‘Basmalah’ sewaktu Perjanjian Hudaibiyah di metrai. Maka Allah s.w.t. menurunkan ketenteraman ke atas Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam untuk menerima perkara tersebut dan tidak mengasari orang-orang kafir. Pada masa yang sama juga, Allah s.w.t. menjadikan orang-orang Islam itu teguh dengan kalimah taqwa. Aturan-aturan sedemikian itu adalah bersumberkan Tuhan Yang Maha Mengetahui, iaitu Allah s.w.t.³⁸¹

i. Ayat 28.

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ

الدِّينِ كُلِّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾

Al-Fath 48:28

Terjemahan: (Allah yang menyatakan itu) Dia lah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad, s.a.w) dengan membawa hidayah petunjuk dan ugama yang benar (ugama Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala bawaan ugama yang lain; dan cukuplah Allah menjadi Saksi (tentang kebenaran apa yang dibawa oleh RasulNya itu).

³⁸⁰ al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 13:6469.

³⁸¹ *Ibid.*

Penutup ayat ke-28 tersebut merupakan pengiktirafan Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah sebagai utusan-Nya yang membawa petunjuk dan agama yang benar, iaitu Islam.³⁸² Ia juga merujuk kepada persaksian Allah s.w.t. bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah Rasul-Nya.³⁸³

Dalam konteks ini difahami bahawa penutup ataupun *fāṣilah* ayat - dan cukuplah Allah menjadi saksi- merupakan penguat bagi pernyataan sebelumnya iaitu pengiktirafan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai seorang rasul yang membawa petunjuk dan agama Islam yang benar.

4.3.2.3 *Ṭibāq*

Keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat-ayatnya seperti yang dipaparkan di bawah ini diikat menerusi *Ṭibāq*, iaitu kesebandingan. Perincian mengenainya adalah seperti berikut:

Pertama: Ayat ke-8

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٨﴾

Al-Faṭḥ 48:8

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah mengutusmu (wahai Muhammad) sebagai Rasul yang menjadi saksi (yang diterima keterangannya), dan sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar).

Allah s.w.t. menjelaskan dalam ayat ke-8 tersebut tujuan perutusan Nabi Muhammad s.a.w. dengan menyatakan 3 sifat, iaitu sebagai saksi, pembawa khabar gembira dan pemberi peringatan dan ancaman. Didahulukan sifat 'saksi' dalam ayat tersebut kerana ia berkait dan berhubungan dengan dua sifat selepasnya, iaitu pembawa berita gembira

³⁸² 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī bin Muḥammad al-Jawzī, *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*, 7:213.

³⁸³ Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Tafsīr*, 3:220.

dan pemberi peringatan.³⁸⁴ *Fāṣilah 'nazhirā'* bermaksud, 'memberi peringatan' agar meninggalkan amalan-amalan yang buruk adalah berlawanan dengan perkataan sebelumnya iaitu '*mubashshirā*' yang bermaksud pemberi berita gembira bagi yang menerima Islam dan mematuhi perintah Allah s.w.t. Demikianlah keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat yang dipaparkan menerusi *Ṭibāq*. Hubungan berbentuk maknawi ini terlaksana menerusi perkataan yang saling berlawanan seolah-olah saling menjelas antara satu sama lain daripada konteks maknanya.

Kedua adalah ayat ke-9:

لَتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ وَتُسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٩﴾

Al-Faṭḥ 48:9

Terjemahan: (Kami mengutusmu wahai Muhammad) supaya engkau dan umatmu beriman kepada Allah dan RasulNya, dan supaya kamu kuatkan ugamaNya serta memuliakanNya, dan supaya kamu beribadat kepadaNya pada waktu pagi dan petang.

Perkataan '*bukrah*' adalah perkataan berlawanan maksudnya dengan *fāṣilah* ayat berkenaan iaitu '*aṣīlā*'. *al-Bukrah* bermaksud waktu pagi, manakala perkataan '*aṣīlā*' merujuk pula kepada waktu petang. Keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat terzahir menerusi *Ṭibāq*. Mengulas

³⁸⁴ Saksi digunakan dalam menyampaikan kebenaran atau kesalahan sesuatu pihak. Justeru, saksi akan menjadi penyokong kepada kebenaran yang benar dan membuktikan kebatilan yang berlaku. Saksi ini juga turut membawa maksud Nabi s.a.w. menjadi saksi atas umat ini dalam pelaksanaan terhadap ajaran Islam, menjadi saksi bagi para Nabi dan para Rasul yang terdahulu terhadap penyampaian ajaran mereka kepada kaum masing-masing. Lihat Ibn 'Ashūr al-Tunīsi, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, 26:155.

berkaitan maksud perkataan '*bukratan wa aṣīlā*', ada yang menafsirkannya sebagai maksud sentiasa berterusan dan meliputi setiap masa.³⁸⁵

4.3.3 Keserasian *Fāṣilah* dengan *Fāṣilah* Selepasnya

Keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya seperti yang terdapat dalam Surah al-Faṭḥ adalah menerusi *al-Takrār*. Kajian mendapati hanya *al-Takrār* merupakan *qarīnah* yang memaparkan keserasian *fāṣilah* jenis tersebut dalam surah ini. Jadual berikut adalah bagi menggambarkan keserasian *fāṣilah* dengan dengan *fāṣilah* selepasnya, manakala penjelasan yang terperinci untuk ayat yang berkaitan akan menyusuli kemudiannya:

Jadual 4.6 Keserasian *Fāṣilah* dengan *Fāṣilah* Selepasnya dalam Surah al-Faṭḥ³⁸⁶

Jenis Keserasian	No.	Bentuk Keserasian	<i>Qarīnah</i>	No. Ayat Terlibat
Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Selepasnya	1.	Bersifat Nyata	<i>al-Takrār</i>	16 dengan 17.

4.3.3.1 *al-Takrār*

a. Ayat 16 dan 17

³⁸⁵ Ibn 'Ashūr al-Tunīṣī, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, 26:156 . Ibn 'Ashūr mentafsirkan perkataan tasbih dalam ayat di atas, dengan maksud bertasbih iaitu berzikir. Manakala Ibn Jawzi dalam kitabnya *Zād al-Masir* menyatakan perkataan tasbih dalam ayat tersebut sebagai solat fardhu yang lima. *Bukrah* merujuk kepada solat pada waktu pagi, iaitu fardhu Subuh dan *aṣīlā* merujuk kepada baki solat yang lainnya iaitu Zohor hingga ke Isyak. 7:204. al-Maraghi pula menjelaskan perkataan tasbih dalam pengertian makna yang umum, iaitu beribadah kepada Allah. al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 13:6439.

³⁸⁶ Keserasian dalam bahagian ini adalah berbentuk pengulangan yang berturutan pada susunan ayat-ayat dalam surah.

قُلْ لِلْمُخَلَّفِينَ مِنَ الْأَعْرَابِ سَتُدْعُونَ إِلَى قَوْمٍ أُولَىٰ بَأْسٍ
شَدِيدٍ تُقْتَلُونَ أَوْ يُسْلِمُونَ ۖ فَإِنْ تُطِيعُوا يُؤْتِكُمُ اللَّهُ أَجْرًا
حَسَنًا ۖ وَإِنْ تَوَلَّوْا كَمَا تَوَلَّيْتُمْ مِّن قَبْلُ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا



Al-Fath 48:16

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tidak turut berjuang (bersama-samamu) dari kalangan kaum-kaum Arab Badwi: “Kamu akan diajak menentang satu kaum (penceroboh) yang sangat kuat gagah supaya kamu memerangnya, atau mereka menurut perintah Islam (secara damai). Jika kamu taat (menjalankan perintah Allah ini), Allah akan mengurniakan kamu dengan balasan yang baik (di dunia dan akhirat), dan kalau kamu berpaling ingkar seperti keingkaran dahulu, nescaya Allah akan menyiksa kamu dengan azab yang tidak terperi sakitnya”.

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَىٰ حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى
الْمَرِيضِ حَرَجٌ ۖ وَمَن يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي
مِّن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۖ وَمَن يَتَوَلَّ يُعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٧﴾

Al-Fath 48:17

Terjemahan: Tidaklah menjadi salah kepada orang buta, dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang, dan tidaklah menjadi salah kepada orang sakit (tidak turut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya). Dan (ingatlah), sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkanNya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dan sesiapa yang berpaling ingkar, akan diseksaNya dengan azab yang tidak terperi sakitnya.

Selain daripada dua ayat di atas, terdapat juga ayat yang lain, iaitu ayat ke-25 daripada surah yang sama ditutup dengan *fāṣilah* 'adhāban alīmā' sepertimana berikut ini:

b. Ayat 25

هُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ
وَأَهْدَىٰ مَعَكُوفًا أَنْ يَبْلُغَ مَحَلَّهُ ۚ وَلَوْلَا رِجَالٌ مُّؤْمِنُونَ وَنِسَاءٌ
مُّؤْمِنَاتٌ لَّمَّ تَعْلَمُوهُمْ أَنْ تَطَّوَّهُمْ فِتْصِيبَكُمْ مِنْهُمْ مَّعَرَّةٌ
بِغَيْرِ عِلْمٍ ۖ لِيُدْخِلَ اللَّهُ فِي رَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ ۚ لَوْ تَزَيَّلُوا لَعَذَّبْنَا
الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٢٥﴾

Al-Fath 48:25

Terjemahan: Mereka itulah orang-orang yang kafir dan menghalang kamu daripada masuk ke masjid Al-Haram (Makkah Al-Mukarramah) serta (menyebabkan) binatang-binatang korban (yang kamu bawa): tertahan dari sampai ke tempat sembelihannya. Dan kalaulah tidak kerana kemungkinan kamu akan melakukan pembunuhan yang tidak sengaja terhadap beberapa orang yang beriman, lelaki dan perempuan, yang ada di antara orang-orang kafir itu, pada hal kamu tidak mengetahui mereka beriman, yang akibatnya kamu akan menanggung kesusahan dan dukacita disebabkan pembunuhan mereka, (tentulah diizinkan kamu menyerang kaum musyrik yang mengancam kamu itu). (Tetapi tidak diizinkan) kerana Allah hendak memasukkan sesiapa yang dikehendakiNya ke dalam rahmatNya. Kalaulah mereka (penduduk Makkah yang beriman dan yang musyrik) itu berpisahan (di antara satu puak dengan yang lain), tentulah Kami menyiksa orang-orang yang kafir dari mereka dengan seksa (di dunia) yang tidak terperi sakitnya.

Meskipun ayat ke-25 ini tidak berturutan dengan ayat ke-16 dan ayat ke-17, namun terdapat keserasian yang terjalin lantaran *fāṣilah* turut ditutup dengan perkataan yang sama, iaitu 'adhāban

alīmā'. Keserasian yang terpapar adalah pengulangan lafaz yang sama. Persamaan tersebut mengisyaratkan kepada keserasian isi yang sama, iaitu perihal azab yang amat pedih.

Azab yang amat pedih itu akan dikenakan oleh Allah s.w.t. ke atas sesiapa yang berpaling ingkar kepada Allah s.w.t. dengan tidak mahu keluar berjihad meskipun tanpa sebarang keuzuran dan juga orang-orang yang menghalang jalan Allah s.w.t.³⁸⁷

4.3.4 Keserasian *Fāṣilah* yang Sama dalam Satu Surah

Keserasian *fāṣilah* yang sama dalam Surah al-Faṭḥ adalah menjurus dalam bentuk *al-Takrār* juga. *al-Takrār* dalam bahagian ini adalah pengulangan *fāṣilah* yang sama dalam sesebuah ayat namun kedudukan ayat-ayat tersebut tidak berturut-turut dalam surah. Penjelasan berkenaan keserasian jenis ini dibuat menerusi jadual berikut, dan penjelasan yang terperinci untuk setiap ayat yang berkaitan disusuli dengan penerangan selepasnya:

Jadual 4.7: Keserasian *Fāṣilah* yang Sama dalam Surah al-Faṭḥ³⁸⁸

Jenis Keserasian	No.	Bentuk Keserasian	<i>Qarīnah</i>	No. Ayat Terlibat
Keserasian <i>Fāṣilah</i> yang Sama dalam Surah	1.	Bersifat Nyata	<i>al-Takrār</i>	16, 17 dan 25. 2 dan 20. 4, 7 dan 19. 5, 10 dan 29. 18 dan 27.

³⁸⁷ Orang-orang kafir yang menghalang kaum muslimin daripada memasuki Mekah untuk menunaikan umrah pada tahun ke-6 Hijrah tersebut. al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, 13: 6447.

³⁸⁸ Bagi pengulangan yang terdapat antara ayat namun tidak berturutan kedudukannya dalam Surah al-Faṭḥ.

4.3.4.1al-Takrār

a. Ayat 25

Bagi ayat yang ke-25 ini, keserasiannya telah dijelaskan bersekali dengan penerangan keserasian ayat ke-16 dan ke-17 sebelum ini.

b. Ayat 2 dan 20

لِيَغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ

عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا ﴿٢٥﴾

Al-Fath 48:2

Terjemahan: Kemenangan yang dengan sebabnya Allah mengampunkan salah dan silapmu yang telah lalu dan yang terkemudian, dan menyempurnakan nikmatNya kepadamu, serta menambahkanmu hidayah ke jalan yang lurus (dalam mengembangkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya).

وَعَدُكُمُ اللَّهُ مَغَانِمَ كَثِيرَةً تَأْخُذُونَهَا فَعَجَّلَ لَكُمْ هَذِهِ

وَكَفَّ أَيْدِيَ النَّاسِ عَنْكُمْ وَلِتَكُونَ آيَةً لِلْمُؤْمِنِينَ وَيَهْدِيَكُمْ

صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا ﴿٢٠﴾

Al-Fath 48:20

Terjemahan: (Sebagai memuliakan orang-orang yang memberi pengakuan taat setianya di Hudaibiyah, Tuhan menunjukan firmanNya kepada mereka): Allah menjanjikan kepada kamu harta rampasan yang banyak yang kamu akan mengambilnya, lalu Ia menyegerakan untuk kamu harta rampasan perang ini, serta Ia telah menahan tangan manusia (pihak musuh di situ) daripada menyerang kamu; (Allah melakukan yang demikian supaya kamu beroleh manfaat) dan supaya menjadi tanda (yang membuktikan kebenaran janjiNya) bagi orang-orang yang beriman, dan juga supaya Ia menambahkan kamu hidayah ke jalan yang lurus.

Kedua-dua ayat diatas ditutup dengan *fāṣilah* yang sama iaitu, '*ṣirāṭān mustaqīmā*'. Persamaan tersebut mengisyaratkan kepada keserasian yang

berbentuk persamaan topik. Jalan yang lurus tersebut dalam *'sirāṭān mustaqīmā'* adalah merujuk kepada agama Islam.³⁸⁹ Kedua-duanya adalah *khitāb* kepada orang-orang yang beriman. Pertamanya merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan keduanya pula, ditujukan kepada kaum muslimin yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. dengan harta rampasan perang yang banyak.

c. Ayat 4, ayat 7 dan ayat 19

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا
مَعَ إِيْمَانِهِمْ ۖ وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا
حَكِيمًا

Al-Fath 48:4

Terjemahan: (Tuhan yang membuka jalan kemenangan itu) Dia lah yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya mereka bertambah iman dan yakin beserta dengan iman dan keyakinan mereka yang sedia ada; pada hal Allah menguasai tentera langit dan bumi (untuk menolong mereka); dan Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا

Al-Fath 48:7

Terjemahan: Dan Allah menguasai tentera langit dan bumi (untuk menyeksa orang-orang yang derhaka); dan Allah adalah Maha Perkasasa, lagi Maha Bijaksana.

³⁸⁹ Hussein bin Muhammad al-Damighani, *Iṣḥāḥ al-Wujūh wa al-Naẓāir fī al-Qur'an al-Karīm*, 278.

وَمَغَانِمَ كَثِيرَةً يَأْخُذُونَهَا وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا

Al-Fath 48:19

Terjemahan: Dan juga dengan banyak harta rampasan perang, yang mereka akan dapat mengambilnya. Dan (ingatlah), Allah adalah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.

Keserasian dalam ketiga-tiga *fasilah* di atas adalah menerusi persamaan lafaznya, iaitu '*ḥakīmā*'. Persamaan lafaz '*ḥakīmā*' ini mengisyaratkan kepada sesuatu yang sama, iaitu Allah s.w.t. menjelaskan sifat diri-Nya yang Maha Bijaksana. Maha Bijaksana Allah s.w.t. dalam menetapkan segala sesuatu itu pada tempat yang sesuai. Berdasarkan ketiga-tiga ayat di atas dapat difahami bahawa Allah s.w.t. menjelaskan hikmah-Nya dalam konteks yang pelbagai.³⁹⁰

Allah s.w.t. mendatangkan sifat '*alīm*' bersama sifat '*ḥakīm*' sewaktu menerangkan perkara berkaitan orang-orang Islam. Perkara ini memberi penjelasan bahawa Allah s.w.t. Maha Mengetahui dalam mengatur dengan bijaksana-Nya cara-cara untuk memberikan kemenangan kepada orang-orang Islam, meskipun pada waktu itu mereka dalam keadaan yang lemah. Anugerah kemenangan itu adalah wajar kerana mereka taat dan memohon permohonan daripada Allah s.w.t.

Manakala itu dalam ayat ke-7 dan ayat ke-19, Allah s.w.t. mendatangkan pula sifat '*azīz*' bersama sifat '*ḥakīm*,' iaitu Maha Perkasa Allah s.w.t. dalam mengazab dan menyeksa kaum musyrikin dan munafiqin dengan siksaan yang amat pedih. Kepedihan azab tersebut

³⁹⁰ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13:182.

adalah wajar kerana kederhakaan dan penentangan mereka terhadap Allah s.w.t. dan rasul-Nya.³⁹¹

d. Ayat 10, ayat 29 dan 5

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ
أَيْدِيهِمْ ۖ فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا
عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٠﴾

Al-Fath 48:10

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad – untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ ۚ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ
بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا
سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ ۚ ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِي
التَّوْرَةِ ۚ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَرَرَجٍ أَخْرَجَ شَطْرُهُ فَفَازَهُ
فَاسْتَعْظَمَ فَاسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوْقِهِ ۚ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ
الْكُفَّارَ ۚ وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ
مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

³⁹¹ Ibid., 13:183-184.

Terjemahan: Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaanNya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat muka mereka – dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengkagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, s.a.w dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana Ia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki – dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar.

Kedua-dua ayat di atas iaitu ayat 10 dan 29 ditutup dengan *fāṣilah* yang sama iaitu dengan lafaz '*ajran 'aẓīmā*,' yang bermaksud ganjaran yang besar. Setelah diteliti kedua-dua ayat tersebut merupakan janji-janji balasan baik yang akan dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada orang-orang beriman dan taat. Keserasian antara *fāṣilah* adalah dalam bentuk pengulangan lafaz yang sama.

Selain itu, terdapat juga dalam surah ini ayat lain yang turut ditutup dengan *fāṣilah 'aẓīmā'* sebagaimana berikut ini:

لِيَدْخُلَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَالِدِينَ فِيهَا وَيُكَفَّرُ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ ۚ وَكَانَ ذَلِكَ عِنْدَ اللَّهِ

فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٥٠﴾

Al-Fath 48:5

Terjemahan: (Allah melakukan yang demikian) supaya ia memasukkan orang-orang yang beriman – lelaki dan perempuan – ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dengan keadaan kekal mereka di dalamnya, serta menghapuskan dosa-dosa mereka; dan adalah yang demikian itu pada sisi Allah merupakan kejayaan yang besar (untuk mereka).

Keserasian yang dapat dikaitkan menerusi ketiga-tiga *fāṣilah* ayat tersebut yang ditutup dengan perkataan '*aẓīmā*' adalah, kesemua *khiṭāb* menyentuh perihal orang-orang Islam. Ayat ke-10 menceritakan orang-orang mukmin yang berjanji setia kepada Nabi Muhammad s.a.w. Di samping itu, ayat ke-29 pula turut menjelaskan berkaitan orang-orang mukmin yang beramal soleh, begitu juga dalam ayat yang ke-5. Jesteru menerusi konteks ini, persamaan *fāṣilah* dapat mengisyaratkan kepada sesuatu persamaan sebagai sebuah bentuk keserasian.

e. Ayat 18 dan 27

﴿لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ
الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَبَهُمْ

فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

Al-Fath 48:18

Terjemahan: Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyah); maka (dengan itu)

ternyata apa yang sedia diketahuinya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu Ia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka, dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya.

لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ الرُّؤْيَا بِالْحَقِّ لَتَدْخُلَنَّ الْمَسْجِدَ
الْحَرَامَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ ءَامِنِينَ مُخْلِقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا
تَخَافُونَ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِنْ دُونِ ذَلِكَ فَتْحًا
قَرِيبًا

Al-Fath 48:27

Terjemahan: Demi sesungguhnya! Allah tetap menyatakan benar RasulNya dalam perkara mimpi itu dengan kenyataan yang sebenar; iaitu sesungguhnya kamu tetap akan memasuki Masjid Al-Haraam – in sya Allah (pada masa yang ditentukanNya) – dalam keadaan aman (menyempurnakan ibadat umrah kamu) dengan mencukur kepala kamu, dan kalau (tidak pun) menggunting sedikit rambutnya, serta kamu tidak merasa takut (akan pengkhianatan musuh sehingga kamu keluar balik dari situ). (Allah mengangguhkan berlakunya kenyataan itu) kerana Ia mengetahui (adanya feadah dalam penangguhan itu) yang kamu tidak mengetahuinya; maka Ia menyediakan sebelum (terlaksananya mimpi) itu, satu kemenangan yang dekat (masa berlakunya).

Pengulangan *fāṣilah* mengisyaratkan kepada tajuk yang sama, iaitu anugerah kemenangan kepada kaum muslimin. Kemenangan yang hampir dalam ayat ke-18 tersebut adalah merujuk kepada kemenangan Khaibar.³⁹² Sementara itu, dalam ayat ke-27 pula terdapat dua pendapat berkaitan kemenangan yang dimaksudkan. Pertamanya adalah kemenangan Khaibar

³⁹² 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī bin Muḥammad al-Jawzī, *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*, 7:208.

dan kedua pula perjanjian Hudaibiyah.³⁹³ Namun begitu kedua-dua pendapat tersebut dapat dirangkumkan dalam erti kemenangan. Kemenangan Khaibar adalah jelas manakala perjanjian Hudaibiyah disifatkan sebagai suatu kemenangan kerana, perjanjian tersebut membolehkan orang-orang Islam memasuki Mekah dalam keadaan aman. Sekiranya tanpa perjanjian tersebut, maka orang-orang Islam tidak dapat memasuki Mekah kecuali dengan jalan berperangan.³⁹⁴

4.3.5 Keserasian *Fāṣilah* Keseluruhannya dalam Satu Surah

Bahagian ini memaparkan keserasian *fāṣilah* secara keseluruhannya untuk Surah al-Fatḥ. Kajian mendapati bahawa, kesepadanan keseluruhan bunyi dan *Miḥwar* adalah dua jenis *qarīnah* yang dapat menjelaskan keserasian *fāṣilah* di atas. Jadual berikut adalah gambaran berkaitan keserasian *fāṣilah* secara keseluruhannya dalam Surah al-Fatḥ manakala, penjelasan untuk setiap ayat akan disusuli selepasnya.

Jadual 4.8: Keserasian *Fāṣilah* Keseluruhannya dalam Surah al-Fatḥ

Jenis Keserasian	No.	Bentuk Keserasian	<i>Qarīnah</i>	No. Ayat Terlibat	Perincian
Keserasian <i>Fāṣilah</i> Keseluruhannya	1.	Bersifat Nyata	Kesepadanan keseluruhan bunyi	Semua ayat. (1-29)	Keseluruhan <i>fāṣilah</i> beriltizam dengan baris atas, iaitu <i>fatḥah</i> .
	2.	Bersifat Maknawi	<i>Miḥwar</i>	a. 1-4 b. 5-10 c. 11-17	Mendukung tema asas iaitu berita gembira kepada orang-orang Islam tentang kemenangan yang bakal

³⁹³ *Ibid.*, 7:214.

³⁹⁴ Quraish Shihab, *Tafsir al-Miṣbāḥ*, Pesan, Kesan Keserasian al-Qur'an, 13: 213-214.

				d. 18-24 e. 25-26 f. 27-28 g. 29.	mereka perolehi setelah Perdamaian Hudaibiyah dan kemenangan-kemenangan lain sesudahnya.
--	--	--	--	--	--

4.3.5.1 Kesepaduan Keseluruhan Bunyi

Kesepaduan keseluruhan bunyi dan kesepadanan rima jelas ketara dalam keseluruhan *fāṣilah* Surah al-Fatḥ ini. Surah ini banyak ditutup pada *fāṣilah*nya dengan nama-nama Allah s.w.t. dan juga sifat-sifat-Nya. Keseluruhan *fāṣilah* dalam surah ini beriltizam dengan huruf *alif* yang berbaris atas. Natijahnya ia memberi kesan bacaan panjang sewaktu hendak memberhentikan pembacaan. Perkara tersebut membolehkan para pembaca bertadabbur tentang isi yang ingin disampaikan oleh ayat menerusi rima-rima secocok yang dibentuk oleh *fāṣilah*. Inilah keserasian keseluruhan bunyi dari konteks *fāṣilah* yang terdapat dalam surah. Perinciannya adalah seperti berikut:

عَظِيمًا	حَكِيمًا	عَزِيزًا	مُسْتَقِيمًا	مُبِينًا
عَظِيمًا	وَأَصِيلًا	وَنَذِيرًا	حَكِيمًا	مَصِيرًا
قَلِيلًا	رَحِيمًا	سَعِيرًا	بُورًا	خَبِيرًا
مُسْتَقِيمًا	حَكِيمًا	قَرِيبًا	أَلِيمًا	أَلِيمًا

قَدِيرًا	نَصِيرًا	تَبْدِيلًا	بَصِيرًا	أَلِيمًا
عَلِيمًا	قَرِيبًا	شَهِيدًا	عَظِيمًا	

4.3.5.2 *Miḥwar*

Miḥwar merupakan elemen keserasian *fāṣilah* yang melibatkan kelompok-kelompok ayat yang pelbagai dalam sesebuah surah. Kesemua *fāṣilah* dalam kelompok masing-masing saling mendukung antara satu sama lain ke arah penyempurnaan makna ayat dan *miḥwar* sesebuah surah. Setelah menyelusuri ayat demi ayat, dan meneliti isu-isu yang dibahaskan, maka *miḥwar* bagi Surah al-Fath yang dikenalpasti dalam kajian ini bilangannya adalah tujuh³⁹⁵ seperti berikut:

- Miḥwar* pertama: Khabar gembira bagi Nabi Muhammad s.a.w. tentang kemenangan dan kejayaan Islam. Ayat yang terlibat adalah daripada ayat pertama hingga ayat ke-4.

Bermula ayat pertama,	إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾
Hingga ayat ke-4.	هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لَيَزِيدُوا إِيمَانًا مَعَ إِيْمَانِهِمْ ۖ وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ

³⁹⁵ Bagi menentukan *miḥwar* untuk Surah al-Fath ini, penulis sekali lagi tidak mengikuti pembahagian yang dikemukakan oleh Syed Qutb dalam tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur'ān* kerana pada hemat penulis *miḥwar* yang beliau telah gariskan adalah terlalu umum. Beliau hanya meletakkan 5 *miḥwar* sebagaimana berikut: Pertama, janji kemenangan. Kedua, baiah dan pembongkaran sikap sebenar orang-orang enggan berjihad. Ketiga adalah pelepasan bagi orang-orang yang uzur untuk berjihad. Keempat adalah ancaman terhadap kuffar dan terakhir, iaitu pujian kepada Rasul s.a.w. dan para sahabat baginda. Lihat Syed Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, 6:3306-3307.

	وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٠﴾
--	--

- b. *Miḥwar* kedua: Janji Allah s.w.t. terhadap orang mukmin dan ancaman terhadap orang kafir serta orang munafik. Terangkum perbahasannya dari ayat ke-5 hingga ayat ke-10.

Bermula ayat ke-5,	لِيَدْخُلَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَيُكَفَّرُ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ ۚ وَكَانَ ذَلِكَ عِنْدَ اللَّهِ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٥﴾
Hingga ayat ke-10.	إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ ۚ فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَمَنَّا أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٠﴾

- c. *Miḥwar* ketiga: Kecaman terhadap orang yang enggan pergi berjihad dan pelepasan bagi orang-orang uzur untuk ke medan jihad. Dijelaskan menerusi ayat ke-11 hingga ayat ke-17.

Bermula ayat ke-11,	سَيَقُولُ لَكَ الْمُخَلَّفُونَ مِنَ الْأَعْرَابِ شَغَلَتْنَا أَمْوَالُنَا وَأَهْلُونَا فَاسْتَغْفِرْ لَنَا يَقُولُونَ بِأَلْسِنَتِهِمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ ۚ قُلْ فَمَنْ يَمْلِكُ لَكُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا ۚ إِنَّ أَرَادَ بِكُمْ ضَرًّا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ نَفْعًا ۚ بَلْ كَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١١﴾
Hingga ayat ke-17.	لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَىٰ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا

	عَلَى الْمَرِيضِ حَرَجٌ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَنْ يَتَوَلَّ يُعَذَّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٧﴾
--	---

- d. *Miḥwar* keempat: Keredhaan Allah s.w.t. terhadap orang mukmin yang berbaiah kepada Rasulullah s.a.w. di bawah pohon. Begitu juga dengan janji kemenangan, pertolongan di dunia dan balasan syurga di akhirat nanti. Disentuh dan diterangkan menerusi ayat ke-18 hingga ayat ke-24.

Bermula ayat ke-18,	لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَنْثَبَهُم فَتَحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾
Hingga ayat ke-24.	وَهُوَ الَّذِي كَفَّ أَيْدِيَهُمْ عَنْكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ عَنْهُمْ بِبَطْنِ مَكَّةَ مِنْ بَعْدِ أَنْ أَظْفَرَكُمْ عَلَيْهِمْ وَكَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٢٤﴾

- e. *Miḥwar* kelima: Ancaman terhadap orang kafir dan pembongkaran perilaku buruk mereka. Perkara tersebut dijelaskan menerusi ayat ke-25 dan ayat ke-26.

Bermula ayat ke-25,	هُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَالْهَدْيَ مَعْكُوفًا أَنْ يَبْلُغَ حِلَّهُ ۚ وَلَوْلَا رِجَالُ مُؤْمِنُونَ وَنِسَاءُ مُؤْمِنَاتٌ لَمْ تَعْلَمُوهُمْ أَنْ تَطَّؤُهُمْ فَتُصِيبَكُمْ مِنْهُمْ مَعَرَّةٌ بِغَيْرِ عِلْمٍ لِيُدْخِلَ اللَّهُ فِي
---------------------	--

	رَحْمَتِهِ مَن يَشَاءُ لَوْ تَزَيَّلُوا لَعَذَّبْنَا الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٢٥﴾
Hingga ayat ke-26.	إِذْ جَعَلَ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْحَمِيَّةَ حَمِيَّةَ الْجَاهِلِيَّةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَلْزَمَهُمْ كَلِمَةَ التَّقْوَى وَكَانُوا أَحَقَّ بِهَا وَأَهْلَهَا وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٢٦﴾

- f. *Mihwar* keenam: Khabar gembira tentang berlakunya mimpi Nabi s.a.w. iaitu, Nabi s.a.w. dan orang-orang Islam akan memasuki kota Mekah dalam keadaan aman. Ayat yang terlibat adalah ayat ke-27 dan ayat ke-28.

Bermula ayat ke-27,	لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ الرُّؤْيَا بِالْحَقِّ لَتَدْخُلَنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ ءَامِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِنْ دُونِ ذَلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿٢٧﴾
Hingga ayat ke-28.	هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾

- g. *Mihwar* ketujuh: Pujian terhadap Nabi s.a.w. dan para sahabat baginda r.a.
menerusi ayat ke-29.

Ayat ke-29,	مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ ۚ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ ۚ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَرَّعٍ أَخْرَجَ شَطْطَهُ فَفَازَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُقُوطِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ ۗ وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا
-------------	--

4.4 Kesimpulan

Berikut dibentangkan hasil analisis keserasian *fāṣilah* yang telah dijalankan:

Jadual 4.9: Rumusan Analisis Keserasian *Fāṣilah* dalam Surah al-Wāqī'ah dan Surah al-Fatḥ

Keserasian <i>Fāṣilah</i>		al-Wāqī'ah		al-Fatḥ	
		<i>Qarīnah</i>	No. Ayat	<i>Qarīnah</i>	No. Ayat
Bentuk 1	Keserasian Bersifat Nyata				
	Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat	<i>al-Taṣḍīr</i>	1, 4, 5, 35, 59, 64, 69, 72.	<i>al-Taṣḍīr</i>	21.
		<i>al-Takrār</i>	8, 9, 10, 26, 27, 41.		
	Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Selepasnya	<i>al-Takrār</i>	90 dengan 91.	<i>al-Takrār</i>	16 dengan 17.
	Keserasian <i>Fāṣilah</i> yang Sama dalam Surah	<i>al-Takrār</i>	12 dengan 89, 13 dengan 39, 14 dengan 40, 27 dengan 38, 74 dengan 96.	<i>al-Takrār</i>	16, 17 dan 25. 2 dan 20. 4, 7 dan 19. 5, 10 dan 29. 18 dan 27.

	Keserasian <i>Fāṣilah</i> Keseluruhannya	Kesepadanan keseluruhan bunyi ³⁹⁶	Semua ayat. (1-96)	Kesepadanan keseluruhan bunyi ³⁹⁷	Semua ayat. (1-29)
Bentuk 2	Keserasian Bersifat Maknawi				
	Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan Kandungan Ayat	<i>Ṭibāq</i>	3, 49.	<i>Ṭibāq</i>	8, 9.
				<i>al-Tamkīn</i>	4, 5, 7, 14, 19, 21, 24, 26, 28.
	Keserasian <i>Fāṣilah</i> dengan <i>Fāṣilah</i> Selepasnya	<i>Ṭibāq</i>	8 dengan 9, 13 dengan 14, 39 dengan 40.		
	Keserasian <i>Fāṣilah</i> Keseluruhannya	6- <i>Miḥwar</i> ³⁹⁸	Semua ayat. (1-96)	7- <i>Miḥwar</i> ³⁹⁹	Semua ayat. (1-29)

Secara umumnya kajian ini mendapati bahawa dari konteks makro sesebuah surah, *fāṣilah* keseluruhannya adalah serasi disebabkan huruf-huruf yang digunakan menerusi kalimah-kalimah yang dipilih pada *fāṣilah* adalah sangat

³⁹⁶ Pemilihan huruf yang terakhir pada kalimah *fāṣilah* yang bercirikan mudah untuk memberhentikan bacaan padanya, iaitu *mewaqqafkan* bacaan.

³⁹⁷ Keseluruhan *fāṣilah* beriltizam dengan huruf alif yang berbaris atas, iaitu *fathah*.

³⁹⁸ Mendukung tema asas iaitu perihal hari kiamat dan golongan manusia pada hari tersebut berserta balasan masing-masing.

³⁹⁹ Mendukung tema berita gembira ke atas orang-orang Islam tentang kemenangan yang bakal mereka perolehi setelah Perjanjian Hudaibiyah serta kemenangan-kemenangan lain sesudahnya.

sesuai untuk memberhentikan sesebuah bacaan di tempatnya. Ini merupakan aspek keserasian keseluruhan bunyi yang terjalin bersifat nyata antara *fāṣilah*.

Justeru, kajian menunjukkan bahawa, kesemua *fāṣilah* Surah al-Wāqī'ah adalah serasi dari konteks rimanya. Ini berikutan, majoriti *fāṣilah* Surah al-Wāqī'ah ini adalah terdiri daripada perkataan yang pada huruf kedua sebelum akhirnya merupakan satu daripada huruf-huruf *mad* dan *lin*. Ia terdiri sama ada daripada huruf *waw* ataupun huruf *ya*. Huruf-huruf tersebut sangat sesuai untuk ditarannumkan dan sangat tepat untuk memberhentikan pembacaan di samping mampu menciptakan rima-rima yang secocok antara satu sama lain.

Bagi Surah al-Faṭḥ pula, kajian mendapati bahawa kesemua *fāṣilah* secara keseluruhannya turut juga serasi dalam kesepaduan keseluruhan bunyi. Ia mudah dikenali kerana keseluruhan *fāṣilah* dalam Surah al-Faṭḥ ini beriltizam dengan huruf *alif* dan berbaris atas. Kesan daripada perkara ini, pembaca dapat memanjangkan bacaan sewaktu hendak memberhentikan bacaan dan ini dapat mengelakkan pemberhentian bacaan secara mengejut dan tiba-tiba. Struktur *fāṣilah* yang sedemikian rupa juga membolehkan para pembaca bertadabbur tentang kandungan yang disampaikan menerusi ayat-ayat dalam surah.

Fāṣilah secara maknawi berperanan dalam menyokong kandungan ayat dan menyempurnakan maknanya di samping itu juga, ia melengkapkan susun atur perkataan dalam ayat. Kesemua ini bergerak secara menyeluruh ke arah satu arus yang sama, iaitu menyokong tema asas menerusi *miḥwar-miḥwar* yang diketengahkan. Ini menggambarkan keserasian menyeluruh dari sudut maknanya.

Analisis mendapati kesemua *fāṣilah* Surah al-Wāqī'ah dalam kelompok masing-masing adalah serasi dari konteks makna. Kesemuanya saling

mendukung antara satu sama lain ke arah penyempurnaan makna yang terdapat dalam ayat dan *miḥwar* yang disentuh oleh surah. Terdapat enam *miḥwar* bagi Surah al-Wāqī'ah ini sebagaimana berikut:

- a. *Miḥwar* pertama, hal keadaan Hari Kiamat. (Ayat 1 hingga 6)
- b. *Miḥwar* kedua, pembahagian manusia kepada tiga golongan di akhirat kelak beserta balasan yang diterima untuk setiap golongan. (Ayat 7 hingga 57)
- c. *Miḥwar* ketiga iaitu bukti-bukti kewujudan Allah, keesaan dan kesempurnaan penguasaan-Nya dalam hal-hal penciptaan manusia, tumbuhan, air dan api. (Ayat 58 hingga 74)
- d. *Miḥwar* keempat, keagungan dan ketinggian al-Qur'an. (Ayat 75 hingga 82)
- e. *Miḥwar* kelima, suasana menjelang kematian. (Ayat 83 hingga 87)
- f. *Miḥwar* keenam dan terakhir iaitu penjelasan secara ringkas dan umum berkenaan tiga golongan yang telahpun disebut di awal surah tadi. (Ayat 88 hingga 96)

Keenam-enam *miḥwar* di atas mendukung tema utama surah ini, iaitu huraian perihal Hari Kiamat dan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada waktu tersebut serta golongan manusia yang terbahagi pada waktu itu beserta balasan masing-masing yang diterima kelak.

Bagi Surah al-Faṭḥ pula, terdapat tujuh *miḥwar* yang ada sebagaimana berikut:

- a. *Miḥwar* pertama : Khabar gembira bagi Nabi s.a.w. tentang kemenangan dan kejayaan Islam. (Ayat 1 hingga 4)

- b. *Miḥwar* kedua: Janji Allah s.w.t. terhadap orang mukmin dan ancaman terhadap orang kafir serta orang munafik. (Ayat 5 hingga 10)
- c. *Miḥwar* ketiga: Kecaman terhadap orang yang enggan pergi berjihad dan pelepasan bagi orang-orang uzur untuk ke medan jihad. (Ayat 11 hingga 17)
- d. *Miḥwar* keempat: Keredhaan Allah s.w.t. terhadap orang mukmin yang berbaiah kepada Rasulullah s.a.w. di bawah pohon. Begitu juga dengan janji kemenangan, pertolongan di dunia dan balasan syurga di akhirat nanti. (Ayat 18 hingga 24)
- e. *Miḥwar* kelima: Ancaman terhadap orang kafir dan pembongkaran perilaku buruk mereka. (Ayat 25 hingga 26)
- f. *Miḥwar* keenam: Khabar gembira tentang berlakunya mimpi Nabi s.a.w. iaitu, Nabi s.a.w. dan orang-orang Islam akan memasuki kota Mekah dalam keadaan aman. (Ayat 27 hingga 28)
- g. *Miḥwar* ketujuh: Pujian terhadap Nabi s.a.w. dan para sahabat dalam ayat 29.

Ketujuh-tujuh *miḥwar* di atas menyokong tema Surah al-Fath ini. Tema utama bagi surah ini adalah berita gembira kepada orang-orang Islam tentang kemenangan yang bakal diperolehi setelah Perdamaian Hudaibiyah serta kemenangan-kemenangan lain sesudahnya. Selain itu, juga dapat ditemukan penjelasan berkaitan keutamaan yang dianugerahkan Allah s.w.t. kepada Nabi s.a.w. dan orang-orang beriman dalam masa yang sama turut dijelaskan juga kecaman terhadap kuffar dan munafiq serta pembongkaran sikap sebenar mereka. Demikianlah penjelasan secara makro bagi kedua-dua buah surah berkenaan.

Secara mikronya pula adalah seperti berikut ini:

Surah al-Waqi'ah mengandungi 96 ayat dan diturunkan selepas Surah Ṭaha. Merupakan surah *Makkiyyah* kecuali ayat 81 dan 82 yang merupakan ayat *Madaniyyah*. Surah yang ke-56 daripada susunan surah-surah al-Qur'an. Terletak antara Surah al-Raḥmān dan Surah al-Ḥadīd serta salah sebuah surah *Mufaṣṣal*. Namanya diambil daripada perkataan al-Wāqi'ah yang terletak di *fāṣilah* pertama yang merujuk kepada Hari Kiamat, dan namanya ini telah dikenal dengan namanya ini sejak zaman Nabi s.a.w. lagi.

Ayat dalam Surah al-Wāqi'ah ini adalah pendek-pendek. Ayat yang paling pendek terdiri daripada dua perkataan, contohnya ayat ke-3. Manakala yang paling panjang hanya terdiri daripada sembilan patah perkataan, contohnya ayat ke-47. Jumlah perkataan dalam surah ini adalah sebanyak 379 patah perkataan. Keserasian mikro merujuk kepada keserasian *fāṣilah* dengan penutup ayat, keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya dan keserasian *fāṣilah* yang sama dalam sesebuah surah. Keserasian *fāṣilah* dari konteks mikro dalam Surah al-Wāqi'ah menunjukkan bahawa *al-Taṣdīr* memainkan peranan penting dalam menggambarkan keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat. Terdapat lapan ayat dari Surah al-Wāqi'ah ini terlibat dengan *al-Taṣdīr*. Mengulas hubungan *al-Taṣdīr* dan *Jinās Ishtiqāq* pula mendapati bahawa kedua-duanya adalah bersifat set dan sub-set, iaitu hubungan umum dan khusus. Ia tidak berlawanan ataupun saling bertentangan. *al-Taṣdīr* bersifat khusus dan *Jinās Ishtiqāq* pula bersifat umum. Kesemua *al-Taṣdīr* adalah *Jinās Ishtiqāq* dan tidak semua *Jinās Ishtiqāq* adalah *al-Taṣdīr*. *Jinās Ishtiqāq* yang melibatkan *fāṣilah* sahaja adalah *Ṭasdīr*.

Di samping itu *Ṭibāq* turut berperanan dalam konteks mikro dalam surah al-Wāqi'ah ini. *Ṭibāq* menggambarkan keserasian dalam dua konteks pertama,

keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat dan keduanya adalah, keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya. Sebanyak lapan ayat dari Surah al-Wāqī'ah terlibat dalam kedua-dua jenis keserasian *fāṣilah* yang dijelaskan tadi.

Analisis turut mendapati bahawa *al-Takrār* berperanan dalam konteks yang luas untuk menemukan keserasian. Sebanyak tiga jenis keserasian *fāṣilah* yang ditunjukkan oleh *al-Takrār* iaitu, keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat, keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya dan keserasian *fāṣilah* yang sama dalam surah. Sebanyak tujuh belas ayat dari Surah al-Wāqī'ah terlibat dengan *al-Takrār* merangkumi ketiga-tiga jenis keserasian *fāṣilah* yang diterangkan tadi.

Berpindah kepada Surah al-Faṭḥ pula secara mikro. Surah ini adalah surah *Madaniyyah* dan keseluruhan ayat-ayatnya adalah *Madaniyyah* secara ijmak. Ia diturunkan selepas Surah al-Jumu'ah. Nama al-Faṭḥ iaitu kemenangan diambil daripada perkataan *fa-ta-ha* yang terdapat pada ayat pertama surah ini dan telah dikenal dengan namanya ini juga sejak zaman Nabi s.a.w. lagi. Surah ini diturunkan pada tahun keenam hijrah sekembalinya Nabi s.a.w. dari Hudaibiyah. Ia merupakan salah sebuah surah *al-Mathāni* iaitu surah-surah yang mengandungi ayat-ayat kurang sedikit bilangannya dari seratus ayat.

Meskipun surah al-Faṭḥ ini mengandungi hanya 29 ayat, namun di dalamnya terkandung sebanyak 560 patah perkataan. Ayat paling pendek dalam surah ini terdiri daripada 4 patah perkataan iaitu dalam ayat ke-4. Ayat yang terpanjang pula mengandungi 54 patah perkataan, iaitu ayat ke-29. Sebahagian besar ayat-ayat dalam surah ini menerangkan hal-hal kemenangan yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi s.a.w. al-Faṭḥ merupakan surah yang ke-48 dalam susunan *Muṣḥaf 'Uthmāniy* dan terletak dalam juz ke-26 al-Qur'an. Ia terletak selepas Surah Muḥammad dan sebelum Surah al-Ḥujūrāt.

Keserasian mikro *fāṣilah* dikenalpasti menerusi, *al-Tamkīn* dan *Ṭibāq* yang memainkan peranan penting dalam memaparkan keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat. Sebanyak sembilan ayat daripada surah al-Fathḥ terlibat dengan *al-Tamkīn* dan dua ayat terlibat dengan *al-Ṭibāq*. Manakala *al-Takrār* dalam surah al-Fathḥ ini terlibat dalam dua jenis keserasian *fāṣilah*, iaitu keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya dan keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah. Jumlah ayat yang terlibat dengan *al-Takrār* dalam *fāṣilah* adalah tiga belas ayat semuanya. *al-Tasdir* turut terdapat dalam surah ini bagi menunjukkan keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat, namun bilangan ayat yang terlibat hanyalah satu, iaitu ayat ke-21.

Terakhirnya kajian mendapati bahawa, Surah al-Fathḥ banyak ditutup dengan *fāṣilah* nama-nama Allah s.w.t. Perkara ini menggambarkan kehebatan Allah s.w.t. dalam mengatur masa hadapan dan merencana kemenangan orang-orang Islam meskipun pada waktu itu mereka masih lemah. Ia turut melambangkan kehebatan Allah s.w.t. dalam membongkar sikap sebenar orang-orang munafiq dan kuffar.

BAB 5:

PENUTUP

5.1 Kesimpulan

Hasil daripada penelitian dan penyelidikan yang dibuat ke atas topik 'Keserasian *Fāṣilah* al-Qur'an: Kajian Dari Aspek Ilmu *Munāsabāt*' dapat disimpulkan bahawa *fāṣilah* al-Qur'an adalah serasi dan secocok dari konteks rima-rimanya. Di samping itu juga, *fāṣilah* dari konteks maknanya pula mempunyai ikatan kukuh bersama bahagian-bahagian al-Qur'an yang lain. Kesimpulan tersebut disokong dengan penemuan-penemuan yang diperolehi menerusi kajian ini sepertimana berikut:

Fāṣilah al-Qur'an adalah istimewa kerana pemilihan perkataan untuk *fāṣilah* adalah tepat, terbaik, paling elok dari konteks lafaz dan makna. Perkataan tersebut juga terpuji, iaitu perkataan yang mengandungi segala kelebihan dan keistimewaan serta bebas daripada sebarang kekurangan. Di samping itu, setiap *fāṣilah* di pengakhiran ayat mempunyai unsur-unsur muzik yang indah dan ia terbit daripada pemilihan huruf-huruf yang secocok, dibina dengan *al-Wazn*, iaitu pola yang sama dan harmoni serta bebas daripada segala bentuk ciptaan manusia. Kesemua sifat-sifat ini adalah di luar kemampuan dan keupayaan manusia.

Kajian ini mendapati bahawa *fāṣilah* al-Qur'an mempunyai dua peranan yang signifikan. Pertama, ialah peranan secara umum. Setiap *fāṣilah* berfungsi sebagai pembeza bagi ayat-ayat al-Qur'an. Pembeza merupakan peranan asasi yang dimainkan oleh setiap *fāṣilah* kerana susunan ayat-ayat al-Qur'an dalam

sesebuah surah itu adalah *tawqifi*. Kedua, ialah peranan khusus. Selain daripada peranan asasi sebagai pembeza untuk setiap ayat al-Qur'an, adakalanya *fāṣilah* turut berperanan sebagai penjelas hikmah ataupun penyatu ataupun penegas untuk kandungan ayat. Peranan khusus ini ketara setelah membandingkan *fāṣilah* sesebuah ayat dengan *fāṣilah* dalam ayat-ayat yang lain.

Kajian juga mendapati bahawa, perbahasan *fāṣilah* dalam ilmu *Munāsabāt* adalah tidak terhad kepada satu bentuk sahaja dalam menggambarkan keserasian. Malahan, hasil daripada analisis berjaya mengenalpasti sejumlah empat jenis keserasian *fāṣilah* al-Qur'an termasuk satu jenis keserasian yang telahpun dikenalpasti sebelum ini. Keempat-empat jenis keserasian tersebut ialah, keserasian *fāṣilah* dengan kandungan ayat, keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* selepasnya, keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah dan terakhirnya keserasian keseluruhan *fāṣilah* dalam surah.

Pertautan untuk jenis keserasian baharu *fāṣilah* ini dapat dibuktikan dengan adanya hubungan perlawanan (*al-Taḍād*), kemiripan (*Jinās*), pengulangan (*al-Takrār*) dan sebagainya. Jenis-jenis baharu bagi keserasian *fāṣilah* merupakan sumbangan dan suatu penemuan positif serta signifikan kerana ia boleh mengembangkan lagi ruang lingkup perbahasan ilmu *Munāsabāt* pada masakini. Ia juga merupakan suatu inovasi yang memanfaatkan jenis-jenis keserasian al-Qur'an yang sedia ada dikenalpasti oleh para pengkaji sebelum ini.

Keserasian *fāṣilah* dengan *fāṣilah* ayat selepasnya adalah diimplimentasikan daripada jenis keserasian al-Qur'an yang sedia ada iaitu, keserasian antara ayat dalam satu surah. Cuma dalam situasi ini fokus keserasiannya adalah lebih spesifik, iaitu tertumpu kepada *fāṣilah* ayat-ayat

berkenaan sahaja. Hujah dan analoginya adalah seperti berikut, sekiranya ayat demi ayat dalam satu surah dapat dihubungkan antara satu sama lain, maka sudah tentulah terdapat di sana juga dalam keadaan-keadaan tertentu sebilangan *fāṣilah* yang mempunyai kaitan dengan *fāṣilah* ayat selepasnya.

Keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah dapat dilihat menerusi dua bentuk. Pertama, terdapatnya *fāṣilah* yang sama dalam ayat-ayat yang berlainan sama ada berturutan ataupun tidak berturutan dalam sesebuah surah. Kedua pula, apabila berlakunya pengulangan secara keseluruhan yang melibatkan kandungan dan juga *fāṣilah* ayat-ayat berkenaan. Maka dalam situasi ini juga turut tergambar keserasian *fāṣilah* yang sama dalam satu surah. Keserasian seperti ini turut mengimplimentasikan keserasian al-Qur'an yang sedia ada iaitu, keserasian antara ayat dalam satu surah. Bagi keserasian jenis ini, fokus keserasian adalah spesifik, iaitu tertumpu kepada *fāṣilah* ayat-ayat berkenaan sahaja.

Keserasian keseluruhan *fāṣilah* dalam surah merupakan hasil daripada tumpuan kepada keserasian keseluruhan *fāṣilah* yang mengimplimentasikan keserasian nama, tema surah dengan isinya. *Fāṣilah* mewakili kelompok-kelompok ayat yang pelbagai dalam sesebuah surah adalah bergerak kepada satu arah yang sama, iaitu mendukung tema asas sesebuah surah. Kefahaman sedemikian ini menyedarkan kita suatu perkara penting bahawa, *fāṣilah* yang berbilang dalam sesebuah surah mempunyai keserasian. Keserasian tersebut ialah, kesemua *fāṣilah* menjadi pelengkap dan dalam masa yang sama saling mendukung tema asas sesebuah surah.

Selain itu, kajian turut dapat mengenalpasti dua bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an yang memayungi jenis-jenis keserasian *fāṣilah* yang telah disenaraikan

tadi. Bentuk-bentuk tersebut ialah, keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat nyata dan keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat maknawi. Pembahagian bentuk-bentuk ini adalah berdasarkan *qarīnah* yang dikenalpasti menerusi kajian yang dijalankan. *Qarīnah* yang dipilih adalah *qarīnah* yang mempunyai dua syarat utama iaitu, sesebuah *qarīnah* itu mesti melibatkan *fāṣilah* dan *qarīnah* itu juga mesti menggambarkan suatu bentuk hubungan mahupun keserasian.

Qarīnah yang memaparkan bentuk keserasian *fāṣilah* al-Qur'an bersifat nyata ialah, *al-Taṣdīr*, *al-Jinās*, *al-Takrār* dan kesepaduan keseluruhan bunyi. Manakala *qarīnah* yang memaparkan keserasian bersifat maknawi ialah, *al-Tamkīn*, *al-Tawshīh*, *al-Ighāl*, *Ṭibāq*, *Muqābalah* dan *Miḥwar*.

Analisis keserasian *fāṣilah* yang dijalankan ke atas surah-surah pilihan iaitu, Surah al-Wāqī'ah dan Surah al-Faṭḥ pula membuktikan bahawa keserasian *fāṣilah* al-Qur'an meliputi segala bentuk-bentuk dan jenis-jenisnya seperti yang telah dibentangkan adalah benar-benar wujud, kukuh dan dapat dikenalpasti. Ringkasnya, terdapat keserasian *fāṣilah* yang wujud secara makro, iaitu melibatkan keseluruhan *fāṣilah* dalam surah. Di samping itu juga, terdapat sebahagiannya yang dikenalpasti secara mikro, iaitu melibatkan *fāṣilah* tertentu sahaja dalam surah.

Penemuan daripada analisis yang dijalankan dalam kajian ini sebenarnya memberi sebuah makna yang amat mendalam. Hasil analisis berjaya membuktikan bahawa dakwaan rima-rima yang terdapat dalam *fāṣilah* al-Qur'an tidak secocok antara satu dengan yang lain adalah tidak benar dan dapat dinafikan secara ilmiah menerusi kupasan daripada dimensi ilmu keserasian al-Qur'an, iaitu *Munāsabāt*. Selain itu, keserasian *fāṣilah* al-Qur'an yang diketengahkan ini

adalah bukti bahawa ayat-ayat al-Qur'an mempunyai susunan yang kukuh di segenap bahagian-bahagiannya.

5.2 Saranan

Setelah menemukan pelbagai dapatan hasil daripada kajian ke atas topik 'Keserasian *Fāṣilah* al-Qur'an: Kajian dari Aspek Ilmu *Munāsabāt*', maka penulis memberikan saranan seperti berikut untuk direalisasikan pada masa hadapan:

- a. Menyerap perkataan *fāṣilah* ke dalam bahasa Melayu.

Penulis mencadangkan agar perkataan *fāṣilah* yang asalnya daripada bahasa Arab ini dapat diserap dan digunapakai ke dalam bahasa Melayu. Perkara sedemikian ini dapat mengkayakan perbendaharaan kata bahasa Melayu di samping meluaskannya. Perkataan *fāṣilah* yang merujuk kepada kalimah terakhir dalam setiap ayat al-Qur'an adalah wajar diserap ke bahasa Melayu seperti perkataan-perkataan lain yang telahpun diterima. Contohnya perkataan, ayat, surah, juzuk, solat, masjid dan sebagainya. Cadangan ini berasas kerana, perkataan *fāṣilah* adalah khusus dan berkait rapat dengan al-Qur'an yang merupakan satu daripada sumber agama Islam.

- b. Kajian lanjutan berkaitan *fāṣilah* al-Qur'an.

Kajian lanjutan ke atas *fāṣilah* al-Qur'an yang menggunakan *al-Asma'* *al-Husna* sebagai penutup bagi membongkar rahsia di sebalik penggunaannya. Kajian yang merentas surah-surah al-Qur'an ini boleh dilakukan menerusi kaedah *Tafsir al-Mawdū'ī* bentuk pertama, iaitu

penafsiran berasaskan perkataan-perkataan yang mempunyai persamaan dalam al-Qur'an.

Selain itu, hubungan *fāṣilah* dengan ilmu-ilmu Pengajian al-Qur'an yang lain juga turut boleh dijadikan kajian. Contohnya, hubungan *fāṣilah* dengan ilmu *Qiraāt* dan juga ilmu Kaligrafi dilihat sebagai berpotensi untuk dikembangkan bagi membongkar keindahan, rahsia dan keunikan yang masih lagi belum diselidiki.

c. Kajian berkaitan Ilmu *Munāsabāt*

Kajian khusus berkaitan keserasian susun atur kalimah-kalimah al-Qur'an dan juga surah-surahnya bagi mengupas rahsia di sebalik segala penyusunan boleh dijalankan. Pada hemat penulis, sesuatu yang berbentuk *tawqīfī* itu, mempunyai banyak hikmah di sebaliknya. Maka tugas kitalah sebagai seorang muslim untuk meneroka hikmah di sebalik segala ketetapan Allah s.w.t. tersebut agar ia dapat menjadi jalan dakwah kepada orang-orang yang masih belum menerima Islam sebagai agama.

Bibliografi

- Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali. *Pengantar Ilmu Mantik*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2009.
- 'Abd al-Fattāḥ Lāshīn. *Min Asrār al-Ta'bir fi al-Qur'ān: al-Fāṣilah al-Qur'aniyyah*. Riyāḍ: Dār al-Marikh li al-Nashr, 1982.
- 'Abd al-Karīm Zaydān. *Nizām al-Qadā' fi al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Baghdad: Maṭba'ah al-'Ain, 1984.
- 'Abd al-Qāḍī Muḥammad Sāleh. *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn fī al-'Asr al-Ḥadith*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2003.
- Abdul Jalal H.A. *Ulumul Qur'an*. Surabaya: Dunia Ilmu, 2000.
- Abdul Kadir Leong. *Tajwid al-Qur'an Rasm 'Uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., 2003.
- Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, Cetakan 13, 2002.
- Abdul Rahman Obeid Hussein. *al-Tartīb al-Tawfiqi wa ṣilatuh bi al-Wehdah al-Mawdhū'iyah wa 'ilm al-Munāsabah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2008.
- Abū Hayyān, Muḥammad bin Yūsuf bin 'Alī bin Yūsuf. *al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir*, taḥqīq Sidqi Muḥammad Jamil. Beirut: Dār al-Kutb, 1420H.
- Afifah Abu Bakar. "*Munāsabah al-Qur'an: Kajian Penggunaan Kata Dasar al-'Aql pada Pengakhiran Ayat al-Qur'an*," disertasi sarjana Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004.
- Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuludin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.

- Amir Husni Mohd Nor dan Nik Azlan Nik Man. "Qarinah: Kajian Penggunaan Alat Pengesan Alkohol di Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan". *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat UKM* (2006), 116.
- Al-'Askari, Abu Hilāl Ḥasan bin 'Abdullah bin Sahl bin Sa'id, *Sirr al-Ṣinā'atayn*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1981.
- El-Awa, Salwa M. S. *Textual Relations in the Qur'ān*. New York: Routledge Taylor and Francis Group, 2006.
- Al-Bāqillānī, Abu Bakr Muhammad bin al-Ṭayyib, *Ijāz al-Qur'ān*, taḥqīq Abu Bakr Abd al-Razzāq. Fajjālah: Maktabah Misr, 1994.
- Basiyūnī Abd al-Fattāḥ Fayyūd. *'Ilm al-Badi': Dirāsah Tārikhiyah wa Fanniyah li Uṣūl al-Balāghah wa Masāil al-Badi'*. Kaherah: Muassasah al-Mukhtar linnashr wa al-Tawzī', 1998.
- Bell, Richard. *Introduction of The Qur'an*. Edinburgh: Edinburgh University Press, 1953.
- Al-Bayḍāwī, Naẓīr al-Dīn Abī Sa'id 'Abdullāh Ibn 'Umar bin Muḥammad, *Tafsir al-Bayḍāwī*, taḥqīq 'Abd al-Qadir 'Arafat. Beirut: Dar al-Fikr, 1996.
- Al-Biqā'ī, Ibrahim bin 'Umar. *Nazm al-Durar fi Tanāsuh al-'Ayāt wa al-Suwar*. India: Maṭba'ah Majlis Dairah al-Ma'arif al-Uthmaniyyah, 1984.
- Bint Shāṭī, 'Aishah 'Abd al-Rahman. *al-Tafsir al-Bayani li al-Qur'an al-Karim*. Misr: Dar al-Ma'arif (1968) 1:71.
- Bisri Mustofa. "Munāsabat al-Qur'ān: Sebuah Kontroversi dalam Ekstensi dan Fungsi," *Jurnal Lantera*, Vol. 8, No. 14(Ogos 2009), 20-27.
- Al-Daghāmin, Ziyād Khalīl. *al-Tafsir al-Mawdu'i wa Manhajiyah al-Baḥth fih*. 'Amman: Dar 'Ammar, 2007.
- Al-Dāmighānī, 'Abd al-'Aziz Sayyid al-Ahl, *Islah al-Wujuh wa al-Nazair fi al-Qur'an al-Karim*, taḥqīq Hussein bin Muhammad. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, 1970.

Al-Dhahabi, Muhammad Hussain. *al-Tafsir wa al-Mufasssirūn*. Kaherah: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1976.

Diya' al-Din Ibn Athir, *al-Mathal al-Sā'ir fī Adab al-Kātib wa al-Shā'ir*, taḥqīq Ahmad al-Khufi. Misr: Dar al-Nahdah, t.t.

Dolet Unarajan. *Pengantar Metode Penelitian Ilmu Sosial*. Jakarta: Penerbit PT Grasindo, 2000.

Faḍl Hassan 'Abbās. *al-Mufasssirūn, Madārisuhum wa Manāhijuhum*. Jordan: Dār al-Nafāis, 2007.

_____ dan Sanā' Faḍl Hassan. *I'jāz al-Qur'ān al-Karīm*. 'Amman: Dar al-Furqan, 2001.

Al-Farahidi al-Baṣrī, Abu 'Abd al-Raḥman Khalil bin Ahmad bin 'Amru bin Tamim. *Kitāb al-'Ain*. t.tp.: Dar wa Maktabah Hilal, t.t.

Al-Fairuzabādi, Majd al-Din Muhammad bin Ya'qūb. *Basāir Zawī al-Tamyiz fī Latā'if al-Kitāb al-'Aziz*. Qaherah: al-Majlis al-'Ala li al-Shu'ūn al-Islamiyyah, 1996.

Al-Ghazali, Muḥammad. *Nahw Tafsir Mawdu'i li Suwar al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Shurūq, 2011.

Hamdi Izzat 'Abd Hafiz. *Dirasat fī 'Illmi Fawasil: 'Idd Ayyi al-Qur'an*. Doha: t.tp, 1427 H.

Ḥamīd al-Dīn Farahi. *Exordium to Coherence in the Qur'an*, terj. Ṭarīq Maḥmūd Hāshimī. Lahore: Al-Mawrid, 2008.

Harun Yahya. *Keabadian Masa dan Hakikat Takdir*, terj. Syed Mahazir dan Md Shahizad. Kuala Lumpur: Saba Islamik Media, 2004.

Al-Hāshimī, Ahmad. *al-Qawa'id al-Asasiyyah lil 'Arabiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1354H.

Al-Hasnāwī, Muhammad. *al-Fāsilah fī al-Qur'ān*. Halb Sūriah: Dār Aṣīl, 1978.

- Hussein Unang. *Kamus al-Tullāb*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, 1994.
- Ibn 'Ashūr al-Tūnisi, Muhammad Tahir bin Muhammad. *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tūnis: Dar al-Tūnisiyyah li al-Nashr, 1984.
- Ibn Faris, Ahmad bin Faris bin Zakariya. *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*,. taḥqīq 'Abd al-Salam Muhammad Harun. Misr: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1978.
- Ibn Khallikān, Shams al-Din Abū al-'Abbās Ahmad bin Muhammad. *Wafiyāt al-A'yān wa Anbāi Abnāi al-Zamān*. Beirut: Dār al-Sādir, 1994.
- Ibn Manẓūr, Muhammad bin Mukarram. *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dar Sādir, t.t.
- Ibn Rejab al-Hanbali, Zain al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Ahmad bin Rejab. *Laṭā'if al-Ma'ārif fīmā li Mawāsim al-'Ām min al-Wazā'if*, taḥqīq 'Imād Zaki al-Bārūdī. Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyyah, 1998.
- Indra Laksana et al. *Syaamil al-Qur'an Miracle Reference*. Bandung: Sygma Publishing, 2010.
- 'Isa Muttaqi Zadeh dan Sajid 'Isma'iliy. "Ijaz al-Aswat fi al-Qur'an: Sūrah al-Qiyamah wa al-Nazī'at Namūdhan," *Proceeding of The 2nd Annual International Quranic Conference 2012*. University Malaya: Center of Quranic Research, (2012).
- Israr Ahmad Khan. "Coherence in the Qur'ān: Principles and Applications," Vol. 10, No.1, *Intellectual Discourse IIUM*, 2002.
- Al-Jāhiz, Abū 'Uthman 'Amrū bin Baḥr, *al-Bayān wa al-Tabayin, I'jāz al-Qur'ān al-Karīm*, ed. Fadl Hasan 'Abbās dan Sanā' Fadl Hasan. 'Amman: Dar al-Furqān, 2001.
- Al-Jārim, Ali dan Mustafā Amīn. *al-Balāghah al-Wāḍihah lilmadāris al-Thāwīyyah*. t.tp.: t.p., 1977.
- Al-Jawzi, Abd al-Rahman bin 'Ali bin Muhammad, *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002.

John. W. Best. *Metodologi Penelitian Pendidikan*, ed. Drs. Sanapiah Faisal & Drs. Mulyadi Guntur Waseso. Surabaya: Usaha Nasional, 1982.

Al-Jurjānī, 'Abd al-Qāhir bin 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad. *Asrār al-Balāghah*, taḥqīq Mahmud Muhammad Shākir. Kaherah: Maṭba'ah al-Madani, 1991.

. *al-Isyārāt wa al-Tanbihāt fī 'Ilm al-Balāghah*, taḥqīq 'Abd al-Qādir Husayn. Misr: Dār al-Nahdah, 1981.

Kenneth D. Bailey. *Kaedah Penyelidikan Sosial*, terj. Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Al-Khafājī, Abu Muhammad 'Abdullah bin Muhammad bin Sa'id bin Sinan. *Sirr al-Faṣāhah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1982.

Al-Khafājī, Muhammad 'Abd al-Mun'im. *al-Ḥayāh al-Adabiyyah fī 'Asr Jāhiliyyah wa Ṣadr al-Islām*, terj. Osman Hj. Khalid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.

Khalid bin 'Uthman. *Qawa'id fī al-Tafsir Jam'an wa Dirasah*. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Dar Ibn 'Affan, 1997.

Al-Khālidi, Ṣalah 'Abd al-Fattāḥ. *Sayyid Qutb: Min al-Milād ila Istisyhād*. Damsyik: Dar al-Qalam, 1994.

Al-Khāṭib al-Qazwainy. *al-Iḍāḥ fī 'Ulūm al-Balāghah*, taḥqīq Dr. Muhammad 'Abd al-Mun'im al-Khafaji. Beirut: Dar al-Kutub al-'Imiyyah, 1993.

Al-Kūmī, Ahmad al-Sayyid dan al-Qasim, Muhammad Ahmad Yusuff. *'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah: Maṭba'ah Isā al-Babi al-Halabi, 1974.

Al-Marāghiy, Ahmad Mustafa. *Tafsir al-Maraghiy*, terj. Muhammad Thalib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.

Al-Maliki, Sayyid Muhammad Alawi. *Tarikh al-Hawadith wa al-Ahwal al-Nabawiyyah*, terj. Muhadir Haji Joll. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2014.

Mawsoah, dicapai 7 November 2012, <http://www.mawsoah.net>.

Mir, Mustansir. *Coherence in the Qur'an*, Indianapolis: Amarican Trust Publication, 1986.

Mohammad Muqim. *Research Methodology in Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., 1997.

Mohd Hisyam bin Abdul Rahim, "al-I'jāz al-Balāghī fī al-Fāṣilah al-Qur'āniyyah (al-Fāṣilah al-Lafziyyah wa al-Maknawīyyah), Sūrah al-Qiyāmah Namūzhajan." (tesis sarjana, Universiti Sains Islam Malaysia, 2008).

Muhammad 'Abdullah Diraz. *al-Naba' al-'Azim*. Kuwait: Dar al-Qalam, 1988.

Muhammad Ali Farghalī. *Alwān al-Badī' fī Dhaw'i al-Tobāi' al-Fanniyyah wa al-Khasāis al-Wazifiyyah*. Tanta: Matba'ah al-Shurūq al-Rāhibīn, 1998.

Muhammad Kamil Abdushshamad. *Mukjizat Ilmiah dalam al-Qur'an*. Jakarta: Akbar Media Eka Sarana, 2003.

Muhammad Quraish Shihab. *Menyingkap Tabir Ilahi Asma' al-Husna dalam Perspektif al-Quran*. Jakarta: Lantera Hati, 1998.

_____. *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*. Jakarta: Lantera Hati, 2002.

Muhammad Rashid Ridā. *Tafsir al-Qur'an al-Hakīm*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Muslim, Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj. *Ṣaḥīḥ Muslim*, tahqiq Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, t.t.

Muhammad Zila'i Hindi. *al-Qarain wa Atharuha fī al-Tafsir*. Riyad: al-Jam'iyyah al-'Ilmiyyah al-Sa'udiyyah li al-Qur'an al-Karim wa 'Uluhih, 2010.

Al-Mursī, Kamal al-Din 'Abd al-Ghani. *Fawāṣil al-Āyat al-Qur'aniyyah*. Iskandariah: al-Maktab al-Jami'i al-Hadith, 1999.

Mustafā al-Khin, Mustafa al-Bugha dan 'Ali al-Sharbaji. *al-Fiqh al-Manhaji*, terj. Ridzuan Hashim et al. Batu Caves: Pustaka Salam, 2009.

Mustafā Muslim. *Mabāhith fī al-Tafsīr al-Mawdū'i*; ed. ke-9, Damsyik: Dār al-Qalam, 2009.

Nashruddin Baiḍan. *Wawasan Baru Ilmu Tafsir*. Jakarta: Pustaka Pelajar, 2005.

Al-Qattān, Mannā' Khalil. *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998.

Al-Qurṭūbī, Muhammad bin Ahmad. *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Turath, 1996.

Al-Rāghib al-Asfahānī, Abu al-Qāsim al-Husain bin Muhammad. *Mu'jam Mufradāt al-Alfāz al-Qur'ān*, taḥqīq Yusuf al-Sheikh Muhammad al-Bīqai. Beirut: Dār al-Fikr, 2009.

Rashid Riḍā. *Tafsir al-Manar*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1983.

Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muhammad bin Umar. *al-Tafsīr al-Kabīr*. Beirut: Dar Ehya' al-Turath al-Arabi, t.t.

Al-Rifā'i, Muhammad 'Abid. *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān al-Karim*. Manṣūrah: t.p., 2009.

Rohana Yusof. *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd., 2003.

Al-Ṣābūnī, Muhammad 'Ali. *Rawai' al-Bayan fī Tafsir Āyat al-Ahkam min al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, t.t.

_____. *Ṣafwah al-Tafāsīr*. Kaherah: Dar al-Ṣābūnī, 1998.

Al-Sāfī, Dr. Khadijah Muhammad. *Athar al-Majaz fī Fahmi al-Wazaif al-Nahwiyyah wa Tawjihaha fī al-Siyaq*. Kaherah: Dar al-Salam, 2009.

Sa'id Hawwa. *al-Asas fī al-Tafsir*. Kaherah: Dar al-Salam, 1980.

Al-Sakākī, Abū Ya'qub Yusuf bin Muhammad bin 'Ali. *Miftah al-'Ulum*, taḥqīq Dr. 'Abd al-Hamid Handawi. Beirut: Dar al-Kutub, 2000.

Salma Ahmad. “al-Qur’an al-Karīm : Saj’ am Fāsilah”; Bil. 1, *Jurnal Mu’ālim al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 2005.

Al-Şālīḥ, Subḥī. *Mabāhith fi ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dar al-Ilm lilmalāyīn, 1988.

Al-Sāmūrā’i, Faḍl Şālīḥ. *Balāghah al-Kalimah al-Ta’bir al-Qur’aniy*. Baghdad: al-Maktabah al-Wataniyyah, 1988.

Al-Sayyid Khudhor, “al-Fawasil al-Qur’āniyyah- Dirāsah Balaghiyah,” laman sesawang al-Silsilah al-Dhahabiyah fi al-Maqālāt al-Qur’āniyyah, dicapai 2 Februari 2005, <http://www.tafsir.org>.

Sayyid Qutb. *fi Zilāl al-Qur’ān*. Kaherah: Dar al-Shuruq, 1972.

Al-Shāfi’ī, Husain Muhammad Fahmi. *al-Dalil al-Mufahris li Alfaz al-Qur’an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Salam, 2008.

Al-Shāyib, Ahmad. *al-Uslub: Dirasat Balaghiyah Tahliliyah li Usul al-Asaliba al-Adabiyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, 1966.

Al-Shawkānī, Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad. *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Fikr, 1983.

Shehzad Saleem. “A Brief Biographical Sketch of Islahi,” laman sesawang Renaissance, dicapai 9 Mei 2012, <http://renaissance.com.pk/jafeliwo98.html>, 9 Mei 2012.

Sibawayh, ‘Amrū bin ‘Uthmān bin Qanbar. *al-Kitāb*. Kaherah: Maktabah al-Amariah Būlaq, 1316H.

Sohirin Mohammad Solihin. *Sayyid Qutb Fi Zilāl al-Qur’ān: A Study of Selected Themes*. Gombak: IIUM Press, 2012.

Al-Suyūṭī, al-Imam Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahman. *al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an*, taḥqīq Ahmad bin ‘Ali, Kaherah: Dar al-Hadith, 2004.

. *al-Itqān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*.
Beirut: Dār al-Kutb al-Ilmiyah t.t.

. *Tanāsūq al-Durar fī Tanāsub al-Suwar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t.

. *Lubab al-Nuqul fī Asbab al-Nuzul*, taḥqīq Dr. Muhammad Muhammad Tamir. Kaherah: Dar al-Nu'man, 2001.

Ṭabāqī, Abd al-Jawwad Muhammad Muhammad. *Dirasat Balaghiyah fī al-Saj' wa al-Fasilah al-Qur'aniyyah*. Misr: al-Zaqaziq, 1993.

al-Ṭabārī, Muhammad bin Jarir. *Jami' al-Bayan 'an al-Ta'wil Āy al-Qur'an*. Beirut: Dār al-Fikr, 1405H.

Thābit Aḥmad Abū al-Ḥāj dan Zulkifli bin Mohd Yusoff, *Mu'jam Muṣṭalḥāt 'Ulūm al-Qur'ān al-Karīm wa al-Tafsīr*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya, 2014.

'Ubaid bin Sulaiman. "Iktishāf al-I'jāz al-'Adadi". Makalah Bengkel I'jaz 'Adadi, Center of Quranic Research University Malaya (24 September 2012), 6.

Umar Rida Kahalah. *Mu'jam al-Muallifin*. Beirut: Dar al-Turath al-'Arabiyy, t.t.

Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. *al-Tafsir al-Munir fī al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 1991.

. *al-Tafsir al-Wasīṭ lil Zuhaili*. Damshiq: Dar al-Fikr, 1422H.

Watt, Montgomery dan Bell, Richard. *Introduction to the Qur'an*. Edinburgh: Edinburgh University Press, 1970.

Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmūd bin 'Umar bin Muhammad bin Ahmad bin 'Umar. *al-Kasyāf 'an Haqāiq al-Tanzil wa 'Uyūn al-Aqāwil fī Wujūh al-Ta'wil*. al-Fajjālah: Maktabah Misr, t.t.

Al-Zarkashi, al-Imam Badr al-Din Muhammad bin Abdullah bin Bahādar, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, taḥqīq Muhammad Abu Fadl Ibrahim. Kaherah: Dar al-Turath, t.t.

Al-Zarqā, Mustafā. *al-Madkhal al-Fiqh al-'Am*. Dimaqsh: Matba'ah al-Jāmi'ah, 1978.

Al-Zerekly al-Dimashqi, Khayr al-Dīn bin Mahmūd bin Muhammad. *al-A'lam*. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 2002.

Zinjir, Muhammad Rif'at Ahmad. *Mabahith fi al-Balaghah wa I'jaz al-Qur'an al-Karim*, Dubai: Jaizat Dubayy al-Dawliyah lil Qur'an, 2007.

Zuhdi Muhammad Abu Ni'mat. *al-Munāsabāh baina al-Fāsilah al-Qur'aniyyah wa Ayatiha: Dirasah Tatbiqiyyah 'ala Surah al-Mujadalah*; J.19, Bil. 1, *Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah Silsilah al-Dirasat al-Islamiyyah*, 2011.

Zulkifli Mohd Yusoff. "Munasabat: Satu Bahagian daripada Pengajian al-Qur'an," *Jurnal Usuluddin*, Bil. 1, 1993.

_____ *Kunci Mengenal al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1996.

_____ "Tafsir al-Mawdu'i: Kajian Persejarahan," *Jurnal al-Bayān*, Bil. 1, Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, 2003.

_____ *Fungsi Tadabbur dalam Menguak I'jaz al-Qur'an dan Mukjizatnya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013.

_____ dan al-Gebali, Mohd Ragae. "al-I'jāz al-Balāghi fi al-Mutashābih al-Lafzi fī al-Qur'ān al-Karīm: Dirāsah Tahliliyah," *Jurnal ILIM*, Bil. 3 (2010), h.157-189.

_____ dan Ahmad Hasan Farhat. *Tafsir Mawdui' Surah-surah Pilihan*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, 2013.